



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



LAPORAN TAHUNAN 2019

>>> www.dbkl.gov.my <<<



DEWAN BANDARAYA Kuala Lumpur

LAPORAN TAHUNAN 2019

>>> www.dbkl.gov.my <<<

© Cetakan Pertama, 2019

Hakcipta Terpelihara | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan
buku ini dalam apa-apa bentuk dan dengan apa juga cara
sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman
atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Diterbitkan oleh:
JABATAN PENTADBIRAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Wiayah Persekutuan

Telefon : **03-26179851**
Faksimile : **03-26949151**
Emel : **jptd@dbkl.gov.my**

ISI KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN 2019 - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

1 LATAR BELAKANG ORGANISASI 1

Isi Kandungan	03
Perutusan Datuk Bandar Kuala Lumpur	04
Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur	06
Pengurusan Tertinggi	08
Pengarah-Pengarah Jabatan	09
Carta Organisasi DBKL	11
Info DBKL	12
Visi, Misi, Objektif	12
Slogan, Fungsi, Piagam Pelanggan	13
Aktiviti Sepanjang Tahun	14

2 SEKTOR DATUK BANDAR 33

Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan	34
Jabatan Perancangan Korporat	38
Jabatan Audit Dalam	50
Jabatan Integriti	56

3 SEKTOR PERANCANGAN 61

Jabatan Perancangan Bandaraya	62
Jabatan Perancangan Infrastruktur	86
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan	97
Jabatan Kawalan Bangunan	104

4 SEKTOR PENGURUSAN 117

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	118
Jabatan Kewangan	142

5 SEKTOR PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI 185

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	186
Jabatan Penguatkuasaan	207
Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja	221
Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	241
Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan	256

6 SEKTOR PENGURUSAN PROJEK 271

Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan	272
Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran	281
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	296
Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi	308
Jabatan Ukur Bahan	314
Jabatan Pengangkutan Bandar	318

7 LAPORAN PENYATA KEWANGAN 333

PERUTUSAN DATUK BANDAR

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam
Hormat,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita telah berjaya menggalas tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2019. Laporan Tahunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2019 diterbitkan sebagai wacana yang melaporkan pelbagai aktiviti, sumbangan, pencapaian serta kejayaan yang dikecapi DBKL sebagai bukti komitmen warga kerja DBKL dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga kota. DBKL juga sentiasa komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik bagi mencapai kualiti kehidupan unggul untuk semua warga Kuala Lumpur.



**DATO' NOR HISHAM BIN
AHMAD DAHLAN** DPMS, SMS
Datuk Bandar Kuala Lumpur



PERUTUSAN DATUK BANDAR

DBKL juga telah menerima Anugerah Utama di bawah 'Inisiatif Negara Taman Terindah' sempena Hari Landskap Negara 2019 yang mana merupakan pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah melaksanakan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap secara komprehensif ke arah mencapai Wawasan Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020.

DBKL telah melakar pelbagai kejayaan yang cukup membanggakan pada tahun 2019. Sebagai contoh, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Kumpulan Bolt 3 daripada Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan (JPPPB) telah berjaya memenangi *Silver Award* bagi kategori *Public Service Innovation Award (PSIA)* 2019 yang telah diadakan bersempena 18th Malaysia Technology Expo (MTE). DBKL juga telah menerima Anugerah Utama di bawah 'Inisiatif Negara Taman Terindah' sempena Hari Landskap Negara 2019 yang mana merupakan pengiktirafan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah melaksanakan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap secara komprehensif ke arah mencapai Wawasan Negara Taman Terindah menjelang tahun 2020.

Secara amnya, DBKL sentiasa berusaha untuk menambah baik serta mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dalam melaksanakan fungsi dan peranannya kepada warga Kuala Lumpur. Pelbagai aktiviti dan program telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Antara program dan projek yang telah berjaya dilaksanakan oleh DBKL bagi tahun 2019 ini termasuklah pelancaran Projek Perumahan Bandar yang menyediakan kemudahan penginapan sementara kepada golongan muda yang baru tiba di Kuala Lumpur untuk memulakan kehidupan. Begitu juga dengan penambahan laluan perkhidmatan bas percuma GoKL dengan matlamat untuk mengurangkan kesesakan lalulintas serta merealisasikan hasrat DBKL untuk menjadi bandaraya bebas karbon. Jumlah keseluruhan laluan bas percuma GoKL kini adalah sebanyak 7 laluan dengan beberapa laluan baharu yang akan dikaji untuk dilaksanakan pada tahun 2020. Pusat Pembelajaran Komuniti Jalan Chow Kit juga merupakan salah satu inisiatif DBKL dalam memastikan kesejahteraan psikologi dan komuniti bagi mendorong kepada produktiviti dan mobiliti sosial serta mengukuhkan keharmonian, kesepaduan sosial dan perpaduan nasional.

Sekian, terima kasih.



KUALA LUMPUR melakar sejarah baharu apabila diiktiraf sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).. Ian Denison menyerahkan watikah pengiktirafan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, sambil disaksikan oleh Khalid Abd. Samad dan Datuk Abang Sallehuddin Abg. Shokeran.

AHLI LEMBAGA PENASIHAT

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2019



DATO" SETIA DIRAJA
DATO' ABDUL GHANI
HJ PATEH AKHIR



DATUK SERI FATEH
ISKANDAR TAN SRI
DATO' MOHAMED
MANSOR



Ar. EZUMI HARZANI
ISMAIL



DATO' OTHMAN
SEMAIL



DATO' NOOR ZARI
HAMAT



DATO' SITI FATIMAH
DAUD



DATO' MAT AMIR
JAFFAR



DATO' ISMAIL NGAH

**AHLI LEMBAGA PENASIHAT
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2019**



**ENCIK ABDUL RAHMAN
H HUSSEIN**



ENCIK AZLI YUSOF



**ENCIK SANKARA
NARAYANAN NAIR**



ENCIK ZAHIR HASSAN



**Ir. HAJI AHMAD
THAMBY KADIR**



PUAN KHAIRIAH TALHA



PUAN SIAN KENG ENG

PENGURUSAN TERTINGGI

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2019



HAJI NURAZIZI MOKHTAR
Pengarah Eksekutif
(Perancangan)



**DATUK HAJI MUSTAFA
MOHD NOR**
Pengarah Eksekutif
(Pengurusan)



DATUK IBRAHIM YUSOFF
Pengarah Eksekutif
(Pembangunan Sosioekonomi)



**Sr. HAJI MOHD. SAHAK
HAJI SURIP**
Pengarah Eksekutif
(Pengurusan Projek)

KETUA JABATAN

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2019



FADZILAH ABD RASHID
Jabatan Undang-
Undang dan
Pendakwaan



KHAIRUL AZMIR AHMAD
Jabatan Perancangan
Korporat



JUNAINAH REPIN
Jabatan Audit Dalam



ABDULAMIN ABDILLAH
Jabatan Integriti



SULAIMAN MOHAMED
Jabatan Perancangan
Bandaraya



HJH. NIK MASTURA
DIYANA NIK MOHAMAD
Jabatan Perancangan
Infrastruktur



HJ AZMI ABDUL HAMID
Jabatan Perancangan
Ekonomi dan
Pembangunan



NORIZAN SULAIMAN
Jabatan Kawalan
Bangunan



HASIMAH ISMAIL
Jabatan Pengurusan
Sumber Manusia



MOHAMAD HAMIM
Jabatan Kewangan



CHE AZHAR
CHE ABDULLAH
Jabatan Penilaian dan
Pengurusan Harta



NOR EYNIWATI HASSAN
Jabatan Pengurusan
Maklumat

**KETUA JABATAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2019**



**HJ BADRUL HISHAM
HJ BAHARUDDIN**
Jabatan Pentadbiran



HJ. ANWAR MOHD ZAIN
Jabatan Pembangunan
Komuniti dan
Kesejahteraan Bandar



OSMAN ISMAIL
Jabatan Penguatkuasaan



JABARILAH JA'AFAR
Jabatan Pelesenan dan
Pembangunan Penjaja



**DATIN DR. NOOR AKMA
SHABUDIN**
Jabatan Kesihatan dan
Alam Sekitar



MOHD NAZAM HARUN
Jabatan Kebudayaan,
Kesenian, Pelancongan
dan Sukan



AMRAN ABDULLAH
Jabatan Pelaksanaan Projek
dan Penyelenggaraan
Bangunan



**MOHAMAD YASIN
JAMALUDIN**
Jabatan Kejuruteraan
Awam dan Saliran



MOHAMMAD AZMI SAARI
Jabatan Kejuruteraan
Mekanikal dan Elektrikal



SUHANA ABD MALEK
Jabatan Pembangunan
Landskap dan Rekreasi



ZULYAZRI ISMAIL
Jabatan Ukur Bahan



**TAN KIM BOCK @
STEVEN**
Jabatan Pengangkutan
Bandar

CARTA ORGANISASI

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2019



DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN
DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

LEMBAGA PENASIHAT BANDARAYA KUALA LUMPUR

ENCIK KHAIRUL AZMIR BIN AHMAD
PENGARAH JABATAN PERANCANGAN KORPORAT

PUAN JUNAINAH BINTI REPIN
PENGARAH JABATAN AUDIT DALAM

PUAN FADZILAH BINTI ABD RASHID
PENGARAH JABATAN UNDANG-UNDANG & PENDAKWAAN

ENCIK ABDULAMIN BIN ABDILLAH
PENGARAH JABATAN INTERGRITI

TUAN HJ. NURAZIZI BIN MOKHTAR
Pengaroh Eksekutif (Perancangan)

ENCIK SULAIMAN BIN MOHAMED
PENGARAH JABATAN PERANCANGAN BANDARAYA

PUAN H.J.H. NIK MASTURA DIYANA BINTI NIK MOHAMAD
PENGARAH JABATAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR

TUAN HJ. AZMI BIN ABDUL HAMID
PENGARAH JABATAN PERANCANGAN EKONOMI & PEMBANGUNAN

PUAN NORIZAN BINTI SULAIMAN
PENGARAH JABATAN KAWALAN BANGUNAN

DATUK HJ. MUSTAFA BIN MOHD NOR
Pengaroh Eksekutif (Pengurusan)

PUAN HASIMAH BINTI ISMAIL
PENGARAH JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

ENCIK MOHAMAD BIN HAMIM
PENGARAH JABATAN KEWANGAN

ENCIK CHE AZHAR BIN CHE ABDULLAH
PENGARAH JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

PUAN NOR EYNIWATI BINTI HASSAN
PENGARAH JABATAN PENGURUSAN MAKLUMAT

TUAN HJ. BADRUL HISHAM BIN HJ. BAHARUDDIN
PENGARAH JABATAN PENTADBIRAN

DATUK IBRAHIM BIN YUSOFF
Pengaroh Eksekutif (Pembangunan Sosio-ekonomi)

TUAN HJ. ANWAR BIN MOHD ZAIN
PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

ENCIK OSMAN BIN ISMAIL
PENGARAH JABATAN PENGUATKUASAAN

PUAN JABARILAH BINTI JA'AFAR
PENGARAH JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN PENJAJA

DATIN DR. NOOR AKMA BINTI SHABUDIN
PENGARAH JABATAN KESIHATAN & ALAM SEKITAR

ENCIK MOHD NAZAM BIN HARUN
PENGARAH JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, PELANCONGAN & SUKAN

TUAN HJ. MOHD SAHAK BIN SURIP
Pengaroh Eksekutif (Pengurusan Projek)

ENCIK AMRAN BIN ABDULLAH
PENGARAH JABATAN PELAKSANAAN PROJEK & PENYELENGGARAAN BANGUNAN

ENCIK MOHAMAD YASIN BIN JAMALUDIN
PENGARAH JABATAN KEJURUTERAAN AWAM & SALIRAN

ENCIK MOHAMMAD AZMI BIN SAARI
PENGARAH JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL

PUAN SUHANA BINTI ABD MALEK
PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN LANDSKAP & REKREASI

ENCIK ZULYAZRI BIN ISMAIL
PENGARAH JABATAN UKUR BAHAN

ENCIK TAN KIM BOCK @ STEVEN
PENGARAH JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR

PEJABAT CAWANGAN LEMBAH PANTAI

PEJABAT CAWANGAN SEGAMPUT

PEJABAT CAWANGAN WANGSA MAJU

PEJABAT CAWANGAN BANDAR TUN RAZAK

PEJABAT CAWANGAN CHERAS

PEJABAT CAWANGAN BUKIT BINTANG

PEJABAT CAWANGAN BATU

PEJABAT CAWANGAN SEPUTEH

PEJABAT CAWANGAN SETIAWANGSA

PEJABAT CAWANGAN KEPONG

PEJABAT CAWANGAN TITIWANGSA

INFO

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2019

VISI KAMI

DBKL AKAN MENJADI PIHAK BERKUASA TEMPATAN TERUNGGUL BAGI MEREALISASIKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR RAYA BERTARAF DUNIA MENJELANG 2020.

MISI KAMI

UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN, KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN IBU KOTA KUALA LUMPUR MENERUSI PROGRAM PEMBANGUNAN FIZIKAL, SOSIO-EKONOMI, KAWALAN PERANCANGAN DAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN SECARA TERANCANG DAN TERSELARAS BERTERASKAN KEPADA TADBIR URUS YANG CEMERLANG.

OBJEKTIF

MEMASTIKAN DAN MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN PENCAPAIAN STATUS BANDAR RAYA BERTARAF DUNIA YANG UNGGUL DAN CEMERLANG.

LATAR BELAKANG

Bermula daripada sebuah pekan kecil, Kuala Lumpur telah mengalami pelbagai evolusi sehingga menjadi ibu kota Malaysia. Pada 1 April 1961, hal ehwal perbandaran Kuala Lumpur ditadbir oleh perbadanan tunggal (*Sole Corporation*) yang di ketuai oleh Pesuruhjaya Ibu Kota. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur dianugerahkan taraf bandar raya dan seterusnya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974.



BERSEDIA MENYUMBANG, BANDAR RAYA CEMERLANG

1. Memberi perkhidmatan pembersihan dan pelupusan sampah.
2. Memberi perkhidmatan kesihatan awam dan mengawal pencemaran.
3. Mengurus pengindahan bandar.
4. Membina dan menyelenggara jalan, mengadakan prasarana pengangkutan serta mengurus sistem lalulintas.
5. Membina dan menyelenggara sistem perparitan dan sungai.
6. Merancang dan mengawal pembangunan bandar.
7. Membina dan mengurus perumahan awam.
8. Mengurus, mengawal dan menempatkan semula setinggan.
9. Menguruskan dan mengawal hal ehwal penjaja dan peniaga kecil.
10. Mengeluar dan mengawal lesen perniagaan.
11. Merancang dan melaksanakan aktiviti sukan, kebudayaan dan pelancongan.
12. Menyedia, mengurus dan menyelenggara kemudahan awam (stadium, kompleks sukan/ pusat komuniti, masjid / surau, taman rekreasi, pasar, pusat penjaja, perpustakaan, tandas awam, perhentian bas / teksi, tanah perkuburan dan krematorium)

1. Merancang pembangunan ibu negara dengan cekap, efisien, teratur, terkawal dan telus untuk menjadikan bandar raya maju dan berdaya saing melalui kelulusan perintah pembangunan, pelan bangunan dan kerja tanah dalam tempoh ditetapkan dari tarikh permohonan lengkap diterima.
2. Memudah dan menggalakkan urusan perniagaan serta menjamin keselamatan pengguna melalui pengamalan aktiviti perniagaan berkualiti bagi menjana pertumbuhan ekonomi berprestasi tinggi di ibu kota.
3. Menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam dan prasarana yang berkualiti, mencukupi, efisien, mesra pengguna dan mudah sampai bagi memenuhi keperluan warga kota.
4. Mengadakan aktiviti sosial / pembangunan komuniti setempat bersama persatuan penduduk / Badan Bukan Kerajaan mengikut jadual di setiap kawasan / Parlimen sekurang-kurangnya 2 kali sebulan untuk membentuk budaya masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.
5. Memastikan maklum balas awal kepada pengadu diberikan dalam tempoh 24 jam dan maklum balas mengenai status pelaksanaan tindakan ke atas aduan diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari daripada tarikh penerimaan aduan dan membuat susulan sehingga selesai.
6. Memastikan semua perkhidmatan online dapat dicapai secara berterusan (24 jam x 7 hari).
7. Mengurus kutipan hasil dengan cekap dan berbelanja dengan berhemah.
8. Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan secara adil, telus dan berterusan bagi kesejahteraan dan keselamatan warga kota melalui notis-notis yang dikeluarkan.
9. Memastikan modal insan dibangunkan secara berterusan untuk melahirkan warga kerja yang kompeten.

AKTIVITI SEPANJANG 2019

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR 2019

18 JANUARI 2019
PERHIMPUNAN DBKL BIL. 1/2019



24 JANUARI 2019
MAJLIS PERJUMPAAN DATUK BANDAR KUALA LUMPUR BERSAMA PENERUSI-PENERUSI
PERSATUAN PPR/PA DBKL



24 JANUARI 2019
MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH PERSEKUTUAN 2019



25 JANUARI 2019
PROGRAM PRA RUNDINGAN PSKL & PTKL 2040



30 JANUARI 2019

MAJLIS PELANCARAN KUALA LUMPUR LOW CARBON SOCIETY BLUEPRINT 2030 & KUALA LUMPUR INTEGRATED SUBMISSION (KLIS) SYSTEM



30 JANUARI 2019

MAJLIS SUMBANGAN TAHUN BARU CINA 2019



31 JANUARI 2019

MAJLIS PERASMIAN MURAL LOT 86, KERJASAMA ANTARA DBKL - KIEHLS (M) SDN BHD - BUMBLEBEE CONSULTANCY



9 FEBRUARI 2019

FORUM BICARA ADDIN SEMPENA KENDURI RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2019



10 FEBRUARI 2019

KENDURI RAKYAT WP KUALA LUMPUR



14 FEBRUARI 2019

MAJLIS PELANCARAN PORTAL eBAZAR PERAYAAN DBKL



16 FEBRUARI 2019

PROGRAM KARNIVAL HARI WILAYAH PERSEKUTUAN @ KUALA LUMPUR 2019



17 FEBRUARI 2019

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI TEMPAT LETAK KERETA BERTINGKAT



18 FEBRUARI 2019

MALAYSIA URBAN FORUM 2019



19 FEBRUARI 2019

DARJAH KEBESARAN BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2019
SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN



22 FEBRUARI 2019

LAWATAN TEKNIKAL KETUA POLIS KUALA LUMPUR KE ITIS DBKL BUKIT JALIL



23 FEBRUARI 2019

LAWATAN KSN KE DBKL & RIVER OF LIFE



23 FEBRUARI 2019

PROGRAM PENANAMAN POKOK TAMAN KEJIRANAN AYER PANAS



28 FEBRUARI 2019

MAJLIS PERASMIAN PROJEK HERITAGE TRAIL 6, KUALA LUMPUR DAN PENGINDAHAN KAWASAN SEKITAR LEBUH AMPANG (MEDAN PASAR), KUALA LUMPUR



28 FEBRUARI 2019

MAJLIS PELANCARAN LALUAN BARU GOKL (LALUAN HAB TITIWANGSA - MINDEF)



28 FEBRUARI 2019

PENYERAHAN KUNCI VAN TERPAKAI KEPADA PUSAT TAHFIZ DARUL FURQAN



28 FEBRUARI 2019
PROGRAM PERASMIAN SURAU AL-MUSTAQIN



3 MAC 2019
SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2019



7 MAC 2019
MAJLIS MERAIKAN PESARA JABATAN KEWANGAN 2019



8 MAC 2019
PROGRAM BACAAN KEGEMARAN SAYA BERSAMA DATUK BANDAR KUALA LUMPUR



8 MAC 2019

PERTEMUAN DENGAN PENGIAT INDUSTRI BUKU



14 MAC 2019

MAJLIS MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BAGI PROGRAM INISIATIF HIJAU - PENGOLAHAN SISA ORGANIK DENGAN MENGGUNAKAN "BLACK SOLDIER FLY"



8 SEPTEMBER 2019

PERTANDINGAN AKHIR MALAYSIA PREMIER FUTSAL LEAGUE 2019



11 SEPTEMBER 2019

PERHIMPUNAN DBKL BIL. 5/2019



14 SEPTEMBER 2019

MAJLIS MENANDATANGANI MOU SELAMATKAN SI BELANG



15 SEPTEMBER 2019

FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA



16 SEPTEMBER 2019

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN LUKISAN MURAL PPR SERI PANTAI



17 SEPTEMBER 2019

MAJLIS SANJUNGAN BUDI



19 SEPTEMBER 2019

PERSIDANGAN ANTARABANGSA WCSC 2019



21 SEPTEMBER 2019

PERTANDINGAN SUKAN BERKUDA ANTARA BADAN BERUNIFORM



21 SEPTEMBER 2019

MAJLIS PEMBUKAAN RASMI PUSTAKA KL@TTDI



23 SEPTEMBER 2019

MAJLIS MERAIKAN PESARA DBKL



24 SEPTEMBER 2019
PROGRAM CAKNA REKOD



25 SEPTEMBER 2019
BENGKEL PELAPORAN POST MORTEM DAN PENETAPAN HALA TUJU BLUEPRINT PENARAFAN
KEBERSIHAN WILAYAH PERSEKUTUAN



27 - 29 SEPTEMBER 2019
PROMOSI KLWBC 2020 SEMPENA KARNIVAL RAHMAH 2019



28 SEPTEMBER 2019
PROGRAM PERUMAHANKU BERSIH & KARNIVAL KERJAYA



29 SEPTEMBER 2019
PROGRAM SAYANGI KOMUNITI



5 OKTOBER 2019
KL STREET JAM



6 OKTOBER 2019
KL MAYOR GREEN RUN 2019



7 OKTOBER 2019
MAJLIS SAMBUTAN HARI SENI BINA SEDUNIA DAN PELANCARAN BULAN REKA BENTUK
KUALA LUMPUR



9 OKTOBER 2019

SESI TOWN HALL IGEN 2019 "KUALA LUMPUR KE ARAH RENDAH KARBON"



12 OKTOBER 2019

PROGRAM INISIATIF HIJAU PASAR BORONG KUALA LUMPUR



13 OKTOBER 2019

PROGRAM PERASMIAN TAMAN TASIK DANAU KOTA DAN PROGRAM PENANAMAN POKOK



13 OKTOBER 2019

FESTIVAL GEMA QASIDAH TERBUKA KUALA LUMPUR



14-21 OKTOBER 2019

PROMOSI KLWBC 2020 DI PESTA BUKU ANTARABANGSA FRANKFURT, JERMAN



16 OKTOBER 2019

SESI MENGHADAP YANG DI-DIPERTUAN AGONG



19 OKTOBER 2019

MAJLIS PERASMIAN KL DULU



19 OKTOBER 2019

MAJLIS SUMBANGAN DEEPAVALI



19 OKTOBER 2019
KL CULTURAL NITEZ - PANGGUNG RAKYAT



19 OKTOBER 2019
FESTIVAL BUSANA TRADISIONAL KREATIF KUALA LUMPUR



20 OKTOBER 2019
SAMBUTAN JUBLI EMAS HARI PENGUATKUASA



20-24 OKTOBER 2019
PESTA SUKAN PERPUSTAKAAN AWAM SEMALAYSIA (SPASM) KALI KE – 23



22 OKTOBER 2019

MAJLIS PELANCARAN LALUAN BAHARU BAS GOKL LALUAN BIRU FIRUS



23 OKTOBER 2019

MAJLIS PENYERAHAN PERUMAHAN BANDAR FASA 1



24 OKTOBER 2019

KONVENSyen KOMUNITI STRATA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



25 OKTOBER 2019

MAJLIS PELANCARAN GARIS PANDUAN ASRAMA SEMENTARA PEKERJA DALAM BANGUNAN BERTINGKAT DI TAPAK BINAAN



25 OKTOBER 2019

MAJLIS PENGHARGAAN MEDIA KUALA LUMPUR 2019



31 OKTOBER 2019

MALAM APRESIASI BULAN REKA BENTUK KUALA LUMPUR



1 NOVEMBER 2019

SESI PERKONGSIAN KLWBC 2020 DI PERHIMPUNAN DWI BULANAN PARLIMEN MALAYSIA



2 NOVEMBER 2019
MAJLIS KONVOKESYEN TADIKA SANG KANCIL DBKL



2 NOVEMBER 2019
KUALA LUMPUR FABULOUS FOOD HUNT 2019



4 NOVEMBER 2019
MAJLIS PERASMIAN TAPAK EDIBLE GARDEN KL HIJAU



4 NOVEMBER 2019
PEMBUKAAN SEMULA PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR



5 NOVEMBER 2019
PAMERAN KONGRES PERANCANGAN KEBANGSAAN



7 NOVEMBER 2019
MAJLIS GRADUASI TASKA PUSPANITA DBKL 2019



9 NOVEMBER 2019
SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT KEBANGSAAN 2019



16 NOVEMBER 2019
HARI KELUARGA DBKL 2019

Hari Keluarga DBKL 2019
TAMAN PUDU ULU, CHERAS
7am-1pm
16 NOVEMBER 2019
(SABTU)

HADIAH CABUTAN BERTUAH

- 3x **Motosikal**
- 15x **Basikal**
- 5x **TV 55"**
- X 4,000 helai **T-shirt**
- X 2,500 **KUPON FOODTRUCK**
- X 2,500 **GOODIES**
- X 4,000 **kanak-kanak sahaja**

DUITAN PUSATIA TERHADU

Hari Keluarga DBKL 2019

DATANG AWAL, DAFTAR AWAL

PENYERTAAN CABUTAN HONOR BERTUAH AKAN DITUTUP PADA PUKUL **9:45 PAGI**



SEKTOR DATUK BANDAR

>>> www.dbkl.gov.my <<<



Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan ditubuhkan sekitar tahun 1960-an dan dikenali dengan nama Bahagian Pendakwaan dan diletakkan di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1970-an, ia dikenali pula dengan nama Bahagian Undang-Undang dan masih berada di bawah Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1973, ia dijadikan sebuah jabatan yang tersendiri dengan nama Jabatan Undang-Undang dan ditukar pula kepada Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 1976. Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan.

Mengikut Carta Organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedia ada, Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan diletakkan di bawah seliaan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan terbahagi kepada dua (2) bahagian utama, iaitu :

- (i) Bahagian Perancangan dan Pentadbiran Perundangan (BPPP); dan
- (ii) Bahagian Pelaksanaan Perundangan (BPP).

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan adalah seramai 72 orang.

2.0 FUNGSI

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan fungsi-fungsi perundangan untuk pengurusan pentadbiran Bandar Raya Kuala Lumpur yang lebih mantap dan berkesan seperti berikut:

- 2.1 Memberi nasihat undang-undang kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan di dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

- 2.2 Penggubalan dan penyemakan semua perundangan yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- 2.3 Menyediakan dokumen-dokumen kontrak dan instrumen-instrumen perundangan.
- 2.4 Menjalankan pendakwaan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- 2.5 Menyelaraskan dan meneliti kes-kes berkaitan tuntutan sivil.

3.0 OBJEKTIF

Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan ditubuhkan dengan objektif berikut:

- 3.1 Menjaga kepentingan Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah Perbadanan Tunggal dan Pihak Berkuasa Tempatan dari segi undang-undang dalam semua transaksi dan dokumentasi perundangan.
- 3.2 Memberi perkhidmatan yang cekap kepada pelanggan-pelanggan dengan menjangkakan isu-isu perundangan dan membantu pentadbiran menyelesaikan isu-isu / masalah berdasarkan amalan pengurusan dan perundangan yang baik.

4.0 BAJET

Perbelanjaan jabatan telah diluluskan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM 8,585,300.00 dan perbelanjaan adalah sebanyak RM 8,421,397.16 dengan peratusan sebanyak 98.09%.

5.0 PEWARTAAN PERUNDANGAN

Sebanyak 22 perundangan telah diwartakan iaitu :

1. Perintah Pengangkutan Jalan (Perizaban Jalan Sebagai Tempat Letak Kereta Bagi Kenderaan Orang Kurang Upaya)(Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur)(Pindaan) 2019 - P.U. (A) 34/2019
2. Pewartaan Notis Di Bawah Seksyen 70 – P.U. (B) 144/2019
3. Pewartaan Notis Di Bawah Seksyen 70 – P.U. (B) 188/2019
4. Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 2019 - P.U. (A) 94/2019
5. Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (No. 2) 2019 - P.U. (A) 121/2019
6. Pelantikan Warden Lalu Lintas - P.U. (B) 70/2019
7. Notis Di Bawah Seksyen 70 - P.U. (B) 583/2019
8. Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (No. 3) 2019 - P.U. (A) 345/2019
9. Pemberitahuan Di Bawah Kaedah 21 - GN No. 7870
10. Pemberitahuan Di Bawah Kaedah 21 - GN No. 12718
11. Pemberitahuan Di Bawah Kaedah 21 - GN No. 17080
12. Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat - P.U. (B) 205/2019
13. Pelantikan dan Pembatalan Pelantikan Ahli Lembaga Penasihat - P.U. (B) 254/2019
14. Pelantikan Ahli Lembaga Pelesenan - GN No. 14729
15. Pelantikan Di Bawah Subseksyen 45(5) - P.U. (B) 181/2019
16. Pelantikan Pengerusi Dan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan - P.U. (B) 323/2019
17. Pelantikan Di Bawah Subseksyen 45(5) - P.U. (B) 385/2019
18. Notis Cadangan Bagi Perubahan Pelan Tempatan Bagi WPKL - P.U. (B) 549/2019
19. Kaedah-Kaedah (Perancangan) WP (Fi Bagi Pembelian Draf Cadangan Bagi Perubahan Pelan Tempatan) 2019 - P.U. (A) 290/2019

20. Pelantikan Pesuruhjaya Bangunan Bagi WPKL - P.U. (B) 484/2019
21. Pelantikan Timbalan Pesuruhjaya Bangunan Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - P.U. (B) 607/2019
22. Pelantikan Pegawai Di Bawah Subseksyen 4(1) Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - P.U. (B) 651/2019

6.0 DOKUMEN PERJANJIAN

Sebanyak 75 draf pertama dokumen kontrak telah disediakan yang terdiri daripada kontrak perkhidmatan, pembekalan, kerja, memorandum persefahaman, ICT, jual beli, penyewaan, lantikan penjawatan dan lain-lain dokumen perjanjian bukan standard yang disediakan berdasarkan kepada permohonan dan keperluan jabatan dari semasa ke semasa.

7.0 PROJEK PENSWASTAAN

Sebanyak 10 perjanjian telah ditandatangani bagi projek-projek penswastaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu :

Perjanjian Tambahan Kepada Perjanjian Jual Beli

Nama Syarikat : Garuda Searah Sdn. Bhd.
Tarikh Ditandatangani : 4 Februari 2019

Master Agreement – Volume 1

Nama Syarikat : Retro Highland Sdn. Bhd.
Tarikh Ditandatangani : 7 Mac 2019

Perjanjian Tambahan

Nama Syarikat : Mega Legacy Sdn. Bhd.
Tarikh Ditandatangani : 1 April 2019

Perjanjian Jual Beli

Nama Syarikat : Skysierra Development Sdn. Bhd.
Tarikh Ditandatangani : 9 April 2019

Perjanjian Tambahan

Nama Syarikat : KL Bund Sdn. Bhd.
Tarikh Ditandatangani : 22 Mei 2019

Memorandum of Agreement

Nama Syarikat : Liberty Triangle Sdn. Bhd.
Tarikh Ditandatangani : 31 Mei 2019

Perjanjian Pembangunan

Nama Syarikat : Almaventures Development Sdn. Bhd.
Tarikh Ditandatangani : 31 Mei 2019

Perjanjian Tambahan Kepada Perjanjian Jual Beli

Nama Syarikat : Perano Properties Development Sdn. Bhd.
Tarikh Ditandatangani : 12 Jun 2019

Perjanjian Tambahan

Nama Syarikat : Utara Land Sdn. Bhd.
Tarikh Ditandatangani : 29 Julai 2019

Perjanjian Penyelesaian

Nama Syarikat : Pancaran Nilai Sdn. Bhd.
Tarikh Ditandatangani : 12 Disember 2019

8.0 KES-KES PENDAKWAAN

Kes-kes yang didakwa di Mahkamah dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:

8.1 DBR 87 – Kes Am :

Sebanyak 5,984 kes am telah dikendalikan sepanjang tahun 2019 dengan 4,343 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2018 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2019 adalah sebanyak 1,641.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,784 kes diselesaikan sepenuhnya dan sebanyak 4,200 kes yang tidak dapat diselesaikan akan dibawa ke tahun 2020.

Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah **RM 22,850.00**

8.2 DBR 86 – Kes Trafik :

Sebanyak 549,086 kes trafik di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah-kaedah di bawahnya telah dikendalikan sepanjang tahun 2019 dengan 484,966 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2018 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2019 adalah sebanyak 64,120.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 64,773 kes diselesaikan sepenuhnya dan sebanyak 484,313 kes yang tidak dapat diselesaikan akan dibawa ke tahun 2020.

Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah **RM 141,730.00**

8.3 DBR 83 – Kes Tangkapan:

Sebanyak 74 kes tangkapan melibatkan kesalahan penjaga kereta haram iaitu kesalahan di bawah Seksyen 50(3) Akta Pengangkutan Jalan telah dikendalikan sepanjang tahun 2019 dengan 12 kes merupakan kes-kes yang tertangguh yang tidak dapat diselesaikan pada tahun 2018 dan kes baru yang telah didaftarkan di Mahkamah pada tahun 2019 adalah sebanyak 62.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 66 kes diselesaikan sepenuhnya dan sebanyak 8 kes yang tidak dapat diselesaikan akan dibawa ke tahun 2020.

Jumlah keseluruhan kutipan denda berjumlah **RM 5,830.00**

9.0 KES-KES SIVIL

9.1 Kes Tuntutan Oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

Sebanyak 971 kes tuntutan sivil telah dibuat oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan jumlah tuntutan sebanyak;

RM 20,920,400.75

9.2 Kes Tuntutan Terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur

Sebanyak 30 kes tuntutan terhadap Datuk Bandar Kuala Lumpur telah diterima dengan jumlah tuntutan sebanyak;

RM 303,457,492.65

Jabatan Perancangan Korporat

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Jabatan Perancangan Korporat (JPRK) berperanan merancang, mengurus serta melaksanakan usaha-usaha mempertingkatkan imej korporat dan profesionalisme DBKL bagi memastikan imej korporat dan profesionalisme DBKL berada pada taraf dunia yang unggul dan cemerlang.
- 1.2 Fungsi Perhubungan Awam mula dilaksanakan di DBKL dalam tahun 70-an dan diselaraskan oleh Urusetia Bandaraya. Pada tahun 1995 fungsi tersebut telah diambil alih oleh Jabatan Pengurusan Organisasi. Seterusnya pada tahun 2006 unit ini telah diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran dan dikenali sebagai Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa (UHEAA).
- 1.3 Pada tahun 2008 sekali lagi nama unit ini telah ditukarkan kepada Unit Komunikasi Korporat (UKK) selaras dengan hasrat Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memberikan imej baru kepada organisasi DBKL.
- 1.4 Mulai 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali pula sebagai Jabatan Perancangan Korporat. Pertukaran nama ini juga memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai fungsi JPRK bersesuaian dengan keadaan semasa.
- 1.5 Jumlah kakitangan adalah seramai 58 orang yang terdiri daripada 9 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, dan 49 orang daripada kumpulan sokongan / pelaksana.

2.0 FUNGSI

Jabatan Perancangan Korporat menjalankan tujuh (7) fungsi utama iaitu:-

- 2.1 Menjalinkan hubungan dan kerjasama DBKL dengan warga kota, agensi kerajaan dan swasta bagi mempertingkatkan persefahaman dan perkhidmatan yang diberi.
- 2.2 Menyediakan dan menyebarkan maklumat yang positif dan tepat mengenai pentadbiran DBKL serta memberi maklum balas ke atas komen, aduan dan isu berbangkit kepada media massa.
- 2.3 Memastikan urusan perhubungan pertubuhan antarabangsa yang baik disamping menyelaraskan lawatan luar dan dalam negeri dengan baik.
- 2.4 Membantu dan memudahcara setiap pelanggan yang berurusan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam mendapatkan perkhidmatan, maklumat dan khidmat nasihat.
- 2.5 Memastikan dan mendapatkan maklum balas terhadap aduan yang dikemukakan daripada jabatan secepat mungkin atau selewat-lewatnya dalam tempoh 3 hari dari tarikh penerimaan.
- 2.6 Menyelaraskan sambutan perayaan, majlis dan acara rasmi DBKL dengan teratur.
- 2.7 Menerbitkan bahan bercetak dan elektronik kepada golongan sasaran di samping memberikan maklumat terkini dan tepat mengenai DBKL.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan komunikasi yang berkesan dengan *stakeholders* disamping jaringan perhubungan antarabangsa yang baik ke arah imej Kuala Lumpur bertaraf dunia.

4.0 BAJET

4.1 Perbelanjaan Mengurus

Dalam Bajet Mengurus 2019, jabatan telah diperuntukkan sebanyak **RM7,614,100.00**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM6,471,912.20** telah dibelanjakan dengan pencapaian 85% perbelanjaan.

PERKARA	TAHUN 2019 (RM)	PERATUS (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	7,614,100.00	
Perbelanjaan	6,471,912.20	85.00

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

5.1 Unit Media

Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat berperanan sebagai penghubung di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak media. Selaras dengan itu, Unit Media bertanggungjawab menyalurkan maklumat-maklumat berkaitan DBKL kepada media bagi memastikan liputan yang diberi adalah tepat dan benar. Selain daripada itu, unit ini juga menyelaraskan dan menyediakan maklumat untuk Sidang Media mengenai aktiviti-aktiviti yang melibatkan DBKL. Sepanjang tahun 2019, unit ini telah menyelaraskan 43 Sidang Media dan 11 Temubual bersama Pengurusan Tertinggi DBKL dan Ketua Jabatan.

Unit ini juga bertindak menguar-uarkan aktiviti-aktiviti dan program-program yang akan dilaksanakan oleh DBKL bagi memastikan hebahan maklumat dapat disampaikan kepada warga kota dan mendapat liputan terbaik diberikan oleh pihak media. Unit ini telah mengeluarkan sebanyak 87 Liputan Media (*Note to Editor*), 107 Kenyataan Media (*Press Release*) dan 50 Maklumbalas Media (*Press Rebuttal*) sepanjang tahun 2019.

5.1.1 Sukan DBKL Bersama Media 2019 – Bowling

Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara DBKL dengan pihak media dan sebagai menghargai sumbangan pihak media menerusi penulisan mereka mengenai DBKL.

Lebih 53 orang pengamal media telah hadir yang meliputi media cetak, media elektronik dan penulis media online.

Program ini telah diadakan di Elite Bowl, Gurney Mall, Residensi UTM @ KL, Kuala Lumpur pada 13 April 2019 (Sabtu).

5.1.2 Majlis Penghargaan Media

Majlis penghargaan ini telah diadakan pada 25 Oktober 2019 Grand Hyatt Kuala Lumpur. Program adalah bagi menghargai hubungan yang baik di antara DBKL dengan media di samping dapat memahami tugas di antara satu sama lain.

Pihak media telah diberikan penghargaan berupa plak sebagai menghargai hubungan yang baik sepanjang tahun 2019 oleh YBhg Datuk Bandar Kuala Lumpur. Pelbagai acara telah disediakan bagi meraikan pihak termasuk cabutan bertuah. Seramai 89 orang pengamal media daripada pelbagai medium telah hadir pada majlis tersebut. Majlis tersebut juga telah diserikan dengan persembahan hiburan daripada artis jempolan iaitu Kumpulan Exists.

5.2 Unit Promosi dan Fotografi

Unit Promosi dan Fotografi merupakan salah satu unit di dalam Jabatan Perancangan Korporat dan diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja penerbitan bahan bercetak dan digital serta menghebahkan aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

5.2.1 Fungsi utama unit ini adalah:

- i. Menguruskan penerbitan bahan bercetak mengenal perkhidmatan DBKL seperti risalah, diari tahunan dan kalendar.
- ii. Menyelaraskan promosi aktiviti / program DBKL seperti Banner / Bunting, Buku Aturcara, *Coffee Table Book*, Video / Montaj, Kad Perayaan dan reruai promosi.
- iii. Menyelaraskan, memantau dan mengemas kini portal dan media sosial DBKL.
- iv. Merancang dan melaksanakan penerbitan karya kreatif seperti iklan amal untuk makluman awam (PSA) bagi tujuan informasi dan publisiti DBKL.
- v. Merancang dan melaksanakan kempen-kempen untuk tujuan penyebaran nilai-nilai murni dalam kakitangan penjawat awam di DBKL.
- vi. Menjalankan aktiviti fotografi rasmi bagi acara / program DBKL.

5.2.2 Promosi acara / aktiviti DBKL, KWP, dan agensi yang dilakukan oleh unit promosi sepanjang tahun 2019:

- i. Kempen Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWBC2020)
- ii. Hari Keluarga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- iii. Kempen Bas Percuma GoKL
- iv. Kempen Bas Sekolah Percuma
- v. Kempen Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019
- vi. Kempen Produk Biodegradasi
- vii. Kuala Lumpur Low Carbon Society
- viii. CITYNET KLRTC
- ix. Pengurusan Tenaga Lestari
- x. 10KUL Design
- xi. KL Bebas Asap Rokok
- xii. Bazar Ramadan KL
- xiii. Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040

5.2.3 Diari Tahunan DBKL

Pada tahun 2019, Jabatan Perancangan Korporat telah menerbitkan Diari Tahunan DBKL bagi tahun 2019 sebanyak 6,500 naskah. Tujuan diari ini diterbitkan adalah bagi menghargai pegawai dan kakitangan DBKL yang banyak memberi sumbangan terhadap DBKL. Selain itu, unit ini turut menerbitkan sebanyak 4,000 naskah buku nota khas untuk diedarkan kepada kakitangan sokongan.

5.2.4 *Desk Pad Planner* dan *Stand Table Calender*

Pada tahun 2019, unit ini telah menerbitkan sebanyak 700 unit *desk pad calender* (Kalender Meja) untuk diedarkan kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Professional DBKL (gred 41 dan ke atas) serta Setiausaha Pejabat. Sebanyak 7,000 unit *stand table calender* (Kalender Meja Tegak) telah disediakan oleh Unit Promosi dan Fotografi dan diedarkan kepada Pegawai Pengurusan dan Profesional, Pegawai Kumpulan Sokongan 1 serta edaran turut dilakukan kepada pelawat-pelawat dari agensi luar ke DBKL.

5.2.5 Penerbitan Kad-kad Ucapan Perayaan

Dalam mengeratkan hubungan DBKL dengan organisasi-organisasi luar, Unit Promosi dan Fotografi telah menerbitkan sebanyak 7,700 unit kad-kad ucapan perayaan dan 250,000 unit sampul duit raya telah diterbitkan bagi kegunaan YBhg. Datuk Bandar, Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Pengurusan Tertinggi serta turut diedarkan kepada semua kakitangan DBKL. Kad-kad perayaan dan sampul duit raya yang diterbitkan adalah seperti berikut:

- i. Kad Perayaan Hari Raya Aidilfitri
- ii. Kad Perayaan Tahun Baru Cina
- iii. Kad Perayaan Deepavali
- iv. Kad Perayaan Krismas dan Tahun Baru

5.2.6 Portal dan Media Sosial DBKL

Pada tahun 2019, Unit Promosi dan Fotografi telah diberi tanggungjawab untuk menjadi Jawatankuasa Pengurusan Kandungan yang diketuai oleh Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengemaskini maklumat berita, acara terkini dan pengurusan semasa di dalam portal. Proses mengemaskini portal ini telah dibuat pada setiap hari oleh Pegawai Teknologi Maklumat yang ditempatkan di Jabatan ini. Bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah terkini dan tepat, pegawai akan mendapatkan kerjasama daripada unit lain termasuklah Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat dan Jabatan Pengurusan Maklumat.

5.2.7 Video DBKL

Bagi meningkatkan imej korporat DBKL kepada warga kota pada peringkat tempatan dan antarabangsa, Unit Promosi dan Fotografi telah mengambil inisiatif untuk menyediakan video korporat dan video promosi bagi DBKL. Antara video yang telah disediakan oleh unit ini bagi tahun 2019 ialah:

- i. Video Promosi Bazaar Ramadan
- ii. Video Promosi Bas Percuma GOKL
- iii. Video Promosi Galakan Membaca dan KLWBC2020
- iv. Video Promosi Perumahan Bandar
- v. Video Promosi Kuala Lumpur Low Carbon 2020

5.3 Unit Perhubungan Antarabangsa

Unit Perhubungan Antarabangsa berperanan menyelaras lawatan dalam negeri, lawatan luar negeri, kunjung hormat kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, program antarabangsa dan mesyuarat antarabangsa yang terpilih. Berikut merupakan statistik perkara berkaitan:

Perkara	Bilangan Lawatan	Bilangan Pelawat
Jumlah Lawatan Dalam Negeri	46	1,251
Jumlah Lawatan Luar Negeri	23	241
Jumlah Kunjung Hormat Kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur	28	211
JUMLAH	97	1703

Jadual 1 : Statistik Jumlah Lawatan Dalam Negeri, Lawatan Luar Negeri dan Kunjung Hormat kepada Datuk Bandar pada Tahun 2019

Bil.	Tarikh	Kunjung Hormat
1.	14 Januari	Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM)
2.	14 Januari	Pesuruhjaya Tinggi Kanada
3.	14 Januari	Pengarah Keselamatan Kerajaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
4.	16 Januari	Pengurusan Tertinggi MPC
5.	14 Februari	Yayasan Kebajikan Negara Malaysia
6.	20 Februari	Mayor Of Colombo
7.	26 Februari	Duta Itali di Malaysia
8.	05 Mac	Persatuan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Semalaysia
9.	06 Mac	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif (PERKESO)
10.	08 Mac	Timbalan Ketua Pengarah Bomba Malaysia Dan Pengarah Bomba Kuala Lumpur
11.	12 Mac	Duta Ukraine di Malaysia
12.	13 Mac	Kedutaan Kyrgyz By The Deputy Of Bishkek City Council
13.	18 Mac	Duta Georgia di Malaysia
14.	20 Mac	Duta Bosnia Dan Herzegovina Ke Malaysia
15.	25 Mac	Datuk Bandar, <i>Busan Metropolitan City</i>
16.	27 Mac	Duta Grulac (8 Negara)
17.	28 Mac	Pengurusan Tertinggi Kerajaan Republik Senegal
18.	17 April	Duta Belgium
19.	29 Mei	Timbalan Ketua Perangkaan (Ekonomi), Jabatan Perangkaan Malaysia
20.	30 Mei	Pengurusan Tertinggi Yokohama
21.	24 Jun	Datuk Bandar Kaloum-Conakry
22.	26 Jun	Osaka International Business Promotion Centre (OIBPC)
23.	10 Julai	Kedutaan Columbia
24.	23 Julai	Duta Antarabangsa, <i>Seoul Metropolitan Government</i>
25.	16 Oktober	<i>Executive Director of the International Affairs Department, Fukuoka, Japan</i>
26.	05 November	Kerajaan Korea (Wilayah Chungcheongbuk-do)
27.	07 November	Kerajaan Beijing, China
28.	20 Disember	Setiausaha Agung <i>Tourism Promotional Organization For Asia Pacific Cities (TPO)</i>

Jadual 2 : Senarai Kunjung Hormat ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur bagi tahun 2019

Bil.	Perkara
1	Kunjung Hormat ke atas Setiausaha Agung UCLG-ASPAC di Jakarta pada 20-21 Februari 2019
2	Ceraweeek di Houston 11-15 Mac 2019 di Houston, US & Lawatan Sambil Belajar di Tokyo, Jepun
3	Global Covenant of Mayors for Climate Energy (GCoM) Training pada 20-21 Mac 2019 di Johor
4	Senior Official Meeting di Bangkok 22-24 April 2019 (SOM)
5	Mayors Governors Meeting (MGM) di Bangkok pada 25-27 Jun 2019
6	Program Bandaraya Berkembar-Isfahan, Iran 15-24 Jun 2019
7	Bandaraya Berkembar- Melaka, 21 Julai 2019
8	Program Polisi Rangka Kerja Kecekapan Tenaga Menerusi Kolaborasi Bandar (T2KLLCS) Di Antara Tokyo dan Kuala Lumpur <ul style="list-style-type: none"> • Di Tokyo- 29-31 Julai 2019 • Di Kuala Lumpur- 23-24 Ogos 2019
9	UCLG ASPAC EXCOM di Makati, Filipina pada 4-7 September 2019
10	Mesyuarat Agung WECP AGM di Aberdeen, 2-9 September 2019
11	Promosi World Book Capital <ul style="list-style-type: none"> • 21-25 April 2019 di Sharjah • 14-22 Oktober 2019 di Frankfurt-Book Fair
12	CityNet EXCOM di Lalitpur, Nepal pada 5-9 November 2019
13	Bandaraya Berkembar - Osaka <ul style="list-style-type: none"> • BPC Roundtable Meeting, 21 November 2019 di KL • Lawatan Penandaarasan Perhubungan Pelanggan di Osaka 10-14 September 2019
14	Ambassadors Exclusive Breakfast Dialogue with KL City Mayor di Hotel Le Meridien KL pada 9 Disember 2019

Jadual 3 : Program / Lawatan / Persidangan / Mesyuarat Yang Disertai

Bil.	Perkara	Taraf Penyertaan
1	Malaysia Urban Forum (MUF) di KLCC pada 18-19 Feb 2019	Rakan Kongsi (partner) kepada KPKT dan Urbanice Malaysia
2	KLRTC ke -33 dan Citynet Mesyuarat Kluster Infrastruktur di Royal Chulan pada 21-24 April 2019	Rakan Kongsi (partner) kepada CityNet, IUC Asia EU
3	IGEM 9-11 Oktober 2019 – City Talk, Pavillion, Pocket Talk	Rakan Kongsi (partner) kepada MESTECC, GreenTech

Jadual 4 : Program Kuala Lumpur Sebagai Hos / Rakan Kongsi

Bil.	Perkara
1	Kerjasama <i>Letter of Intent</i> (LOI) DBKL & UCLG ASPAC pada Feb 2019
2	Kerjasama <i>Nota of Discussion</i> (NOD) DBKL bersama Busan Metropolitan City 25 Mac 2019
3	Global Covenant of Mayors for Climate Energy (GCoM) <ul style="list-style-type: none"> • t/t secara rasmi sebagai ahli dan latihan di Johor-21 Mac 2019 • Latihan 13-17 Oktober 2019 sempena APU di Pulau Pinang

Jadual 5 : Program Melibatkan Menandatangani Dokumen

Bil.	Perkara
1	Kerjasama DBKL bersama UN-Habitat dan Tudor House (London) untuk penerbitan inisiatif KL dalam SDG dalam buku - A Better World - Vol 5 (Jun 2019)

Jadual 6 : Promosi KL di Peringkat Antarabangsa



Datuk Bandar menghadiri ke 7TH MGMAC 2019 yang diadakan di Bangkok, Thailand pada 25-27 Jun 2019



YBhg. Dato' Nor Hisham A. Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur menjadi Ahli Panel membincangkan "How to make Cities Dynamic in a challenging Global Environment" di Malaysia Urban Forum, KL di KLCC pada 18 Februari 2019



YBhg. Dato' Nor Hisham A Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur menerima Kunjungan Hormat daripada H.E. Mr. Pascal Gregoire, Duta Besar Belgium Di Kuala Lumpur pada 17 April 2019



KLRTC ke -33 dan Citynet Mesyuarat Kluster Infrastruktur di Royal Chulan pada 21-24 April 2019 di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur



5.4 Unit Majlis Rasmi dan Protokol

Unit Majlis Rasmi dan Protokol, Jabatan Perancangan Korporat terlibat dengan pelbagai acara rasmi yang dianjurkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan mahupun anjuran bersama di antara DBKL dan agensi-agensi kerajaan serta bukan kerajaan.

Sepanjang tahun **2019**, unit ini telah terlibat secara langsung dalam **134** majlis rasmi di mana **116** ialah anjuran jabatan-jabatan di dalam DBKL dan **14** majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi-agensi kerajaan serta **4** acara majlis rasmi anjuran DBKL bersama agensi bukan kerajaan.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam menyelaraskan urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera dan memastikan penyediaan hiasan serta kebersihan di laluan-laluan protokol apabila Bandaraya Kuala Lumpur menerima kunjungan Pembesar-pembesar Luar Negara. Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2019 dan Sambutan Hari Kemerdekaan 2019, unit ini telah menyelaras urusan pemasangan gegantung (*bunting*) bendera di laluan-laluan protokol sekitar Kuala Lumpur.

Selain itu, unit ini juga menjalinkan kerjasama yang erat bersama pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dalam mengendalikan beberapa acara rasmi tahunan seperti Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan (Sambutan Bulan Kemerdekaan) termasuk majlis yang melibatkan kakitangan di bawah agensinya seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Statistik Majlis rasmi (anjuran DBKL, bersama agensi kerajaan dan bukan kerajaan) dan lawatan rasmi pembesar asing bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

Bulan	Bilangan Majlis Rasmi				Jumlah
	Anjuran DBKL	Anjuran Bersama Agensi Kerajaan	Anjuran Bersama Agensi Bukan Kerajaan	Lawatan Rasmi Pembesar Asing	
JANUARI	5	1	-	-	6
FEBRUARI	5	3	-	-	8
MAR	8	2	-	1	11
APRIL	17	-	1	-	18
MEI	13	1	1	-	15
JUN	8	-	-	-	8
JULAI	8	1	-	-	9
OGOS	12	-	-	1	13
SEPTEMBER	12	2	-	-	14
OKTOBER	19	1	1	-	21
NOVEMBER	5	1	-	-	6
DISEMBER	4	2	1	-	7
JUMLAH	116	14	4	2	136

Jadual 7 : Bilangan Majlis Rasmi Pada Tahun 2019

5.4.1 Gambar-Gambar Majlis Rasmi dan Protokol



YBhg. Dato' Nor Hisham Ahmad Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur beramah mesra bersama anak-anak istimewa yang hadir pada Program Larian Saniman 2.0 Sempena Karnival Hari Wilayah 2019 yang berlangsung di Dataran Merdeka pada 16 Februari 2019 (Sabtu).



YBhg. Dato' Nor Hisham A Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama penduduk-penduduk Kampung Puah membersihkan sekitar perkarangan masjid dan tanah perkuburan di Program Gotong Royong Sempena Sambutan Pengukuasaan ke 50 Tahun di Masjid Kg. Puah, Jalan Gombak KL pada 3 Ogos 2019 (Sabtu).



YBhg. Dato' Nor Hisham A Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur menyampikan cenderamata kepada yang pesara di Majlis Meraihan Pesara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang berlangsung di Hotel Sheraton Kuala Lumpur pada 23 September 2019 (Isnin).



YBhg. Dato' Nor Hisham A Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur melepaskan peserta-peserta pertandingan Info Race sempena Hari Keluarga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2019 di Taman Pudu Ulu, Kuala Lumpur pada 16 November 2019 (Sabtu).

5.5 Unit Khidmat Pelanggan Dan Aduan Awam

Bahagian Perhubungan Pelanggan dan Aduan Awam merangkumi Unit Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*) dan Unit Perhubungan Pelanggan (*IServe*), Jabatan Perancangan Korporat. Namun Unit Perhubungan Pelanggan ini telah ditukar nama kepada Unit Khidmat Pelanggan selepas pemansuhan Dasar Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) pada pertengahan tahun 2018 yang lalu. Fungsi dan peranan bahagian ini meliputi 3 perkara utama iaitu sebagai pusat panggilan setempat, pengurusan dan pemantauan aduan awam serta pengurusan perkhidmatan pelanggan DBKL.

5.5.1 Penerimaan Panggilan Melalui Talian Bebas Tol 1-800-88-3255 Bertempat Di Pusat Panggilan Setempat (*Call Centre*)

Pada tahun 2019 iaitu dari Januari 2019 sehingga Disember 2019, pihak *Call Centre* telah pun menerima sebanyak 70,846 panggilan.

5.5.2 Penerimaan Dan Penyelesaian Aduan

Pada tahun 2017, *Call Centre* telah pun menerima sebanyak 20,074 aduan. Janaan data pada 21 Februari 2020 menunjukkan sebanyak 20,025 (99%) aduan telah diselesaikan. Manakala, sebanyak 49 (1%) aduan masih di dalam tindakan. Semua Jabatan disasarkan untuk menyelesaikan semua aduan-aduan tertunggak selewat-lewatnya pada bulan Mac 2020.

Kategori	Terima	Peratus (%)
Kemudahan Awam	6,031	30%
Pokok	1,832	9%
Binatang	1,436	7%
Sistem Saliran dan Perparitan	1,193	6%
Kebersihan	1,186	6%

Jadual 8 : Statistik Penerimaan Aduan Mengikut 5 Kategori Tertinggi

5.5.3 Kehadiran Pelanggan dan Pelajar Di Kaunter Khidmat Pelanggan

Sepanjang tahun 2019, Unit Khidmat Pelanggan Jabatan Perancangan Korporat telah menerima seramai **2,253** orang pelanggan terdiri daripada warga kota bagi pelbagai urusan di kaunter tersebut. Purata kehadiran pelanggan adalah sebanyak **188** orang sebulan. Kaunter ini juga kerap menerima kehadiran para pelajar IPTA dan IPTS bagi mendapatkan *input* dari pelbagai jabatan untuk kajian akademik mereka. Berikut adalah Statistik Bilangan Pelanggan yang hadir ke Kaunter Khidmat Pelanggan DBKL sepanjang tahun 2019:

Bil	Bulan	Jumlah	Catatan
1.	Januari	58	Jumlah kenaikan / pengurangan kehadiran pelanggan di Kaunter Khidmat Pelanggan tertakluk kepada Cuti Am dalam bulan tersebut.
2.	Febuari	80	
3.	Mac	112	
4.	April	250	
5.	Mei	159	
6.	Jun	186	
7.	Julai	121	
8.	Ogos	160	
9.	September	354	
10.	Oktober	264	
11.	November	248	
12.	Disember	261	
JUMLAH KESELURUHAN		2,253	Kaunter 1Serve telah ditukar semula kepada Kaunter Khidmat Pelanggan bermula pertengahan tahun 2018.

Jadual 9 : Statistik Kehadiran Pelanggan di Kaunter Khidmat Pelanggan bagi Tahun 2019

Bil	Bulan	Jumlah	Catatan
1.	Januari	11	Para Pelajar IPTA / IPTS yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan kajian ke jabatan-jabatan di DBKL perlu mendapatkan surat kebenaran yang di keluarkan oleh Kaunter Khidmat Pelanggan terlebih dahulu sebelum berurusan ke jabatan yang berkaitan.
2.	Febuari	7	
3.	Mac	52	
4.	April	39	
5.	Mei	10	
6.	Jun	52	
7.	Julai	16	
8.	Ogos	40	
9.	September	40	
10.	Oktober	61	
11.	November	58	
12.	Disember	19	
JUMLAH KESELURUHAN		405	

Jadual 10 : Statistik Kehadiran Para Pelajar IPTA dan IPTS di Kaunter Khidmat Pelanggan bagi Menjalankan Kajian / Mendapatkan Maklumat Sepanjang tahun 2019

5.5.4 Hari Bertemu Pelanggan Secara Atas Talian (E-HBP) DBKL

Program Hari Bertemu Pelanggan Secara Atas Talian atau lebih dikenali sebagai (e-HBP) DBKL merupakan sistem interaksi secara maya yang dibangunkan dengan kerjasama pintar di antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Dewan Bandaraya Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menggantikan amalan kaedah konvensional yang sedia ada.

Program ini telah dirasmikan pada 15 Mac 2017 oleh Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi DBKL dan telah memasuki tahun ke-3 penganjurannya. Program tersebut telah dilaksanakan sebanyak 12 sesi bermula Januari sehingga Disember 2019. Namun sepanjang tempoh tersebut, statistik menunjukkan jumlah Pelawat yang hadir ke portal adalah amat minima iaitu seramai 97 orang responden dengan purata penyertaan warga kota seramai 7 orang sebulan. Pihak jabatan telah menilai semula keberkesanan penganjuran program ini dan bercadang agar Program Hari Bertemu Pelanggan Secara Atas Talian (e-HBP) DBKL ditukar modus operandinya kepada Karnival Hari Bertemu Pelanggan yang akan dilaksanakan bersama dengan Pejabat Cawangan DBKL di seluruh kawasan parlimen di Kuala Lumpur bermula tahun 2020. Perkara ini masih di dalam peringkat perbincangan lanjut bersama jabatan-jabatan terlibat.

Bil	Bulan	Jumlah	Catatan
1.	Januari	5	Para pelanggan dapat berbual secara terus dengan para pegawai / wakil jabatan yang hadir bagi setiap sesi untuk mendapatkan penjelasan terhadap setiap isu berkaitan aduan termasuklah sebarang pertanyaan berkaitan perkhidmatan dan program anjuran DBKL.
2.	Febuari	6	
3.	Mac	12	
4.	April	4	
5.	Mei	8	
6.	Jun	14	
7.	Julai	10	
8.	Ogos	12	
9.	September	11	
10.	Oktober	8	
11.	November	3	
12.	Disember	4	
JUMLAH KESELURUHAN		97	

Jadual 11 : Statistik Penyertaan Pelanggan bagi Sesi Program e-HBP DBKL Sepanjang tahun 2019

5.5.5 Penambahbaikan

Unit Khidmat Pelanggan telah melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap fungsi sedia ada dengan menjalankan naziran dan penilaian terhadap para Petugas Kaunter bersemuka jabatan di DBKL iaitu Program "Mystery Shopping DBKL". Program yang julung kalinya diadakan ini merupakan iltizam dan komitmen DBKL dalam memupuk nilai murni dan profesionalisme di kalangan warga petugas kaunter DBKL selain melaksanakan naziran dan penilaian terhadap tahap dan kualiti penyampaian perkhidmatan oleh para petugas selaras dalam meningkatkan imej korporat DBKL.

Program ini telah dijalankan pada 5 sehingga 9 Ogos 2019 melibatkan kerjasama para Panel Penilai dari agensi berkaitan iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Perbadanan Putrajaya (PPJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Seramai 5 orang pemenang dari pelbagai jabatan telah dipilih dari program ini dan sebagai imbuhan mereka adalah dijemput untuk menyertai Lawatan Penandaarasan Perhubungan Pelanggan ke Osaka, Jepun pada September 2019 selama 4 hari 3 malam.

6.0 KEJAYAAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

- 6.1 YBhg. Datuk Najib bin Mohd, Pengarah Eksekutif Perancangan, DBKL menjadi Ahli Panel untuk World Energy Cities Partnership (WECP) dalam acara Ceraweek di Houston, US pada 11-15 Mac 2019.
- 6.2 Program polisi rangka kerja kecekapan tenaga menerusi kolaborasi bandar (T2KLLCS) di antara Tokyo dan Kuala Lumpur pada 29-31 Julai 2019 dan 23-24 Ogos 2019.



Jabatan Audit Dalam

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Dalam (JAD) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Julai 2011 dan diletakkan di bawah seliaan Datuk Bandar Kuala Lumpur. JAD diterajui oleh Pengarah Gred WA54 bersama dengan dua puluh lapan (28) orang pegawai dan kakitangan. Pecahan perjawatan adalah seperti berikut :-

Bil.	Jawatan	Bilangan
1.	Akauntan WA54	1
2.	Akauntan WA44	2
3.	Akauntan WA41	2
4.	Penolong Akauntan W36	4
5.	Penolong Pegawai Tadbir N32	1
6.	Setiausaha Pejabat N30	1
7.	Penolong Pegawai Sistem Teknologi FA29	1
8.	Penolong Akauntan W29	3
9.	Penolong Akauntan W29 (KUP W19)	1
10.	Pembantu Tadbir (Kewangan) W22	1
11.	Pembantu Tadbir (Kewangan) W19	3
12.	Pembantu Tadbir (Operasi) N19	5
13.	Pembantu Operasi N11	1
14.	Juruteknik Komputer FT19	1
15.	Pemandu Kenderaan H11	2
JUMLAH		29

2.0 FUNGSI

- 2.1 Menentukan sama ada operasi kewangan diuruskan dengan teratur dan dasar-dasar, undang-undang serta peraturan-peraturan dipatuhi;
- 2.2 Menentukan kekukuhan, kesempurnaan dan kebolehpercayaan rekod-rekod dalam Sistem Perakaunan dan Sistem Kawalan Dalaman;
- 2.3 Menilai secara teratur dan sistematik operasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan jabatan-jabatan dibawahnya dari segi kesempurnaan, kemampuan, kecekapan dan kekesan;
- 2.4 Mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaiki pengurusan kewangan, stok dan sumber-sumber lain demi meningkatkan akauntabiliti; dan
- 2.5 Mengemukakan laporan bebas dan berkecuali kepada Datuk Bandar mengenai operasi jabatan-jabatan di bawah DBKL supaya beliau dapat membuat keputusan dengan tepat.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menjalankan auditan berpandukan Rancangan Audit Tahunan bagi memastikan semua aktiviti serta tanggungjawab Jabatan DBKL telah dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang, peraturan kewangan, prosedur dan pekeliling yang digunapakai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan mengemukakan laporan kepada Datuk Bandar mengenai hasil auditan; dan
- 3.2 Membantu menjaga imej Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari segi pengurusan kewangan yang bersih, sempurna dan teratur.

4.0 PERANAN

- 4.1 Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman DBKL;
- 4.2 Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
- 4.3 Mengkaji aktiviti DBKL diuruskan secara berhemah, cekap dan berkesan;
- 4.4 Mengkaji aset dan kepentingan DBKL dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;
- 4.5 Memberi nasihat / pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT;
- 4.6 Melaporkan kepada Datuk Bandar hasil pengauditan dan memantau tindakan susulan diambil oleh Jabatan DBKL mengenai perkara yang dibangkitkan;
- 4.7 Menyediakan Rancangan Audit Tahunan untuk kelulusan Datuk Bandar; dan
- 4.8 Membentangkan Rancangan Tahunan dan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat Jawatankuasa Audit DBKL.

5.0 BAJET

- 5.1 Bajet yang diperuntukkan kepada JAD pada tahun 2019 adalah
RM 78,500.00.
- 5.2 Jumlah perbelanjaan sehingga 31 Disember 2019 adalah
RM 75,883.99
(96.67%).

6.0 STRUKTUR ORGANISASI JAD

- 6.1 Selaras dengan kompleksiti fungsi dan tanggungjawab DBKL, JAD telah dikembangkan kepada lima (5) Bahagian seperti berikut :-
 - 6.1.1 Bahagian Audit Sektor Perancangan
 - 6.1.2 Bahagian Audit Sektor Pengurusan Projek
 - 6.1.3 Bahagian Audit Sektor Pengurusan
 - 6.1.4 Bahagian Audit Sektor Pembangunan Sosioekonomi
 - 6.1.5 Bahagian Pentadbiran & Kewangan

7.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

7.1 Lawatan Audit Committee of Sejong City Government, Republic of Korea

JAD telah menerima lawatan kerja dari 10 orang ahli Audit Committee of Sejong City Government, Republic of Korea. Lawatan ini telah diadakan pada 12 April 2019 (Jumaat) di Bilik Mesyuarat Utama Tingkat 3, Menara DBKL 1. Sesi taklimat telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan turut dihadiri Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek dan Pengarah Eksekutif Pengurusan.

Satu taklimat ringkas telah disampaikan oleh Pengarah JAD dan diikuti oleh Pengarah Jabatan Integriti.

Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi mendapatkan gambaran sebenar audit dilaksanakan di DBKL serta bertukar-tukar pendapat. dan Kuala Lumpur pada 29-31 Julai 2019 dan 23-24 Ogos 2019.



7.2 Persidangan Tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama Agensi Bagi Tahun 2019

Persidangan Tahunan Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan Bersama Agensi adalah satu inisiatif di bawah Teras 5: Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam Kementerian Wilayah Persekutuan. Di bawah program ini, Unit Audit Dalam Kementerian Wilayah Persekutuan dan Audit Dalam Agensi bergilir-gilir menganjurkan persidangan audit pada setiap tahun mulai tahun 2014. Persidangan pada kali ke-6 ini telah diadakan pada 15 hingga 18 Oktober 2019 di Lazenda Hotel, Labuan di bawah anjuran Unit Audit Dalam, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Perbadanan Labuan (PL).

'Bersama Meningkatkan Akauntabiliti' telah dipilih sebagai tema persidangan pada kali ini. Tema ini dipilih bagi memenuhi objektif persidangan seperti berikut :-

- i. Memperkasakan Pengauditan Pengurusan Kewangan (AI) berasaskan risiko;
- ii. Memberikan pendedahan dan pengetahuan terhadap pelaksanaan pengauditan dan pemilihan sampel; dan
- iii. Persidangan sebagai platform bagi mengeratkan kerjasama, perkongsian ilmu, idea dan pengalaman melaksanakan pengauditan.



7.3 Bengkel Gerak Kerja Jabatan Audit Dalam Tahun 2020

JAD telah mengadakan Bengkel Gerak Kerja Tahun 2020 pada 23 hingga 25 Oktober 2019 di Weil Hotel, Ipoh, Perak. Bengkel ini diadakan bagi memastikan para peserta dapat memberi komitmen sepenuhnya untuk mencapai tujuan berikut :-

- i. Merangka program dan menyusun atur gerak kerja Audit bagi tahun 2020;
- ii. Merangka gerak kerja Pentadbiran JAD bagi tahun 2020; dan
- iii. Meningkatkan ukhwah di antara pegawai dan kakitangan demi memantapkan dan melancarkan tugas harian di JAD.



8.0 PROGRAM PENGAUDITAN

8.1 Rancangan Audit Tahunan (RAT)

Rancangan Audit Tahunan (RAT) yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 adalah seperti berikut:-

Bil.	Tajuk	Auditi	Bilangan Penemuan
1.	Pengauditan Terhadap Bangunan Yang Dibina Tidak Mengikut Pelan Bangunan Yang Diluluskan	Jabatan Kawalan Bangunan (JKB)	10
2.	Pengauditan Pengurusan Kontrak Penyelenggaraan Jalan	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS)	6
3.	Pengauditan Pengurusan Terimaan Kutipan Hasil Secara <i>Offline</i>	Jabatan Kewangan (JKEW)	4
4.	Pengauditan Terhadap Urusan Pendaftaran Permohonan Penyewaan Rumah PA/PPR DBKL	Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB)	4

8.2 Status Maklum Balas Dashboard Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)

Ministerial Key Performance Indicator (M-KPI) YB Menteri Wilayah - Peratusan Penyelesaian Teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) sebanyak 90% hendaklah diselesaikan dalam tempoh 1 tahun selepas dibentangkan di Parlimen.

8.2.1 Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 Tahun 2017

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) ini telah dibentangkan di Parlimen pada 6 Ogos 2018. Sebanyak enam (6) teguran perlu diselesaikan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pembentangan LKAN di Parlimen. Teguran-teguran tersebut telah berjaya diselesaikan 100% pada 5 Ogos 2019.

Berikut adalah paparan status teguran audit tersebut di AG's *Dashboard*:-

Bil	Tajuk Kajian Audit	LKAN Siri /Tahun	*Status Di <i>Dashboard</i> Jan (Bilangan)		
			Hijau	Kuning	Merah
1.	Projek Kawalan Kualiti Air Sungai Di Bawah Komponen Pembersihan Sungai Program <i>River Of Life</i> (ROL) Auditi : <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) • Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) • Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 	1/2017	6	-	-
JUMLAH			6	-	-

*** Nota :**

Status : Hijau - Selesai

Status : Kuning - Dalam Tindakan

Status : Merah - Tiada Tindakan

8.3 Audit Penampilan / Khas

JAD juga telah melaksanakan beberapa audit penampilan / khas sepanjang tahun 2019 seperti berikut: -

Bil.	Tajuk	Auditi
1.	Lelongan Awam	Jabatan Pentadbiran Bahagian Pengurusan Perolehan (JP.BPP)
2.	Lesen Paparan Iklan Luar Langit	Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja (JPPP)
3.	Pengauditan Cadangan Ubahsuai Rumah Tamu Di Lot 62, Jalan Liew Weng Chee Off Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur Untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB)
4.	Sambutan Jubli Emas Jabatan Penguatkuasaan	Jabatan Penguatkuasaan (JPK)

Jabatan Integriti

1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Unit Integriti pada asalnya merupakan salah satu daripada fungsi Jabatan Pengurusan Sumber Manusia yang menguruskan isu integriti dan tata tertib pegawai dan kakitangan DBKL.
- 1.2 Namun begitu, selaras dengan keputusan kerajaan, Jabatan Integriti DBKL ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 dan diletakkan di bawah seliaan Pejabat Datuk Bandar Kuala Lumpur. Ini bertujuan sebagai focus point kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di peringkat DBKL.
- 1.3 Jabatan ini bertanggungjawab memantau pematuhan undang-undang, dasar dan garis panduan berkaitan pengurusan disiplin pegawai dan kakitangan bagi mengukuhkan integriti DBKL. Di samping itu, Pegawai Jabatan ini bertanggungjawab menjalankan tindakan risikan dan siasatan terhadap aduan salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai dan kakitangan DBKL.
- 1.4 Jumlah pegawai dan kakitangan di Jabatan Integriti adalah 28 orang.

2.0 FUNGSI

Fungsi utama Jabatan Integriti telah dipecahkan kepada tujuh (7) bahagian utama iaitu:-

2.1 Unit Pengukuhan Integriti

- 2.1.1 Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan program kesedaran, latihan, seminar dan pendidikan bagi meningkatkan amalan nilai-nilai murni, etika dan integriti pegawai/kakitangan agensi.
- 2.1.2 Memantau dan menganalisis prestasi dan pelaporan pelaksanaan program pengukuhan integriti dan penerapan nilai-nilai murni di agensi.

- 2.1.3 Menyelaras, menyediakan artikel/input bahan-bahan bacaan pengukuhan integriti untuk penerbitan, cetakan, hebahan dan promosi kepada pegawai dan kakitangan.
- 2.1.4 Membuat jaringan kerjasama jabatan-jabatan di organisasi dan agensi luar untuk membentuk program pengukuhan integriti.
- 2.1.5 Melaksanakan advokasi pencegahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan kepada warga DBKL.

2.2 Unit Tadbir Urus

- 2.2.1 Menyemak dan mengkaji dasar, sistem dan prosedur kerja serta mencadangkan penambahbaikan.
- 2.2.2 Menyelia dan menyelaras penambahbaikan sistem prosedur bagi memastikan tadbir urus yang terbaik.
- 2.2.3 Membuat semakan lanjut berdasarkan maklumbalas yang diterimandan membuat tindakan pematuhan dan pengukuhan integriti sekiranya perlu.
- 2.2.4 Menentukan pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Anti-Rasuah (JAR).
- 2.2.5 Mengambil tindakan susulan ke atas keputusan Mesyuarat JAR Kementerian.

2.3 Unit Siasatan Dan Risikan

- 2.3.1 Menyelaras tugas-tugas pengesanan dan pengesahan pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- 2.3.2 Melaporkan kes bersifat jenayah kepada agensi penguatkuasa yang bertanggungjawab.
- 2.3.3 Menjalankan penyiasatan awal dalaman untuk mengesahkan wujudnya asas pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta mengemukakan hasil siasatan kepada pihak urus setia tatatertib bagi tindakan susulan.
- 2.3.4 Penyediaan laporan untuk pertimbangan dan keputusan Ketua Jabatan.
- 2.3.5 Membantu mempercepatkan prosiding tatatertib dengan mendapatkan keterangan dan dokumen sokongan berkaitan tatatertib.

2.4 Unit Aduan

- 2.4.1 Mewujudkan satu Sistem Pengurusan Aduan (manual/online) dalam organisasi.
- 2.4.2 Menyelia, memantau dan mengurus serta merekod penerimaan maklumat/aduan mengenai salah laku dan pelanggaran tatatertib bagi pegawai dan kakitangan DBKL.
- 2.4.3 Memastikan penapisan maklumat/aduan dilakukan, iaitu maklumat/aduan berkaitan integriti dan pelanggaran tatakelakuan serta etika dibawa ke peringkat seterusnya untuk diambil tindakan.
- 2.4.4 Mengedarkan maklumat/aduan yang bersifat pentadbiran untuk tindakan dalaman DBKL.
- 2.4.5 Menerima Laporan SPRM dan merujuk kepada Ketua Jabatan untuk tindakan lanjut.
- 2.4.6 Menyediakan statistik bagi aduan yang diterima.
- 2.4.7 Menyediakan Laporan Jabatan untuk pemantauan MPT DBKL dan SPRM.

2.5 Unit Pematuhan

- 2.5.1 Menyelia tahap pematuhan agensi dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan sistem dan prosedur dan lain-lain peraturan yang berkuatkuasa pada setiap peringkat dalam agensi.
- 2.5.2 Menyemak, mengkaji dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan berkaitan ketidakpatuhan terhadap dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa.
- 2.5.3 Menyelia pelaksanaan pemeriksaan berjadual/berkala atau tidak berjadual terhadap pematuhan peruntukan undang-undang, peraturan dan arahan.
- 2.5.4 Menyelia isu ketidakpatuhan untuk tindakan susulan.

2.6 Unit Tatatertib

- 2.6.1 Menyediakan kertas untuk pertimbangan Pengerusi Lembaga Tatatertib Bebas dan Rayuan bagi menentukan wujud atau tidak suatu kesalahan.
- 2.6.2 Menyediakan surat pertuduhan kepada pegawai yang dituduh.
- 2.6.3 Menyelaras dan mengurusati Mesyuarat Lembaga Tatatertib Bebas dan Rayuan.
- 2.6.4 Menyelia tindakan susulan terhadap keputusan/hukuman Mesyuaratn Lembaga Tatatertib Bebas dan Rayuan.
- 2.6.5 Menyelaras dan menyediakan laporan tatatertib kepada lain-lain pihak yang berkaitan.
- 2.6.6 Memastikan kes-kes tatatertib semasa dan tertunggak diselesaikan segera.
- 2.6.7 Menyediakan statistik dan data-data kes tatatertib untuk mengenal pasti isu dan trend bagi cadangan penambahbaikan penginstitusian di DBKL.

2.7 Unit Pentadbiran

- 2.7.1 Pentadbiran hal ehwal Jabatan (pengurusan, pembelian dan pelupusan aset, stor, urusan stok dan pembelian barangan, e-Akses, cuti, GL).
- 2.7.2 Menguruskan mesyuarat/taklimat Jabatan.
- 2.7.3 Menyelaras pengumpulan data aktiviti-aktiviti Jabatan.
- 2.7.4 Menguruskan hal ehwal keperluan komputer dan ICT serta urusan penyenggaraan mesin pejabat.
- 2.7.5 Menyelaras pembukaan dan penutupan fail-fail terbuka/terperingkat Jabatan.
- 2.7.6 Pengurusan Kewangan Jabatan.
- 2.7.7 Penyediaan Belanjawan Tahunan Jabatan.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Melahirkan pegawai dan kakitangan DBKL yang berintegriti ke arah budaya kerja unggul dengan menerapkan ciri-ciri moral bagi membendung pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

4.0 BAJET

4.1 Perbelanjaan Mengurus

Daripada sejumlah RM2,374,800 yang diperuntukkan, jabatan telah membelanjakan sebanyak RM2,249,551.54 dengan peratusan pencapaian sebanyak 94.7% di bawah peruntukan 2019.

Perkara	Tahun 2019 (RM)	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	2,374,800.00	94.7
Perbelanjaan	2,249,551.54	

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

- 5.1 Pada tahun 2019, sebanyak dua puluh lapan (28) program integriti telah dilaksanakan oleh Jabatan Integriti. Ringkasan aktiviti adalah seperti di Jadual:

Bil	Nama Program	Tarikh / Lokasi	Jumlah Penyertaan
1.	Kursus Kem Jati Diri Integriti (Smart Insani) Untuk Pegawai dan kakitangan DBKL	29 - 31 Januari 2019 / Seri Suasana DBKL @ PD	38 Orang
2.	Kursus Explorasi Insani Untuk Jabatan-Jabatan Terpilih DBKL	13 - 15 Februari 2019 / Kalumpang Resort & Training Centre	26 Orang

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Nama Program	Tarikh / Lokasi	Jumlah Penyertaan
3.	Kursus Pemantapan Kerohanian dan Sahsiah Diri Serta Pemantapan Proses Kerja / MyPortfolio Untuk Penyelia Kuarters dan Rumah Rehat DBKL	29 Februari - 1 Mac 2019 / Rumah Rehat Pulau Pinang	30 Orang
4.	Kursus Integriti Berasaskan Nilai Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	5 - 6 Mac 2019 / IDB	35 Orang
5.	Program Talk Show Penerapan Nilai-Nilai Murni Untuk Pegawai dan kakitangan DBKL	13 Mac 2019 / IDB	43 Orang
6.	Lawatan ke PETRONAS untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Integriti, DBKL	18 Mac 2019 / PETRONAS KLCC	26 Orang
7.	Kursus ECO Management Retreat & Kepimpinan Integriti 2019 DBKL	19 - 21 Mac 2019 / Cherengin Hills Spa Resort, Janda Baik	29 Orang
8.	Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Murni Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	2 April 2019 / IDB	90 Orang
9.	Program Pengukuhan Sahsiah Peringkat DBKL	5 - 6 April 2019 / Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Jalan Tun Perak	145 Orang
10.	Executive Talk Oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM kepada Pengurusan Tertinggi DBKL	10 April 2019 / Bilik Gerakan Menara DBKL 1	28 Orang
11.	Kursus Pengukuhan Jati Diri (Smart Insani) Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	10 - 12 April 2019 / Seri Suasana DBKL @ PD	22 Orang
12.	Kursus Integriti dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	23 - 24 April 2019 / IDB	33 Orang
13.	Program Bicara Integriti Ketua Setiausaha Negara Bersama Pegawai-Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional DBKL	2 Mei 2019 / Auditorium DBKL	334 Orang
14.	Program Pemantapan Ibadah	22 Mei 2019 / Surau Balai Islam, Jalan Tun Razak	49 Orang
15.	Program Taklimat Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP)	19 Jun 2019 / Auditorium DBKL	515 Orang
16.	Corruption Risk Management (CRM)	27 Jun 2019 / IDB	26 Orang
17.	Program Post Myintegrity Management Retreat 2019	1 Julai 2019 / Jabatan Integriti	29 Orang
18.	Kursus Asas Siasatan Pegawai dan Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	2 - 4 Julai 2019 / Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia	25 Orang
19.	Kursus Integriti dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam Untuk Pegawai dan kakitangan DBKL	23 - 24 Julai 2019 / IDB	40 Orang
20.	Ceramah Penerapan Nilai-Nilai Murni	6 Ogos 2019 / Tamu Hotel	30 Orang
21.	Lawatan ke SPRM Putrajaya Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	8 Ogos 2019 / SPRM Putrajaya	30 Orang
22.	Kursus Kem Jati Diri Integriti Untuk Pegawai dan Kakitangan DBKL	26 - 28 Ogos 2019 / Flamingo Hotel by The Beach	45 Orang
23.	Bicara Integriti Daie Selebriti	5 September 2019 / IDB	600 Orang
24.	Kursus Pemantapan Jati Diri Rekrut Jabatan Penguatkuasaan	11 - 13 September 2019 / Seri Suasana DBKL @ PD	52 Orang
25.	Simposium Pegawai Integriti Malaysia 2019	18 September 2019 / IDB	500 Orang
26.	Taklimat Garis Panduan Untuk Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Kerajaan	20 September 2019 / Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1	60 Orang
27.	Kursus Asas Siasatan Pegawai Dan Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Siri 2	24 - 26 September 2019 / Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia	25 Orang
28.	Retreat Leadership Jabatan Integriti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2019	18 - 20 Oktober 2019 / Asiacamp Resort @ Taman Negara	30 Orang

5.2 Statistik Jenis Aduan Tahun 2016 – 2019

Bil	Cara Penerimaan Aduan	Tahun			
		2016	2017	2018	2019
1.	Surat layang	24	11	15	20
2.	Bersemuka	12	24	51	49
3.	Emel	7	14	30	23
4.	Surat menyurat	24	33	28	52
5.	Panggilan telefon / aplikasi whatsapp	2	16	27	37
6.	Lain-lain (sila nyatakan)				
	i) SPRM	50	35	37	25
	ii) Aduan ISPAAA	-	2	7	21
	iii) Arahan Pegawai	10	7	11	9
JUMLAH		129	142	206	236

5.3 Statistik Kertas Siasatan Tahun 2016 – 2019

Tahun	Bilangan
2016	25
2017	37
2018	41
2019	31

5.4 Statistik Hukuman Tatatertib Tahun 2016 – 2019

Bil	Hukuman	2016	2017	2018	2019
1.	Amaran	79	75	34	42
2.	Denda	15	19	5	13
3.	Perlucuthakan Gaji	79	80	38	34
4.	Turun Gaji	1	4	1	4
5.	Buang Kerja	11	15	10	11
6.	Warta	5	7	5	4
7.	Celaan	-	-	-	-
8.	Turun Pangkat	-	-	-	-
9.	Surcaj	-	-	-	2
10.	Kes Digugurkan	-	-	-	3
JUMLAH		190	200	93	113

5.5 Statistik Aktiviti Pematuhan Tahun 2019

Bil	Perkara / Aktiviti	Jumlah
1.	Undian	9
2.	Temuduga Awam	3
3.	Taklimat	3
4.	Lawatan	7
5.	Audit	-
6.	Operasi	15
7.	Naziran Mengejut	8
JUMLAH KESELURUHAN		45



SEKTOR PERANCANGAN

>>> www.dbkl.gov.my <<<



Jabatan Perancangan Bandaraya

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan Perancangan Bandar telah ditubuhkan pada tahun 1984. Melalui penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Ogos 2015, Jabatan Perancangan Bandar telah digabungkan dengan Jabatan Perancangan Fizikal dan terbentuklah Jabatan Perancangan Bandaraya (JPRB).

2.0 VISI DAN MISI

2.1 Visi

Menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia menjelang tahun 2020 melalui perkhidmatan perancangan yang dinamik.

2.2 Misi

Merancang pembangunan Kuala Lumpur berdasarkan Pelan Pembangunan yang berkualiti serta perkhidmatan Kawalan Perancangan yang cekap, efektif dan telus.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Melaksanakan perkhidmatan kawalan perancangan bertepatan dengan wawasan, dasar dan strategi Pelan Struktur Kuala Lumpur.
- 3.2 Mewujudkan saluran komunikasi dua hala yang efektif di antara jabatan dengan orang awam.
- 3.3 Memastikan perkhidmatan yang ditawarkan memenuhi kehendak pelanggan.
- 3.4 Memastikan pegawai dan kakitangan jabatan diberi latihan yang secukupnya bersesuaian dengan bidang tugas masing-masing.

4.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

- 4.1 Pengurusan Pelaksanaan Pelan Struktur Kuala Lumpur
- 4.2 Pengurusan Pelaksanaan Pelan-Pelan Tempatan
- 4.3 Kawalan Perancangan Pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 4.4 Urus Setia Pusat Setempat (OSC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 4.5 Penyediaan Garis Panduan Perancangan
- 4.6 Menyelaras Ulasan Perakuan Perancangan Bagi Permohonan dan Penyewaan Tanah Kerajaan, PTP dan DBKL
- 4.7 Perancangan Bandar Mampan
- 4.8 Pengurusan Maklumat dan Data Perancangan

5.0 PIAGAM PELANGGAN

- 5.1 Menyemak semula Pelan Struktur Kuala Lumpur dalam tempoh 10 tahun selepas pelan diwartakan.
- 5.2 Menghasilkan draf semakan Pelan Struktur Kuala Lumpur dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pelantikan Perunding.
- 5.3 Menghasilkan draf semakan sebahagian daripada Pelan Tempatan yang telah diwartakan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh arahan Datuk Bandar.
- 5.4 Mengeluarkan keputusan kepada pemohon bagi cadangan pembangunan yang diterima di Urusetia Pusat Setempat tidak melebihi dari tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengikut jenis permohonan seperti Jadual 1.
- 5.5 Mengeluarkan kelulusan pelan pembangunan landskap dalam tempoh 45 hari daripada tarikh permohonan diterima.
- 5.6 Mengeluarkan perakuan ke atas permohonan tanah kerajaan kepada Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) Kuala Lumpur dalam tempoh 30 hari dari tarikh menerima surat permohonan daripada PTGWP.
- 5.7 Mengeluarkan data perancangan tidak terperingkat dalam tempoh 14 hari dari tarikh menerima permohonan.
- 5.8 Mengeluarkan Perintah Pembangunan dalam tempoh 15 hari selepas pemohon mematuhi Senarai Semak Pasca JKTPS/JKPS.

Bil	Jenis Permohonan	Tidak Melibatkan Proses Pelawaan Bantahan (Kaedah 5)	Melibatkan Proses Pelawaan Bantahan (Kaedah 5)
i	Permohonan 4 Serentak	111 Hari	139 Hari
ii	Permohonan 3 Serentak (Yang Melibatkan Perihal Tanah)	111 Hari	139 Hari
iii	Permohonan 3 Serentak (Yang Tidak Melibatkan Perihal Tanah)	80 Hari	108 Hari
iv	Permohonan 2 Serentak (Yang Melibatkan Perihal Tanah)	108 Hari	139 Hari
v	Permohonan 2 Serentak (Yang Tidak Melibatkan Perihal Tanah)	80 Hari	108 Hari
vi	Kelulusan Kebenaran Perancangan	57 Hari	108 Hari

Jadual 1 : Tempoh Pemprosesan Cadangan

6.0 PERJAWATAN DAN CARTA ORGANISASI JABATAN PERANCANGAN BANDARAYA

Jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan Jabatan Perancangan Bandaraya adalah seramai **299** orang seperti Jadual 2.


Kategori	Status Jawatan		Jumlah
	Tetap	Kontrak	
Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 - Jusa B)	47	-	47
Kumpulan Pelaksana (Gred 17 - 40)	215	6	221
Kumpulan Pelaksana (Gred 1 - 16)	23	8	31
JUMLAH	285	14	299

Jadual 2 : Perjawatan Jabatan Perancangan Bandaraya

Jabatan Perancangan Bandaraya mempunyai tiga (3) sektor yang berperanan melaksanakan perancangan dan pengurusan bandaraya seperti di Carta 1. Sektor berkenaan ialah:-

- i. Sektor Kawalan Pembangunan
- ii. Sektor Penyelidikan & Penyelarasan Pembangunan
- iii. Sektor Perancangan Fizikal

Carta 1 : Carta Organisasi JPRB



7.0 LAPORAN KEWANGAN DAN BAJET MENGURUS

Peruntukan perbelanjaan Sektor Kawalan Pembangunan dan Sektor Penyelidikan & Penyelarasan Pembangunan berada di dalam satu vot Kod S2200 seperti Jadual 3. Manakala peruntukan Sektor Perancangan Fizikal berada di dalam vot Kod S2100 seperti Jadual 4.

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Belanja
Bajet Mengurus	1,663,200.00	1,150,668.00	70% RM 490,531.90

Jadual 3 : Vot Peruntukan (Kod : S2200)

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	% Belanja
Bajet Mengurus	3,050,500.00	1,850,339.52	60.65% (RM 1,200,160.48)

Jadual 4 : Vot Peruntukan (Kod : S2100)


8.0 PENCAPAIAN DAN AKTIVITI MENGIKUT SEKTOR

8.1 Sektor Penyelidikan & Penyelarasan Pembangunan

8.1.1 Pengawasan Pembangunan dan Penilaian Permohonan Lesen

Ulasan terhadap Permohonan Lesen Premis yang telah dikemukakan oleh Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja melalui Sistem E-Lesen berjaya 100% diproses dan diberi maklumbalas mengikut tempoh yang telah ditetapkan seperti di dalam Carta 2.

Carta 2 : Statistik Permohonan Baru Lesen Premis Dan Komposit Tahun 2019



Perkara	Premis	KOMPOSIT	Jumlah
Jumlah Permohonan	7,032	8,008	15,040

8.1.2 Aduan Awam

Sejumlah 151 Aduan Awam telah diterima oleh pihak Jabatan ini melalui Sistem iSPAA sepanjang tahun 2019. Daripada jumlah berkenaan hanya 44 aduan sahaja yang berkaitan dengan Jabatan ini. 44 aduan ini telah berjaya diselesaikan mengikut Piagam Pelanggan yang ditetapkan iaitu dalam tempoh 3 hari bekerja.

Bulan	Aduan Awam Yang Diterima	Untuk Tindakan Jabatan
Januari	15	1
Februari	4	1
Mac	25	13
April	12	1
Mei	10	4
Jun	7	1
Julai	18	6
Ogos	15	1
September	8	1
Oktober	11	3
November	14	6
Disember	12	6
JUMLAH	151	44

Jadual 5 : Bilangan dan Status Aduan Awam Melalui Sistem iSPAA bagi Tahun 2019.

8.1.3 Garis Panduan Perancangan

Jabatan telah menyediakan lima (5) garis panduan perancangan bagi tahun 2019. Garis panduan tersebut adalah:-

- i. Garis Panduan Perancangan Perumahan Khas Warga Emas
- ii. Garis Panduan Perancangan Perumahan Mikro
- iii. Garis Panduan Perancangan Pusat Jagaan
- iv. Garis Panduan Perancangan Pusat Tahfiz
- v. Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kereta Edisi 2019

Disamping itu, dua (2) garis panduan perancangan yang sedang disemak semula iaitu selaras dengan dasar perancangan perancangan semasa dan arahan Jawatankuasa Pusat Setempat. Garis Panduan tersebut adalah:

- i. Garis Panduan Perancangan Peratusan Unit Kecil Dalam Pembangunan Komersil Bercirikan Kediaman
- ii. Garis Panduan Perancangan Penubuhan Tadika di WPKL

8.1.4 Sesi Percambahan Idea Bagi Penyediaan Garis Panduan Perancangan Perumahan Khas Warga Emas & Perumahan Mikro Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Program ini telah diadakan pada 21 Oktober 2019 bertujuan untuk membantu pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menghasilkan Garis Panduan Perancangan Perumahan Khas Warga Emas & GPP Perumahan Mikro yang komprehensif supaya boleh diterima pakai oleh semua pihak tanpa mengeneipkan ketetapan zon guna tanah dan Intensiti pembangunan yang ditetapkan oleh Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL2020).



8.1.5 Program-Program Unit Di Bahagian Perancangan Mampan

i. Unit Bandar Hijau

Bil.	Tarikh	Nama Program
1.	30 Januari 2019	Pelancaran Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL 2030).
2.	18 - 20 April 2019	Bengkel Pengiraan Pelepasan Karbon di Kuala Lumpur di Pulau Spring, Johor.
3.	30 - 2 Julai 2019	Lawatan Kerja ke Iskandar Malaysia, Johor.
4.	15 Ogos 2019	Penyertaan Anugerah Kejiranan Hijau - Komuniti TTDI dan Komuniti SPK Damansara.
5.	23 Ogos 2019	Mengadakan Pameran PIMRK KL 2030 dalam Program Kolaborasi Bandar Tokyo Metropolitan Government (TMG) dengan DBKL di Biro Perancangan Kuala Lumpur.
6.	6 - 11 Oktober 2019	Mengadakan Pameran PIMRK KL 2030 dalam International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) di Lobi Menara 1, DBKL.
7.	23 Oktober 2019	Bengkel Pengiraan Pelepasan Karbon di Kuala Lumpur di IDB.

Jadual 6 : Program Sepanjang Tahun 2019 Unit Bandar Hijau

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM



Pelancaran Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 (PIMRK KL 2030)



Mengadakan Pameran PIMRK KL 2030 dalam Program Kolaborasi Bandar Tokyo Metropolitan Government (TMG) dengan DBKL di Biro Perancangan Kuala Lumpur



Mengadakan Pameran PIMRK KL 2030 dalam International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) di Lobi Menara 1, DBKL

ii. Unit Local Agenda 21 Kuala Lumpur

Bil.	Tarikh	Nama Program
1.	20 - 21 Januari 2019	Retreat Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2019
2.	13 - 14 Februari 2019	Pembentangan kepada Peserta Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2019
3.	18 Februari 2019	Networking Session : Urban Farming LA21 KL in Creating Stronger Communities sempena Malaysia Urban Forum.
4.	19 Februari 2019	Lawatan Teknikal ke Bukit Bintang anjuran JK Kebersihan Bukit Bintang LA21 KL sempena Malaysia Urban Forum 2019
5.	10 Mac 2019	Program Gotong-Royong Kebun Kerinchi
6.	21 Mac 2019	Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2019
7.	21 Mac 2019	Program Grow Rimba - Eco Volunteerism - Anugerah <i>Jungle Ambassador LA21</i> Sungai Bonus sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2019
8.	27 April 2019	Jom Bersih Bukit Bintang 16
9.	4 Mei 2019	Hot Composting Workshop @ Kebun Kebun Bangsar
10.	5 Mei 2019	Program Fun Cycle "Rediscovering Sg. Bonus"
11.	21 Jun 2019	Program Keselamatan Diri Kanak-Kanak : Bertindak Bijak Jangan Jadi Mangsa! (<i>Be Your Own Bodyguard</i>) Untuk Murid Sekolah Rendah Kawasan Brickfields
12.	1-2 Julai 2019	Kursus Kesedaran KL ke Arah Low Carbon dan Lawatan Ke Kebun Kejiranan LA21KL di Perumahan Awam Sri Perlis II
13.	9 & 16 Julai 2019	Kursus Inovasi Penggunaan Semula Tayar Terpakai
14.	19 Julai 2019	Program Walkabout Bukit Bintang
15.	25 Julai 2019	Lawatan Tapak ke Kebun Kejiranan Perumahan Awam Seri Perlis 2 LA21 KL sempena Kursus Kuala Lumpur Regional Training Centre (KLRTC) ke-35
16.	22 Ogos 2019	Program Keselamatan Diri Kanak-Kanak : Bertindak Bijak Jangan Jadi Mangsa! (<i>Be Your Own Bodyguard</i>) Untuk Murid Sekolah Rendah Kawasan Brickfields
17.	21 - 23 September 2019	Lawatan Teknikal Jawatankuasa Kerja Projek Pengurusan Sisa & Amalan Terbaik LA21KL ke Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Majlis Daerah Kampar
18.	29 September 2019	Program Pemindahan Ilmu Kebun-Kebun Sentosa
19.	4 - 6 Oktober 2019	Bengkel Pembentukan Pasukan Simfoni Tunas Warisan Angklung (Sutrawarna) Siri 2 Local Agenda 21 Kuala Lumpur
20.	12 Oktober 2019	Jom Bersih Bukit Bintang 17
21.	19 Oktober 2019	Kursus Reka bentuk dan Susun Atur Taman Herba
22.	19 Oktober 2019	Program Sungai Bonus Fun Walk 4 River
23.	20 Oktober 2019	Program <i>Intergenerational Walk</i> sempena Sambutan Hari Warga Emas dan Hari Datuk Nenek Kebangsaan (KLBAR) LA21 KL sempena KL Car Free Morning
24.	2 November 2019	Program Gotong Royong Kebun Kebun Sentosa
25.	15 November 2019	TTDI Edible Garden menerima Gold Award sempena MIP MyPlace Award 2019
26.	17 November 2019	Program Walkabout Brickfields SafeCity bersama Datuk Bandar
27.	23 - 24 November 2019	Kursus Asas Herba: Penanaman dan Rahsia Herba Siri 1
28.	28 November 2019	Lawatan Sistem Kompos AF di PPR Seri Alam
29.	31 November 2019 - 1 Disember 2019	Kursus Asas Herba: Penanaman dan Rahsia Herba Siri 1
30.	17 - 18 Disember 2019	Kursus Bio Kompos Kebun Kejiranan

Jadual 7 : Program Sepanjang Tahun 2019 Unit Local Agenda 21 Kuala Lumpur

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM



iii. Unit Bandar Pintar

Bil.	Tarikh	Nama Program
1.	11 Januari 2019	Bengkel Kumpulan Fokus Jejak Batu Road
2.	11 Januari 2019	Bengkel Kumpulan Fokus Jejak Merdeka Malaysia
3.	31 Januari 2019	Sesi Perkongsian Pembentangan Oleh International Green Training Centre (IGTC) Berkenaan "Green Technology" Bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
4.	11 April 2019	Taklimat Senior Executive Development Programme (SEDP) 2019 'Transforming Cities For A Digital World'.
5.	24 September 2019	Mengadakan pameran sempena Persidangan Antarabangsa Cities 4.0 – Unlocking Functional & Sustainable Cities For All
6.	11 Oktober 2019	Sesi Perkongsian Dan Dialog Oleh Ernst & Young Advisory Sdn.Bhd. (EY'S) Berkenaan 'Smart Cities Development Framework'

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil.	Tarikh	Nama Program
7.	14-17 Oktober 2019	Persidangan Seventh Asia-Pacific Urban Forum (APUF-7)
8.	19 Oktober 2019	Perasmian 'KL DULU'
9.	22 Oktober 2019	Sesi Perkongsian Berkenaan Pelan Induk Daya Saing Bandar & Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon 2030

Jadual 8 : Program Sepanjang Tahun 2019 Unit Bandar Pintar

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM



Perasmian 'KL DULU'



Bengkel Kumpulan Fokus Group Jejak Batu Road dan Fokus Jejak Merdeka Malaysia



Mengadakan pameran sempena Persidangan Antarabangsa Cities 4.0 – Unlocking Functional & Sustainable Cities For All



Persidangan Seventh Asia-Pacific Urban Forum (APUF-7)

iv. Unit Penjenamaan Bandar

Bil.	Tarikh	Nama Program
1.	19 September 2019	Persidangan 11th World Class Sustainable Cities 2019 (WCSC 2019) (WCSC XI) di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur
2.	20 September 2019	“Special Master Class Session” sempena “11th World Class Sustainable Cities 2019 (WCSC 2019)” di Institut Latihan Dewan Bandaraya (IDB), Kuala Lumpur
3.	5 November 2019	Mengadakan Pameran sempena National Planning Congress (NPC) di Dewan Persidangan Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPJ), Presint 3, Putrajaya
4.	10 November 2019	Mengadakan pameran sempena Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019 (HPBS2019) di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Jadual 9 : Program Sepanjang Tahun 2019 Unit Penjenamaan Bandar

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM



World Class Sustainable Cities 2019 ke 11



Special Master Class Session sempena 11th World Class Sustainable Cities



National Planning Congress (NPC)



Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019

v. Unit Bandar Berdaya Tahan

Bil.	Tarikh	Nama Program
1.	19 - 21 Mac 2019	Sesi MOU - Global Covenant of Mayor for Climate & Energy in Malaysia di Double Tree by Hilton, Johor Bahru.
2.	18 - 20 Jun 2019	The Launch of C40 Cities Climate Action Planning Programme, Southeast Asian, Jakarta City Hall.
3.	3 - 4 Julai 2019	Bengkel / Perasmian Produk Ramalan Cuaca Berskala Bandar di Hotel Zenith, Putrajaya bersama UKM.
4.	10 Julai 2019	Climate Action Plan SWOT Workshop di Dewan Megapuri DBKL
5.	23 & 24 Ogos 2019	Program Kolaborasi Bandar Tokyo Metropolitan Government (TMG) dengan DBKL di Biro Pelancongan Kuala Lumpur dan lawatan tapak sekitar Kuala Lumpur.
6.	6 - 11 Oktober 2019	International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia di Kuala Lumpur Convention Centre 1. Host City Mayor's Run To IGEM 2. Host City Pavillion 3. Host City Talk 4. Lawatan Teknikal Kebun Bandar
7.	15 Oktober 2019	Majlis Pelancaran dan Penyerahan Produk Ramalan Bencana Multi Hazard Platform (MHP) oleh UKM - Kumpulan Newton Ungku Omar Fund

Jadual 10 : Program Sepanjang Tahun 2019 Unit Bandar Berdaya Tahan

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM



Program Kolaborasi Bandar Tokyo Metropolitan Government (TMG) dengan DBKL di Biro Pelancongan Kuala Lumpur



CAP SWOT Workshop di Dewan Megapuri DBKL



Program IGEM 2019 - Host City Mayor's R



Program IGEM 2019 - Host City Talk



Program IGEM 2019 - Host City Talk



Majlis Pelancaran Dan Penyerahan Produk Ramalan Bencana Dikenali Multi Hazard Platform (MHP) daripada UKM kepada DBKL

8.2 SEKTOR KAWALAN PEMBANGUNAN

8.2.1 Pengeluaran Perintah Pembangunan

Sebanyak 688 Perintah Pembangunan (DO) telah dikeluarkan mengikut kategori manakala 176 Perintah Penolakan telah dibuat kerana tidak menepati syarat-syarat Perintah Pembangunan dan tamat tempoh pengemukaan pindaan. Keterangan lengkap seperti di Jadual 11 di bawah.

KATEGORI / BULAN	JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPTEMBER	OKTOBER	NOVEMBER	DISEMBER	JUMLAH
i. Pembinaan bangunan-bangunan baru	16	4	5	13	17	3	11	19	12	7	13	6	126
ii. i. Penukaran kegunaan tanah	1	-	3	4	6	3	4	5	5	3	3	4	41
iii. ii. Penambahan ketumpatan penduduk	1	-	1	-	1	-	1	1	2	-	-	1	8
iv. Pindaan kepada pelan yang diluluskan	6	3	16	15	16	7	6	26	14	10	14	17	150
v. Tambahan dan perubahan	24	9	12	15	13	10	17	19	25	22	23	18	207
vi. Bangunan / pembinaan sementara	7	5	1	1	4	2	1	2	6	5	7	5	46
vii. Penukaran sementara kegunaan bangunan	2	3	6	5	23	7	3	4	2	3	4	-	62
viii. Pembinaan struktur pemancar telekomunikasi	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	2
ix. Pelan Susunatur (pecahan sempadan dan penyatuan lot)	5	2	4	7	4	2	3	8	3	4	3	1	46
Jumlah	62	27	48	60	84	34	46	84	69	55	67	52	688
x. Perintah Penolakan	30	4	15	14	10	10	15	18	10	24	14	12	176
JUMLAH KESELURUHAN	92	31	63	74	94	44	61	102	79	79	81	64	864

Jadual 11 : Perintah Pembangunan Tahun 2019

8.2.2 Tuntutan Caj Pembangunan

Bagi tahun 2019, Jabatan telah membuat tuntutan Caj Pembangunan berjumlah RM 911,138,525.00 daripada pihak pemaju seperti di Jadual 12.

Bulan	Jumlah (RM)
Januari	3,242,000.00
Februari	930,000.00
Mac	42,324,000.00
April	94,598,500.00
Mei	164,802,500.00
Jun	655,000.00
Julai	88,212,500.00
Ogos	53,484,000.00

(bersambung...)

(...sambungan)

Bulan	Jumlah (RM)
September	56,560,000.00
Oktober	163,031,000.00
November	71,271,000.00
Disember	172,028,025.00
JUMLAH	911,138,525.00

Jadual 12 : Tuntutan Caj Pembangunan Tahun 2019

8.2.3 Tuntutan Sumbangan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF)


Sejumlah RM52,037,541.81 telah dituntut oleh pihak Jabatan sepanjang tahun 2019 meliputi RM35,750,000.00 untuk ISF Jalan, RM1,322,320.00 untuk ISF Parit dan RM14,965,221.81 untuk ISF Sumbangan. Tuntutan melibatkan permohonan yang tidak menyediakan ruang tempat letak kereta yang mencukupi, tidak menyediakan ruang pusat penjaja, dan kos pembinaan jalan keluar masuk.

Bulan	Jumlah Tuntutan Dan Sumbangan (RM)		
	ISF (Jalan)	ISF (Parit)	ISF (Sumbangan)
	1721	1722	
Januari	36,500.00	-	-
Februari	1,804,250.00	83,750.00	-
Mac	1,686,000.00	716,505.00	-
April	5,532,000.00	62,090.00	140,000.00
Mei	7,915,000.00	120,050.00	1,955,221.81
Jun	12,500.00	-	-
Julai	1,699,500.00	22,925.00	-
Ogos	4,085,500.00	63,195.00	4,900,000.00
September	584,250.00	11,235.00	1,420,000.00
Oktober	5,695,000.00	119,515.00	2,710,000.00
November	3,399,500.00	74,890.00	3,840,000.00
Disember	3,300,000.00	48,165.00	-
Jumlah	35,750,000.00	1,322,320.00	14,965,221.81
Jumlah Keseluruhan : 52,037,541.81			

Jadual 13 : Tuntutan ISF dan Sumbangan bagi Tahun 2019

8.2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (JKPS) dan Jawatankuasa Teknikal Pusat Setempat (JKTPS)

Sebanyak 144 kali Mesyuarat JKPS telah diadakan sepanjang tahun 2018 yang melibatkan pelbagai kategori iaitu JKPS 1 (Full Board), JKTPS (Teknikal) dan JKPS 2 seperti di dalam Carta 3 di bawah:-



Carta 3 : Bilangan Mesyuarat JKTPS, JKPS1 dan JKPS2 mengikut jenis Tahun 2019

8.2.5 Permohonan Kebenaran Perancangan Diterima Melalui Urusetia Pusat Setempat / One Stop Centre (OSC)

Sebanyak 5,823 permohonan telah diterima oleh OSC melibatkan 5 jenis permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,705 permohonan (97.97%) telah diselesaikan dalam tempoh Piagam Pelanggan yang ditetapkan seperti di Jadual 14 di bawah:-


Jadual 14 : Permohonan yang diterima OSC Tahun 2019

Jenis Permohonan	Bil Permohonan	Selesai		Dalam Proses
		Dalam Tempoh Piagam	Melebihi Piagam	
Serentak	500	467	11	22
Kebenaran Merancang	1,196	1,184	0	12
Pelan Kejuruteraan	215	210	1	4
Pelan Bangunan	3,219	3,130	9	80
CCC	693	693	0	0
JUMLAH	5,823	5,705 (97.97%)		(2.03%)

8.2.6 Pencapaian 'Dealing with Construction Permit, Doing Business 2020'

Pada 25 Oktober 2019, pihak World Bank Kuala Lumpur telah melancarkan laporan 'Doing Business 2020' di Sasana Kijang, Kuala Lumpur. Laporan tersebut telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-12 daripada 190 negara, kedudukan ini adalah peningkatan 3 mata berbanding kedudukan ke-15 pada 2019 seperti di Carta 4.

Carta 4 : Pencapaian Dealing with Construction Permit, Doing Business 2020' Tahun 2019



Di dalam laporan tersebut, Malaysia terletak di tempat ke-2 untuk indikator 'Dealing with Construction Permits'. Indikator tersebut menjadikan proses pembinaan gudang sebagai kayu ukur piawaian. Seluruh dunia yang dimana proses 1Submission DBKL menawarkan hanya sembilan prosedur untuk mendapatkan semua permit dan kebenaran yang diperlukan untuk membina gudang sehingga mendapatkan Sijil Siap dan Pematuhan (CCC). Masa keseluruhan sebanyak 42 hari untuk menyelesaikan proses ini adalah tiga kali lebih cepat daripada purata serantau.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah memperkenalkan reformasi di dalam mempercepatkan proses mendapatkan permit pembinaan dengan menghapuskan keperluan pemeriksaan jalan dan saliran. Kajian prestasi Malaysia boleh dimuat turun di dalam Laporan Doing Business 2020 di <https://www.doingbusiness.org/en/data/exploreconomies/malaysia>.

8.2.7 Pemenang Mystery Shopper

Pihak DBKL telah menganjurkan pertandingan Mystery Shopper bagi melihat kualiti dan mutu kaunter-kaunter di DBKL dalam memberikan servis dan perkhidmatan yang terbaik. Salah seorang kakitangan kaunter Bahagian Urusetia Pusat Setempat (OSC), En Ishak bin Idris telah dipilih sebagai pemenang dan dianugerahkan penghargaan serta ikut serta dalam program lawatan ke Osaka, Jepun bersama Jabatan Perancangan Korporat.

8.2.8 Program KLIS

KLIS (Kuala Lumpur Integrated Submission) adalah satu sistem elektronik untuk membuat penyerahan dan memproses permohonan secara dalam talian bagi permohonan Projek Berskala Kecil Kediaman sahaja di Kuala Lumpur (A07, A12, dan B1 sahaja). KLIS juga merupakan satu platform elektronik untuk mendapatkan maklumat dan berkomunikasi secara dua hala untuk sebarang maklumat berhubung permohonan yang dikemukakan.

i. Pelancaran

Dilancarkan pada 30 Januari 2019 jam 9.00 pagi di Lobi Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur. Program ini serentak dilancarkan bersama Program Low Carbon Society Blueprint 2030 (KL LCSBP 2030).

ii. Kelebihan Sistem KLIS


- a) Tiada Menggunakan Kertas - Secara tidak langsung dapat menjimatkan kos menyediakan kertas oleh pihak DBKL.
- b) Pembayaran Secara Online - Dapat menjimatkan masa dan tidak perlu beratur panjang.
- c) Digital Signature - Memerlukan tandatangan secara digital sahaja
- d) Setiap Permohonan Akan Diproses Secara Online - Permohonan yang diproses secara online tidak mengambil masa yang panjang.
- e) OSC 3.0 Procedure - Versi program yang digunakan merupakan teknologi terkini, cepat dan unggul.
- f) Online Submission - Semua permohonan diproses secara online tanpa perlu hadir ke pejabat.

iii. Penerimaan Permohonan Pembangunan Melalui Sistem KLIS Sehingga Kini


Semenjak dilancarkan pada Januari 2019 sehingga Mac 2020, Program KLIS telah menerima sebanyak 458 permohonan yang menggunakan aplikasi ini seperti di Carta 5, Carta 6 dan Carta 7.

Carta 5 : Permohonan yang didaftarkan Tahun 2020

BILANGAN PERMOHONAN YANG DIDAFTARKAN BAGI TAHUN 2020




BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT PERINGKAT PROSES SEHINGGA MAC 2020




LAPORAN TAHUNAN 2019

Carta 6 : Permohonan yang diterima melalui Sistem KLIS dari Januari 2019 hingga Mac 2020.

BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT BULAN/TAHUN DARI HINGGA 10/03/2020



Carta 7 : Permohonan bagi tahun 2020 mengikut Jenis

BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT BULAN/TAHUN DARI HINGGA 10/03/2020

8.2.9 Perkongsian Amalan Terbaik

OSC telah menerima kunjungan daripada agensi teknikal tempatan iaitu dari Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Dalam kunjungan ini kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama dan sentiasa mempertingkatkan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur perancangan bandar bagi kesenangan dan kemudahan rakyat.

8.3 SEKTOR PERANCANGAN FIZIKAL

8.3.1 Pean Struktur Kuala Lumpur 2020

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 telah diwartakan pada 4 November 2004 dan tempoh pemakaian adalah sehingga tahun 2020.

Penyediaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) dijalankan memandangkan dasar-dasar Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL2020) perlu disemak ekoran pembangunan dan perubahan ekonomi yang pesat dan pengenalan dasar-dasar terkini di peringkat negara dalam tempoh 20 tahun kebelakangan ini. Draf PSKL2040 yang baru disediakan bagi memandu pembangunan Kuala Lumpur untuk jangka masa tahun perancangan akan datang.









Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020)



Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040)

Program / Bengkel Yang Telah Diadakan Untuk Kajian PSKL 2040 Sepanjang Tahun 2019

Bil	Tarikh	Program
1.	30 Mei 2019	Penyerahan Laporan Draf Akhir PSKL2040
2.	13 Jun 2019	FGD bersama agensi Teknikal 1 di Tamu Hotel Kuala Lumpur
		 
3.	10 Julai 2019	FGD bersama agensi Teknikal 2 di Tamu Hotel Kuala Lumpur
		 
4.	26 Ogos 2019	Mesyuarat Jawatankuasa Pandu bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur
5.	13 September 2019	Taklimat bersama Ahli Parlimen Kuala Lumpur
		 

PSKL2040
PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR
City for All


DRAF PSKL2040 TELAH DIWARTAKAN UNTUK MENDAPATKAN PANDANGAN AWAM PADA 18.2.2020 SEHINGGA 18.3.2020.

Visi Kuala Lumpur akan disokong oleh hala tuju strategik yang juga merupakan prinsip dan hasil yang disasar sehingga tahun 2040.


Mekanisma khusus dan terperinci bagi penterjemahan dan pelaksanaan hala tuju strategik akan disediakan melalui pelan tempatan, pelan tindakan pelaksanaan, parameter kawalan pembangunan dan garis panduan.

8.3.2 Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020)


Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020) diwartakan pada 30 Oktober 2018 merangkumi:



i. Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Jilid 1)



ii. Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (Jilid 2)




iii. Kaedah-kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2018

Merujuk kepada Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 Akta 267 Seksyen 17 terdapat keperluan perubahan kepada PBRKL 2020 disebabkan oleh:


- i. Ketidakselarasan syarat nyata tanah dengan ketetapan pelan tempatan
- ii. Pembangunan yang melibatkan impak besar terhadap kepentingan negara
- iii. Perubahan dasar kerajaan
- iv. Tekanan pembangunan yang mempengaruhi perubahan gunaan tanah yang ketara

Dua (2) manual disediakan sebagai panduan kepada Perancang Bandar Berdaftar dalam mengemukakan permohonan perubahan.

LCPPT



PPT



Perubahan pertama kepada PBRKL 2020 bermula pada 1 November 2019 yang melibatkan tiga cadangan perubahan yang terletak di tiga zon strategik.

8.3.3 Draf Perubahan 1 Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020

NOTIS AWAM & PAMERAN

1 Nov 2019 - 2 Dis 2019



Sesi Penyertaan Awam Draf Perubahan 1 PBRKL 2020, Lobi Menara DBKL 1

PENYEDIAAN DRAF PERUBAHAN 1


6 Sep 2019 - 30 Okt 2019



Draf Perubahan 1 Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (DP1 PBRKL 2020)

PINDAAN DRAF DPPT

4 Jan 2020 - 15 Jan 2020



Laporan Pendengaran Pandangan Awam Draf Perubahan 1 PBRKL 2020 (LPPA)



Laporan Perubahan 1 Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (P1 PBRKL 2020)

PENDENGARAN PANDANGAN AWAM

3 Dis 2019 - 3 Jan 2020



Sesi Perjumpaan Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama Ahli JKPPA (17 Disember 2019)

Sesi Pendengaran Pandangan Awam, Draf Perubahan 1 PBRKL 2020 di Bilik Gerakan Tingkat 3, Menara DBKL 1, pada 17 dan 18 Disember 2019.

KELULUSAN MENTERI

16 Jan 2020 - 31 Jan 2020

Serahan P1 PBRKL 2020, LPPA & DP1 PBRKL 2020 kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (12 Feb 2020)

STATUS TERKINI
Dalam proses mendapat kelulusan Menteri dan pewartaan

PEWARTAAN

2 Feb 2020 - 14 Feb 2020

8.3.4 Keperluan Penyediaan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040


Susulan dari penyediaan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040. Mengikut Seksyen 13 (2) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267), setelah Pelan Struktur diguna pakai, Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan seberapa segera hendaklah menyediakan Draf Pelan Tempatan bagi sebahagian kecil kawasan atau seluruh kawasan WP Kuala Lumpur.

Pendekatan Penyediaan PTKL 2040

Perancangan Kajian PTKL 2040 telah dimulakan dengan mendapatkan pandangan orang awam berkaitan pembangunan di Kuala Lumpur. Pandangan ini akan dijadikan asas dalam penyediaan PTKL 2040.

Bidang-bidang yang perlu ditekan dalam kajian adalah seperti berikut:

- i. Sosio Ekonomi;
- ii. Guna Tanah dan Pengangkutan Bersepadu;
- iii. Alam Sekitar dan Infrastruktur Bandar Raya Hijau;
- iv. Imej dan Reka Bentuk Bandar;
- v. Urus Tadbir Bandaraya.



PERINGKAT 1

Asas Rujukan
Jan – Feb 2019*

- **Sesi Pra-Rundingan** telah diadakan pada 25 Januari- 28 Februari 2019
- **Asas Rujukan (TOR)** telah dikemukakan - 29.04.2019



PERINGKAT 2

Laporan Awal
Okt – Nov
2019*

- Penyerahan **Laporan Awal** – 29 November 2019
- **Sesi Kumpulan Teknikal (TWG)** – 04 Disember 2019
- Pembentangan **Laporan Awal YB Menteri** 9 Januari 2020



Sesi Kumpulan Teknikal
(TWG) di IDB

PERINGKAT 3

Laporan Penemuan
Dis 2019 – Feb
2020*

- Penyerahan **Laporan Penemuan** – 28 Februari 2020
- Lawatan Teknikal
- Sesi Santai **Datuk Bandar KL dan Ahli Parlimen**
- **City Forum**



PERINGKAT 4

Laporan Draf Awal
Mac – April 2020*

- Penyerahan **Draf Awal** – 30 April 2020*
- **City Forum / TWG**



Pembentangan Laporan
Awal Bersama
YB Menteri Wilayah

PERINGKAT 5

Laporan Draf PTKL
2040
Mei – Jul 2020*

- Penyerahan **Draf PTKL (Pindaan)** – 26 Jun 2020*
- **Proofread & Mencetak** Laporan Draf PTKL 2040



Laporan Awal PTKL 2040

PERINGKAT 6

Publisiti & Sesi
Pendengaran &
Pandangan Awam
Ogos - Okt 2020*

- **Notis Awam** – Julai 2020*
- **Pemeran & Sesi Pendengaran & Pandangan Awam** - Ogos – September 2020

PERINGKAT 7

Laporan Akhir &
Pewartaan
Nov – Dis 2020*

- **Penyerahan Laporan PTKL 2040** - 6 November 2020*
- **Proofread & Mencetak** Laporan Draf PTKL 2040
- **Notis Awam & Warta Kerajaan**

Nota:

*Jangkaan Sasaran Masa



Telah Dilaksanakan



Dalam Pelaksanaan

Jabatan Perancangan Infrastruktur

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan Perancangan Infrastruktur telah ditubuhkan pada 1 Julai 2011 dengan tujuan merancang dan mengawal pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jabatan ini mempunyai empat (4) bahagian utama seperti berikut:

1.1 Bahagian Pembangunan

- 1.1.1 Unit Kawalan Pembangunan
- 1.1.2 Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan
- 1.1.3 Unit Permit Angkut Bahan

1.2 Bahagian Perancangan

- 1.2.1 Unit Kajian Perancangan Infrastruktur
- 1.2.2 Unit Perancangan Jalan dan Saliran
- 1.2.3 Unit Kemudahan Pengangkutan Awam

1.3 Bahagian Geomatik

- 1.3.1 Unit Pembangunan Tanah
- 1.3.2 Unit Pengukuran Utara
- 1.3.3 Unit Pengukuran Selatan
- 1.3.4 Unit Pengesanan Utiliti

1.4 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

2.0 FUNGSI JABATAN

- 2.1 Merancang keperluan serahan jalan dan menaik taraf jalan sedia ada berdasarkan Kajian Impak Trafik bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 2.2 Merancang keperluan serahan parit induk dan kolam tadahan bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 2.3 Membuat kawalan pembangunan dari segi permohonan pelan kelulusan kerja tanah, jalan dan perparitan, tempat letak kereta, Sistem Pengurusan Air Hujan (MSMA) dan pengeluaran sokongan G17 (Jalan dan Perparitan) untuk pengeluaran CCC.
- 2.4 Memproses permohonan permit angkut bahan.
- 2.5 Menjalankan kerja pengukuran kejuruteraan, pengambilan tanah, permohonan tanah, utiliti dan geospasial serta membantu pasukan bangunan untuk khidmat nasihat bagi projek-projek yang dijalankan oleh DBKL.
- 2.6 Berperanan dalam pemberian alamat pada setiap bangunan, mengisytiharkan jalan persendirian kepada jalan awam, menyediakan pelan-pelan kejuruteraan jalan raya, menyimpan rekod pelan piawaian dan menjadi Sekretariat kepada Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi untuk Nama Jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.0 PERJAWATAN 2019

Bil.	Kumpulan	Bilangan
1.	Pengurusan & Profesional	22
2.	Sokongan I	77
3.	Sokongan II (Kumpulan D dan IMG)	50
JUMLAH		149

Bilangan Perjawatan Tahun 2019

4.0 BAJET JABATAN 2019

4.1 Peruntukan Bajet Mengurus

Perkara	Jumlah (RM)	Peratus (%)
Peruntukan yang Diluluskan	1,155,800.00	76
Perbelanjaan	879,612.11	

4.2 Peruntukan Bajet Pembangunan

Perkara	Jumlah (RM)	Peratus (%)
Peruntukan yang Diluluskan	16,773,000.00	99
Perbelanjaan	16,645,913.27	

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN



Seminar Pelan Induk Pejalan Kaki dan Basikal Kuala Lumpur 2019-2028 di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur pada 8 Januari 2019



Kursus Asas Pertolongan Cemas di Institut Latihan DBKL pada 14 Mac 2019



Bengkel Penyediaan Garis Panduan Reka bentuk Pejalan Kaki dan Basikal Kuala Lumpur di Hotel Hatten, Melaka pada 6 September 2019



Kursus Pemantapan Pengendalian Drone dan Pemetaan Menggunakan Imej Orthophoto oleh Jabatan Perancangan Infrastruktur di Institut Latihan DBKL Pada 20 dan 27 September 2019

6.0 BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan adalah terlibat dengan permohonan kelulusan pelan dan permit angkut bahan bagi projek pembangunan di bawah skop Pelan Kerja Tanah, Jalan dan Perparitan, OSC (Kediaman Kecil), sistem pengurusan air hujan dan sirkulasi dalaman dan pemberian alamat dan pengisytiharan jalan.

6.1 Unit Kawalan Pembangunan

Unit Kawalan Pembangunan berperanan memproses dan menyemak pelan bagi kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan, Pelan Pembedung Pintu Masuk dan Sokongan G17 untuk memastikan selaras dengan kehendak Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 serta mematuhi garis panduan jabatan.

6.1.1 Permohonan Pelan

Sepanjang tahun 2019 sebanyak 417 permohonan telah diproses melibatkan permohonan Kelulusan Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Perparitan serta MSMA dan OSC KK (Kediaman Kecil).

6.1.2 Pemeriksaan bagi Sokongan G17 (Jalan dan Perparitan)

Sebanyak 147 pengeluaran surat Sokongan G17 telah dikeluarkan sepanjang tahun 2019.

Jenis Permohonan	Kawasan Perancangan										Jumlah
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Pelan Kerja Tanah	38	20	9	24	17	10	27	32	9	20	206
Pelan Jalan Dan Perparitan	26	30	14	20	16	16	14	36	5	34	211
Sokongan G17	12	23	6	20	23	7	10	13	9	24	147
Jumlah Keseluruhan	76	73	29	64	56	33	51	81	23	78	564

Statistik Permohonan Kelulusan dan Pengeluaran Surat Sokongan G17 Tahun 2019

6.1.3 Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran


Sebanyak 1,016 ulasan berkaitan perancangan telah dikeluarkan bagi keperluan Perintah Pembangunan bagi tahun 2019.

Perkara	Kawasan Perancangan										Jumlah
	U1	U2	U3	T1	T2	T3	T4	S1	S2	S3	
Serahan Tanah Bagi Tujuan Rezab Jalan dan Saliran	129	88	84	87	122	66	133	141	72	94	1,016

Statistik Serahan Tanah Bagi Tujuan Rezab Jalan dan Saliran Tahun 2019

6.1.4 Pelan Induk (Masterplan) bagi Sistem Saliran bagi DBKL

Merancang jaringan perparitan dan sungai yang terlibat dengan pembangunan baru bagi Peringkat Kebenaran Merancang menggunakan Sistem “Stormwater Management Asset Inventory System (SMAIS)”.



Paparan Sistem Pelan Induk (SMAIS)

6.2 Unit Alamat dan dan Pengisytiharan Jalan

Unit Alamat dan Pengisytiharan Jalan berfungsi sebagai unit yang memproses dan memberi kelulusan bagi permohonan alamat, penamaan jalan dan pengisytiharan jalan.

6.2.1 Pemberian Alamat

Memproses dan meluluskan permohonan nombor bangunan untuk tujuan pemberian alamat pada setiap bangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 31.

Pada 2019, sebanyak 131 permohonan telah diterima meliputi permohonan bagi pembangunan Kondominium, Pangsapuri, Rumah Pangsa, Banglo, Rumah teres, Rumah Kedai / Pejabat, Hotel, Sekolah dan Dewan.

	Bulan												Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Bil. Permohonan	9	7	8	12	10	9	14	15	13	14	14	6	131

Statistik Pemberian Alamat Tahun 2019

6.2.2 Pemberian Nama Jalan

Pemberian nama jalan yang baru disediakan oleh Pemaju dan nama-nama jalan lama yang kurang sesuai untuk dikekalkan melalui satu Jawatankuasa Teknikal Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JTNGWPKL) dan diangkat untuk pengesyoran dan kelulusan ke Mesyuarat Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 29.

Pada tahun 2019, sebanyak 14 batang jalan baru telah dinamakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri Nama Geografi Wilayah Persekutuan Kementerian Wilayah Persekutuan.

6.2.3 Pengisytiharan Jalan

Mengisytiharkan jalan-jalan persendirian kepada jalan awam selaras dengan prosedur dan garis panduan yang ditetapkan oleh jabatan dan Akta 133 Parit Jalan dan Bangunan di bawah Seksyen 13.

Pada tahun 2019, sebanyak 13 batang jalan yang dibina oleh pihak Pemaju telah diisytiharkan kepada jalan awam.

6.3 Unit Permit Angkut Bahan

Unit Permit Angkut Bahan berperanan memproses permohonan permit angkut bahan yang dikemukakan oleh pihak Jurutera Perunding Projek Pembangunan dan pengusaha lori.

6.3.1 Permohonan permit

Sebanyak 6,797 permohonan telah diterima dan telah diluluskan sepanjang tahun 2019 merangkumi permit angkut bahan bagi lori tanah, lori konkrit, lori bahan binaan dan lori sisa binaan.

	Bulan												Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
PERMIT LORI	934	393	650	382	840	300	416	707	591	250	437	897	6,797

Statistik Permohonan Permit Angkut Bahan Tahun 2019

7.0 BAHAGIAN PERANCANGAN

Bahagian Perancangan adalah terlibat dengan perancangan serahan bagi tujuan rezab jalan dan saliran, pelan pra-hitungan, kajian impak trafik, kemudahan tempat letak kereta, kemudahan jejantas pejalan kaki dan kemudahan pejalan kaki berbumbung.

7.1 Unit Perancangan Jalan dan Saliran

Bertanggungjawab memproses permohonan diperingkat kebenaran perancangan yang berkaitan dengan serahan tanah bagi tujuan rezab jalan dan saliran dan kajian impak trafik. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab memproses permohonan pengesahan pelan pra-hitungan dan melaksanakan kajian perancangan rangkaian jalan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

7.1.1 Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran

Sebanyak 925 ulasan berkaitan perancangan telah dikeluarkan bagi keperluan Perintah Pembangunan bagi tahun 2019.

Perkara	Kawasan Perancangan											Jumlah
	S1	S2	S3	T1	T2	T3	T4	U1	U2	U3		
Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran	109	79	84	79	90	60	138	130	84	72	925	

Statistik Ulasan Perancangan Jalan dan Saliran Tahun 2019

7.1.2 Pengesahan Pelan Pra-Hitungan

Perkara	Bulan												Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Senarai Ulasan Pelan Pra-Hitungan Saliran	11	3	7	10	7	3	9	8	12	7	8	4	89

Statistik Senarai Ulasan Pelan Pra-Hitungan Saliran Tahun 2019

Perkara	Bulan												Jumlah
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Senarai Ulasan Pelan Pra-Hitungan Saliran	-	-	6	11	24	14	15	13	15	25	26	11	160

Statistik Senarai Ulasan Pelan Pra-Hitungan Jalan Tahun 2019

7.1.3 Perancangan Rangkaian Jalan

Melaksanakan perancangan susun atur jajaran rangkaian jalan sedia ada dan jalan baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

7.1.4 Pelan Perancangan Jalan

Mengemaskini Pelan Perancangan Jalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sedia ada dengan menggunakan perisian AutoCAD.

7.1.5 Sistem Perancangan Infrastruktur Jalan

Merancang untuk membangunkan Sistem Perancangan Infrastruktur Jalan yang menggunakan kaedah integrasi perisian **AutoCAD** dan **GIS** (*Geographical Information System*).

7.1.6 Kajian Impak Trafik

Memproses laporan Kajian Impak Trafik bagi pemajuan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

7.2 Unit Kemudahan Pengangkutan Awam

Berperanan dalam memproses dan memperakukan pelan-pelan berkaitan Tempat Letak Kereta, Perhentian Bas/ Teksi, Pelan Jejantas Pejalan Kaki dan Pejalan Kaki Berbumbung yang perlu dibina di bawah Projek Pembangunan yang dijalankan oleh pihak swasta dan kerajaan.

7.2.1 Ulasan Tempat Letak Kereta (TLK)

Penyediaan ulasan Tempat Letak Kereta untuk Kebenaran Merancang sebelum item pembangunan dibentangi di OSC. Mengulas TLK dari segi pematuhan syarat-syarat menurut Garis Panduan TLK JPIF.

7.2.2 Memperakukan Pelan-Pelan TLK

Pelan-pelan TLK untuk perakuan TLK disemak terlebih dahulu dari segi pematuhan Garis Panduan JPIF dan pematuhan kepada syarat TLK dalam Perintah Pembangunan.

7.2.3 Kemudahan Pengangkutan Awam

Kemudahan Pengangkutan Awam seperti laluan pejalan kaki berbumbung, jejantas dan bas 'layby'. Dikemukakan oleh pemohon samada ianya adalah syarat Perintah Pembangunan atau secara (*Corporate Sosial Responsibility*) oleh pemaju.

- i. Menyediakan Kertas Khas cadangan KPA untuk dibentangi ke OSC.
- ii. Pembentangan Kertas Khas samada di OSC 1 atau OSC 2.
- iii. Memaklumkan keputusan OSC kepada pemohon.
- i. Menyemak, memeriksa dan meneliti pelan-pelan permohonan untuk kelulusan pelan.

Bil	Perkara	Jumlah Permohonan	Jumlah Kelulusan
1	Pelan Tempat Letak Kereta (Ulasan)	1,116	1,093
2	Perakuan dan Pematuhan TLK	270	252
3	Ulasan Pengesyoran Jejantas / Laluan Berbumbung	15	15
4	Pengesyoran Perakuan dan Pematuhan TLK	85	73
Jumlah Keseluruhan		1,486	1,433

Statistik Permohonan dan Perakuan Tempat Letak Kereta Tahun 2019

8.0 BAHAGIAN GEOMATIK

Terdiri daripada empat (4) unit utama seperti berikut:

- i. Unit Pembangunan Tanah
- ii. Unit Pengukuran Utara
- iii. Unit Pengukuran Selatan
- iv. Unit Pengesanan Utiliti

8.1 Fungsi Bahagian Geomatik

8.1.1 Unit Pembangunan Tanah

i. Penyemakan Status Tanah

Membuat Semakan di PTG WPKL mengenai status tanah bagi lot-lot yang terlibat dengan pengambilan tanah dan juga semakan status tanah di atas permintaan dari bahagian lain dalam Jabatan dan juga permintaan dari jabatan-jabatan lain di DBKL.

ii. Permohonan Hakmilik dan Sijil Carian Rasmi

Membuat permohonan di PTG WPKL untuk mendapatkan Salinan Hak Milik atau Carian Rasmi untuk tanah atau lot yang terlibat dengan Pengambilan Tanah dan akan diambil milik.

iii. Penyediaan Pelan Pengambilan Tanah

- a) Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat *editing* mengikut format pelan pengambilan tanah yang ditetapkan.
- b) Pelan dihantar untuk semakan dan ulasan ke JKPTG WPKL.
- c) Membuat pembedaan dan *editing* jika terdapat kesilapan atau maklumat yang tertinggal.
- d) Menyediakan 52 salinan set pelan untuk disahkan oleh Ketua Unit dan Pengarah Jabatan, yang mana 33 set pelan akan dihantar ke Kementerian Wilayah Persekutuan untuk permohonan pewartaan.

iv. Penyediaan Urusan Pampasan

- a) Menyediakan surat dan urusan penyediaan Baucer kepada Jabatan Kewangan bagi tujuan bayaran pampasan kepada yang terlibat dengan Pengambilan Tanah.
- b) Urusan penyerahan cek-cek bayaran pampasan atau bukti bayaran EFT yang telah disiapkan oleh Jabatan Kewangan kepada JKPTG WPKL untuk diserahkan kepada penerima pampasan.

v. Penyemakan Pelan Pengambilan Tanah dari Juruukur Berlesen

vi. Menyemak kodinit-kodinit, keluasan, *numbering* dan format Pelan Pengambilan Tanah yang dibuat oleh Juruukur Berlesen.

vii. Siasatan Dan Perbicaraan Pengambilan Tanah

- a) Menghadiri perbicaraan pengambilan tanah yang ditentukan tarikhnya oleh Pentadbir Tanah.
- b) Menghadiri mesyuarat melibatkan kes-kes bantahan ke mahkamah di Pejabat Peguam Negara.

viii. Rekod Pengambilan Tanah

- a) Mengemaskini segala rekod-rekod dan kemajuan Kerja Pengambilan Tanah.
- b) Mengemaskini fail-fail Pengambilan Tanah dan lain-lain fail yang berkaitan kerja di Unit Pembangunan Tanah.

ix. Laporan Bulanan Pengambilan Tanah

- a) Mengemaskini kemajuan kerja-kerja Pengambilan Tanah untuk dimasukkan dalam laporan bulanan dan dalam laporan status terkini.
- b) Menyediakan Laporan Kemajuan Status Pengambilan Tanah pada setiap hujung bulan untuk dihantar kepada Pengarah serta Timbalan-Timbalan Pengarah JPIF, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

- x. Rekod Pelan Pengambilan Tanah, Pelan Pra Hitungan, Pelan Butiran dan Pelan Ukur Sempadan.
- xi. Menyimpan rekod dan data-data Pelan Pengambilan Tanah dalam bentuk CD dan *External Hard Disk*.
- xii. Pelan Wilayah Menunjukkan Pengambilan Tanah
- xiii. Menandakan (*charting*) Lot / Kawasan yang telah diambil milik di dalam Pelan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- xiv. Penyediaan Pelan Butiran
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat *editing* mengikut Standard Format Bahagian Geomatik.
- xv. Penyediaan Pelan Pra Hitungan
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat *editing* mengikut format pelan pra hitungan yang ditetapkan.
- xvi. Penyediaan Pelan Ukur Sempadan
Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat *editing* mengikut *Standard* Format Bahagian Geomatik.
- xvii. Komputer
Menyelia komputer dan melaporkan kepada Jabatan Pengurusan Maklumat sekiranya terdapat kerosakan dan sebagainya.

8.1.2 Unit Pengesanan Utiliti

Penyediaan Peta Utiliti - Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- i. Kerja-kerja Ukur Pelan Utiliti.
 - a) Trabas
 - b) Mengambil butiran
 - c) Ukur Aras (Auto Level & Digital Level)
 - d) Mengesan / Mengimbas Utiliti Ground Penetrating Radar & Electromagnetic Locator.
- ii. Kerja Ukur Kejuruteraan
Pelan Ukur Kejuruteraan yang merangkumi aspek Ukur Terabas, Ukur Butiran, Ukur Aras, Keratan Rentas, Keratan Memanjang dan *Setting-out* di tapak.
- iii. Penyemakan Pelan dari Juruukur Berlesen
Penyemakan pelan Juruukur Berlesen dengan melakukan lawatan tapak projek untuk menyemak butiran yang terdapat pada Pelan Ukur Kejuruteraan.
- iv. Inventori
Menguruskan inventori peralatan ukur dengan mendaftarkan nombor rujukan, perkakasan, jenama, model, pengguna, nombor siri, penyelenggaraan, pelupusan dan pembelian peralatan ukur.
- v. Pengurusan dan Pengagihan Pembantu Awam
Mengatur serta agihan Pembantu Awam mengikut keperluan dan kesesuaian dengan kerja di tapak.
- vi. Memantau Kerja Ukur Pengesanan Utiliti
 - a) Berurusan dengan agensi-agensi berkaitan seperti (TM, TNB, GAS, IWK, PUAS, MAXIS dan lain-lain) dan jabatan-jabatan lain di DBKL untuk mendapat / mengumpul maklumat berkaitan utiliti.
 - b) Menyediakan Dokumen Tawaran bagi perlantikan Perunding.
 - c) Menyemak dan analisa pelan yang disediakan oleh kakitangan dan juga Perunding.
 - d) Membuat pengesahan dan menandatangani data-data yang telah dikemaskini.
 - e) Mengawal selia dan memastikan penyimpanan pelan-pelan utiliti teratur serta memantau pengkalan data (*data base*) utiliti sentiasa dikemaskini.
 - f) Mengawal selia dan menyemak data *attribute* yang ditawan (*capture*) oleh Penolong Juruukur telah dikemaskini dan dimasukkan ke dalam Pangkalan Data Utiliti.

- g) Menghadiri lawatan tapak dan mesyuarat.
- h) Bertanggungjawab ke atas harta kerajaan yang digunakan oleh Unit Pengesanan Utiliti.
- i) Pemantauan dan semakan kerja-kerja terdahulu dan kerja-kerja pengukuran firma Juruukur Berlesen.
- j) Memastikan peralatan yang diperuntukkan dalam keadaan yang berfungsi dan selamat digunakan.

8.1.3 Unit Pengukuran Utara

i. Kerja Ukur di Lapangan

Menjalankan kerja-kerja ukur bagi penyediaan Pelan Ukur Kejuruteraan yang merangkumi aspek Ukur Terabas, Ukur Butiran, Ukur Aras, Keratan Rentas, Keratan Memanjang dan *Setting-out* di tapak.

ii. Penyemakan Pelan dari Juruukur Berlesen

Penyemakan pelan Juruukur Berlesen dengan melakukan lawatan tapak projek untuk menyemak butiran yang terdapat pada Pelan Ukur Kejuruteraan.

iii. Inventori

Menguruskan inventori peralatan ukur dengan mendaftarkan nombor rujukan, perkakasan, jenama, model, pengguna, nombor siri, penyelenggaraan, pelupusan dan pembelian peralatan ukur.

iv. Pengurusan dan Pengagihan Pembantu Awam

Mengatur serta agihan Pembantu Awam mengikut keperluan dan kesesuaian dengan kerja di tapak.

v. Kerja-Kerja Pemantauan Tanah Runtuh

Menjalankan kerja-kerja kecemasan dan pemantauan tanah runtuh, tembok runtuh dengan membuat *Monitoring Survey*.

vi. Penyediaan Pelan Butiran

Muat turun maklumat dari kerja pengukuran di tapak serta membuat *editing* mengikut *Standard Format* Bahagian Geomatik.

vii. Penyediaan Pelan Pengambilan Tanah

- a) Menguruskan kerja-kerja pengambilan tanah untuk projek DBKL dan kelulusan pengambilan tanah oleh OSC untuk pembangunan bukan Kerajaan.
- b) Wakil tetap DBKL ke perbincaraan pengambilan tanah.
- c) Pembayaran pampasan kepada tuan tanah yang diambil milik melalui Akta Pengambilan Tanah 1960

viii. Penandaan Sempadan Pengambilan Tanah (R.O.W)

Menjalankan kerja-kerja penandaan sempadan di tapak ke atas lot-lot yang terlibat dengan pengambilan tanah dan juga di atas permintaan dari bahagian lain dalam Jabatan dan juga permintaan dari jabatan-jabatan lain di DBKL.

8.1.4 Unit Pengukuran Selatan

(Skop Kerja yang sama dengan Unit Pengukuran Utara tetapi zon kawasan yang berbeza)

8.2 Statistik Pelan Ukur

Statistik yang hanya dikeluarkan pelan akhir adalah:

Bil	Jenis Pelan	Jumlah
1	Kejuruteraan	99
2	Utiliti	16
3	Pra-Hitungan	28
4	Pengambilan Tanah	4
Jumlah Keseluruhan		147

Statistik Kerja Ukur dan Penghasilan Pelan Tahun 2019

GAMBAR-GAMBAR PROGRAM



Kerja Pengukuran / Aktiviti yang Dilaksanakan oleh Kakitangan Bahagian Geomatik Tahun 2019

9.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian ini bertindak sebagai penyelarasan antara pentadbiran DBKL dengan bahagian-bahagian lain di jabatan bagi melaksanakan tugas-tugas yang menyentuh soal dasar atau memerlukan kerjasama antara bahagian-bahagian. Bahagian ini juga berperanan untuk memastikan kerja-kerja jabatan dapat dilaksanakan dengan lancar serta bertanggungjawab ke atas tugas-tugas pentadbiran am jabatan.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan

1.0 PROFAIL JABATAN

1.1 Pengenalan Jabatan

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP) bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaraskan projek-projek pembangunan, penyediaan peruntukan pembangunan dan pengagihan sumber kewangan berkenaan kepada Jabatan Pelaksana. Selain itu, JPEP memainkan peranan sebagai penyelaraskan projek-projek penswastaan.

Selaras dengan kemajuan ekonomi dan kepesatan pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, DBKL melaksanakan pelbagai projek pembangunan dalam memenuhi keperluan masyarakat dan menambahbaik kemudahan awam. DBKL melaksanakan projek pembangunan yang meliputi projek-projek jalan dan jambatan, pembangunan sosial, rekreasi dan kemudahan awam, pasar dan pusat penjaja, baik pulih sungai, pengindahan sungai dan sistem perparitan induk. Justeru, JPEP dipertanggungjawabkan untuk memastikan pelaksanaan semua projek pembangunan dan penswastaan DBKL yang telah diluluskan mempunyai peruntukan yang mencukupi dan disiapkan mengikut jadual.

1.2 Misi Jabatan

Mencapai satu bentuk pembangunan yang seimbang melalui perancangan ekonomi bandar yang menyeluruh dan bersepadu selaras dengan dasar pembangunan negara.

1.3 Objektif Jabatan

Mewujudkan bandar raya Kuala Lumpur bertaraf dunia yang maju, indah, sejahtera dan beridentiti tersendiri berdasarkan strategi perancangan yang mengarah kepada penyediaan infrastruktur, pembangunan sosio-

ekonomi serta kemudahan sosial disamping meningkatkan kualiti hidup dari aspek sosio-budaya dan persekitaran mesra insan.

1.4 Fungsi Jabatan

- i. Menyelaras penyediaan bajet pembangunan dan pengagihan sumber kewangan bagi projek-projek pembangunan;
- ii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan penswastaan;
- iii. Menilai kemajuan dan pencapaian projek pembangunan dan penswastaan;
- iv. Mengenalpasti dan membuat kajian penyelidikan sosio ekonomi; dan
- v. Menyelaras tindakan dan maklumbalas dengan institusi sosial dan politik serta agensi-agensi kerajaan dan swasta di luar DBKL.

2.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan berperanan dalam mengurus tadbir hal-hal berkaitan pentadbiran dan kewangan Jabatan. Pada tahun 2019, Bajet Mengurus Tahunan Jabatan adalah sebanyak RM 11,892,000.00 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 10,338,049.31 telah dibelanjakan pada tahun semasa untuk kegunaan jabatan merangkumi perkara berkaitan emolumen, perkhidmatan dan bekalan.

Perkara	Tahun 2019 (RM)	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diuluskan	11,892,000.00	87%
Perbelanjaan	10,338,049.31	

3.0 BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bahagian Pembangunan berperanan dalam menyelaras dan memantau pelaksanaan prestasi fizikal projek pembangunan serta menyelaras permohonan bajet pembangunan DBKL. Bahagian ini juga menyelaraskan projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

Terdapat empat (4) unit di bahagian ini iaitu:

- i. Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan
- ii. Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB) dan Projek Khas DBKL
- iii. Unit Pemantauan Projek DBKL (selain JPPPB) dan Pengurusan Pembangunan
- iv. Unit Pengurusan Tempat Letak Kereta dan Telekomunikasi

3.1 Unit Belanjawan dan Pemantauan Projek Kerajaan

Pada tahun 2019, peruntukan asal bagi projek/program pembangunan adalah sebanyak **RM1,121,203,500** dan pindaan peruntukan sebanyak **RM157,116,300** telah disalurkan bagi pembiayaan projek sedia ada. Sebanyak **8** projek pembiayaan Kerajaan Pusat dan **24** di bawah NKRA, Greater KL, Petronas dan lain-lain pembiayaan diselaraskan oleh unit ini. Jadual 3.1.1 menunjukkan prestasi kewangan mengikut sumber pembiayaan bagi tahun 2019.

Sumber Pembiayaan	Keseluruhan		
	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek
DBKL	6,515,135,700	893,220,000	298
RMKe-11	614,800,000	68,300,000	8
NKRA	19,756,400	1,210,000	3
GREATER KL	1,128,267,900	301,929,800	14
PETRONAS	42,682,000	1,500,000	1
LAIN-LAIN	47,050,000	12,160,000	6
JUMLAH	8,367,692,000	1,278,319,800	330

Jadual 3.1.1: Prestasi Kewangan Mengikut Sumber Pembiayaan Bagi Tahun 2019

3.2 Unit Pemantauan Projek DBKL (JPPPB) dan Projek Khas DBKL dan Unit Pemantauan Projek DBKL (selain JPPPB) dan Pengurusan Pembangunan

Kedua-dua unit ini pula menyelaraskan projek-projek dari pembiayaan DBKL. Sebanyak **298 projek** dengan kos dan peruntukan seperti di Jadual 3.1.1 telah diluluskan pada tahun 2019. Jadual 3.2.1 di bawah ini pula menunjukkan peruntukan pembangunan mengikut sumber pembiayaan dan status projek pada tahun 2019.

Sumber Pembiayaan	Projek Baru			Projek Sambungan			Keseluruhan		
	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek	Kos Projek (RM)	Peruntukan (RM)	Bil. Projek
DBKL	714,324,800	63,716,900	57	5,800,810,900	829,503,100	241	6,515,135,700	893,220,000	298
RMKe-11	176,800,000	201,000	3	438,000,000	68,099,000	5	614,800,000	68,300,000	8
NKRA	19,756,400	1,210,000	3	-	-	-	19,756,400	1,210,000	3
GREATER KL	-	-	-	1,128,267,900	301,929,800	14	1,128,267,900	301,929,800	14
PETRONAS	42,682,000	1,500,000	1	-	-	-	42,682,000	1,500,000	1
LAIN-LAIN	-	-	-	47,050,000	12,160,000	6	47,050,000	12,160,000	6
JUMLAH	953,563,200	66,627,900	64	7,414,128,800	1,211,691,900	266	8,367,692,000	1,278,319,800	330


Jadual 3.2.1 Menunjukkan Peruntukan Pembangunan Mengikut Sumber Pembiayaan dan Status Projek 2019

Pada tahun 2019, prestasi keseluruhan perbelanjaan projek pembangunan mencatat **96.86%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak **RM1,238,151,526.01**. Peruntukan pindaan sebanyak **RM157,116,300** diperlukan bagi memastikan projek pembangunan pada tahun 2019 dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Jadual 3.2.2 seperti di bawah menunjukkan prestasi perbelanjaan projek pembangunan mengikut jabatan.

Nama Jabatan	Bil Projek	Peruntukan 2019 (RM)	Bil Projek	Pindaan Peruntukan (RM)	Perbelanjaan Sebenar Sehingga 31 Dis 2019 (RM)	Baki Peruntukan	Peratus Belanja (%)
JPPPB	144	480,672,500	183	671,377,300	658,250,286.93	13,127,013.07	98.04%
JKAWS	53	393,360,000	64	399,471,000	390,563,411.68	8,907,588.32	97.77%
JPB	16	8,480,000	24	7,344,800	5,871,076.13	1,473,723.87	79.94%
JPPH	5	143,050,000	5	103,269,000	91,983,894.02	11,285,105.98	89.07%
JPKKB	9	50,400,000	9	30,784,500	27,774,545.63	3,009,954.37	90.22%
JPLR	23	34,680,000	25	22,831,100	21,353,341.30	1,477,758.70	93.53%
JPIF	1	250,000	4	16,773,000	16,645,913.27	127,086.73	99.24%
JKME	11	7,361,000	12	24,669,100	24,510,836.68	158,263.32	99.36%
JPEP	3	2,800,000	3	1,800,000	1,198,220.37	601,779.63	66.57%
JKB	1	150,000	1	-	-	-	-
JUMLAH	266	1,121,203,500	330	1,278,319,800	1,238,151,526.01	40,168,273.99	96.86%

Jadual 3.2.2 : Laporan Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Mengikut Jabatan Pelaksana Bagi Tahun 2019

Jika dilihat dari aspek kategori status projek, status pelaksanaan mencatat peratusan tertinggi iaitu sebanyak **42%**. Ini menunjukkan pembangunan di Kuala Lumpur rancak dilaksanakan sepanjang tahun 2019. Manakala di peringkat tender projek adalah yang terendah iaitu sebanyak **2%**. Carta pai berikut menunjukkan peratusan keseluruhan status projek.



Carta 3.2.3 : Prestasi Fizikal Mengikut Kategori Bagi Tahun 2019

i. Seksyen Penyelarasan Projek-Projek Kecil

Seksyen ini bertanggungjawab menyelaraskan peruntukan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan berskala kecil berkaitan infrastruktur dan bekalan yang tidak melebihi RM200,000.00. Penyelarasan projek melibatkan kerjasama dan input daripada Pejabat-Pejabat Cawangan di 11 Parlimen. Berikut adalah perincian:

Bil	VOT	Projek / Peruntukan	Jumlah Peruntukan (RM)	Belanja Terkumpul (RM)	Peratus (%)
1	6092500106	Peruntukan BPPP (Kerja-Kerja Infrastruktur)	1,000,000.00	475,734.80	74.09
2	6092500115	Peruntukan BPPP (Kerja-Kerja Jalan Dan Parit)	-	-	-
3	6092500107	Peruntukan Khas JPEPP	800,000.00	527,583.13	43.98
JUMLAH			1,800,000.00	1,003,317.93	70.47

Jadual 3.2.4 - Prestasi Perbelanjaan Projek Pembangunan (Infrastruktur) Berskala Kecil

Sebanyak 27 Projek Kecil Infrastruktur telah diluluskan pada tahun 2019 dengan jumlah sebanyak RM1.2 juta. Prestasi pelaksanaan adalah seperti berikut:

Bil	Pejabat Cawangan	Jumlah		Jabatan				Jumlah
		PROJEK	SIAP	UPB	JKPB	JPLR	JPPP	
1	KEPONG	1	1	1	-	-	-	1
2	CHERAS	-	-	-	-	-	-	-
3	SEGAMBUT	-	-	-	-	-	-	-
4	SEPUTEH	-	-	-	-	-	-	-
5	WANGSA MAJU	5	5	2	1	1	1	5
6	BANDAR TUN RAZAK	-	-	-	-	-	-	-
7	BUKIT BINTANG	3	3	-	2	-	1	3
8	BATU	6	6	5	-	-	1	6
9	TITIWANGSA	10	10	6	-	-	4	10
10	LEMBAH PANTAI	-	-	-	-	-	-	-
11	SETIAWANGSA	2	2	2	-	-	-	2
JUMLAH		27	27	16	3	1	7	27

Jadual 3.2.5 - Prestasi Fizikal Projek Kecil Infrastruktur 2019 Mengikut Pejabat Cawangan

ii. Seksyen Kuota Bumiputera

Pada tahun 2019, sebanyak 6 siri Mesyuarat Pelepasan Unit Kuota Bumiputera telah diadakan yang melibatkan 35 Pemaju bagi permohonan pelepasan unit kuota bumiputera iaitu sebanyak 2,945 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,464 unit telah dilepaskan mengikut prosedur pelepasan unit kuota bumiputera.

iii. Seksyen Pengurusan Setinggalan

Daripada 28,541 keluarga/orang setinggalan mengikut bancian 1998-1999 sebanyak 26,731 keluarga/orang yang telah berjaya dipindahkan. Baki setinggalan yang masih ditapak adalah seperti berikut :

Bil	Parlimen	Bil. Kawasan Setinggalan	Baki Keluarga Setinggalan Terkini
1	Batu	10	435
2	Bandar Tun Razak	1	5
3	Cheras	3	124
4	Bukit Bintang	1	50
5	Kepong	5	852

(Bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Parlimen	Bil. Kawasan Setinggalan	Baki Keluarga Setinggalan Terkini
6	Lembah Pantai	2	19
7	Segambut	1	10
8	Seputeh	3	49
9	Setiawangsa	-	-
10	Titiwangsa	2	75
11	Wangsa Maju	2	191
JUMLAH		30	1,810

Jadual 3.2.6 – Jumlah Kawasan Setinggalan

3.3 Unit Pengurusan Tempat Letak Kereta dan Telekomunikasi

i. Seksyen Tempat Letak Kereta

DBKL melaksanakan konsep 'Smart Partnership' bersama-sama dengan syarikat swasta bagi pelaksanaan pengurusan tempat letak kereta di bawah kawal selia DBKL. Melalui konsep ini, pengurusan dan operasi tempat letak kereta dilaksanakan oleh syarikat swasta yang dilantik dengan komitmen bayaran sewa bulanan kepada DBKL berdasarkan kepada kutipan bayaran caj letak kereta.

Tempat letak kereta yang diuruskan oleh JPEP melibatkan 3 kategori seperti berikut :-

- Tempat letak kereta bahu jalan (SLKE)
- Tempat letak kereta terkawal atas tanah lot
- Tempat letak kereta terbangunan

Sehingga Disember 2019, terdapat sebanyak 22 lokasi tempat letak kereta yang diuruskan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan (JPEP).

Bil	Kategori	Prestasi 2019 (RM)
1	Tempat Letak Kereta Terkawal Terbuka / Tanah Lapang	1,986,501.33
2	Tempat Letak Kereta Bertingkat Bangunan	721,217.00
3	Tempat Letak Kereta Bahu Jalan (SLKE)	9,950,200.71
JUMLAH		12,657,919.04

Jadual 3.3.1 - Kutipan Hasil Yang Diterima Oleh DBKL Melalui Sewa Bulanan Bagi Tahun 2019

ii. Seksyen Telekomunikasi

Projek Penggantian Tiang Lampu Sedia Ada Milik DBKL Kepada Tiang Lampu Berintegrasi Sistem Pemancar Telekomunikasi

Sejumlah sembilan (9) syarikat telah dilantik untuk melaksanakan projek ini pada tahun 2019 dan sejumlah 437 struktur telah dibina dengan jumlah kutipan sebanyak RM 8,776,800.00

Perunding Yang Dilantik

Bagi melicinkan urusan memproses permohonan kebenaran mendirikan struktur telekomunikasi, sebuah syarikat perunding telah dilantik iaitu Akar Kordinasi Sdn. Bhd. (AKSB). Syarikat juga dipertanggungjawabkan mengenalpasti struktur-struktur yang telah dibina tanpa kelulusan untuk tujuan Program Pemutihan. Prestasi kutipan hasil bagi memproses permohonan kebenaran mendirikan struktur telekomunikasi adalah seperti berikut:

Bulan	Kutipan (RM)
Januari	16,000.00
Februari	16,400.00
Mac	95,300.00
April	2,466,500.00
Mei	466,800.00
Jun	27,100.00
Julai	93,500.00
Ogos	604,100.00
September	399,400.00
Oktober	966,900.00
November	560,400.00
Disember	1,131,500.00
JUMLAH	6,843,900.00

Jadual 3.2.2 - Prestasi Kutipan Bagi Tahun 2019

4.0 BAHAGIAN PENSWASTAAN

Bahagian ini bertanggungjawab mengendalikan dan menyelaras projek-projek penswastaan DBKL khususnya melibatkan projek pembangunan tanah. Sehingga bulan Disember 2019, JPEP mengendalikan sebanyak 132 projek penswastaan dengan pulangan terkumpul dianggarkan sebanyak **RM 5,422,610,929.44** yang mana terimaan hasil bagi sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak **RM 1,611,851,169.72**.

Status pelaksanaan dan pulangan projek penswastaan bagi sepanjang tahun 2019 adalah seperti di jadual berikut:-

Bil	Kategori	Jumlah
1	Usahasama dan Pembangunan Semula	31
2	Pajakan/Penyewaan/ <i>Right-To-Occupy</i>	20
3	Penjualan Tanah	80
JUMLAH KESELURUHAN		132

Jadual 4.0.1 - Bilangan Projek Penswastaan Bagi Tahun 2019

Bil	Kategori	Jumlah
1	Selesai	62
2	Telah Tandatangani Perjanjian	15
3	Belum Tandatangani Perjanjian	3
4	Penjualan Tanah Dibatalkan	17
JUMLAH KESELURUHAN		97

Jadual 4.0.2 – Pecahan Projek Penjualan Tanah Mengikut Kategori Bagi Tahun 2019

Bil	Status Projek	Terimaan Sehingga Disember 2019 (RM)
1	Projek Penswastaan Dalam Pembinaan	24,413,825.71
2	Penjualan Tanah	321,747,128.76
3	Pajakan	8,436,983.13
JUMLAH KESELURUHAN		354,597,937.60

Jadual 4.0.3 - Pulangan Projek-Projek Penswastaan Bagi Tahun 2019 (berdasarkan rekod Jabatan Kewangan)

4.1 Seksyen RUMAWIP

Seksyen ini adalah berperanan untuk membantu pihak KWP dalam menerima dan memproses permohonan pembelian unit bagi projek-projek RUMAWIP dibangunkan di atas tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur. Laporan status semakan kelayakan permohonan kemudian dikemukakan kepada Urusetia RUMAWIP, KWP untuk kelulusan mematuhi tempoh masa 1 bulan dari tarikh tutup permohonan dan kaedah yang telah ditetapkan. Namun, bermula April 2018, semua permohonan pembelian unit projek RUMAWIP telah dipusatkan di KWP bagi memastikan pemantauan rapi dalam memastikan proses permohonan dikawal selia sepenuhnya oleh KWP. Status penjualan unit RUMAWIP di bawah seliaan JPEP adalah seperti berikut:

BIL	PROJEK	PEMAJU	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT TERJUAL		BAKI	
				JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
1	RESIDENSI RAZAKMAS	ASET KAYAMAS SDN BHD	427	427	100%	0	0%
2	RESIDENSI PANDANMAS 2	FABER VISTA SDN BHD	1,920	1,920	100%	0	0%
3	RESIDENSI KEPONGMAS	SINERJUTA SDN BHD	1,514	1,514	100%	0	0%
4	RESIDENSI HIJAUAN LUMAYAN	DANAU LUMAYAN SDN BHD	512	512	100%	0	0%
5	RESIDENSI WANGSAMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	441	441	100%	0	0%
6	RESIDENSI GURNEYMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	274	274	100%	0	0%
7	RESIDENSI JALILMAS	SINERJUTA SDN BHD	1,050	1,030	100%	0	0%
8	RESIDENSI DESAMAS	ERA ECOLAND SDN BHD	323	323	100%	0	0%
9	RESIDENSI ENESTA	THRIVEN AMONA SDN BHD	254	254	100%	0	0%
10	SKYAWANI 3 RESIDENCES	SKY SANCTUARY DEVELOPMENT SDN BHD	1,905	1,905	100%	0	0%
11	RESIDENSI DESA SATUMAS	GARUDA SEARAH SDN BHD	1,346	1,283	95%	63	5%
12	RESIDENSI VISTA WIRAJAYA	AMBANANG DEVELOPMENT SDN BHD	515	514	99%	1	1%
13	RESIDENSI PV9 @ VISTA WIRAJAYA	AMBANANG DEVELOPMENT SDN BHD	438	437	99%	1	1%
14	RESIDENSI AKASIA PERMAISURI	DWITASIK SDN BHD	200	169	85%	31	15%
15	RESIDENSI INSPIRIA	ALMAVENTURES DEVELOPMENT SDN BHD	900	214	24%	686	76%
16	RESIDENSI KUCHAIMAS	UJANA MUTIARA SDN BHD	478	478	100%	0	0%
17	RESIDENSI KEPONGMAS 2	UJANA MUTIARA SDN BHD	324	324	100%	0	0%
18	RESIDENSI RAMPAI II	PANCARAN NILAI (M) SDN BHD	308	303	98%	5	2%
19	RESIDENSI TASIKMAS	UJANA MUTIARA SDN BHD	463	463	100%	0	0%
		JUMLAH	13,592	12,785	81%	787	18.3%

Jadual 4.0.4 Penjualan Unit Projek RUMAWIP di Bawah Seliaan JPEP

Jabatan Kawalan Bangunan

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) adalah salah satu jabatan di bawah Sektor Perancangan Pembangunan dan diterajui oleh Pengarah Eksekutif (Perancangan). Jumlah pegawai dan kakitangan semasa di jabatan adalah seramai satu ratus lima puluh lima (155) orang. Pegawai dan kakitangan di jabatan ini terdiri dari Juruukur Bangunan dan Jurutera Awam serta Penolong Jurutera Awam, Penolong Pegawai Senibina dan Penolong Pegawai Perancang Bandar.

2.0 FUNGSI UTAMA

Kawalan bangunan merangkumi aspek kelulusan, pemantauan pembinaan dan penguatkuasaan sebelum, semasa dan selepas bangunan siap dibina. Antara lain proses kawalan melibatkan pengeluaran kelulusan pelan bangunan, kebenaran mendirikan bangunan, permit kerja pengubahsuaian, permit bangunan sementara, permit struktur pemancar TELCO, permit kerja perobohan bangunan, permit kerja lebih masa, pemantauan tapak bina dari peringkat kerja pembinaan dimulakan sehingga Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP.

Dalam aspek penguatkuasaan, JKB melaksanakan tindakan fizikal dan undang-undang terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan dibawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985. Di samping itu, JKB turut mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap aduan awam, pembinaan menyeleweng dari pelan lulus serta mengambil bahagian dalam menjalankan operasi-operasi khas yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kekukuhan struktur dan integriti bangunan-bangunan tinggi dalam WPKL dipantau dengan melaksanakan Penguatkuasaan Pemeriksaan Berkala mengikut Seksyen 85A Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Pindaan Akta A1286) dengan mengeluarkan notis kepada pemunya bangunan-bangunan tinggi yang melebihi 5 tingkat supaya mengemukakan Laporan Pemeriksaan Bangunan Visual / Struktur Secara Berkala setiap 10 tahun selepas CF atau CCC dikeluarkan.

Bangunan usang dan terbiar turut dikawal selia supaya dibersihkan atau dibaik pulih oleh pemunya dan program mengecat bangunan diselaraskan bagi memastikan semua bangunan dalam Bandaraya Kuala Lumpur bersih dan teratur.

Struktur organisasi jabatan terdiri daripada 3 bahagian utama:

- i. Bahagian Kawalan Bangunan
- ii. Bahagian Pemantauan Tapak bina, Permit dan Forensik Bangunan
- iii. Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Kualiti

Fungsi jabatan adalah melaksanakan kawalan bangunan berdasarkan perwakilan kuasa yang diberikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133], Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] dan Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 serta pindaan-pindaan yang berkuatkuasa.

3.0 LAPORAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN

Jabatan Kawalan Bangunan telah mendapat kelulusan peruntukan bajet bagi tahun 2019 seperti berikut: -

Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus Perbelanjaan
Bajet Mengurus	963,700.00	732,911.43	75%

4.0 PROGRAM JABATAN DAN AKTIVITI

4.1 Laporan Dari Unit Pemantau Permohonan

Kawalan Bangunan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibahagikan kepada 10 kawasan mengikut Zon Utara, Tengah dan Selatan selaras dengan Zon Perancangan. Aktiviti kawalan bangunan merangkumi kerja-kerja memproses permohonan untuk pengeluaran kelulusan pelan dan kebenaran mendirikan bangunan, pemantauan tapak bina dan pembinaan bangunan dari Permulaan Kerja sehingga Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan PSP. Selain daripada itu, tindakan penguatkuasaan turut diambil terhadap kesalahan-kesalahan yang dikenalpasti mengikut Akta dan Undang-Undang Kecil dengan menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan yang berkaitan dengan bangunan. Pada tahun 2019, jumlah permohonan Pelan Pembangunan yang diterima oleh unit ini berjumlah 3211 permohonan melalui Sistem Pengurusan Permohonan (AMS). Jenis permohonan terbahagi kepada 5 kategori iaitu Projek Besar (B), Projek Sederhana (S), Kediaman Kecil (KK), permohonan melalui KLIS dan Permit Binaan Sementara (BS).

4.1.1 Statistik Permohonan Kelulusan Pelan / CFO / CCC

Pada tahun 2019, jumlah permohonan Pelan Pembangunan yang diterima oleh unit ini berjumlah 3402 permohonan melalui Sistem Pengurusan Permohonan (AMS). Jenis permohonan terbahagi kepada 5 kategori iaitu Projek Besar (B), Projek Sederhana (S), Kediaman Kecil (KK), permohonan melalui KLIS dan Permit Binaan Sementara (BS).

KATEGORI PERMOHONAN	BULAN												JUMLAH
	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	
BESAR & SEDERHANA (B) & (S)	188	93	181	221	213	129	245	197	197	258	237	246	2405
KEDIAMAN KECIL (KK)	77	44	56	59	96	35	82	87	93	77	58	57	821
BINAAN SEMENTARA (B3)	17	8	14	14	10	9	16	10	9	4	6	12	129
MELALUI KLIS					5	5	0	7	27	3	0	0	47
JUMLAH KESELURUHAN													3402

Jumlah Keseluruhan Permohonan Yang Diterima Pada Tahun 2019 Mengikut Kategori

KATEGORI PERMOHONAN		BULAN											JUMLAH
		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	DIS	
BESAR & SEDERHANA (B) & (S)	KPB	55	45	40	43	41	25	59	63	49	68	53	541
	KMB	71	33	48	37	54	20	53	36	39	47	27	465
KEDIAMAN KECIL (KK)	KMB/PERMIT	33	10	15	8	8	3	18	23	22	69	51	260
BINAAN SEMENTARA (B3)	PERMIT	7	8	9	12	14	5	10	20	18	11	4	118
MELALUI KLIS	KMB					3	1	3	14	17	0	0	38
JUMLAH KESELURUHAN													1422

Jumlah Keseluruhan Kelulusan Yang Dikeluarkan Pada Tahun 2019 Mengikut Kategori.

Pelan pembangunan yang telah diproses oleh kawasan teknikal dikemukakan untuk dibentang di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat. Berikut adalah jumlah keputusan mesyuarat bagi permohonan pelan pembangunan pada tahun 2019 mengikut kawasan.

KAWASAN	KEPUTUSAN PERMOHONAN				JUMLAH
	LULUS	TOLAK	TANGGUH	LAIN-LAIN	
S1	293	8	19	14	334
S2	206	13	6	4	229
S3	183	11	4	1	199
T1	233	8	9	5	255
T2	197	13	9	4	223
T3	167	10	6	4	187
T4	159	14	25	3	201
U1	156	9	18	9	192
U2	193	12	15	2	222
U3	83	5	5	2	95
JUMLAH KESELURUHAN	1870	103	116	48	2137

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat pada tahun 2019

Bagi permohonan Permit Binaan Sementara, sebanyak 129 permohonan diterima pada tahun 2019. Sebanyak 78 Permit Binaan Sementara yang baru telah dikeluarkan dan 54 Permit Binaan Sementara bagi projek sedia ada telah dilanjutkan. Berikut adalah data

KAWASAN	PERMOHONAN	PERMIT BARU	LANJUTAN PERMIT	JUMLAH
S1	16	13	17	30
S2	9	9	5	14
S3	12	10	11	21
T1	16	9	1	10
T2	6	3	3	6
T3	12	5	9	14
T4	14	8	2	10
U1	18	9	1	10
U2	11	3	3	6
U3	15	9	2	11
JUMLAH KESELURUHAN	129	78	54	132

Permit Binaan Sementara Bagi Setiap Kawasan

4.1.2 Pemantauan Tapak Bina

Pemantauan tapak bina dilaksanakan secara berjadual bagi memastikan Aspek 3K iaitu keselamatan, kebersihan dan keselesaan di tapak bina dan kawasan persekitaran semua projek yang diluluskan sentiasa dipatuhi dengan menjalankan lawatan secara berjadual sekurang-kurangnya 1 kali dalam tempoh 3 bulan. Lawatan pemantauan dilaksanakan secara Berkala sehingga CCC dikeluarkan oleh PSP dan dibuat lawatan akhir untuk pengesahan.

4.1.3 Kerja Pembinaan Melebihi Waktu Biasa (Kerja Lebih Masa-KLM)

Pembangunan yang pesat dan berterusan serta permintaan tinggi terhadap industri harta tanah di dalam Kuala Lumpur telah memaksa Pemaju dan Kontraktor untuk mengambil langkah-langkah proaktif seperti berkerja lebih masa dan berterusan untuk menyiapkan sesuatu pembangunan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai pihak berkuasa perlu menangani isu tersebut kerana aktiviti pembinaan tidak terkawal akan mengganggu penduduk dan persekitaran sekeliling secara amnya.

Tempoh waktu yang dibenarkan oleh DBKL untuk kerja-kerja pembinaan adalah dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang dari Isnin hingga Sabtu. Hari Ahad dan Cuti Am tidak dibenarkan sebarang aktiviti pembinaan. Kebenaran Kerja Lebih Masa (KLM) ini adalah dengan syarat-syarat yang tertentu bagi tujuan mempercepatkan pembinaan.

Statistik Unit Kerja Lebih Masa Tapak Bina Dan Perobohan Bangunan

KEBENARAN KERJA LEBIH MASA TAPAK BINA (KLM) TEMPOH : JANUARI – DISEMBER 2019		
Bil	Perkara	Jumlah
1.	Bilangan Permohonan KLM Baharu Diterima	85
2.	Jumlah Kelulusan KLM Baharu Dikeluarkan	66
3.	Bilangan Permohonan Lanjutan KLM Diterima	280
4.	Jumlah Kelulusan Lanjutan KLM Dikeluarkan	249

**KEBENARAN KHAS KERJA LEBIH MASA TAPAK BINA (KLM KHAS)
TEMPOH : JANUARI – DISEMBER 2019**

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Bilangan Permohonan KLM Khas Diterima	94
2.	Jumlah Permohonan KLM Khas Dikeluarkan	93

**KEBENARAN MEROBOH BANGUNAN
TEMPOH : JANUARI – DISEMBER 2019**

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Jumlah Permohonan Kebenaran Meroboh Bangunan Diterima	40
2.	Bilangan Permohonan Kebenaran Meroboh Bangunan Dikeluarkan	24
3.	Jumlah Permohonan Lanjutan Kebenaran Meroboh Bangunan Diterima	1
4.	Bilangan Permohonan Lanjutan Meroboh Dikeluarkan	1

4.1.4 Pasukan “Task Force” Tapak Bina JKB

Pasukan “Task Force” Tapak bina JKB ini ditubuhkan oleh Jabatan Kawalan Bangunan bagi memantau kerja-kerja yang dilakukan di tapak bina supaya mematuhi tempoh masa Kebenaran Kerja Lebih Masa (KLM) yang dikeluarkan dan menangani aduan-aduan awam berkaitan kesalahan kerja lebih masa di tapak bina. Pasukan Task Force Tapak Bina ini menjalankan aktiviti pemantauan tapak bina selepas waktu pejabat iaitu dari pukul 7.00 petang sehingga 12.00 tengah malam pada hari Biasa dan dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang pada hari Ahad dan Cuti Am.

Pasukan Task Force beroperasi mengikut *zoning* (10 kawasan), aduan awam yang diterima dan tapak pembangunan yang sering didapati menjalankan kerja lebih masa di tapak bina (hot spot). Kakitangan yang menganggotai Pasukan Task Force Tapak Bina secara penggiliran adalah seramai 50 orang dan dibahagikan kepada 21 kumpulan mengikut zon kawasan.

4.1.5 Tindakan Penguatkuasaan Operasi ‘Task Force’

Tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah:-

- i. Memberi amaran bagi kesalahan pertama.
- ii. Jika kesalahan berulang kali kedua, tapak bina tersebut dikenakan kompaun dan sekiranya kesalahan dikesan dan kompaun dikeluarkan sehingga 3 kali, maka tapak bina tersebut akan diberi notis memberhentikan kerja ‘SWO’ untuk tempoh 3 hari sehingga Pemaju / Kontraktor mematuhi dan membetulkan kesalahan yang dilakukan. (Ini adalah selaras dengan Arahan Datuk Bandar KL melalui Mesyuarat JKTPS Bil 58/2018 Jilid 1 bertarikh 20.12.2018).
- iii. Sekiranya perkara ini berulang melebihi 3 kali kertas perakuan disediakan dan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC1) untuk berhentikan kerja selama 30 hari.
- iv. Senarai hitamkan nama Pemaju, Kontraktor dan PSP.


Statistik Bilangan Tapak Bina Dan Bilangan Pemantauan Tapak Bina Tahun 2019

Bil	Perkara	Zon	Bilangan	Jumlah
1	Bilangan Tapak bina	Utara	53 Tapak bina	205 Tapak bina
		Tengah	72 Tapak bina	
		Selatan	80 Tapak bina	
2	Bilangan Pemantauan Tapak bina	Utara	259 Kali / Bulan	721 Kali Pemantauan Setiap Bulan
		Tengah	238 Kali / Bulan	
		Selatan	224 Kali / Bulan	

4.1.6 Laporan Ringkas Statistik Bagi Pemantauan Unit Pendakwaan Mengenai Pengeluaran Notis, Kompaun Dan Kertas Siasatan Jabatan Kawalan Bangunan.

Notis Yang Dikeluarkan Mengikut Pecahan Unit (Januari - Disember 2019)

Bulan	Tapak Bina Fail BP	ISPAA/ Tindakan Fail Aduan	Telco	Unit Urbanisasi Mengecat Bangunan Usang	Berkala	Jumlah
Januari	9	2	5	26	1	17
Februari	5	0	0	15	4	81
Mac	5	0	0	108	22	84
April	9	3	0	42	4	92
Mei	12	1	0	75	19	41
Jun	3	0	0	50	0	64
Julai	0	7	0	79	20	81
Ogos	12	0	0	139	3	68
September	11	0	0	37	12	41
Oktober	13	1	0	79	2	159
November	9	2	0	71	17	281
Disember	6	0	0	0	19	143
JUMLAH	94	16	5	796	123	1,152

 TIDAK DIAMBIL KIRA UNTUK PEMANTAUAN UNIT PENDAKWAAN, HANYA DATA SAHAJA DIAMBIL

Keterangan : **Senarai Notis 2019**

- 94 Notis (BP) dan 16 Notis (Aduan) kawasan dikeluarkan dari Januari – Disember 2019.
- Unit Urbanisasi telah mengeluarkan berjumlah 796 Notis bagi mengecat.
- Unit Berkala telah mengeluarkan Notis berjumlah 123 Notis, diikuti dengan unit Telco 5 Notis.
- Jumlah Keseluruhan Notis adalah 1,152.

Pengeluaran Kompaun Sepanjang Tahun 2019 Bagi Kesalahan Mengikut Seksyen (Akta, Jalan, Parit Dan Bangunan 1974)

Bil.	Jenis Kesalahan	Jumlah
i.	[Sek. 70(13)(d)] Tidak Mematuhi Perintah Atau Arahan Bertulis Oleh PBT	409
ii.	[Seksyen 82(2)] Tidak Menyelenggara Papan Dendeng Atau Pagar Keselamatan Dengan Baik Dan Memuaskan	12
iii.	[Seksyen 70(27)(f)] Menduduki @ Membenarkan Apa-Apa Bangunan Tanpa CCC	6
iv.	[Seksyen 46(1)] Tidak Mempamerkan Papan Tanda Di Tapak Bina	5
v.	[Seksyen 47] Tidak Memasang Pelantar Perangkap Di Sepanjang Bahagian Luar Dinding	2
vi.	[Seksyen 48] Tidak Menyelenggara Jaring Keselamatan	9
vii.	Lain-Lain Kesalahan Di Dalam Akta UUKB, WPKL (1985) dan AJPB, 1974	54
JUMLAH		497

Bulan	Kompaun Dikeluarkan	Kompaun Dijelaskan	Belum Dijelaskan	RM
Januari	53	52	1	275,100
Februari	28	28	0	157,500
Mac	36	34	2	170,200
April	37	36	1	216,500
Mei	36	36	0	189,000
Jun	26	26	0	131,000
Julai	32	32	0	256,000
Ogos	32	27	5	150,000
September	60	57	3	455,700
Oktober	52	39	13	186,800
November	56	50	6	273,000
Disember	53	33	16	157,500
JUMLAH	497	450	47	2,623,100

Data ini adalah Senarai Kompaun dari Pegawai Kawasan ke Unit Pendakwaan untuk Pemantauan.

- 4 Kompaun masih tertunggak akan dibawa ke 2020 yang masih belum dijelaskan bagi kesalahan Tidak Patuh CCC.
- 450/497 Kompaun 2019 telah dijelaskan setakat 19.2.2020 Jumlah Keseluruhan : RM2,623,100.00.
- Setakat ini 491 Kompaun Tapak Bina sepanjang tahun 2019 – ini kerana Pemantauan Task Force JKB sejak November 2018 telah menyumbang pengeluaran kompaun.
- Semakan Bayaran diterima unit sehingga 19 Februari 2020.

110

4.1.7 Laporan Jumlah Keseluruhan Pengeluaran Surat Sokongan Rayuan Lesen Mengikut 3 Kawasan Utama Tahun 2019

Unit Lesen bertanggungjawab untuk memberi pengesyoran tetap / bersyarat / tolak terhadap permohonan sokongan pelesenan kepada Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja dilaksanakan di bawah Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 / Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 berdasarkan :

- Premis perniagaan mempunyai kelulusan dan tiada penyelewengan dari Pelan yang diluluskan.
- Sekiranya tiada kelulusan pelan tambahan dan perubahan / sekatan dalaman perlu kemukakan untuk kelulusan pelan tersebut.

Pada tahun 2019, sebanyak 3,299 permohonan rayuan lesen premis diterima di Unit Lesen, Jabatan Kawalan Bangunan. Sebanyak 785 permohonan di Zon Selatan, 1,544 permohonan di Zon Tengah dan 970 permohonan di Zon Utara. Sokongan Tetap yang dikeluarkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 1,445 permohonan. Manakala 1,590 permohonan telah diberikan Sokongan Sementara dan 264 permohonan telah ditolak. Statistik penuh bagi pengeluaran surat sokongan rayuan lesen boleh dirujuk seperti dibawah:

Bulan	Zon Utara			Zon Tengah			Zon Selatan			Jumlah Keseluruhan
	LT	LS	T	LT	LS	T	LT	LS	T	
Januari	75	37	3	106	87	32	49	58	11	458
Februari	56	32	3	76	144	23	34	67	12	447
Mac	68	19	6	93	39	13	58	39	13	348
April	39	26	7	101	93	26	41	43	9	385
Mei	33	21	6	20	96	6	21	47	2	252

(bersambung...)

(...sambungan)

Bulan	Zon Utara			Zon Tengah			Zon Selatan			Jumlah Keseluruhan
	LT	LS	T	LT	LS	T	LT	LS	T	
Jun	24	20	3	23	57	1	13	47	3	191
Julai	29	23	9	46	60	4	31	42	4	248
Ogos	15	25	4	19	84	3	4	60	2	216
September	37	10	7	44	24	8	34	31	5	200
Oktober	34	10	3	21	52	3	10	50	2	185
November	22	9	6	21	34	3	15	40	4	154
Disember	42	17	5	51	22	9	40	25	4	215
JUMLAH	474	249	62	621	792	131	350	549	71	3,299
JUMLAH BESAR	785			1,544			970			3,299

LT: Lesen Tetap LS: Lesen Sementara T: Tolak

Statistik Pengeluaran Surat Sokongan Rayuan Lesen 2019

4.1.8 Laporan Unit Telco

Fungsi Unit Telco di Jabatan Kawalan Bangunan ialah melaksanakan pengeluaran permit sementara bagi struktur telekomunikasi di bawah kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan. Kawalan dan pemantauan juga dilaksanakan mengikut syarat-syarat garis panduan KPKT 2002 serta Garis Panduan Reka bentuk DBKL dan di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan (WPKL) 1985 / Akta Jalan Parit & Bangunan 1974. Permit Sementara Struktur Telekomunikasi merangkumi struktur dibina atas tanah dan juga di atas bumbung, dikeluarkan ke atas permohonan baru dan pembaharuan / lanjutan permit.

PEMBAHARUAN / LANJUTAN PERMIT SEMENTARA DIKELUARKAN SECARA PUKAL ATAS SYARIKAT TELEKOMUNIKASI (TELCO) - TAHUN 2019	
Perkara	Bilangan
Jumlah Syarikat Telekomunikasi (Telco) Yang Berdaftar Dengan Unit Telco, JKB	24
Jumlah Permit Yang Telah Dikeluarkan Kepada Syarikat Telekomunikasi (Telco)	24
Jumlah Tapak Yang Telah Mempunyai Permit Atas 24 Telco	1,654

PERMOHONAN BAHARU PERMIT SEMENTARA TAHUN 2019	
Perkara	Bilangan
Jumlah Syarikat Telekomunikasi (Telco) Baharu Yang Berdaftar Dengan Unit Telco, JKB	8
Jumlah Permohonan / Tapak Diterima Oleh JKB	71
Jumlah Permit / Tapak Telah Dikeluarkan	36
Jumlah Permohonan Ditangguh (Dalam Proses Rayuan Pengurangan Denda)	30
Jumlah Permohonan Dibatalkan (Tarikh Pembayaran Permit Tamat Tempoh)	5

4.2 Laporan Pemantauan dan Maklum Balas Aduan Awam

Jabatan telah mengambil pendekatan dan kaedah yang lebih efisien dengan mengadakan mesyuarat mingguan dalam usaha pemantauan terhadap aduan awam yang diterima melalui i-SPAAA. Pemantauan aduan dilaksanakan oleh Unit Aduan Jabatan.

Hasil pelaksanaannya semua aduan yang diterima dapat diambil tindakan dan diselesaikan dalam masa yang ditetapkan.

4.2.1 Statistik Aduan Yang Diterima

Bulan	Jumlah Aduan Yang Diterima	Dalam Proses / Tindakan	Dijawab / Selesai	Jumlah (%)
Januari	36	-	36	100%
Februari	21	-	21	100%
Mac	75	-	75	100%
April	39	-	39	100%
Mei	26	-	26	100%
Jun	30	-	30	100%
Julai	23	-	23	100%
Ogos	50	-	50	100%
September	37	-	37	100%
Oktober	32	-	32	100%
November	62	-	62	100%
Disember	40	-	40	100%
JUMLAH KESELURUHAN	471	-	471	100%

Bilangan Aduan Yang Diterima Dalam I-SPAAA

Bulan	Jumlah Aduan Yang Diterima	Dalam Proses / Tindakan	Dijawab / Selesai	Jumlah (%)
Januari - Disember	211	-	211	100%
JUMLAH KESELURUHAN	211	-	211	100%

Bilangan Aduan Yang Diterima Dalam Fail Tindakan

4.3 Laporan Pemeriksaan Berkala - Penguatkuasaan Notis Seksyen 85 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974

Pemeriksaan bangunan secara berkala termaktub di bawah Seksyen 85A, Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133). Ianya merupakan satu pemeriksaan bangunan yang berkaitan dengan keselamatan, kukuh dan integriti struktur bangunan. Pemunya Bangunan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas premis dari aspek keselamatan dan kesejahteraan penghuninya.

Seksyen ini menyatakan kehendak mandatori bagi pemeriksaan berkala ke atas bangunan yang mempunyai ketinggian melebihi lima (5) tingkat dan selepas tahun ke sepuluh (10) bermula dari tarikh Perakuan Menduduki Bangunan (CF) / Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang pertama berkenaan dengan bangunan itu dikeluarkan.

Unit Forensik Bangunan, Jabatan Kawalan Bangunan bertanggungjawab untuk melaksanakan pematuhan terhadap Pemeriksaan Bangunan Secara Berkala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan secara terancang dan menyeluruh, unit ini menjalankannya mengikut kawasan-kawasan yang telah ditetapkan secara berperingkat. Selain itu, pemeriksaan berkala ini juga telah pun didokumentasikan sebagai salah satu prosedur ISO jabatan yang bertujuan memastikan semua proses kerja dilaksanakan secara sistematik dan terkawal. Berikut merupakan Statistik Pengeluaran Surat, Notis Dan Sijil oleh unit ini sepanjang tahun 2019 :

Bil.	Surat / Notis / Sijil	Jumlah
1	Surat Pemberitahuan	165
2	Notis Seksyen 85A	119
3	Surat Peringatan 1	72
4	Surat Peringatan 2	56
5	Surat Peringatan Terakhir	29

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil.	Surat / Notis / Sijil	Jumlah
6	Surat Makluman Tidak Patuh Notis	18
7	Surat Makluman Bangunan Kurang 10 Tahun	15
8	Suran Kebenaran Lanjutan Masa	72
9	Surat Makluman Lawatan Tapak	114
10	Penerimaan Laporan Pemeriksaan Berkala	114
11	Sijil Penyempurnaan Pemeriksaan	114
JUMLAH		888

Bagi memastikan kesedaran dapat dipupuk dan kefahaman dapat diperolehi terutama kepada Pemilik Bangunan dan Pengurusan Bangunan, unit ini mengambil inisiatif menyediakan dan mengedarkan pamflet yang mengandungi maklumat ringkas berkenaan pemeriksaan berkala yang telah mula dikuatkuasakan oleh pihak DBKL.

4.4 Laporan Unit Urbanisasi 2019

Fungsi Unit Urbanisasi adalah memastikan langkah-langkah tindakan penguatkuasaan bangunan kotor/ usang / terbiar / hampir runtuh / merbahaya dan mendatangkan kacau ganggu kepada orang awam dilaksanakan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Unit Urbanisasi juga terlibat secara langsung dalam program pengindahan bandar. Arahan pelaksanaan Program Pengindahan Bandar ini diterima melalui 2 cara iaitu arahan dari Pentadbiran Tertinggi DBKL / KWP dan kerjasama diantara NGO / pihak swasta / persendirian / IPT dan lain-lain yang menawarkan diri untuk menaja / menjadi sukarelawan atau menyelaras.

4.4.1 Statistik Bilangan Notis/ Surat Peringatan

BIL	Surat / Notis	Jumlah
1	Notis Seksyen 74	208
2	Notis Seksyen 75	700
3	Notis Seksyen 72	1
4	Surat Peringatan	849
5	Surat Penghargaan	60
JUMLAH KESELURUHAN		1,818

Jumlah Bilangan Notis / Surat

4.4.2 Program Pengindahan Bandar

Program Pengindahan Bandar (Mural) akan dilaksanakan apabila pemilik memberi kebenaran untuk mengecat dinding bangunan hak milik mereka dan terdapat tajaan / permintaan dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan, Syarikat Persendirian dan lain-lain untuk mengecat dan mendapatkan artis mural yang bersedia. Antara program pengindahan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

i. Sesi Mendengar Pandangan Awam

Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk memaklumkan semua *stakeholder* (pemilik premis / bangunan, penyewa premis / bangunan, orang awam dan lain-lain) mengenai cadangan program mengecat yang akan diadakan di Bangunan yang dipilih. Jabatan juga turut mendengar dan mengambil maklum permasalahan dan isu berbangkit dari pihak yang berkepentingan.



Program : **Sesi Mendengar Pandangan Awam Malayan Mansion**
 Lokasi : **Berhadapan Malayan Mansion**
 Tarikh : **8 Januari 2019**

ii. Program Mengecat Bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO)




Program mengecat mural akan dilaksanakan apabila Pemilik memberi kebenaran untuk mengecat dinding bangunan hak milik mereka dan terdapat tajaan / permintaan dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), Agensi Kerajaan / Bukan Kerajaan, Syarikat Persendirian dan lain-lain untuk mengecat dan mendapatkan artis mural yang bersedia.

Gambar	Program	Lokasi	Tarikh
	Program Pengindahan Bandar di Lot 86 Jalan Tun Hs Lee; Bumblebee Consultancy & Kiehl's Malaysia	Jalan Tun Tan Siew Sin, Off Jalan Tun Hs Lee	20 Disember 2018 – 31 Januari 2019
	Program Mural "The Wall Of Love" bersama Milestone Training Sdn Bhd dan Hotel ParkRoyal	Hotel ParkRoyal, Jalan Sultan Ismail, Bukit Bintang	12 Julai 2019
	Program Mural Faizal Tahir, 'Rojak' Di Bangunan Jalan Tun Tan Cheng Lock Bersama Warner Music	Jalan Tun Tan Cheng Lock	7 Ogos 2019

Senarai Program Mengecat Mural Bersama Badan Bukan Kerajaan

iii. Majlis Perasmian

Sebagai menghargai keprihatinan para sukarelawan, penaja dan pemilik dinding bangunan, satu majlis perasmian mural akan diadakan setelah mural siap dicat. Pengurusan majlis perasmian akan dijayakan secara usahasama di antara penaja, Unit Urbanisasi, Badan-Badan yang terlibat dengan mural tersebut dan juga jabatan-jabatan dalaman DBKL yang berkaitan.

Gambar	Program	Tarikh
	Majlis Perasmian Mural Kiehl's @ Lot 86 Jalan Tun HS Lee. Majlis dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Mahadi Bin Che Ngah, Pengarah Eksekutif (Perancangan)	31 Januari 2019
	Majlis Perasmian Program Mural "The Wall Of Love" bersama Milestone Training Sdn Bhd dan Hotel PARKROYAL	20 Julai 2019
	Majlis Perasmian Program Mural Faizal Tahir, 'Rojak' di bangunan Jalan Tun Tan Cheng Lock bersama Warner Music	8 Ogos 2019

Senarai Majlis Perasmian Mural

4.5 Aktiviti Unit Inovasi dan Kualiti 2019

4.5.1 Program Siri Pengauditan Pusat Tahfiz

JKB telah membuat penilaian awal kepada 33 premis yang telah dikenalpasti menjalankan aktiviti Pusat Tahfiz. Bagi 15 Pusat Tahfiz yang tidak layak diduduki dan tidak boleh diluluskan tersebut sebanyak tiga (3) Siri Pengauditan Bersepadu telah diadakan pada 20.2.2019, 13.3.2019 dan 3.4.2019 melibatkan Jabatan / Agensi / NGO iaitu Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Perancangan Bandaraya, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat WPKL, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Yayasan Kebajikan Akhyar Malaysia dan Persatuan Kebajikan Tahfiz Malaysia (PERTAMA).



Siri Lawatan Pengaudtian Pusat Tahfiz Bersama Agensi Teknikal

4.5.2 Majlis Pelancaran Garis Panduan Asrama Sementara Pekerja Dalam Bangunan Bertingkat Di Tapak Binaan Dan Best Panel KIK Jabatan Kawalan Bangunan

Majlis pelancaran ini telah diadakan pada 25.10.2019 di Ruang Legar Menara DBKL 1. Seramai 100 orang tetamu telah hadir yang melibatkan jabatan dalam DBKL dan agensi teknikal luaran yang terlibat. Garis panduan ini adalah untuk memberikan kemudahan kepada pihak Pemaju dalam menyediakan asrama sementara pekerja (rumah kongsi) kepada pekerja-pekerja di dalam tapak bina.

Dengan adanya kemudahan penyediaan penginapan pekerja yang terkawal selaras dengan undang-undang maka ianya dapat memberikan impak positif dalam memenangi isu sosial, keselesaan orang ramai, keselamatan dan pengawalan pekerja di tapak bina.



Sekitar Majlis Pelancaran Garis Panduan Asrama Sementara Pekerja Dalam Bangunan Bertingkat Di Tapak Binaan Dan Best Panel KIK



SEKTOR PENGURUSAN

>>> www.dbkl.gov.my <<<

Jabatan Pengurusan Sumber Manusia

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Sejak ditubuhkan pada tahun 1970, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia (JPSM) telah mengalami beberapa perubahan dari segi status Jabatan. Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak melibatkan perubahan fungsinya. Antara fungsi tradisi JPSM yang telah sekian lama dilaksanakan ialah perancangan guna tenaga manusia, pelantikan dan penempatan kakitangan, perkhidmatan, pembangunan prestasi, pembangunan modal insan, pengurusan hal ehwal kebajikan, kaunseling dan persaraan.
- 1.2 Selain melaksanakan fungsi-fungsi tradisi, JPSM telah diberi tanggungjawab sebagai urus setia kepada program-program peningkatan prestasi DBKL, program peningkatan budaya inovasi dan program peningkatan imej DBKL. Bagi program peningkatan prestasi DBKL, JPSM bertanggungjawab melaksanakan MS ISO 9001 : 2008, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Sistem Pengurusan Kerja Melalui Amalan 5S. Program peningkatan budaya inovasi pula dilaksanakan melalui penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di setiap Jabatan/unit dan program penjanaan idea inovasi daripada setiap Jabatan, kumpulan atau individu. Pasukan KIK diberi pengiktirafan semasa Konvensyen KIK peringkat DBKL dan idea inovasi pula diberi pengiktirafan pada Hari Inovasi peringkat DBKL.
- 1.3 Di samping itu, JPSM juga bertindak sebagai urus setia kepada program-program yang meningkatkan imej DBKL seperti Sistem Penggredan PBT (Star Rating) dan Anugerah Inovasi PBT dan lain-lain anugerah yang dipertandingkan.
- 1.4 Jabatan Pengurusan Sumber Manusia mempunyai perjawatan sebanyak 180 orang yang terdiri daripada skim Pentadbiran (N), Kewangan (W), Teknologi Maklumat (F), Pembantu Operasi (N) dan Pembantu Awam (H). Jabatan Pengurusan Sumber Manusia ditadbir oleh Pengarah Gred Jusa C bersama 15 orang Pegawai Pengurusan dan Profesional dan selebihnya adalah Kumpulan Pelaksana.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Merancang keperluan modal insan untuk DBKL.
- 2.2 Menguruskan perjawatan, pengambilan dan penempatan kakitangan.
- 2.3 Melaksanakan urusan pengesahan jawatan, kenaikan pangkat dan persaraan bagi semua kakitangan.
- 2.4 Menguruskan keperluan latihan, kursus, seminar, konvensyen dalaman dan luaran termasuk lawatan keluar negeri kepada kakitangan.
- 2.5 Menguruskan perkhidmatan kaunseling kepada kakitangan yang memerlukan.
- 2.6 Melaksanakan usaha-usaha mengeratkan perhubungan sesama pegawai dan kakitangan termasuk pengurusan Majlis Bersama Jabatan (MBJ).
- 2.7 Menguruskan kemudahan pinjaman dan elaun.
- 2.8 Menjaga aspek kebajikan dan sosial kakitangan.
- 2.9 Menggalakkan dan mempromosikan budaya inovasi dan kreativiti kepada pegawai dan kakitangan DBKL.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Membangunkan sumber manusia yang kompeten dan cemerlang untuk melaksanakan fungsi DBKL dengan efisien dan sistematik.

4.0 BAJET JABATAN

Bil	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1	Emolumen	601,900.00	591,142.81	98%
2	Perkhidmatan Bekalan	5,394,200.00	4,979,263.51	82%
3	Aset (Inventori)	413,920.00	391,275.00	95%
4	Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	6,626,480.00	6,115,517.72	92%
5	Lain-lain Perbelanjaan	42,600.00	39,486.95	93%
JUMLAH		13,079,100.00	12,116,685.99	93%

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

Bil	Program	Tarikh	Lokasi
1	Kejohanan Tenpin Boling Piala Pusingan Presiden Anulae Semenanjung Malaysia	25 – 27 Januari 2019	Pulau Pinang
2	Program Latihan HRMIS – Sistem ASSIST	19 Mac 2019	Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya
3	Sesi Perbincangan Dan Libat Urus Bersama Jabatan Di DBKL	24 Mac 2019 – 1 Ogos 2019	Pejabat-pejabat DBKL
4	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (MBJ, DBKL) Bil.1/2019 Di Miri, Sarawak	30 Mac 2019	Miri, Sarawak
6	Bengkel Gred Kemahiran CUEPACS Di Kelantan	1 – 3 April 2019	Kelantan
7	Latihan Pemantapan Pengemaskinian Buku Perkhidmatan	1 – 4 April 2019	Institut Latihan DBKL
8	Kursus Pengurusan Kewangan Cawangan Dan Mesyuarat Majlis Jawatankuasa Agung Kali Ke Lima	5 – 7 April 2019	Terengganu

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Program	Tarikh	Lokasi
9	Majlis Meraikan Pesara DBKL Siri 1	15 April 2019	Hotel Sheraton Imperial, KL
10	Kejohanan Pertandingan Bowling Dan Perhimpunan Hari Pekerja 2019	30 April – 2 Mei 2019	Ipoh, Perak
11	<i>Retreat</i> Penyediaan Cadangan Program AKRAB, DBKL Tahunan Dan Anggaran Bajet Siri 1 2019	3 – 5 Mei 2019	Melaka
12	Sambutan Hari Pekerja Peringkat DBKL Tahun 2019	25 Jun 2019	Auditorium dan Dataran DBKL
13	Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Tengah 2019	17 – 18 Julai 2019	Sheraton Hotel
14	Latihan Dan Pemantauan HRMIS Kepada Jabatan-Jabatan DBKL (Siri 1/2019)	6 – 8 Ogos 2019	DBKL
15	Program Dinamika Kelompok Menjana Keperibadian Unggul Siri 1/2019 Kem Bumi Jati, Shah Alam	19 – 22 Ogos 2019	Kem Bumi Jati, Shah Alam
16	Latihan Dan Pemantauan HRMIS Kepada Jabatan-Jabatan DBKL (Siri 2/2019)	20 – 22 Ogos 2019	DBKL
17	Team Building JSPM	21 – 23 Ogos 2019	Ulu River Lodge, Gopeng, Perak
18	Program <i>Sharing HRMIS Application Knowledge & Experience</i> (SHARE)	26 – 27 Ogos 2019	Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya
18	Program <i>Sharing HRMIS Application Knowledge & Experience</i> (SHARE)	26 – 27 Ogos 2019	Jabatan Perkhidmatan Awam, Putrajaya
19	Bengkel Rumusan Fungsi-Fungsi Jabatan Di DBKL	28 – 30 Ogos 2019	Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh, Melaka
20	Program Dinamika Kelompok Menjana Keperibadian Unggul Siri 2/2019 Di Kem Bumi Jati, Shah Alam	3 – 6 September 2019	Kem Bumi Jati, Shah Alam
21	Program Dinamika Kelompok Menjana Keperibadian Unggul Siri 3/2019 Di Kem Bumi Jati, Shah Alam	23 – 26 September 2019	Kem Bumi Jati, Shah Alam
22	Bengkel Kajian Fungsi Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	4 – 5 Oktober 2019	Hotel Movenpick, Sepang, Selangor
23	Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Penyusunan Semula Fungsi DBKL Dan Pengukuhan Organisasi	9 – 10 Oktober 2019	The Hall, Biro Pelancongan, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur
24	Program Dinamika Kelompok Menjana Keperibadian Unggul Siri 4/2019	21 – 23 Oktober 2019	Institut Latihan DBKL
25	Program SHARE ASSIST - Ketepatan Data	22 Oktober 2019	Kementerian Wilayah Persekutuan, Putrajaya
26	Majlis Sanjungan Budi DBKL Siri 1	17 September 2019	Hotel Sheraton Imperial, KL
27	Majlis Meraikan Pesara DBKL Siri 2	23 September 2019	Hotel Sheraton Imperial, KL
28	Bengkel Penyusunan Semula Fungsi DBKL Dan Pengukuhan Organisasi	23 – 25 Oktober 2019	Hotel Weil, Ipoh, Perak
29	Hari Inovasi Dan Kualiti 2019	30 – 31 Oktober 2019	Institut Latihan DBKL
30	Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEx) 2019	5 – 7 November 2019	Sunway Pyramid Convention Centre
31	Hari Keluarga DBKL 2019	16 November 2019	Taman Pudu Ulu
32	Minggu HRMIS 2019	18 – 22 November 2019	Dewan Megapuri Menara DBKL 1
33	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (MBJ, DBKL) Bil.4/2019	3 Disember 2019	Shenzhen, China
34	Konvensyen Kongres Tritahunan CUEPACS Ke-28	17 – 19 Disember 2019	Shah Alam

6.0 KEDUDUKAN PERJAWATAN TETAP DI DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR


Kedudukan perjawatan tetap di DBKL mengikut kumpulan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:-

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan	Isi	Kosong
1.	Pengurusan Tertinggi	19	18	1
2.	Pengurusan & Profesional	556	538	18
3.	Pelaksana & Sokongan	8915	8313	602
JUMLAH		9490	8869	621

6.1 Kedudukan Perjawatan Kontrak

Manakala kedudukan perjawatan kontrak di DBKL mengikut kumpulan perkhidmatan sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:-

Bil.	Kumpulan	Jumlah Pengisian
1.	Pengurusan Profesional	29
2.	Pelaksana & Sokongan I	389
3.	Pelaksana & Sokongan II	326



6.2 Pembentangan Hasil Kajian Tenaga Kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Kepada Pengarah JPSM Dan Ketua/Wakil Jabatan-Jabatan (*Man-Power Study*)

Tarikh : 3 Januari 2019
Tempat : Bilik Gerakan, Tingkat 3, Menara DBKL 1



6.3 Pembentangan Hasil Kajian Tenaga Kerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Kepada Pengurusan Tertinggi DBKL (Man-Power Study)



Tarikh : 4 Januari 2019
Tempat : Bilik Mesyuarat, Tingkat 3, Menara DBKI 1

6.4 Sesi Perbincangan Dan Libat Urus Bersama Jabatan Bagi Kajian Penyusunan Semula Fungsi DBKL



Tarikh : 24 Mac 2019 – 1 Ogos 2019
Tempat : Menara DBKL 1, Menara DBKL 2, Menara DBKL 3 Dan Pejabat-Pejabat DBKL Di Sekitar Kuala Lumpur

6.5 Sesi Perkongsian Ilmu Berkaitan Kajian Sumber Manusia (Man Power Study)



Tarikh : 4 Januari 2019
Tempat : Bilik Mesyuarat, Tingkat 3, Menara DBKI 1

6.6 Bengkel Rumusan Fungsi-Fungsi Jabatan Di DBKL



Tarikh : 28 – 30 Ogos 2019
Tempat : Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh, Melaka

6.7 Bengkel Kajian Fungsi Jabatan Pengurusan Sumber Manusia



Tarikh : 4 - 5 Oktober 2019
Tempat : Hotel Movenpick, Sepang, Selangor

6.8 Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Penyusunan Semula Fungsi Dan Pengukuhan Organisasi DBKL



Tarikh : 9 – 10 Oktober 2019
Tempat : The Hall, Biro Pelancongan, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur

6.9 Bengkel Penyusunan Semula Fungsi Dan Pengukuhan Organisasi DBKL



Tarikh : 23 – 25 Oktober 2019
Tempat : Hotel Weil, Ipoh, Perak

7.0 AKTIVITI UNIT KEBAJIKAN DAN KAUNSELING

7.1 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (MBJ, DBKL) Bil. 4/2019



Tarikh : 3 Disember 2019
Tempat : Shenzen, China

7.2 Pertandingan Bowling Dan Perhimpunan Hari Pekerja 2019



Tarikh : 30 April – 2 Mei 2019
Tempat : Ipoh, Perak

7.3 Retreat Penyediaan Cadangan Program AKRAB DBKL Tahunan dan Anggaran Bajet Siri 1/2019



Tarikh : **3 – 5 Mei 2019**
Tempat : **Melaka**

7.4 Kursus Pemantapan Kaunseling AKRAB DBKL



Tarikh : **27 Jun 2019**
Tempat : **Mayor's Court Yard, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur**

8.0 SUMBANGAN KEBAJIKAN UNIT KEBAJIKAN & KAUNSELING

Bil	Jenis Cuti	Jumlah Seorang	Jumlah Permohonan Tahun 2019												
			Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
1	Sumbangan Perkahwinan	RM300	29	10	14	11	10	6	8	17	16	11	-	-	132
2	Saguhati Cahayamata	RM80	82	34	40	27	32	15	27	34	40	29	-	-	360
3	Pendidikan	RM100	5	-	-	-	1	-	2	-	-	-	-	-	8
4	Sakit	RM150	73	48	38	31	35	25	36	58	47	44	-	-	435
5	Sakit (Kemalangan)	RM150	8	9	8	9	7	4	6	4	9	1	-	-	65
6	Kematian Kakitangan	RM3000	5	3	1	1	4	1	1	2	1	-	-	-	19
7	Kematian Keluarga	RM500	64	28	45	34	49	31	41	34	47	-	-	-	373
8	Kematian Pasangan	RM1500	4	4	-	-	1	3	-	2	2	32	-	-	48
9	Bencana Alam	RM1500	4	-	-	-	2	-	2	2	-	1	-	-	11
10	Ex-Gratia	Kiraan Mengikut Pekeliling JPA	14	14	14	14	14	14	14	14	15	1	14	14	156
11	Ziarah Kakitangan	RM100	36	28	10	9	19	-	31	40	9	24	-	-	206
12	Kad Hari Jadi	-	849	750	810	768	834	780	795	777	768	821	747	735	9,434
JUMLAH KESELURUHAN															11,247

9.0 EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Audit Dalaman EKSA Tahun 2019

Audit Dalaman EKSA telah dilaksanakan pada 2 – 6 Disember 2019. Seramai 56 orang Juruaudit Dalaman telah terlibat bagi sesi Audit ini yang melibatkan semua Jabatan / Pejabat Cawangan di DBKL. Hasil pengauditan tersebut, DBKL telah mendapat markah keseluruhan **93.47%**.

9.1 Lawatan Penandaarasan EKSA



Tarikh : **24 – 25 April 2019**

Tempat : **Lawatan EKSA ke Jabatan Kastam Malaysia Johor**

10.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Retreat Pencapaian KPI Tahun 2018 Dan Perancangan KPI Tahun 2019

Bertempat di Hatten Hotel, Melaka pada 8 – 11 Januari 2019 telah diadakan *Retreat* Pencapaian KPI 2018 dan Perancangan KPI 2019. *Retreat* tersebut melibatkan semua Pengurusan Tertinggi dan Ketua Jabatan. *Retreat* tersebut bertujuan untuk membentangkan pencapaian KPI Jabatan dan Perancangan KPI yang bersesuaian dengan Jabatan.

11.0 MS ISO 9001:2015 DAN ISMS ISO/IEC 27001:2013

Bengkel Semakan Dokumen MS ISO 9001:2015

Bengkel pindaan dokumen telah diadakan bagi memastikan semua dokumen mematuhi standard baharu MS ISO 9001:2015. Bengkel tersebut telah diadakan untuk 8 jabatan iaitu:

- i. Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (10 - 12 April 2019)
- ii. Jabatan Perancangan Bandaraya (10 - 12 April 2019)
- iii. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal (10 - 12 April 2019)
- iv. Jabatan Pentadbiran (11 - 13 September 2019)
- v. Jabatan Penguatkuasaan (11 - 13 September 2019)
- vi. Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (2 - 4 Oktober 2019)
- vii. Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (2 - 4 Oktober 2019)
- viii. Jabatan Perancangan Korporat (14 - 16 Oktober 2019)

11.1 Kursus Juruaudit Dalam MS ISO 9001:2015 dan ISMS ISO/IEC

Kursus Juruaudit Dalam ISO 9001 telah dilaksanakan pada 26 - 28 Jun 2019 dan ISO 27001:2013 telah dilaksanakan serentak di Flamingo Hotel, Penang bertujuan untuk memberi pendedahan dan memantapkan pengetahuan dalam ISO 9001:2015 dan ISO 27001:2013.

11.2 Audit Dalam MS ISO 9001:2015 dan ISMS ISO/IEC 27001:2013

Audit Dalam MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 DBKL telah dilaksanakan selama 2 minggu bermula pada 22 Julai hingga 2 Ogos 2019 yang melibatkan semua Jabatan di DBKL. Hasil penemuan bagi audit ISO 9001:2015 tersebut, terdapat 25 ketidakruan (NCR) Minor dan 50 pemerhatian (OFI). Manakala bagi ISO 27001:2013, 10 ketidakruan (NCR) Minor dan 30 pemerhatian (OFI). Semua penemuan NCR telah dijawab dan ditutup.

11.3 Bengkel Pemantapan Pelan Pengurusan Risiko MS ISO 9001:2015

Bengkel Pemantapan Risiko telah diadakan sebanyak 2 sesi iaitu pada 1 - 3 Julai 2019 bagi sesi 1 dan 3 - 5 Julai bagi sesi 2. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menambah baik Pelan Risiko Jabatan sedia ada di samping memperjelaskan pelaksanaan pelan pengurusan Risiko.

11.4 Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO 9001:2015 dan ISO 27001:2013

MKSP diadakan untuk membincangkan perkara-perkara yang akan memastikan Sistem Pengurusan Kualiti dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat DBKL sentiasa berkesan dan sesuai dilaksanakan. MKSP telah diadakan pada 27 dan 28 November 2019 di Bilik Lembaga, Tingkat 29.

11.5 Bengkel Semakan dan Pemantapan Dokumen ISO 27001:2013

Bengkel Semakan dan Pemantapan Dokumen ISO 27001:2013 telah diadakan pada 3 - 5 April 2019 di Copthorne Hotel, Cameron Highlands. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk menyemak dan menambah baik dokumen ISO 27001:2013.

12.0 KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

12.1 Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Tengah 2019



Tarikh : 17 - 18 Julai 2019
Tempat : Sheraton Hotel

13.0 SENARAI IKLAN JAWATAN KOSONG (TETAP / KONTRAK / PSH) TAHUN 2019

Bil	Jawatan	Tarikh Iklan
1.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 (Tetap)	12 Januari 2019
2.	Pembantu Operasi Gred N11 (Tetap)	
3.	Pengawal Keselamatan Gred KP11 (Tetap)	
4.	Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41 (Kontrak/Tetap)	15 Januari 2019
5.	Pegawai Keselamatan Gred KP41 (Kontrak/Tetap)	
6.	Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29 (Kontrak/Tetap)	
7.	Pegawai Keselamatan Gred KP29 (Kontrak/Tetap)	
8.	Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19 (Kontrak/Tetap) (Lelaki/Wanita)	
9.	Pegawai Perubatan Gred UD43 (Kontrak/Tetap)	19 Januari 2019
10.	Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak/Tetap)	
11.	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41 (Kontrak/Tetap)	
12.	Penolong Juruukur Bahan Gred JA29 (Kontrak/Tetap)	
13.	Pembantu Kemahiran (Mekanik Kereta Motor) Gred H19 (Kontrak/Tetap)	
14.	Pemandu Kenderaan Gred H11 (Kontrak/Tetap)	
15.	Pemandu/Operator Jentera Pemunggah Gred H11 (Kontrak/Tetap)	
16.	Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41 (Tetap)	29 Januari 2019
17.	Pegawai Keselamatan Gred KP41 (Tetap)	
18.	Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29 (Tetap)	
19.	Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP29 (Tetap)	
20.	Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19 (Tetap)	
21.	Kerani Operasi (PSH)	28 Mac 2019
22.	Artis Budaya (Penari) Gred B19 (Kontrak)	6 April 2019
23.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 (Kontrak/Tetap)	27 April 2019
24.	Jururawat Gred U29 (Kontrak/Tetap)	
25.	Pegawai Khidmat Pelanggan (Telefonis) Gred N19 (Kontrak/Tetap)	
26.	Pembantu Pembangunan Masyarakat (Wanita Sahaja) Gred S19 (Kontrak)	
27.	Pegawai Penilaian Gred W41 (Kontrak/Tetap)	6 Julai 2019
28.	Jurutera (Elektrik) Gred J41 (Kontrak/Tetap)	
29.	Penolong Jurutera (Mekanikal) Gred JA29 (Kontrak/Tetap)	
30.	Penjaga Jentera Elektrik Gred J19 (Kontrak/Tetap)	
31.	Pembantu Kesihatan Awam Gred U19 (Kontrak/Tetap)	
32.	Jurutera (Elektrik) Gred J41 (Tetap)	13 Julai 2019
33.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 (Tetap)	
34.	Penghantar Notis Gred N11 (Tetap)	
35.	Pegawai Media (PSH)	
36.	Kaunselor (PSH)	
37.	Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (PSH)	
38.	Penolong Pegawai Inventori Pokok (PSH)	

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Jawatan	Tarikh Iklan
39.	Ahli Muzik (Ketua Unit Muzik) Gred B47 (Kontrak)	7 Sept 2019
40.	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 (Kontrak/Tetap)	
41.	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA19 (Kontrak/Tetap)	
42.	Pembantu Penguat Kuasa Gred KP19 (Kontrak/Tetap)	5 Okt 2019
43.	Pegawai Perubatan Gred UD43 (Kontrak/Tetap)	21 Disember 2019
44.	Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29 (Kontrak/Tetap)	
45.	Penolong Arkitek Landskap Gred JA29 (Kontrak/Tetap)	
46.	Penolong Akauntan Gred W29 (Kontrak/Tetap)	
47.	Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19 (Kontrak/Tetap)	

Kumpulan Perkhidmatan	Kakitangan Kontrak	Kontrak Guna Perjawatan Tetap	Ditamat Kontrak
Pengurusan Tertinggi	-	1	-
Pengurusan dan Profesional	11	9	1
Sokongan I (Kumpulan B)	101	17	7
Sokongan I (Kumpulan C)	86	94	18
Sokongan II (Kumpulan D & IMG)	156	77	15
JUMLAH	427	198	41

NOTA:**Kakitangan Kontrak Sedia Ada : 427****Kakitangan Kontrak Sedia Ada Guna Perjawatan Tetap : 198**

Jumlah Keseluruhan Kakitangan Kontrak : 625

14.0 STATISTIK PERTUKARAN BAGI TAHUN 2019

Bil	Skim Perkhidmatan	Jumlah Pertukaran
1	PENGURUSAN TERTINGGI	0
2	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	72
3	SOKONGAN 1 (KUMPULAN B)	88
4	SOKONGAN 1 (KUMPULAN C)	251
5	SOKONGAN 2 KUMPULAN D	30
6	SOKONGAN 2 (KUMPULAN IMG)	104
JUMLAH KESELURUHAN		545

15.0 AKTIVITI-AKTIVITI UNIT KEMUDAHAN DAN PERSARAAN, JPSM

15.1 Majlis Meraikan Pesara DBKL Siri 1/2019



Tarikh : 15 April 2019

Tempat : Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur

15.2 Majlis Meraikan Pesara DBKL Siri 2/2019



Tarikh : 23 September 2019

Tempat : Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur

15.3 Majlis Sanjungan Budi DBKL 2019 – 17 September 2019




Tarikh : 17 September 2019

Tempat : Hotel Le Meridien

16.0 KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

16.1 Kemudahan Cuti dan Lawatan




(Carta Pai : Permohonan Kemudahan Cuti Dan Lawatan 2019)

LAPORAN TAHUNAN 2019

16.2 Kemudahan Elaun dan Bayaran


CARTA KEMUDAHAN ELAUN DAN BAYARAN



(Carta Bar : Permohonan Elaun Dan Bayaran 2019)

16.3 Pengesahan Dalam Perkhidmatan


CARTA PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN 2019



(Carta Bar : Pengesahan Dalam Perkhidmatan 2019)


16.4 Proses Persaraan

CARTA PROSES PERSARAAN TAHUN 2019



(Carta Pai : Proses Persaraan 2019)

16.5 Proses Pelepasan dan Peletakan Jawatan




(Carta Bar : Statistik Pelepasan Dan Peletakan Jawatan 2019)

16.6 Permohonan Pinjaman Kenderaan



(Gambar Rajah : Statistik Pinjaman Kenderaan 2019)

16.7 Permohonan Pinjaman Komputer / Telefon



(Gambar Rajah : Statistik Pinjaman Komputer / Telefon 2019)

16.8 Permohonan Pinjaman Perumahan



(Gambar Rajah : Statistik Pinjaman Kenderaan 2019)


16.9 Permohonan Pinjaman Pelajaran Datuk Bandar



(Gambar Rajah : Statistik Pinjaman Pelajaran 2019)


16.10 Permohonan Pinjaman dan Biasiswa

CARTA PERMOHONAN PINJAMAN DAN BIASISWA




(Carta Pai : Permohonan Pinjaman Dan Biasiswa)

16.11 Statistik Pembayaran GCR



(Gambar Rajah : Statistik Permohonan Pembayaran GCR)

16.12 Proses Potong, Tahan dan Pulih Gaji




(Carta Pai : Statistik Potong / Tahan Dan Pulih Gaji)

16.13 Permohonan Surat Pengesahan



(Carta Pai : Statistik Surat Pengesahan)

17.0 SEKSYEN KUARTERS & RUMAH REHAT



STATISTIK PENILAIAN KEPUASAN PELANGGAN RUMAH REHAT DBKL TAHUN 2019

18.0 PRESTASI KEWANGAN IDB

18.1 Prestasi Kewangan IDB dari Januari - Disember 2019

Bil.	Perkara	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
1.	Emolumen	125,000.00	211,937.10	170%
2.	Perkhidmatan Bekalan	13,258,200.00	10,863,042.43	82%
3.	Aset (Inventori)	103,500.00	101,452.00	98%
JUMLAH		13,486,700.00	11,176,431.53	83%

19.0 HASIL IDB

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Yuran Penyertaan Kursus	800.00
2.	Yuran Peperiksaan	920.00
3.	Bayaran Kemudahan IDB : i) Bilik Kursus ii) Dewan Perdana Mestika iii) Kafeteria	41,700.00 28,000.00 15,000.00
4.	Bayaran Sewa Kafeteria oleh Tetuan Rahimah Md Nor	48,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		134,420.00

20.0 PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)

BIL	Siri	Tarikh	Kumpulan Sasaran (Gred)	Jumlah Peserta	Jumlah Hadir	Peratus Hadir (%)
1	1/2019	11-15 Mac 2019	Gred 19-41	150	145	96.67
2	2/2019	1-5 Julai 2019	Gred 11-29	150	146	97.33

21.0 STATISTIK PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN / KHAS

Bil	Nama Peperiksaan	Tarikh	Kumpulan Sasaran (Gred)	Jumlah Permohonan	Jumlah Hadir	Peratus Hadir (%)
1	Peperiksaan Perkhidmatan Kump. B Bil. 1/2019	16 - 18 April 2019	Kump. B (Gred 29)	58	53	91.37
2	Peperiksaan Perkhidmatan Kump. C Bil. 1/2019	23 - 25 April 2019	Kump. C (Gred 19)	389	378	97.17
3	Peperiksaan Perkhidmatan Kump. B Bil. 1/2019	6 - 8 Ogos 2019	Kump. B (Gred 29)	22	19	86.36
4	Peperiksaan Perkhidmatan Kump. C Bil. 1/2019	20 - 22 Ogos 2019	Kump. C (Gred 19)	104	90	86.54
5	Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) untuk kenaikan ke Penolong Pegawai Tadbir N29	24 - 27 September 2019	Pembantu Tadbir, Pembantu Tadbir Kesetiausahaan, Pembantu Tadbir Kewangan, Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred 19/22/26)	46	13	28.26%
6	Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) untuk kenaikan ke Penolong Pegawai Penguatkuasa KP29	24 - 26 September 2019	Pembantu Penguatkuasa (Gred 19/22/26)	77	50	64.95%

22.0 BENGKEL KAJIAN SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN DAN KHAS PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

Bil	Tarikh	Kumpulan Sasaran (Gred)	Jumlah Peserta	Jumlah Hadir	Peratus Hadir (%)
1	19 - 22 Februari 2019	Gred 38 dan Ke Atas	39	33	84.62

23.0 BENGKEL PENGGUBALAN DAN PEMURNIAN SOALAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN DAN KHAS PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

Bil	Tarikh	Kumpulan Sasaran (Gred)	Jumlah Peserta	Jumlah Hadir	Peratus Hadir (%)
1	5 - 8 November 2019	Gred 38 dan Ke Atas	36	36	100

24.0 PROGRAM KUALA LUMPUR REGIONAL TRAINING CENTER (KLRTC) 2019: GHG EMISSION REDUCTION AND LOW CARBON SOCIETY



Tarikh : 20 – 24 April 2019
Tempat : IDB

25.0 PROGRAM KUALA LUMPUR REGIONAL TRAINING CENTER KLRTC 34: LOCALIZATION OF THE SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



Tarikh : 23 – 25 Julai 2019
Tempat : Biro Pelancongan, Kuala Lumpur

26.0 BENGKEL DAN LAWATAN PENANDA ARAS PENGURUSAN TENAGA



Tarikh : 5 – 7 Oktober 2019
Tempat : IDB

27.0 UNIT PRESTASI DAN KENAIKAN PANGKAT

27.1 Kedudukan Perjawatan Kenaikan Pangkat

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	PERJ	ISI	KOS
1.	Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	330	328	2
2.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan B)	273	273	0
3.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C)	392	390	2
4.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D & IMG)	183	177	6
JUMLAH KESELURUHAN		1178	1168	10

27.2 Statistik Kenaikan Pangkat Mengikut Kumpulan Sehingga Bulan Disember Tahun 2019

Bil	Kumpulan Perkhidmatan	Jumlah
1.	Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	81
2.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan B)	40
3.	Kumpulan Sokongan I (Kumpulan C)	32
4.	Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D & IMG)	50
5.	KUP (Kumpulan Sokongan I dan II)	63
JUMLAH KESELURUHAN		266

27.3 Statistik Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2018

Bil	Kumpulan	Jumlah
1.	Pengurusan Dan Profesional	45
2.	Sokongan I	431
3.	Sokongan II	271
JUMLAH KESELURUHAN		747

27.4 Statistik Penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) Tahun 2018

Bil	Kumpulan	Jumlah
1.	Pengurusan Dan Profesional	1
2.	Sokongan I	1
JUMLAH KESELURUHAN		2

Jabatan Kewangan

142

1.0 LATAR BELAKANG

1.1 Mengenai Jabatan

Jabatan Kewangan diwujudkan pada tahun 1956 dikenali sebagai Jabatan Bendahari dan nama jabatan ini ditukarkan kepada Jabatan Kewangan mulai tahun 2003. Sehingga kini, Jabatan Kewangan mempunyai tenaga kerja seramai 251 orang. Jabatan ini mempunyai empat (4) bahagian dan empat belas (14) unit.

1.2 Jumlah Pegawai dan Kakitangan Jabatan

Kumpulan	Gred	Jumlah
Pengurusan & Professional	41 Dan Ke Atas	22
Sokongan 1	19 - 36	213
Sokongan 2	14 Dan Ke Bawah	16
JUMLAH		251

2.0 FUNGSI

2.1 Fungsi Utama Jabatan Kewangan

Fungsi Jabatan Kewangan adalah untuk mengendalikan pengurusan kewangan DBKL yang terlibat dari segi pengurusan kutipan hasil, perbelanjaan, belanjawan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan DBKL serta mempertingkatkan perancangan dan kawalan kewangan yang lebih berkualiti.

Jabatan Kewangan juga memastikan tindakan penguatkuasaan kutipan cukai taksiran dilaksanakan mengikut peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 ke atas akaun-akaun tertunggak dan menyediakan maklumat-maklumat kewangan hasil bukan cukai / terimaan bukan hasil untuk tindakan penguatkuasaan kutipan hasil oleh jabatan pelaksana.

3.0 OBJEKTIF

Visi Jabatan Kewangan adalah untuk menguruskan kewangan DBKL secara berkualiti untuk menjadikan DBKL sebagai organisasi pengurusan sebuah bandar raya bertaraf dunia.

Manakala misi Jabatan Kewangan adalah untuk bersama menyumbang ke arah menyediakan maklumat kewangan yang berkualiti.

4.0 BAJET JABATAN 2019

Jumlah peruntukan dan perbelanjaan mengurus JKEW (%)

Peruntukan	Perbelanjaan		Baki	
RM	RM	%	RM	%
12,842,200	12,539,145	97.6	303,055	2.4

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

Susunan program / aktiviti utama jabatan mengikut fungsi utama jabatan.

5.1 Program Belanjawan 2020

5.1.1 Sesi Idea Bajet 2020

Satu sesi penglibatan Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, persatuan penduduk, persatuan kebajikan masyarakat, persatuan peniaga, pertubuhan bukan kerajaan, wakil kementerian serta agensi dan orang awam yang dipecahkan mengikut kawasan parlimen telah diadakan pada 29 Ogos 2019 bertempat di Dewan Perdana Mestika, Institut Latihan DBKL. Penglibatan pihak-pihak yang mewakili warga kota diambilkira dan diberi perhatian agar Bajet 2020 dapat memenuhi keperluan dan kehendak kumpulan sasar.

Bengkel ini akan membincang, *'brainstorming'* dan menjana perancangan aktiviti dengan memfokuskan kepada program-program utama yang selari dengan fungsi DBKL.



5.1.2 *Retreat* Bajet

Satu *Retreat* telah diadakan pada 7 hingga 9 Oktober 2019 bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya yang dihadiri oleh semua Ketua Jabatan dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur. Tujuan *Retreat* Bajet 2020 ini diadakan adalah bagi memuktamadkan permohonan peruntukan Mengurus dan Pembangunan setiap jabatan mengikut kemampuan kewangan semasa DBKL dengan menerapkan pelaksanaan konsep *Zero Based Budgeting* (ZBB) bagi memastikan pengurusan belanjawan yang berkesan.

Perancangan dan cadangan anggaran perbelanjaan DBKL 2020 hendak selari dengan agenda pembangunan Negara terutama sekali melalui 6 Tonggak Nasional iaitu mereformasikan tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan sektor awam, memperkukuhkan pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat, menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang, memperkasakan modal insan, mempertingkatkan kemampanan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau serta memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi.



5.1.3 Sidang Media

Sidang Media Bajet DBKL 2020 telah diadakan pada 16 Disember 2019 bertempat di Bilik Lembaga, Tingkat 29 Menara DBKL 1 dan telah dibentangkan oleh YBhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur.



5.2 Perakaunan

5.2.1 Adaptasi MPSAS dalam penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Jabatan Akauntan Negara telah menerbitkan Piawaian Perakaunan pertama untuk entiti sektor awam di Malaysia yang dinamakan *Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS)*.

Pemakaian MPSAS ini adalah diwajibkan sebagai rangka kerja pelaporan kewangan mulai tahun 2020. Walau bagaimanapun, pemakaian awal dalam rangka kerja pelaporan kewangan mulai tahun 2016 adalah digalakkan.

Jabatan Akauntan Negara telah memilih 18 agensi sebagai agensi perintis penggunaan MPSAS. DBKL merupakan salah satu agensi yang memilih untuk pemakaian awal dan berjaya menyiapkan Penyata Kewangan berasaskan MPSAS.

Sebagai salah satu agensi perintis, Jabatan Kewangan telah membentangkan pengalaman mengenai Pelaksanaan MPSAS di DBKL khasnya berkenaan dengan Pengiktirafan Aset Infrastruktur yang merupakan perkara baharu dalam piawaian perakaunan tersebut sepanjang tahun 2019.

DBKL telah dijemput oleh Jabatan Akauntan Negara dan beberapa beberapa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk berkongsi pengalaman tersebut seperti PBT di Negeri Johor (26 Ogos 2019), Perbadanan Labuan (3 Oktober 2019) dan PBT Pahang (12 November 2019).

DBKL juga telah menerima kunjungan daripada PBT dari Perak (23 Julai 2019), Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (8 Ogos 2019), PBT Penang dan Majlis Bandaraya Ipoh (20 September 2019).

i. Seminar Adaptasi MPSAS: Pengalaman dan Cabaran (2 April 2019)



ii. Taklimat MPSAS kepada PBT dari Perak (23 Julai 2019)



iii. Taklimat MPSAS kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (8 Ogos 2019)



iv. Taklimat MPSAS kepada PBT di Negeri Johor (26 Ogos 2019)



v. Taklimat MPSAS kepada PBT Penang dan Majlis Bandaraya Shah Alam (20 September 2019)



vi. Taklimat MPSAS kepada Perbadanan Labuan (3 Oktober 2019)



vii. Taklimat MPSAS kepada PBT Pahang (12 November 2019).



5.3 Pengurusan Hasil

5.3.1 Kaunter Bayaran Sementara Di Pusat Membeli Belah

Jabatan Kewangan telah membuka Kaunter Bayaran Sementara di pusat membeli belah bersempena bulan membayar cukai taksiran pada bulan Februari dan Ogos bagi tahun 2019. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan orang awam membuat bayaran cukai taksiran mereka. Lokasi yang terlibat adalah seperti di bawah :

- i. AEON Maluri Shopping Centre
- ii. AEON Metro Prima, Kepong
- iii. Mid Valley Megamall



Mid Valley Megamall



AEON Metro Prima, Kepong



AEON Maluri Shopping Centre

5.3.2 Kaunter Bergerak

Selain daripada kaunter di pusat membeli belah, Jabatan Kewangan juga telah membuka 2 Kaunter Bergerak di Bandar Sri Permaisuri berdekatan dengan bangunan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan di Wisma Central Jalan Ampang. Kaunter ini beroperasi pada hari Isnin hingga Jumaat dari jam 9 pagi sehingga 5 petang bagi bulan Februari dan Ogos 2019. Pembukaan ini adalah bagi memudahkan orang awam untuk membuat bayaran cukai taksiran kepada DBKL.



Kaunter Bergerak di Bandar Sri Permaisuri




Kaunter Bergerak di Wisma Central, Jalan Ampang

5.3.3 Kaunter Bergerak – Operasi Kutipan Cukai Taksiran (Strata)

Jabatan Kewangan telah melaksanakan Operasi Kutipan Cukai Taksiran (Strata) di beberapa JMB sepanjang tahun 2019. Tarikh dan lokasi kutipan adalah seperti berikut :-

Bil. JMB	Tarikh Operasi	Lokasi	Kutipan (RM)
10 Kawasan	Sepanjang Februari 2019	JMB Sekitar Bukit Jalil, Bangsar Dan Pantai Dalam	80,823.80
6 Kawasan	3 Ogos 2019	Kondominium Sentul Utaman Jalan Dato Senu	7,520.10
	4 Ogos 2019	Kondominium Prima Duta	2,370.50
	10 Ogos 2019	E & O Residensi Verticas	10,946.00
	17 Ogos 2019	Kondominium Sri Emas	32.40
	24 Ogos 2019	Vista Angkasa Apt & Kerinchi Residensi	14,051.60
	25 Ogos 2019	Kondominium Pertiwi Indah Taman Maluri	2,769.00
16 KAWASAN	JUMLAH		118,513.40







5.3.4 Operasi Task Force

Jabatan Kewangan telah menjalankan 2 sesi Task Force iaitu Task Force 16 dan Task Force 17 pada tahun 2019.

Perkara	Task Force 16	Task Force 17
Tempoh Pelaksanaan	April-Mei 2019	Oktober-Disember 2019
Bilangan Ahli	784	1211
Amaun Tunggakan	RM119,911,210	RM153,897,704
Bilangan Akaun Terlibat	60,006	82,054
Amaun Kutipan	RM32,050,684	RM89,030,098
Bilangan Akaun Berbayar	25,098	36,753
Peratus Amaun Kutipan	27%	32%



6.0 MAKLUMAT KEJAYAAN PERINGKAT JABATAN

6.1 Sijil Bersih Penyata Kewangan 2018

- Tarikh : 11 September 2019
Masa : 9:30 Pagi
Kejayaan : Mendapat Sijil Audit Bersih bagi Penyata Kewangan tahun 2018 daripada Ketua Audit Negara
Maklumat lain : Tahun ketiga menggunakan MPSAS (*Malaysian Public Sector Accounting Standard*)



Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

152

1.0 LATAR BELAKANG

JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA bertanggungjawab bagi memastikan semua hartanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dinilai bagi maksud kadaran dengan adilnya berpandukan kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976. Di samping bertanggungjawab memberikan khidmat nasihat bagi maksud nilai pasaran, sewa pasaran, Caj Pembangunan dan kajian kemungkinan kepada lain-lain jabatan dalaman.

Di samping itu, jabatan juga menguruskan hal ehwal hartanah Datuk Bandar Kuala Lumpur dari segi hakmilik strata, pemilik hartanah, pengambilan balik tanah, perolehan harta dan insuran kebakaran dengan cekap dan berkualiti.

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta juga berperanan melaksanakan fungsi Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur di bawah peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

2.0 FUNGSI-FUNGSI UTAMA JABATAN

- 2.1 Merekod, mengemaskini dan menyimpan kesemua maklumat harta persendirian yang dinilai dan dikenakan cukai pintu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- 2.2 Membuat penilaian Caj Pembangunan mengikut permintaan dari Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan DBKL.
- 2.3 Membuat penilaian nilai pasaran, nilai pampasan, nilai sewa, nilai pajakan, nilai insuran dan kajian kemungkinan bagi harta-harta milik DBKL atau yang dicadangkan dibeli/disewa, diambil semua oleh DBKL.
- 2.4 Mengurus permohonan tanah, sewaan tanah dan bayaran cukai tahunan bagi tanah-tanah milik DBKL.

- 2.5 Mengurus permohonan hak milik strata bagi perumahan awam jualan milik DBKL.
- 2.6 Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (*Commissioner of Buildings*) mengikut Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

3.0 PERJAWATAN

Pada tahun 2019, jumlah kakitangan di Jabatan adalah seramai 229 orang dengan penempatan di JPPH adalah seramai 225 orang manakala penempatan di luar JPPH adalah seramai 4 orang. Senarai terperinci jawatan adalah seperti di dalam jadual berikut:-

Jadual 1 : Perjawatan 2019

Jawatan	Tetap	Kontrak	Jumlah Staff (Tetap & Kontrak)	Kosong	Gred Kosong
P & P	26	1	27	0	
GRED 29 - 36	29	14	43	0	
GRED 19 - 26	123	5	128	1	N19
GRED 11 - 12	24	5	31	2	H14
JUMLAH KESELURUHAN	202	25	229	3	

4.0 PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2019, jabatan telah diluluskan peruntukan bajet sebanyak **RM34,496,400.00**. telah membelanjakan sebanyak **RM29,514,384.95** di mana prestasi keseluruhan adalah sebanyak **85.56 %**. Keterangan secara terperinci perbelanjaan bagi semua Vot adalah seperti di dalam jadual seperti berikut:-

Jadual 2 : Prestasi Kewangan 2019

Bil.	Kod	Perkara	Peruntukan 2019	Perbelanjaan	Baki Perbelanjaan	Peratus (%)
1.	S4110	Mengurus	27,706,900.00	24,467,349.59	3,239,550.41	88.3
2.	S4120	Pengurusan Hartanah	2,055,000.00	1,542,825.27	512,174.73	75.1
3.	S4131	Keramat Mall	2,488,000.00	1,805,173.32	682,826.68	72.6
4.	S4132	Kompleks Bandar Baru Sentul	2,062,900.00	1,502,524.00	560,376.00	72.8
5.	S9103	Bandar Tun Razak	183,600.00	196,512.77	14,787.23	93.3
JUMLAH KESELURUHAN			34,496,400.00	29,514,384.95	5,009,715.05	85.56

5.0 AKTIVITI-AKTIVITI JABATAN

5.1 Senarai Nilai

Jumlah harta yang dinilai sehingga 31 Disember 2019 ialah 645,659 harta. Jumlah nilai tahunan pada tahun 2019 ialah **RM 18,176,759,063.50** berbanding **RM 17,514,261,526.50** pada tahun 2018 iaitu pertambahan sebanyak RM 662,497,537.00 atau bersamaan 3.78%.

Maklumat harta ini atau pegangan berkadar direkodkan ke dalam sistem penilaian mengikut seksyen, mukim, jalan dan taman perumahan. Maklumat penting yang direkodkan ialah Nilai Tahunan setiap pegangan di samping butir-butir pegangan serta nama dan alamat surat menyurat pemilik yang dikemaskini.


5.1.1 Pertambahan Nilai Tahunan

Jadual 3 : Perbandingan Jumlah Nilai Tahunan Serta Pertambahannya Di Antara Tahun 2014 (Penilaian Semula) hingga tahun 2019 adalah seperti berikut :-

Tahun	Jumlah Nilai Tahunan (RM)	Pertambahan Nilai Tahunan (RM)	Peratus Kenaikan (%)
2014	14,929,845,125.02	5,170,658,857.02	52.98%
2015	15,390,994,826.40	461,149,701.38	3.09%
2016	15,960,247,829.50	569,253,003.10	3.70%
2017	16,737,069,864.00	776,822,035.00	4.87%
2018	17,514,261,526.50	777,191,662.50	4.64%
2019	18,176,759,063.50	662,497,537.00	3.78%

Jumlah Nilai Tahunan pada tahun **2018** ialah **RM17,514,261,526.50** berbanding **RM18,176,759,063.50** pada tahun **2019** iaitu pertambahan sebanyak **RM662,497,537.00** atau bersamaan **3.78 %**.

**PERATUSAN KENAIKAN NILAI TAHUNAN HARTA-HARTA
PERSENDIRIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN 1999 SEHINGGA 2019**

**Carta 1 : Peratusan Kenaikan Nilai Tahunan Harta-Harta Persendirian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi Tahun 1999 sehingga 2019.**

5.1.2 Bilangan Bantahan

Jumlah pindaan yang dibuat **tahun 2018** ialah **59,519** pindaan dan jumlah pindaan pada **tahun 2019** ialah **55,843** pindaan. Jumlah bantahan pada **tahun 2018** dan **tahun 2019** masing-masing berjumlah **13,917** dan **7,605** di mana peratusan bantahan berbanding jumlah pindaan didapati menurun daripada **23.4%** pada tahun **2018** kepada **13.62%** pada tahun **2019**. Bilangan bantahan ini adalah bagi kes-kes pindaan (*current work*) sahaja. Bilangan bantahan terhadap Senarai Nilai bagi tahun 2014 hingga tahun 2019 dapat diringkaskan seperti berikut :-

Jadual 4 : Bilangan Bantahan bagi tahun 2014 sehingga 2019

Tahun	Jumlah Pindaan	Jumlah Bantahan	Peratus Bantahan (%)
2014	12,249	2,216	18.09%
2015	40,842	2,464	6.03%
2016	34,915	2,061	5.90%
2017	49,697	6,218	12.51%
2018	59,519	13,917	23.4%
2019	55,843	7,605	13.62%

5.2 Caj Pembangunan

Tahun 2019 mencatatkan pengurangan amaun penilaian Caj Pembangunan berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM581,059,720 iaitu daripada **RM1,476,682,520** kepada **RM895,622,800** bersamaan 65%. Pengurangan Caj Pembangunan ini disebabkan oleh penerimaan permohonan melibatkan cadangan pembangunan berskala kecil.

Jadual 5 : Perbandingan Permohonan Penilaian Caj Pembangunan Dari Tahun 2018 Hingga 2019

Bil.	Perkara	2018 (RM)	2019 (RM)	Peratus (%) Perbezaan Di Antara Tahun 2018 Dengan 2019
1.	Menambah Kepadatan Penduduk	95,726,000	82,006,000	-17%
2.	Tukar Guna Tanah	1,310,446,100	478,257,000	-174%
3.	Lebih Luas Lantai	68,878,000	333,664,000	+384%
4.	Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan Ruang Penjaja	780,000	840,000	+8%
5.	Sumbangan Akibat Pengecualian Penyediaan 10% Kawasan Lapang Berpusat	Tiada	Tiada	0%
6.	Penukaran Zon Gunatanah Tempoh Sementara	852,420	855,800	+0.39%
JUMLAH KESELURUHAN		1,476,682,520	895,622,800	-65%

Jadual 6 : Penilaian Caj Pembangunan Yang Melebihi 1 Juta Bagi Tahun 2019

Bil.	Perkara	Bilangan Kes
1.	Menambah Kepadatan Penduduk	10
2.	Penukaran Zon Kegunaan Tanah	33
3.	Lebih Luas Lantai	22
JUMLAH KES MELEBIHI 1 JUTA		65

NOTA : PERATUSAN PENILAIAN CAJ PEMBANGUNAN YANG MELEBIHI 1 JUTA PADA TAHUN 2019 ADALAH 35% (65/187).

5.3 Penilaian Pasaran

Sejajar dengan fungsi dan tugas utamanya, aktiviti unit ini sepanjang tahun 2019 tertumpu kepada aktiviti penilaian kadar sewa pasaran dan penyerahan bangunan milik Datuk Bandar Kuala Lumpur seperti berikut:-

Jadual 7 : Aktiviti Unit Harta Bandaraya

Bil	Keterangan	Bil. Harta	
		Tahun 2017	Tahun 2018
1.	Membuat penilaian nilai insurans kebakaran	1	1
2.	Membuat penilaian sewa pasaran	21	23
3.	Membuat penyerahan harta kepada jabatan pengguna	9	7

Jadual 8 : Aktiviti Unit Jualan Aset

Bil	Keterangan	Bil. Harta	
		Tahun 2017	Tahun 2018
1.	Menguruskan penjualan rumah kedai dan kilang di Bandar Tun Razak	11	8
2.	Menguruskan penjualan kediaman	1	1
3.	Menguruskan permohonan kebenaran pindahmilik dan urusan pindahmilik bagi penjualan tanah	35	35
4.	Membuat penilaian nilai pasaran tanah bagi penjualan yang diuruskan oleh JPEP	18	10

Ringkasan Aktiviti Penyerahan Harta Kepada Jabatan Pengguna Sepanjang Tahun 2019 adalah seperti berikut:-

Jadual 9 : Aktiviti Penyerahan Harta Kepada Jabatan Pengguna Sepanjang Tahun 2019

Bil	Nama Harta	Tarikh Serahan	Jabatan Pengguna	Tarikh Surat
1.	Penyerahan Pusat Pembelajaran Komuniti (Tingkat Bawah) Jalan Chow Kit	15.3.2019	JPPKB	18.3.2019
2.	Penyerahan Papan Tanda Digital (LED) Jalan Kenanga, (bersebelahan dengan Bomba Jalan Kenanga)	9.7.2019	JPPP	25.9.2019
3.	Penyerahan Medan Selera Bunus, Jalan Masjid India	1.10.2019	JPPP	2.10.2019

5.4 Pengambilan Balik Tanah

Sepanjang tahun 2019 sejumlah kes yang melibatkan lot yang berkaitan dengan Seksyen Pengambilan Tanah telah dikendalikan adalah seperti berikut :

Jadual 10 : Pengambilan Balik Tanah

Bil.	Perkara	Jumlah Kes		Jumlah Lot	
		2018	2019	2018	2019
1.	Penyediaan Laporan & Anggaran Awal (Fail PE).	7	8	22	37
2.	Penetapan Kadar Sewa.	-	1	-	2
3.	Mengemukakan Permohonan Ke PTG Untuk Pen wartaan.	-	-	-	-
4.	Penyediaan Laporan Penilaian Menentukan Pampasan (Fail Q).	-	-	-	-
5.	Jumlah Kes Baru Yang Dirujuk Ke Mahkamah (Fail RMQ).	-	-	-	-
JUMLAH		7	7	9	22

5.5 Penyelidikan

Jadual 11: Penyelidikan Tahun 2019

Bil	Projek	Kaedah
1.	Pangsapuri Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Sungai Udang "Country Home"	Cadangan Pengurusan Dan Penyelenggaraan Berkonsepkan Integrated Property Facilities Management IPFM-SLSA
2.	Pusat Komuniti Cheras	Cadangan Pengurusan Dan Penyelenggaraan Berkonsepkan Integrated Property Facilities Management IPFM-SLA
3.	Papan Iklan Luar Untuk Jejantas / Jejambat	Kajian Menentukan Kadar Sewa
4.	Kajian Cadangan Tawaran Pembelian Ruang Komersial Bagi Tujuan Kediaman i. Sky Awani Commercial @ Sentul, Kuala Lumpur ii. Sky Awani Commercial @ Off Jalan Ipoh, Kuala Lumpur	

5.6 Hak Milik Strata

5.6.1 STRATA

Sepanjang tahun 2019, empat (4) permohonan serah balik dan beri milik semula tanah bagi tujuan persempadanan Perbadanan Pengurusan (MC) telah dikemukakan ke PTG WPKL untuk skim-skim perumahan berikut :-

Jadual 12 : Butiran Skim Perumahan Yang Telah Lulus Permohonan Serah Balik & Beri Milik Semula Tanah Pada Tahun 2019

Bil.	Nama Skim	Bil. Unit	Catitan
1.	PA Seri Sabah 3B	1,020	Lulus pada 1.4.2019
2.	Blok F & G Pangsapuri Kos Sederhana, Batu 2 ½ Jalan Cheras, KL	288	Lulus pada 1.4.2019
3.	PPR Wangsa Sari	272	Lulus pada 13.5.2019
4.	PPR Bukit Jalil 1	1,896	Lulus pada 30.5.2019
JUMLAH KESELURUHAN		3,476	

Selain itu, terdapat dua (2) kelulusan bagi permohonan Sijil Formula Unit Syer (SIFUS) diterima daripada PTG WPKL. Butiran adalah seperti berikut :-


Jadual 13 : Butiran Skim Perumahan Yang Telah Lulus Permohonan Sifus Pada Tahun 2019

Bil.	Nama Skim	Bil. Unit	Catitan
1.	PA Kg. Hj. Abdullah Hukum	600	Lulus SIFUS pada 23.9.2019
2.	PPR Salak Selatan	948	Lulus SIFUS pada 27.5.2019
JUMLAH KESELURUHAN		1,548	


Statistik bagi permohonan hakmilik strata di bawah tanggungjawab Seksyen Strata JPPH sehingga Disember 2019 adalah seperti berikut :-

Jadual 14 : Statistik Permohonan Hakmilik Strata Sehingga Disember 2019

Bil.	Perkara	Jumlah Skim	Bil. Unit
1.	Telah Ada Hakmilik Strata.	45	43,839
2.	Telah Kemukakan Permohonan Strata Ke PTGWPKL	5	3,724
3.	Penyediaan Pelan QT Oleh Juruukur	5	3,732
4.	Penyediaan Pra-Hitungan Bagi Pemohonan Serah Balik Dan Beri Milik Semula Tanah	2	2,844
JUMLAH		57	54,139



Carta 2 : Pecahan Dan Peratusan Permohonan Hakmilik Strata Di Bawah Tanggungjawab JPPH DBKL Sehingga Tahun 2019.



Carta 3 : Jumlah Kelulusan Hakmilik Strata Yang Telah Diperolehi Oleh DBKL Dari Tahun 1998 Sehingga 2019

5.6.2 PENSWASTAAN

JPPH bertanggungjawab menyelaras projek-projek penswastaaan DBKL dari segi penilaian nilai pasaran dan kadar sewa yang merangkumi aspek berkaitan pulangan & daya maju sesebuah projek. Penyelarasan dibuat di peringkat Jabatan bersama Bahagian Penswastaaan dan Usahasama, Jabatan Perancangan Ekonomi & Pembangunan DBKL.

5.6.3 PEMBELIAN

Sepanjang tahun 2019, berikut merupakan aktiviti pembelian aset Datuk Bandar Kuala Lumpur :-

Jadual 15 : Aktiviti Pembelian Aset Datuk Bandar Kuala Lumpur

Bil.	Perkara	Harga Seunit (RM)	Catatan
1.	Pembelian bangunan pejabat berstrata "En-Bloc" di atas Plot 7B (2) KL Metropolis - Naza TTDI	292,500,000.00	Dalam Pembinaan
2.	Pembelian 34 unit Pangsapuri Pandan Mas 2	40,000.00	Dalam Tindakan

5.7 Penyewaan Bangunan

Jadual 16 : Maklumat Penyewaan Ruang/ Premis di Kompleks Perniagaan dan Komuniti Bandar Baru Sentul adalah seperti berikut:

Bil.	Alamat Premis	Nama Penyewa	Luas Lantai (KP) / Bilangan Tapak
1.	Lot T1-47, Tingkat 1	Polis Di Raja Malaysia	605
2.	Lot T1-54, Tingkat 1	Jabatan Imigresen Malaysia	6,839
3.	Lot T3-05, Tingkat 3	Jabatan Pengangkutan Jalan	1,026
4.	Lot T3-04, Tingkat 3	Pos Malaysia Berhad	388
5.	Lot T3-06, Tingkat 3	Jabatan Pendaftaran Negara	4,581
6.	Lot T3-08, Tingkat 3	Kementerian Kesihatan Malaysia	1,456
7.	Kerusi Urut di Tingkat 1 & Tingkat 3	Gintell Rest & Go Sdn Bhd	6 unit
8.	Ruang Mesin ATM, Tingkat 1	Maybank	1 unit

Jadual 17 : Maklumat Penyewaan Ruang/ Premis di Kompleks Perniagaan Keramat Mall adalah seperti berikut:

Bil.	Alamat Premis	Nama Penyewa	Luas Lantai (Kp)
1	Bilik Pejabat, Tingkat 1	Persatuan Ibu Tunggal Mawarwangsa Titiwangsa	100
2	Bilik NGO 1, Tingkat UG	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI)	190
3	Bilik NGO 2, Tingkat UG	Puan Puspa Suria (Pesuruhjaya Sumpah)	170
4	Bilik NGO 3, Tingkat UG	Stor Klinik Pergigian 1 Malaysia	190
5	Bilik NGO 4, Tingkat UG	N/A	N/A
6	Bilik Pejabat, Tingkat UG	Persatuan Peniaga Kompleks Keramat Mall	300
7	Lot 1, Tingkat UG	Perpustakaan Negara Malaysia	2,788
8	Lot 2, Tingkat UG	Jabatan Pengangkutan Jalan	2,443
9	Lot 3, Tingkat UG	Kementerian Kesihatan Malaysia	4,047
10	Lot 4, Tingkat UG	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	1,722
11	Lot 5, Tingkat UG	Polis DiRaja Malaysia	1,173
12	Lot 6, Tingkat UG	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat	2,788
13	Lot 7, Tingkat UG	Jabatan Imigresen Malaysia	3,014
14	Lot 8, Tingkat UG	Jabatan Pendaftaran Negara	3,014
15	Lot 9, Tingkat UG	N/A	N/A
16	Stor, Tingkat LG	Persatuan Peniaga Kompleks Keramat Mall	100

5.7.1 Maklumat Penyewaan Dewan Perdana Keramat Mall seperti berikut:

Sejumlah **69 penyewa** yang terdiri daripada orang awam, kakitangan, pesara atau jabatan dalam DBKL dan agensi kerajaan atau persatuan telah menyewa dewan untuk kegunaan majlis bagi sepanjang tahun 2019. Jumlah pendapatan sewaan dewan dan bayaran komisen Panel Katerer adalah sebanyak **RM 237,814.00**.

5.8 Sewaan Tanah

Jadual 18 : Sewaan Hartanah Tahun 2019

Bil	Kategori	Bilangan Tapak
1.	Tanah Milik Datuk Bandar Kuala Lumpur	18
2.	Tanah Rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	6
3.	Tanah Rizab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk tujuan Side Walk Café	7
4.	Tanah Kerajaan	2
JUMLAH		33

5.9 Penyewaan Bangunan, Kediaman, Komersial Dan Bandar Tun Razak

Jadual 19 : Senarai Unit - Unit Sewaan Komersil dan Kediaman Bahagian Sewaan Bangunan 2019

Bil.	Nama Bangunan / Lokasi / Alamat Harta	Jenis Harta	Bilangan Unit Keseluruhan	Bilangan Unit Yang Digunakan	Bil Kekosongan	Komponen Sedia Ada
1.	Kg. Atap	Komersil	4	4	0	Kedai 4 Tingkat
2.	Pusat Bandar Sri Rampai	Komersil	36	30	6	Kedai 3 Tingkat

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil.	Nama Bangunan / Lokasi / Alamat Harta	Jenis Harta	Bilangan Unit Keseluruhan	Bilangan Unit Yang Digunakan	Bil Kekosongan	Komponen Sedia Ada
3.	Sri Petaling	Komersil	4	3	1	
4.	Salak Jaya	Komersil	30	29	1	Kilang Teres 1 Tingkat
5.	Taman Tasik Titiwangsa	Komersil	1	1	1	Restoran
6.	Dataran Dwitasik	Komersil	5	5	0	Kedai 3 Tingkat
7.	Plaza Dwitasik	Komersil	4	4	0	
8.	TSI Business Kepong	Komersil	1	1	1	Kilang
9.	Pusat Industri Rampai	Komersil	5	5	0	Kilang Berkembar 2 Tingkat / Kilang Teres
10.	Queens Avenue	Komersil	34	16	11	Kedai Pejabat
11.	Menara DBKL 2	Komersil	6	6	0	Ruangan Tingkat Bawah
12.	City Kiosk	Komersil	0	0	0	Kiosk
13.	Setiawangsa Business Suites	Komersil	2	2	0	
14.	Pustaka Warisan	Komersil	1	1	0	Galeri Kuala Lumpur
15.	Rampai Business Park	Komersil	4	3	1	Kedai Pejabat 4 Tingkat
16.	Bangunan Jalan Tuanku Abdul Rahman	Komersil	2	2	0	Blok Bangunan 8 Tingkat
17.	Bandar Tun Razak	Komersil	26	26	0	Rumah Kedai 2 Tingkat
		Komersil	4	4	0	Kilang
18.	Medan Selera Plaza 393	Komersil	1	1	0	Medan Selera
19.	Kementerian Kesihatan Malaysia	Komersil	11	11	0	Klinik Kesihatan
20.	Tempat Letak Kereta Plaza 393	Komersil	1	0	1	TLK
21.	Berjaya Times Square	Komersil	2	2	0	Ruang Niaga
22.	Persiaran Sultan Salahuddin	Komersil	1	1	0	Banglo
23.	Changkat Tunku	Kediaman	1	1	0	Banglo
24.	Desa Cahaya 202	Kediaman	18	14	4	Kondominium
25.	Menara City One	Kediaman	31	31	0	Kondominium
26.	Nova Two Apartment	Kediaman	14	13	1	Apartment
27.	Villa Laman Tasik	Kediaman	9	9	0	Town House
28.	Teratak Muhibbah	Kediaman	176	175	1	Apartment
29.	Plaza 393	Kediaman	66	58	8	Apartment
30.	Vista Tasik Kondominium	Kediaman	21	20	1	Kondominium
31.	Gurney Height Condo	Kediaman	5	4	1	Kondominium
32.	Lanai Gurney Condo	Kediaman	4	4	0	Kondominium
JUMLAH KESELURUHAN			530	486	39	

6.0 KUTIPAN SEMASA

6.1 KUTIPAN

Sebanyak **RM 9,889,999.27** caj sewa dikenakan ke atas sewaan premis komersil dan kediaman dan **RM 2,280,993.70** dikenakan caj sewaan ke atas sewaan tanah sepanjang tahun 2019 dengan jumlah keseluruhan berjumlah **RM 12,170,992.97**. Sebanyak **61.72** peratus kutipan semasa dapat dikutip untuk caj sewaan premis komersil dan kediaman serta sebanyak **66.67** peratus kutipan semasa dapat dikutip untuk caj sewaan tanah dengan jumlah peratus keseluruhan adalah sebanyak **62.65** peratus seperti berikut:


Jadual 20 : Peratus Kutipan Semasa untuk Caj Sewaan Premis Komersil dan Kediaman

Bil	Kategori	Caj Sewaan Semasa Jan - Dis 2019 (Tahun Semasa)	Kutipan Sebenar Tahun Semasa	Peratusan Kutipan (%)	Baki Tunggakan (Rm)
1.	BANDAR TUN RAZAK	943,705.40	679,853.04	72.04	263,852.36
2.	KOMERSIL	5,495,923.80	2,693,060.30	49.00	2,802,863.50
3.	KEDIAMAN	2,295,746.00	1,861,104.00	81.07	434,642.00
4.	BANGUNAN KHAS	1,154,624.07	870,102.80	75.36	284,521.27
JUMLAH		9,889,999.27	6,104,120.14	61.72	3,785,879.13
5.	TANAH	2,280,993.70	1,520,711.10	66.67	760,282.60
JUMLAH KESELURUHAN		12,170,992.97	7,624,831.24	62.65	4,546,161.73

7.0 BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN

Jadual 21 : Pecahan Status dan Jumlah Pihak Pengurusan Bangunan Berstrata di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Pihak Pengurusan	Jumlah
Pemaju	926
Badan Pengurusan Bersama (JMB)	584
Perbadanan Pengurusan (MC)	3,165
Ejen Pengurusan	15
Lain-Lain	1,135
JUMLAH KESELURUHAN	5,825



Jadual 22 : Statistik Aduan Berkenaan Bangunan Berstrata Yang Diterima Dan Diselesaikan Oleh COB Kuala Lumpur Bagi Tahun 2019

Bil	Aduan Awam	Terima
1	Mesyuarat	3,160
2	Pentadbiran dan Pengurusan	1,634
3	Penyenggaraan dan Kerosakan	960
4	Isu Kewangan	783
5	Khidmat Nasihat	876
6	Penguatkuasaan COB	206
7	Lain-Lain (Penubuhan JMB/MC, Penyalahgunaan Harta Bersama, Kecurian Kabel, Deposit Air/Elektrik)	966
	Jumlah Keseluruhan Tahun 2017	8,585

Sebanyak dua belas (12) sesi latihan yang merangkumi seminar, bengkel dan kursus berkaitan Pengurusan Bangunan Berstrata telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019.

Jadual 23 : Program Anjuran Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Sepanjang Tahun 2019

Bil	Nama Program	Tarikh	Tempat	Sasaran Peserta	Jumlah Peserta
1.	Kursus Kepakaran Sistem Bmis Dan E-Filing COBKL	29 – 30 Mac 2019	IDB DBKL	AJK JMB/MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL	30
2.	Kursus Pertauliahian Sijil Mediator Komuniti Strata Kepada Wakil Kawasan Parlimen	12 – 15 Mac 2019	Seri Suasana Port Dickson DBKL	Wakil Ahli Parlimen	24
3.	Bengkel Penyediaan Starter Kit Untuk Anggota Jawatankuasa Baru Badan Pengurusan Bersama (JMB)/ Perbadanan Pengurusan (MC)	17 – 19 April 2019	Seri Suasana Port Dickson DBKL	Pegawai Dan Kakitangan Bahagian COB KL	30
4.	Kursus Kecekapan Pengurusan Mengikut Akta Pengurusan Strata (Akta 757)	21 Feb 2019 28 Feb 2019 7 Mac 2019 21 Mac 2019 28 Mac 2019 4 April 2019 11 April 2019 25 April 2019 1 Julai 2019 2 Julai 2019 4 Julai 2019 9 Julai 2019 11 Julai 2019 18 Julai 2019 1 Ogos 2019	IDB DBKL	AJK JMB/MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL	448
5.	Konvensyen Komuniti Strata Wilayah Persekutuan 2019 Anjuran Bersama Kementerian Wilayah Dan Bahagian Pesuruhjaya Bangunan	24 Oktober 2019	Hotel Primiera	AJK JMB/MC Kawasan Pemajuan Berstrata di WPKL	500

Jadual 24 : Program Turun Padang (Taklimat Pengurusan Dan Penyenggaraan) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Bersama Pemaju / JMB / MC Sepanjang Tahun 2019

Bil	Kawasan	Tarikh	Jumlah Pemilik
1.	Parlimen Bukit Bintang	12 Mac 2019	120
2.	Parlimen Kepong	31 Mac 2019	93
3.	Taman Sri Sentosa	2 April 2019	130
4.	Taman Sri Sentosa	22 April 2019	107

Jadual 25 : Program Turun Padang (Mesyuarat AGM dan EGM) Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Bersama Pemaju / JMB / MC Sepanjang Tahun 2019

Bil	Kawasan	Tarikh	Jumlah Pemilik
1.	Pangsapuri Seroja, Kepong	20 April 2019	157
2.	PA Bandar Baru Sentul Fasa 3 dan Fasa 8&9	19 April 2019	270
3.	Sanctuary Bukit Tunku	7 Mei 2019	119
4.	Kondominium Lanai Gurney	13 Mei 2019	220
5.	Rumah Pangsa Tong Nam	20 Mei 2019	109
6.	Kondominium Scott Garden	1 Julai 2019	90
7.	Kondominium Villa Putra	30 Julai 2019	110
8.	Pangsapuri Kasturi, Cheras	4 Jun 2019	130
9.	Kondominium PV 12	19 Ogos 2019	110
10.	Pangsapuri Teratai Mewah, Apt. S5-S6	20 Ogos 2019	121
11.	Pangsapuri Miharja, Cheras	26 Ogos 2019	90
12.	Menara City One	30 September 2019	113
13.	Pangsapuri Merdeka View	1 Oktober 2019	120
14.	Rumah Pangsa Taman Naga Emas	7 Oktober 2019	162
15.	Kondominium Bangsar Permai	30 Oktober 2019	92

Jadual 26 : Sasaran Peserta Program

Bil	Sasaran Peserta Program	Jumlah Program
1	DALAMAN	1
2	LUAR	23
JUMLAH KESELURUHAN		24

Jabatan Pengurusan Maklumat

1.0 LATAR BELAKANG JABATAN

Jabatan ini ditubuhkan pada 1 Julai 2002 yang dikenali sebagai Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan pada 1 Julai 2011 jabatan ini telah ditukar nama kepada Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM). Jabatan ini mempunyai seramai **90 orang pegawai dan kakitangan yang** terdiri daripada pelbagai jawatan. Jabatan ini juga mempunyai (4) bahagian besar iaitu:-

- i. Bahagian Pembangunan Aplikasi dan Sokongan;
- ii. Bahagian Pembangunan Aplikasi dan Strategik;
- iii. Bahagian Multimedia dan GIS; dan
- iv. Bahagian Pengurusan Data, Rangkaian dan Sokongan Teknikal

2.0 PIAGAM PELANGGAN JPM

- 2.1 Permohonan lengkap Pembangunan Sistem Aplikasi akan dikaji dalam tempoh 30 hari bekerja selepas menerima semua dokumen dengan lengkap;
- 2.2 Pembangunan Produksi Multimedia akan dilaksanakan dalam tempoh 30 hari bekerja setelah mendapat maklumat lengkap dari jabatan pengguna;
- 2.3 Semua aduan, pertanyaan ICT dan masalah perkakasan, perisian, sistem serta rangkaian yang dihadapi oleh pengguna akan diberi maklumbalas awal dalam tempoh satu (1) hari bekerja;
- 2.4 Mengemaskini semua portal dan laman web DBKL dalam tempoh 3 hari bekerja selepas maklumat lengkap diterima;

- 2.5 Memastikan perkhidmatan semua operasi server dan rangkaian dapat dicapai secara berterusan (24 jam x 7 hari);
- 2.6 Memastikan *preventive maintenance* untuk penyenggaraan server, rangkaian, sistem aplikasi dan perkakasan dilaksanakan sekurang-kurangnya 6 bulan sekali.

3.0 BAJET JABATAN 2019

3.1 Peruntukan Bajet Mengurus

Perkara	Tahun 2019 (RM)	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	34,288,200.00	94.12
Perbelanjaan	32,273,742.66	

3.2 Peruntukan Bajet Pembangunan

Perkara	Tahun 2019 (RM)	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	25,872,000.00	92.32
Perbelanjaan	23,884,263.67	

4.0 STATISTIK ADUAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

4.1 Aduan Helpdesk ICT 2019

Aduan Helpdesk ICT merupakan salah satu komponen penting dalam mengendalikan operasi rutin seharian pengguna di pelbagai jabatan / bahagian / unit / pejabat di DBKL berkaitan infrastruktur, sistem dan kemudahan ICT yang disediakan. Aduan Helpdesk ICT merangkumi 10 kategori seperti berikut:

- | | |
|---------------|--------------------------|
| i. Perkakasan | ii. Intranet |
| iii. Emel | iv. Sistem Aplikasi |
| v. Internet | vi. Sistem Pengoperasian |
| vii. Virus | viii. PABX |
| ix. Rangkaian | x. CCTV |

Aduan oleh pengguna diterima oleh Bahagian Infrastruktur, Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) melalui telefon, surat, faks, emel dan Borang Aduan Secara Online.

Lokasi pengguna di jabatan / bahagian / unit / pejabat DBKL adalah di sekitar Kuala Lumpur dan Lembah Klang.

4.1.1 Objektif / Matlamat

Objektif dan matlamat adalah seperti berikut:

- Membantu pengguna dalam menyelesaikan masalah berkaitan perkakasan komputer, rangkaian, internet, Emel, virus, sistem, aplikasi, PABX dan CCTV;
- Memenuhi keperluan semua pegawai dan kakitangan DBKL untuk melaksanakan tugas harian dengan lebih cepat dan berkesan.
- Memberi bantuan teknikal dan khidmat nasihat kepada pengguna dalam penggunaan teknologi ICT yang lebih baik terutama yang berkaitan dengan perkakasan komputer, rangkaian, internet, Emel, virus, sistem, aplikasi, PABX dan CCTV.

4.1.2 Kumpulan Sasaran

Kumpulan sasaran bagi aduan Helpdesk ICT adalah terdiri daripada pengguna yang mempunyai masalah berkaitan perkakasan komputer, rangkaian, internet, Emel, virus, sistem, aplikasi, PABX dan CCTV meliputi kumpulan berikut Pengurusan Tertinggi DBKL, Pengurusan dan Profesional, Sokongan I dan Sokongan II.

4.1.3 Analisa Aduan


Analisa aduan dibuat berdasarkan status aduan, kategori aduan dan jabatan oleh pengguna-pengguna di DBKL. Jumlah aduan yang diterima pada tahun 2019 adalah sebanyak 2630 yang melibatkan pengguna-pengguna di jabatan / bahagian / unit / pejabat di DBKL.

i) Status Aduan

JPM telah menerima bilangan aduan sebanyak 1466 aduan bagi tempoh 6 bulan pertama iaitu 1 Januari 2019 sehingga 30 Jun 2019. Pecahan aduan adalah seperti berikut:

Status	Bilangan Aduan
Baru	134
Dalam Tindakan	11
Selesai	1321
JUMLAH	1466

Jadual 1 : Bilangan Aduan Berdasarkan Status Aduan Bagi Tempoh Jan – Jun 2019




Carta Pai 1 : Peratus Aduan ICT Berdasarkan Status Aduan Bagi Tempoh Jan –Jun 2019

Bagi tempoh 6 bulan kedua iaitu 1 Julai 2019 sehingga 31 Disember 2019, JPM telah menerima bilangan aduan sebanyak 1164 aduan. Pecahan aduan adalah seperti berikut:

Status	Bilangan Aduan
Baru	63
Dalam Tindakan	17
Selesai	1084
JUMLAH	1164

Jadual 2 : Bilangan Aduan Berdasarkan Status Aduan Bagi Tempoh Julai – Disember 2019



Carta Pai 2 : Peratus Aduan ICT Berdasarkan Status Aduan Bagi Tempoh Julai – Disember 2019

Daripada carta pai di atas, terdapat penurunan bilangan aduan di antara 6 bulan pertama dan 6 bulan kedua iaitu sebanyak 300 aduan.


Jumlah aduan yang dapat diselesaikan adalah sebanyak 2456 daripada 2630 iaitu 93.38% manakala 126 adalah aduan baru (4.79%) dan 48 (1.83%) adalah dalam tindakan.

ii) Kategori Aduan

Bagi tempoh 6 bulan pertama iaitu 1 Januari 2018 sehingga 30 Jun 2019, kategori aduan yang tertinggi yang diterima oleh JPM adalah perkakasan iaitu 63.57% diikuti Sistem Aplikasi iaitu 9.89% dan rangkaian iaitu 7.64%. Aduan-aduan lain adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------------------------|---------------------------------|
| a. Intranet – 6.59% | f. Sistem Pengoperasian – 0.68% |
| b. PABX – 5.32% | g. Internet – 0.34% |
| c. Emel – 2.73% | h. CCTV – 0.25% |
| d. Virus – 1.64% | i. Portal – 0.07% |
| e. Perisian Aplikasi -1.36% | |


Aduan Helpdesk ICT 1 Januari 2019 Sehingga 30 Jun 2019 Mengikut Kategori Masalah



Bagi tempoh 6 bulan kedua iaitu 1 Julai 2019 sehingga 31 Disember 2019, kategori aduan yang tertinggi yang diterima oleh JPM adalah perkakasan iaitu 67.35% diikuti Intranet iaitu 7.82% dan Rangkaian serta Sistem Aplikasi iaitu 6.01%. Aduan-aduan lain adalah:

- | | |
|------------------------------|---------------------------------|
| a. PABX – 4.81%, | e. Sistem Pengoperasian – 0.77% |
| b. Emel – 3.27% | f. Internet – 0.69% |
| c. Perisian Aplikasi – 1.72% | g. Portal – 0.26% |
| d. Virus – 1.29% | h. CCTV- 0% |

Aduan Helpdesk ICT 1 Julai 2019 Sehingga 31 Disember 2019 Mengikut Kategori Masalah



Daripada analisa di atas, kategori perkakasan, rangkaian dan Sistem Aplikasi masih berada dalam kategori tiga (3) tertinggi bagi Januari – Jun dan Julai – Disember bagi tahun 2019.

4.2 Punca Aduan Lewat Diselesaikan

JPM sentiasa mengutamakan penyampaian yang terbaik kepada para pengguna. Namun, dalam menyelesaikan masalah yang diadu oleh pengguna di jabatan / bahagian / unit / pejabat, JPM menghadapi masalah daripada aspek kakitangan, logistik, lokasi, pengalaman dan kemahiran, perkakasan yang *obsolete*, *sistem legacy* serta lain-lain.

4.2.1 Kakitangan

Antara masalah utama yang dihadapi adalah kakitangan terutama dalam menyelesaikan masalah berkaitan perkakasan, rangkaian, Internet, Virus, Emel, PABX, CCTV, Sistem Pengoperasian, Sistem Aplikasi, Intranet, Perisian Operasi dan Perisian Aplikasi. Masalah adalah seperti berikut:

- Kekurangan kakitangan teknikal terutama bilangan kakitangan berbanding dengan kakitangan DBKL secara keseluruhan. Nisbah kakitangan teknikal di JPM dengan jumlah pengguna di jabatan / bahagian / unit / pejabat adalah besar iaitu 75:13000.
- Job rotation* DBKL di mana kakitangan yang telah mahir ditukar untuk pendedahan tugas di jabatan lain. Ini menyukarkan jabatan ini untuk melatih kakitangan baru serta mengambil masa untuk memahirkan diri. Oleh itu, JPM menghadapi kekurangan kakitangan mahir dan mengambil masa untuk menyelesaikan aduan kerana masih bergantung kepada kakitangan JPM sedia ada yang mahir.
- Kakitangan teknikal di JPM bukan sahaja mempunyai tugas rutin sedia ada tetapi juga mempunyai tanggungjawab dan beban tugas yang agak besar. Ini akan menyebabkan kakitangan yang *multi-tasking*, hilang fokus dalam penyelesaian masalah serta mengambil masa yang lama dalam penyelesaian aduan.

4.2.2 Logistik

- i. Kemudahan pengangkutan sedia ada adalah terhad dan berkongsi dengan kenderaan yang sama digunakan untuk kegunaan rasmi oleh pegawai dan kakitangan JPM di mana seringkali diberi keutamaan kepada pegawai yang menghadiri mesyuarat rasmi. Namun, dalam mengendali dan menyelesaikan aduan pengguna-pengguna di jabatan / bahagian / unit / pejabat, persediaan logistik adalah sangat perlu terutama pengangkutan ke tempat-tempat pengguna bagi mengatasi masalah *parking* dan kesesakan jalan raya untuk ke tempat pengguna.
- ii. Di samping itu, utiliti / *tools* sebagai alat yang membantu dalam penyelesaian aduan juga berkurangan, melibatkan kos bagi lesen utiliti / *tools*.

4.2.3 Pengalaman dan Kemahiran

- i. Kakitangan teknikal yang mengendali dan menyelesaikan aduan pengguna-pengguna di jabatan / bahagian / unit / pejabat juga menghadapi masalah pengalaman dan kemahiran di mana terdapat kakitangan yang telah terlatih ditukar ke jabatan yang lain bagi memenuhi *job rotation* di DBKL dan diganti dengan kakitangan yang kurang dan tiada pengalaman serta kemahiran bagi menyelesaikan sesuatu masalah dan akan mengambil masa untuk memahirkan diri. Kakitangan ini perlu dilatih dan dihantar menghadiri kursus teknikal berkaitan.
- ii. Bagi kakitangan sedia ada, kekangan pada masa untuk menjalani latihan / kursus di samping perlu melaksanakan kerja-kerja yang lain.

4.2.4 Perkakasan Yang *Obsolete*

- i. Kebanyakan tempoh hayat perkakasan ICT di DBKL seperti komputer, printer dan scanner adalah lebih daripada 8 tahun yang menyebabkan kesukaran dalam mendapatkan alat ganti untuk kerja-kerja baik pulih perkakasan.
- ii. Jabatan tidak melaksanakan pelupusan mengikut tempoh hayat perkakasan kerana kesukaran mendapatkan penggantian perkakasan.
- iii. Pihak Vendor juga mengalami kesukaran dan mengambil masa untuk mendapatkan alat-alat ganti.

4.2.5 Sistem *Legacy*

Terdapat lebih 50 aplikasi yang digunakan oleh pegawai dan kakitangan DBKL. Namun terdapat Sistem *Legacy* yang masih digunakan disebabkan masalah berikut:

- i. Teknologi terkini yang terlalu cepat menyebabkan Sistem *Legacy* usang dari segi reka bentuk dan versi perisian yang digunakan untuk pembangunan sistem serta tiada khidmat sokongan daripada Prinsipal / Vendor tetapi masih digunakan.
- ii. Kerja-kerja naiktaraf Sistem *Legacy* akan mengambil masa yang lama dan memerlukan kepakaran dan kemahiran kakitangan atau Vendor yang akan melibatkan perubahan proses kerja serta prosedur.
- iii. Kesukaran mendapatkan kakitangan yang boleh memberi khidmat sokongan kepada sistem *legacy* kerana kakitangan telah berpindah ke jabatan lain.

4.2.6 Lain-lain

Selain daripada kakitangan teknikal JPM yang terlibat dalam menyelesaikan aduan yang diadu oleh pengguna DBKL, JPM juga bergantung kepada khidmat dan sokongan daripada Vendor perkakasan, sistem dan pembekal talian seperti TM. Kebergantungan ini juga memainkan faktor dalam penyelesaian aduan. Antara masalah yang dihadapi adalah:

- i. Pihak Vendor mempunyai kakitangan yang tiada *competency*, kemahiran dan pengalaman.
- ii. Pihak Vendor mengalami kesukaran untuk menjamin ketersediaan alat ganti untuk kerja-kerja baik pulih perkakasan yang *obsolete*.

4.3 Tindakan Penyelesaian

Antara penyelesaian yang dikenalpasti untuk mengatasi aduan-aduan ICT adalah:

4.3.1 Kakitangan

- i. JPM memohon supaya kakitangan JPM tidak terlibat dalam *job rotation* seperti mana yang dilaksanakan di jabatan-jabatan lain.
- ii. Memohon penambahan kakitangan teknikal yang pakar dalam perkakasan, perisian, server, rangkaian dan lain-lain bagi memastikan aduan dapat ditangani dalam masa yang singkat.

4.3.2 Logistik

- i. Memohon kemudahan pengangkutan serta berjadual bagi tujuan penyelesaian aduan ke lokasi pejabat-pejabat jabatan pengguna yang jauh.
- ii. Permohonan perisian utiliti / *tools* yang boleh memudahkan kerja-kerja menyelesaikan aduan.

4.3.3 Latihan

- i. Memastikan kakitangan dapat menghadiri latihan dan kursus berkaitan.
- ii. Memohon latihan teknikal bagi memastikan sentiasa terkini.

4.3.4 Penyelarasan SOP Dan Proses Kerja Dengan Unit-Unit Lain Dalam JPM

- i. Mengadakan sesi koordinasi dalam jabatan dalam merancang strategi untuk menyelesaikan aduan ICT.
- ii. Memperbaiki SOP dan proses kerja yang melibatkan perkakasan usang dan Sistem *Legacy*.

4.3.5 Penyelarasan JPM Dan Vendor Dalam Memastikan Pematuhan *Service Level Agreement (SLA)*

Mengadakan sesi koordinasi antara DBKL dan pihak Vendor dalam mematuhi *Service Level Agreement (SLA)* yang melibatkan perkakasan, rangkaian, *service provider* Internet dan sistem aplikasi.

4.4 Kesimpulan

JPM merupakan penyedia perkhidmatan ICT kepada pengguna DBKL. Bagi melancarkan tugas harian dan rutin semua pengguna di DBKL, JPM akan sentiasa berusaha memperbaiki tahap perkhidmatan dan sokongan teknikal yang diberikan kepada pengguna.

Walau bagaimanapun, kerjasama dan bantuan serta sokongan daripada semua pihak adalah perlu bagi memastikan aduan-aduan ini dapat diselesaikan dengan baik.

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

5.1 Majlis Pelancaran Aplikasi GoKL

Jabatan Pengurusan Maklumat telah mengambil inisiatif ke arah *Smart Mobility* dengan menyediakan aplikasi mudah alih yang diberi nama "GOKL". Majlis Pelancaran Aplikasi ini telah dilancarkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan di Majlis Pelancaran Laluan Tambahan Perkhidmatan Percuma Bas GoKL pada 22 Oktober 2019. Aplikasi ini menyediakan maklumat perkhidmatan senarai laluan bas GOKL, jangkaan ketibaan bas, dan lokasi hentian bas yang mudah diakses dan mesra pengguna. Perkhidmatan bas GOKL yang menyediakan perkhidmatan bas "first & last mile" bagi 7 laluan di sekitar Kuala Lumpur boleh dimuat turun di *Google Play* untuk pengguna telefon *Android* manakala pengguna *IOS* di *Apple Store*.



5.2 Latihan Sistem Permohonan Permit Laluan Lori Angkut Bahan

Tarikh : 5 hingga 7 Ogos 2019
Masa : 9.00 pagi – 5.00 petang
Tempat : Hotel Tamu & Suites, Kuala Lumpur

Sesi latihan kepada pengguna bagi Sistem Permohonan Permit Laluan Lori Angkut Bahan telah diadakan di Hotel Tamu & Suites, Kuala Lumpur. Latihan ini diberikan kepada semua pengguna kakitangan DBKL daripada Jabatan Perancangan Infrastruktur yang akan menggunakan sistem permit lori ini. Latihan ini telah di jalankan selama 3 hari daripada 5 hingga 7 Ogos 2019.

Sepanjang latihan ini, kehadiran pengguna amat memberansangkan dan berjalan dengan lancar. Pihak Kontraktor juga telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam menjalankan aktiviti latihan ini. Semua proses kerja di dalam sistem telah ditunjukkan satu persatu bagi memahamkan penggunaan sistem ini secara *hands on*.



5.3 Penyertaan Pameran National Planning Congress 2019

Tarikh : 5 November 2019
Tempat : Perbadanan Putrajaya

Jabatan telah ditugaskan sebagai urusetia dan membekalkan bahan-bahan seperti *brochure* tentang Sistem GIS yang melibatkan Jabatan Perancang sebagai Pengguna Sistem untuk pameran ini. Pameran adalah bertujuan untuk mempamerkan hasil-hasil inisiatif bagi pelaksanaan Bandar Pintar. Tema untuk pameran ini adalah "Smart Partnership In The Digital Era".

Pameran ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.



5.4 Aplikasi Mudah Alih DBKL Mobis

Aplikasi Mudah Alih DBKL Mobis (Mobile Intergrated Service) adalah aplikasi yang membolehkan pengguna untuk menyemak dan membuat bayaran di atas talian untuk 3 perkhidmatan DBKL iaitu:-

- i. Notis Kompaun Trafik DBKL
- ii. Cukai Taksiran
- iii. Memperbaharui Lesen Komposit, Papan Tanda dan Premis

Ini membolehkan pengguna membuat bayaran kepada perkhidmatan DBKL pada bila-bila masa dan dimana-mana jua. Ini sekaligus dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan dapat mengatasi kekurangan ruang parkir di kawasan kaunter bayaran.


Aplikasi ini telah dilancarkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan di Majlis Perlancongan Aplikasi Mudah Alih DBKL Mobis dan KLSPEF pada 17 Disember 2019 di Ruang Lobi Menara DBKL 1 yang dihadiri oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Pengarah Eksekutif, Ketua-Ketua Jabatan dan kakitangan DBKL. Jumlah pengguna yang telah muat turun aplikasi ini adalah:

- i. Android - 69,597
- ii. IOS - 17,906

Jumlah Transaksi dari 1 Januari 2020 sehingga 3 Mac 2020:-

	Kompaun	Cukai Taksiran	Lesen
TRANSAKSI	25024	3103	40
KUTIPAN (RM)	1,350,585.00	1,856,684.02	27,509.00

Paparan Aplikasi Mudah Alih Mobis:-



5.5 Sistem Kuala Lumpur Sport, Event And Facilities (KLSPEF)

5.5.1 Tarikh-tarikh penting bagi pelaksanaan sistem

i. 27 Februari 2019

Sesi Latihan Penggunaan Sistem KLSPEF kepada 3 jabatan iaitu Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta dan Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja. *Live* Pada 1 Mac 2019.

ii. 23-25 Mac 2019

Penyelarasan SOP dan Pemantapan Sistem KLSPEF untuk menyeragamkan SOP bagi kelima-lima jabatan yang terlibat.

iii. 4 April 2019

Sesi Latihan Penggunaan Sistem KLSPEF kepada Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar. Kunci masuk semua data tempahan dewan dan acara sukan pada 12 April 2019.

iv. 15 April 2019

Live kepada warga kota secara berperingkat untuk dewan di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar.

v. 30 April 2019

Sesi taklimat kepada 54 dewan mengenai cagaran online dan sewaan online.

vi. Mei 2019

Live kepada warga kota dengan mengunapakai bayaran cagaran dan sewaan secara online.

Sistem ini telah dilancarkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan di Majlis Perlancongan Aplikasi Mudah Alih DBKL Mobis dan KLSPEF pada 17 Disember 2019 di Ruang Lobi Menara DBKL 1 yang dihadiri oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Pengarah Eksekutif, Ketua-Ketua Jabatan dan kakitangan DBKL.

5.5.2 Senarai Jabatan Yang Terlibat Dan Jumlah Dewan

Jabatan	Jumlah
Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan & Sukan	39
Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi	1
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta	1
Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja	1
Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar	11
JUMLAH	53

Gambar Majlis Perlancongan Aplikasi Mudah Alih DBKL MOBIS Dan Sistem Kuala Lumpur Sport, Event And Facilities (KLSPEF)



Jabatan Pentadbiran

1.0 LATAR BELAKANG

Ditubuhkan pada tahun 1970 dan dikenali sebagai Urusetia Bandaraya. Pada 1 Januari 1996, Bahagian Pentadbiran dan Urusetia Bandaraya bersama Jabatan Personel telah digabungkan dan diwujudkan Jabatan Pengurusan Organisasi (JPO).

Pada 15 Ogos 2003, Jabatan Pentadbiran berfungsi dengan sendirinya yang menggabungkan empat bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Perpustakaan, Bahagian Pengurusan Perolehan serta Unit Urus Bangunan dan Unit Jawatankuasa Tindakan. Pada Januari 2006, Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa telah diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran.

Selepas penstrukturan semula DBKL pada Julai 2011, Unit Komunikasi Korporat (dahulunya dikenali sebagai Unit Hal Ehwal Awam dan Antarabangsa), Unit Reprografi dan Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL) telah dipisahkan daripada Jabatan Pentadbiran. Pada Februari 2014, PKL diletakkan semula di bawah Jabatan Pentadbiran sehingga 1 Ogos 2015. Mulai tarikh tersebut, sekali lagi PKL dipisahkan daripada Jabatan Pentadbiran. Bahagian Pengurusan Rekod juga telah dipindahkan ke PKL, Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar berkuatkuasa pada 3 Disember 2018. Hanya Unit Reprografi sahaja tetap kekal di bawah Jabatan Pentadbiran sehingga sekarang. Jumlah pegawai dan kakitangan semasa di jabatan adalah seramai 156 orang.

2.0 FUNGSI

Jabatan Pentadbiran mempunyai tiga bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran dan Keurusetiaan, Bahagian Pengurusan Aset & Bangunan dan Bahagian Pengurusan Perolehan.

2.1 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEURUSETIAAN

Bahagian ini berperanan untuk menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kebangsaan. Bahagian ini terbahagi kepada tiga (3) unit utama iaitu Unit Pentadbiran & Mel, Unit Penyelarasan Acara dan Unit Keurusetiaan.

2.1.1 Unit Pentadbiran dan Mel

- i. Menyelaras program-program rasmi peringkat DBKL.
 - a. Perhimpunan DBKL
 - b. Majlis Rumah Terbuka bagi perayaan utama (Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas)
- ii. Menyelaras urusan tuntutan pembelian dan pembayaran bil telefon pegawai DBKL.
- iii. Menyelaras penyediaan Laporan Tahunan DBKL.
- iv. Menyelaras urusan mel DBKL.
- v. Mewakili DBKL sebagai penyelaras utama agensi di bawah KWP. Antara tugas utama adalah:
 - a. Menyelaras Cabutan Soalan-Soalan Di Aturan Urusan Mesyuarat (AUM) Dewan Rakyat & Dewan Negara Untuk Tindakan Maklumbalas Jabatan-Jabatan DBKL Yang Berkenaan
 - b. Membantu Urusetia Parlimen KWP Menyelaras Mesyuarat-Mesyuarat Bersama YBMWP/ YBTMWP, Dan
 - c. Menyelaras Serta Memantau Pegawai-Pegawai Bertugas Harian Sepanjang Dewan Rakyat & Dewan Negara Bersidang 3 Kali Setahun - Mesyuarat Pertama, Mesyuarat Kedua, Dan Mesyuarat Ketiga

2.1.2 Unit Penyelarasan Acara

- i. Menyelaras pelantikan Panel Kontraktor bagi:-
 - a. Perkhidmatan Pembekalan Makanan dan Minuman untuk Program Sosial DBKL.
 - b. Pemasangan *Bunting* dan *Billboard*.
 - c. Pembekalan bendera sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan.
- ii. Menyelaras urusan jamuan / aktiviti sosial peringkat DBKL / KWP.
- iii. Menyelaras program-program rasmi di peringkat DBKL / KWP / Kebangsaan / Antarabangsa.
 - a. Kempen Kibar Bendera sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.
 - b. Sambutan Istiadat Pertabalan KDYMM SPB YDP Agong.
 - c. Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Rasmi KDYMM SPB YDP Agong.
 - d. Sambutan Hari Kebangsaan.
 - e. Lain-lain acara atau program rasmi yang diarahkan dari semasa ke semasa.
- iv. Menyelaras program-program keagamaan peringkat DBKL dan kebangsaan.
- v. Mengurus dan menyelia aktiviti keagamaan di surau-surau DBKL.
- vi. Ahli Jawatankuasa dalam sambutan & majlis-majlis rasmi peringkat kebangsaan seperti Tilawah Al-Quran, Sambutan Maulidur Rasul dan Maal Hijrah.

2.1.3 Unit Keurusetiaan

- i. Menyelaras mesyuarat utama DBKL seperti berikut:-
 - a. Mesyuarat Majlis Menteri Wilayah
 - b. Mesyuarat Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur
 - c. Mesyuarat PEMUDAH

- d. Mesyuarat Ketua Jabatan
 - e. Perjumpaan Datuk Bandar dengan Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- ii. Menyelaraskan Majlis Sanjungan Budi yang merupakan majlis meraikan mantan Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan Pegawai Kanan DBKL gred 41 ke atas.

2.2 BAHAGIAN PENGURUSAN PEROLEHAN

2.2.1 Fungsi-Fungsi Utama

- i. Mengurus perolehan tender.
- ii. Mengurus perolehan sebut harga dan kerja undi.
- iii. Mengurus pentadbiran kontrak seperti berikut:-
 - a. Arahan Perubahan
 - b. Lanjutan Masa Kontrak
 - c. Rundingan Harga
 - d. Perkhidmatan Perunding
 - Pendaftaran dan Penyenaraian Perunding
 - Pemilihan dan Pelantikan Perunding
 - Penyelarasan Yuran Perkhidmatan Perunding
- iv. Mengurus hal ehwal kakitangan, pentadbiran pejabat dan pengurusan kualiti DBKL.
- v. Mulai 14 Mei 2018, atas nasihat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bahagian ini telah menerima tambahan skop kerja baru iaitu sebagai Urusetia bagi mesyuarat berikut:-
 - a. Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Projek Penswastaaan yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, dan
 - b. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Projek Penswastaaan (JPPP) yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif Perancangan.

2.2.2 Prestasi Aktiviti-Aktiviti Fungsi Utama


- i. Perolehan Tender, Sebut Harga, Perkhidmatan Perunding Dan Kerja Undi

Sepanjang tahun 2019, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengeluarkan sebanyak 453 tawaran merangkumi perolehan tender, sebut harga, perkhidmatan perunding dan kerja undi. Daripada perolehan tersebut, sebanyak **199** perolehan **tender**, **195** perolehan **sebut harga**, **12** perolehan **perkhidmatan perunding** dan **47** perolehan **kerja undi** telah dijalankan. Perincian mengikut kategori perolehan adalah berdasarkan **Jadual 1** dan **Gambar Rajah 1** di bawah:-

Jadual 1 : Jumlah Perolehan DBKL Tahun 2019

Bil.	Kategori Perolehan	Bilangan Perolehan
1	Tender	199
2	Sebut Harga	195
3	Kerja Undi	47
4	Perunding	12
JUMLAH		453


Gambar Rajah 1 : Perbandingan Jumlah Perolehan DBKL Tahun 2018 Dan 2019




Jadual 2 : Nilai Perolehan DBKL Tahun 2019

Bil.	Kategori Perolehan	Bilangan Tawaran	Nilai (RM)
1	Tender	121	501,889,398.53
2	Sebut Harga	129	63,587,647.18
3	Kerja Undi	47	6,926,109.39
4	Perunding	8	14,438,854.23
Jumlah		305	586,842,009.33

Gambar Rajah 2 : Perbandingan Nilai Tawaran (RM) Tahun 2018 Dan 2019



Gambar Rajah 3 : Perbandingan Bilangan Tawaran Tahun 2018 Dan 2019



- ii. Pengiklanan Dan Penjualan Dokumen Tender Dan Sebut harga
 - a. Tawaran Tender yang dipelawa sepanjang tahun 2019 telah diiklankan di dalam akhbar-akhbar tempatan iaitu Utusan Malaysia dan News Strait Times Press. Penjualan dokumen Tender dan Sebut Harga dibuat secara atas talian di eperolehan.dbkl.gov.my. Transaksi pembayaran juga dibuat secara atas talian.
 - b. Penjualan dokumen Tender dan Sebut Harga sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak **RM 3,265,600.00**.
 - c. Pendaftaran pihak Kontraktor sepanjang tahun 2019 adalah sebanyak **173** pendaftaran. Jumlah kutipan pendaftaran adalah **RM 338,500.00**.

2.3. BAHAGIAN PENGURUSAN ASET DAN BANGUNAN

2.3.1 Unit Pengurusan Aset dan Fasiliti

- a. Mengurus dan menyelaras aset alih, barang-barang sitaan yang tidak dituntut, kenderaan tersadai, aset tak alih, aset hidup Datuk Bandar Kuala Lumpur.
- b. Mengurus dan menyelaras urusan Keselamatan Perlindungan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- c. Urus Setia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih dan Mesyuarat Keselamatan Perlindungan DBKL.
- d. Mengurus pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Keselamatan Jabatan, Pegawai Pengelas, Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan dan Pendaftar Rahsia.
- e. Mengurus Jawatankuasa Pengurusan Pelupusan Tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- f. Pelaksanaan Kursus Pengurusan Aset dan Pengurusan Keselamatan Perlindungan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- g. Menilai dan mengukur prestasi bagi memastikan penyampaian sistem pengurusan keselamatan perlindungan di jabatan-jabatan DBKL berada pada tahap yang cemerlang.
- h. Persediaan awal DBKL sebelum Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan oleh Ketua Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO).
- i. Empat (4) aspek utama yang disemak adalah meliputi Keselamatan Fizikal, Keselamatan Dokumen, Keselamatan ICT dan Keselamatan Peribadi.

Jadual 3 : Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih

Suku Tahun	Tarikh Mesyuarat
Pertama	14 Mei 2019
Kedua	29 Ogos 2019
Ketiga	13 Disember 2019
Keempat	Februari 2020

Jadual 4 : Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa dan Pelupusan

Pelupusan	Aset Jenis Alih	Aset Tak Alih	Aset Hidup	Aset Sitaan	Jumlah Keseluruhan Bil. Mesyuarat
Bilangan Mesyuarat	34	3	2	12	51

Jadual 5 : Lawatan Inspektorat Keselamatan Perlindungan

Bil.	Jabatan	Lokasi	Tarikh Pemeriksaan
1.	Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	Tingkat 23, Menara DBKL 1	28 Januari 2019
2.	Jabatan Integriti	Tingkat 6, Menara DBKL 2	13 Februari 2019
3.	Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar	Tingkat 17-19, Menara DBKL 1	28 Februari 2019
4.	Pejabat Datuk Bandar Kuala Lumpur	Tingkat 28, Menara DBKL 1	14 Mac 2019
5.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Perancangan)	Tingkat 27, Menara DBKL 1	11 April 2019
6.	Pejabat Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek)	Tingkat 27, Menara DBKL 1	25 April 2019
7.	Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan	Tingkat 20-22, Menara DBKL 1	2 Mei 2019
8.	Jabatan Pengurusan Maklumat	Pusat Data, Tingkat 1, Menara DBKL 1	11 Julai 2019
9.	Jabatan Pengurusan Maklumat	Pusat Data, Tingkat 18, Menara DBKL 3	11 Julai 2019
10.	Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi	Nurseri Jinjang	8 Ogos 2019
11.	Jabatan Audit Dalam	Tingkat 2, Menara DBKL 2	15 Ogos 2019
12.	Jabatan Pentadbiran	Tingkat 4, Menara DBKL 1	30 Ogos 2019
13.	Jabatan Kewangan	Tingkat 24, Menara DBKL 1	5 September 2019
14.	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Pembangunan	Tingkat 25, Menara DBKL 1	30 September 2019
15.	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	Tingkat 11, Menara DBKL 3	7 November 2019

Jadual 6 : Mesyuarat Keselamatan Perlindungan

Bil Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
Bil. 1/2019	13 Jun 2019
Bil. 2/2019	27 Jun 2019

2.3.2 Unit Urus Bangunan

- i. Terdapat 2 unit di bawah seliaan Unit Urus Bangunan
 - Seksyen Urus Bangunan
 - Seksyen Reprografi
 - Fungsi Unit Urus Bangunan
 - a. Mengawalselia kerja-kerja pembersihan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80 dan Countdown Clock (CDC).
 - b. Mengurus dan memantau penyewaan premis Menara DBKL 1, 2 dan 3.
 - c. Memantau pengurusan keselamatan bangunan di Menara DBKL 1, 2, 3 dan PT80.
 - d. Mengurus permohonan penyewaan dan pengguna venue-venue seperti Dataran Merdeka, Auditorium, Dataran DBKL, Kolam Biru (ROL), Dewan Megapuri dan bilik-bilik mesyuarat utama.
 - e. Menguruskan petak letak kenderaan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80, Jalan Raja Mahadi dan Jalan Sultan Sulaiman, Kampung Baru.
 - f. Memantau kerja-kerja baik pulih, ubahsuai dan penyelenggaraan bangunan di Menara DBKL 1, 2, 3, PT80 dan venue-venue utama program.
 - g. Menyelaras keperluan logistik di bangunan Menara DBKL 1, 2, 3 dan bilik-bilik mesyuarat utama.
 - h. Menyelaras kerja-kerja ubahsuai di peringkat mesyuarat dan pelaksanaan.
 - i. Pengendali Sistem Operator Telefon DBKL.
 - Fungsi Unit Reprografi
 - a. Menguruskan hal ehwal percetakan.
 - b. Memberi perkhidmatan reka bentuk.
 - c. Menyedia / mengeluarkan dan menggantikan kad e-akses Kakitangan / Pelajar Latihan Praktikal / Pelawat / Kontraktor DBKL.

Jadual 7 : Statistik Permohonan Penggunaan Venue Bagi Tahun 2019 Bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga Disember 2019 melalui e-Booking / Manual.

MENARA DBKL 1								
Bil	Lokasi	Jumlah Permohonan	Belum Diproses	Lulus	Menunggu Muat Naik Surat	Permohonan Pembatalan	Ditolak	Dibatalkan
1.	Bilik Mesyuarat Tingkat 3	207	11	19	171	6	0	0
2.	Bilik Gerakan Tingkat 3	167	9	21	132	5	0	0
3.	Bilik Jamuan Tingkat 3	87	5	5	74	3	0	0
4.	Bilik Lembaga Tingkat 29	226	17	22	145	42	0	0
5.	Bilik Putra Tingkat 29	164	29	31	93	11	0	0

(bersambung...)

(...sambungan)

MENARA DBKL 1								
Bil	Lokasi	Jumlah Permohonan	Belum Diproses	Lulus	Menunggu Muat Naik Surat	Permohonan Pembatalan	Ditolak	Dibatalkan
6.	Bilik Jamuan Tingkat 29	59	9	23	25	2	0	0
7.	Dewan Megapuri Tingkat 30	436	7	18	105	6	0	0
8.	Bilik Biru Tingkat 30	74	3	11	56	4	0	0
9.	Auditorium DBKL	85	2	0	76	5	0	2
10.	Anjung Singgahsana, Tingkat 1 Auditorium	15	0	0	15	0	0	0
11.	Dataran Merdeka / Jalan Raja	19	0	17	0	0	0	2
12.	Dataran DBKL	26	0	26	0	0	0	0
MENARA DBKL 3								
Bil	Lokasi	Jumlah Permohonan	Belum Diproses	Lulus	Menunggu Muat Naik Surat	Permohonan Pembatalan	Ditolak	Dibatalkan
1.	Bilik Mesyuarat Utama (Tingkat 3)	231	2	55	133	1	0	40
2.	Bilik Mesyuarat 1 (Tingkat 3)	94	6	22	56	0	0	10
3.	Bilik Mesyuarat 2 (Tingkat 3)	53	7	12	31	0	0	3
4.	Bilik Mesyuarat Lembaga Perolehan (Tingkat 32)	33	1	5	23	1	0	3
5.	Bilik Mesyuarat Utama (Tingkat 34)	125	4	14	75	2	0	30
6.	Bilik Taklimat (Tingkat 3)	85	0	14	69	1	0	1
7.	Bilik Latihan (Tingkat 3)	191	2	50	134	0	0	5
8.	Bilik Jamuan (Tingkat 3)	106	2	5	97	0	0	2
9.	Bilik Latihan (Tingkat 3)	0	0	0	0	0	0	0

3.0 OBJEKTIF

Memastikan tadbir urus pengurusan perolehan, aset, bangunan, keurusetiaan majlis dan mesyuarat utama dilaksanakan mengikut dasar, perundangan/peraturan dan garis panduan semasa.

4.0 BAJET

4.1 PERBELANJAAN MENGRUS

Dalam Bajet Mengurus 2019, jabatan telah diperuntukkan sebanyak **RM21,516,450.00**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM19,226,673.79** telah dibelanjakan dengan pencapaian 89.36% perbelanjaan.

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
• Peruntukan Yang Diluluskan	RM21,516,450.00	89.36
• Perbelanjaan	RM19,226,673.79	

4.2 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Dalam Bajet Mengurus 2019, jabatan telah diperuntukkan sebanyak **RM75,000.00**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM69,300.00** telah dibelanjakan dengan pencapaian 92.40% perbelanjaan.

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
• Peruntukan Yang Diluluskan	RM75,000.00	92.40
• Perbelanjaan	RM69,300.00	

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

5.1 MESYUARAT-MESYUARAT UTAMA DBKL YANG TELAH DIADAKAN SEPANJANG TAHUN 2019

Mesyuarat Majlis Menteri Wilayah	Mesyuarat Lembaga Penasihat	Mesyuarat Ketua-Ketua Jabatan	Majlis Sanjungan Budi
Bil. 1/2019 8 Januari 2019	Bil. 1/2019 13 Februari 2019	Bil. 1/2019 14 Januari 2019	30 April 2019
Bil. 2/2019 7 Mac 2019	Bil. 2/2019 17 April 2019	Bil. 2/2019 11 Februari 2019	
Bil. 3/2019 27 Mei 2019	Bil. 3/2019 25 Jun 2019	Bil. 3/2019 13 Mac 2019	
Bil. 4/2019 10 September 2019	Bil. 4/2019 28 Ogos 2019	Bil. 4/2019 18 April 2019	
Bil. 5/2019 3 Disember 2019	Bil. 5/2019 1 November 2019	Bil. 5/2019 24 Mei 2019	
	Bil. 6/2019 17 Disember 2019	Bil. 6/2019 17 Jun 2019	
		Bil. 7/2019 26 Julai 2019	
		Bil.8/2019 11 September 2019	
		Bil93/2019 14 Oktober 2019	
		Bil. 10/2019 11 November 2019	
		Bil. 11/2019 16 Disember 2019	



Pemasangan Bendera Wilayah Persekutuan Di Menara DBKL 1, 2 Dan 3
Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2019



Perhimpunan DBKL Bil. 4-2019 Dan Majlis Aidilfitri DBKL 2019 Bertempat Di IDB Pada 20 Jun 2019



Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat WPKL Di Dataran Merdeka Pada 16 Ogos 2019



SEKTOR
PEMBANGUNAN
SOSIO-EKONOMI

>>> www.dbkl.gov.my <<<



Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar

186

1.0 LATAR BELAKANG JABATAN

Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar (JPKKB) terhasil dari penggabungan Jabatan asal iaitu Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Perkhidmatan Kawasan, Perpustakaan Kuala Lumpur dan Bahagian Pengurusan Rekod.

Penggabungan ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran komuniti Bandar yang berdaya maju dan sejahtera melalui jalinan kolaborasi dengan agensi kerajaan, swasta dan NGO yang seterusnya memperkukuh peranan pejabat cawangan dalam memberi perkhidmatan perbandaran kepada masyarakat setempat terutama dalam usaha membangunkan sebuah masyarakat yang berilmu dan berdaya saing ke arah kesejahteraan Bandar selaras usaha DBKL menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya bertaraf dunia pada tahun 2020.

Penggabungan ini memperkasakan serta memantapkan peranan dan tanggungjawab Jabatan dalam memenuhi mencapai aspirasi pengurusan tertinggi DBKL.

Bagi merealisasikan peranan dan tanggungjawab tersebut, penyusunan serta penempatan pegawai dengan fungsian telah diperkemaskan semula manakala peranan dan fungsi setiap Bahagian / Unit / Seksyen.

KUMPULAN PERJAWATAN					
Pengurusan Profesional	Sokongan I		Sokongan II		JUMLAH
Kumpulan A	Kumpulan B	Kumpulan C	Kumpulan D	Kumpulan IMG	
45	156	537	88	366	1,192

Bilangan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Mengikut Kumpulan Perjawatan bagi Tahun 2019

2.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

- 2.1 Fungsi JPCKB mencakupi 6 aspek utama iaitu Pengurusan Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Pengurusan Rumah Jual, Penyelenggaraan PA dan PPR (Awam, Elektrik dan Mekanikal), Keselamatan, Pembangunan Komuniti, Pengurusan sebelas (11) kawasan parlimen iaitu Parlimen Bandar Tun Razak, Batu, Bukit Bintang, Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Segambut, Seputeh, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju dan disokong oleh Bahagian Pentadbiran dan Pembangunan serta Bahagian Kewangan.
- 2.1.1 Mengurus dan menyelenggara Perumahan Awam (PA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR)
 - 2.1.2 Mengurus pendaftaran permohonan rumah sewa melalui Sistem e-Perumahan secara *online*
 - 2.1.3 Mengurus pemilihan dan tawaran kemasukan penyewa yang layak
 - 2.1.4 Mengurus hal berkaitan penjualan rumah kos rendah dan sederhana DBKL dan bertindak sebagai Perbadanan Pengurusan (MC) Sementara sebelum Hakmilik Strata dikeluarkan
 - 2.1.5 Mewujudkan suasana harmoni di kalangan penghuni dengan menyediakan kemudahan dan bantuan program-program sosial dan keagamaan untuk dimanfaatkan oleh warga bandar
 - 2.1.6 Membangunkan komuniti dari pelbagai lapisan masyarakat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merangkumi aspek pendidikan, pembangunan modal insan, perkhidmatan sosial dan membasmi kemiskinan bandar
 - 2.1.7 Melaksanakan penyampaian perkhidmatan secara langsung kepada penduduk setempat dengan efisien dan berkesan
- 2.2 Pentadbiran telah dibahagikan kepada beberapa unit bagi menggerakkan fungsi utama Jabatan. Antara unit tersebut adalah :

2.2.1 Unit Pentadbiran dan Pembangunan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Pentadbiran, Seksyen Dasar dan Pembangunan, Seksyen Aduan dan Keurusetiaan serta Seksyen Teknologi Maklumat.

Seksyen Pentadbiran bertanggungjawab menyelaras kerja-kerja berkaitan perkhidmatan personel serta memastikan pengurusan pentadbiran pejabat dilaksanakan pengikut peraturan, pekeliling, arahan semasa dan akta-akta yang telah ditetapkan.

Seksyen Dasar dan Pembangunan bertanggungjawab untuk memantau dan menyelaras dasar-dasar dan hala tuju jabatan yang baharu demi memastikan taraf hidup warga kota khususnya yang tinggal di dalam kawasan PA / PPR berada dalam keadaan terbaik, selesa dan selamat.

Seksyen Aduan dan Keurusetiaan bertanggungjawab untuk memantau dan melaksanakan pengurusan aduan jabatan yang diterima menerusi pelbagai medium seperti e-Perumahan, i-SPAAA, aduan bersemuka secara atas talian, borang aduan pelanggan, emel serta panggilan telefon. Selain itu, seksyen ditugaskan untuk mengumpul maklumat berkaitan jabatan dalam menyediakan pelbagai maklumbalas dan mesyuarat khas.

Seksyen Teknologi Maklumat ditugaskan untuk merancang, mengkaji keperluan, mereka bentuk, membangunkan, menguji dan menyelenggara portal serta laman web yang bakal digunakan oleh jabatan. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab untuk merangka keperluan infrastruktur teknologi jabatan.

2.2.2 Unit Pengurusan Perumahan

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Sewa Rumah dan Kedai, Seksyen Jualan, Seksyen Kawalan Perumahan serta Seksyen Pengurusan Zon.

Seksyen Sewa Rumah dan Kedai bertanggungjawab memastikan permohonan sewa diproses dan dipertimbangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Peruntukan Perumahan Awam. Selain itu, seksyen ini juga memastikan permohonan sewa kedai atau gerai diproses dan dipertimbangkan untuk keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Temuduga Kedai / Gerai berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.

Seksyen Jualan ditugaskan untuk menyelaras dan melaksanakan urusan pindah milik hak milik strata dan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) di kawasan perumahan DBKL.

Seksyen Kawalan Perumahan bertanggungjawab untuk memantau dan menyelaras kerja-kerja penguatkuasaan di peringkat jabatan bagi keseluruhan kawasan PA / PPR bagi mewujudkan suasana kemasyarakatan yang harmoni, toleransi dan selamat untuk didiami.

Seksyen Pengurusan Zon telah dibahagikan kepada empat (4) zon perumahan PA / PPR dan setiap zon diketuai oleh Pengurus Zon. Seksyen ini bertanggungjawab untuk mengawal selia kawasan PA / PPR seperti aspek kebersihan dan aktiviti kemasyarakatan.

2.2.3 Unit Kewangan dan Akaun

Unit ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Kewangan dan Bajet, Seksyen Akaun Sewa dan Air, Seksyen Akaun Jualan dan JMB / MC serta Seksyen Kaunter Terimaan.

Seksyen Kewangan dan Bajet bertanggungjawab untuk menyediakan belanjawan tahunan jabatan dan mengawal serta menguruskan perbelanjaan jabatan mengikut bajet yang telah diluluskan.

Seksyen Akaun Sewa dan Air ditugaskan untuk menyediakan pengurusan kewangan bagi akaun-akaun penyewa PA / PPR dan akaun air PA / PPR supaya dapat diurus dengan baik. Seksyen Akaun Jualan dan JMB / MC bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal kewangan bagi perbadanan pengurusan (sementara) bagi PA/ PPR dan Perumahan Rumah Jual DBKL.

Seksyen Kaunter Terimaan menyediakan pengurusan kaunter terimaan bagi hasil-hasil jabatan supaya dapat diurus dengan baik. Seksyen menempatkan beberapa kakitangan untuk bertugas di kaunter bagi penerimaan bayaran tunai bil-bil yang dikeluarkan oleh DBKL.

2.2.4 Unit Perkhidmatan Kawasan

Unit ini terdiri daripada pengurusan sebelas (11) kawasan parlimen oleh Pejabat Cawangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Bandar Tun Razak, Batu, Bukit Bintang, Cheras, Kepong, Lembah Pantai, Segambut, Seputeh, Setiawangsa, Titiwangsa dan Wangsa Maju.

Setiap Pejabat Cawangan daripada sebelas (11) parlimen ini diketuai oleh Pengurus Kawasan dengan peranan dan fungsi sebagai medium perantaraan di antara DBKL dan penduduk setempat.

2.2.5 Unit Pembangunan Komuniti

Unit ini terdiri daripada tiga (3) seksyen iaitu Seksyen Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi, Seksyen Program Khas serta Seksyen Pembangunan Sosial.

Seksyen Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi membantu dalam melaksanakan aktiviti atau program sosial kepada warga PA / PPR bagi meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan warga kota. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti kursus berbentuk menjana ekonomi, seminar pendidikan, sumbangan perayaan, kem motivasi, khidmat kemasyarakatan (gelandangan) serta khidmat kaunseling.

Seksyen Pembangunan Sosial bertanggungjawab untuk menyelaras perancangan dan pelaksanaan program tahunan untuk pembangunan belia khususnya bagi belia PA / PPR dan belia Kuala Lumpur amnya. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti karnival, pertandingan, sukan dan riadah, keagamaan, perayaan, kem motivasi atau kem bina semangat serta kempen.

Seksyen Program Khas ditugaskan untuk mengurus dan menyelaras program-program Persatuan Penduduk PA / PPR, Persatuan Penduduk Swasta serta Program Surau PA / PPR. Seksyen ini juga menjadi urusetia bagi Program Inisiatif Wilayah Peduli.

2.2.6 Unit Perpustakaan

Unit ini terdiri daripada lima (5) seksyen iaitu Seksyen Perolehan dan Pendokumentasian, Seksyen Program dan Aktiviti, Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan, Seksyen Khidmat Pengurusan dan Seksyen Pengurusan Rekod.

Seksyen Perolehan dan Pendokumentasian bertanggungjawab sepenuhnya dalam membangunkan koleksi-koleksi baru di Perpustakaan Kuala Lumpur, Perpustakaan Jabatan dan Perpustakaan-Perpustakaan Cawangan di bawah seliaan DBKL. Selain itu, seksyen ini juga memproses pengkatalogan dan pengkelasan bahan bacaan dan memastikan ianya mengikut piawaian atau standard minima yang telah ditetapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Seksyen Perkhidmatan Perpustakaan berperanan untuk menyediakan perkhidmatan pinjaman dan perkhidmatan rujukan kepada ahli-ahli Perpustakaan Kuala Lumpur.

Seksyen Program dan Aktiviti membantu dan menyelaras aktiviti-aktiviti galakan membaca dan galakan penggunaan perpustakaan dari semasa ke semasa di setiap rangkaian cawangan.

Melalui Seksyen Pengurusan Rekod, unit ini berperanan memastikan rekod awam DBKL sentiasa diurus dengan teratur serta sistematik dengan menyediakan peraturan, panduan dan manual mengenai pengendalian fail dan rekod.

2.2.7 Bahagian Kejuruteraan

Bahagian ini terdiri daripada empat (4) seksyen iaitu Seksyen Penyelenggaraan Awam, Seksyen Penyelenggaraan Elektrikal, Seksyen Penyelenggaraan Mekanikal dan Bilik Gerakan.

Bahagian ini secara umum adalah memastikan segala kemudahan di PA / PPR berfungsi dalam keadaan baik dengan melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan daripada aspek awam, elektrik dan mekanikal seperti lif, rumah sampah, wakaf, dewan, lampu limbah, lampu kaki lima unit rumah, pendawaian dan sebagainya. Bilik Gerakan berfungsi sebagai penerima aduan awam sekiranya terdapat kerosakan berlaku selepas tamat waktu pejabat.

3.0 OBJEKTIF JABATAN

- 3.1 Mengurus dan menyelenggara perumahan awam ke arah persekitaran yang kondusif untuk keselesaan kepada setiap penghuni
- 3.2 Mewujudkan suasana kemasyarakatan yang harmoni, selamat, sihat, bekerjasama dan bertanggungjawab

4.0 BAJET JABATAN TAHUN 2019

Pengurusan bajet adalah satu aspek penting dalam pengurusan kewangan untuk memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagih secara teratur. Pengurusan kewangan Jabatan ini diuruskan oleh Bahagian Kewangan dan Akaun. Ia melibatkan penyediaan belanjawan tahunan pada tiap-tiap awal tahun dan juga pengawalan yang diperuntukkan bagi semua bahagian di sepanjang tahun 2019.

4.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM 252,939,850	84.40%
Perbelanjaan	RM 213,474,583	

Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2019

4.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM 30,984,500.00	90.29%
Perbelanjaan	RM 27,411,567.08	

Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2019

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

Jabatan telah menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2019 bagi menggerakkan fungsi jabatan serta memastikan objektif jabatan dapat dicapai.

5.1 Program Khas Perumahan Awam

5.1.1 Perkhidmatan Bas Sekolah Percuma

Program ini bertujuan untuk membantu golongan B40 daripada dibebani perbelanjaan persekolahan anak-anak di samping memastikan keselamatan mereka terjamin serta tidak tercicir dalam pelajaran.

Kos Pengendalian Bas Sekolah	Bilangan Pelajar	Bilangan Kenderaan	
		Bas	Van
RM 10,000,000.00	9,226	87	68

Bilangan Pelajar Dan Kenderaan Yang Terlibat Bagi Tahun 2019

5.1.2 Skim Menjelaskan Bantuan Tunggakan Sewa

Skim ini telah dilancarkan pada 24 Mac 2019 bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah atau B40 yang mempunyai tunggakan sewa untuk melunaskan tunggakan sewa perumahan mereka dengan membuat kerja-kerja khidmat pembersihan dalam kawasan perumahan PA/ PPR secara separuh atau sepenuh masa dan pendapatan yang diterima akan disalurkan terus kepada DBKL melalui potongan gaji. Skim ini dijalankan serentak bersama Program Perumahan Ku Bersih seperti di para 5.1.3.

5.1.3 Program Perumahanku Bersih

Program usaha sama secara *Corporate Social Responsibility (CSR)* dengan syarikat-syarikat korporat seperti Alam Flora dan sebagainya dalam memberi impak dan wajah baru kepada PA / PPR dari segi penambahan dan naiktaraf infrastruktur, pengurusan kebersihan, penambahan nilai kekemaskan dan melestarikan keceriaan serta keselesaan kawasan perumahan.



Program Perumahan Ku Bersih 2019 telah diadakan pada 24 Mac 2019 di Dataran Blok B, PPR Beringin dengan kehadiran seramai 500 orang



Inisiatif Wilayah Peduli Program Perumahan Ku Bersih & Karnival Kerjaya telah diadakan pada 24 Ogos 2019 di PPR Pekan Kepong

5.1.4 Perumahan Bandar @ Jalan TAR

Program ini adalah untuk memberi kemudahan penyewaan bilik kepada golongan B40 yang berstatus bujang dan baru pertama kali bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kadar sewaan sebanyak RM 100.00 sebulan.

Bil	Jantina	Jumlah Tawaran Dikeluarkan	Jumlah Penyewa
1	Lelaki	35	15
2	Perempuan	25	10
JUMLAH		60	25

Jumlah Penyewa Perumahan Bandar @ Jalan TAR Bagi Tahun 2019

5.1.5 Pembayaran Secara Atas Talian (Online) Melalui Perkhidmatan JOMPAY

Ini adalah penambahbaikan dalam sistem terimaan bayaran DBKL dalam memperluaskan saluran terimaan kerana memberi kemudahan kepada penghuni PA/ PPR untuk menjelaskan bayaran pada bila-bila masa tanpa perlu hadir ke Kaunter Bayaran DBKL. Antara jenis terimaan adalah sewaan perumahan PA/ PPR, bil air perumahan PA/ PPR dan yuran perkhidmatan PA/ PPR.

Bil.	Jenis Bayaran	Jumlah Transaksi	Amaun (RM)
1	Yuran Perkhidmatan	4162	350,334.18
2	Bil Air	30549	1,085,790.39
3	Sewaan Perumahan	14294	2,401,294.80
JUMLAH		49005	3,837,419.37

Laporan Hasil Kutipan Jabatan Melalui JomPay Bagi Tahun 2019

5.1.6 Hari Bertemu Pelanggan – Kutipan Bil Air

Hari Bertemu Pelanggan merupakan program bersemuka untuk memaklumkan kepada penduduk mengenai status tunggakan bil air setelah lapan (8) tahun bil air bertunggakan tidak dikeluarkan. Sesi *engagement* ini bertindak sebagai kemudahan kepada penduduk untuk membuat semakan dan mengesahkan jumlah tunggakan yang dikeluarkan serta sebagai medium rundingan bagi kaedah penyelesaian tunggakan bil air secara ansuran.



Program telah diadakan pada 02 Januari 2019 di PA Setapak Jaya 1A



Program telah diadakan pada 19 Januari 2019 di PPR Kerinchi Lembah Pantai

5.1.7 Operasi Kawalan Perumahan

Operasi penguatkuasaan bagi keseluruhan kawasan PA/ PPR juga telah dijalankan bagi mewujudkan suasana kemasyarakatan yang harmoni, toleransi dan selamat untuk didiami. Operasi ini turut melibatkan beberapa agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).



Operasi Serbuan Ke Atas Unit Yang Terlibat Dengan Dadah telah diadakan pada 25 Julai 2019 di PPR Beringin



Operasi Meroboh Rumah Panjang Jinjang Utara telah diadakan pada 3 Mei 2019 di Rumah Panjang Jinjang Utara

5.2 Komuniti Dan Masyarakat

5.2.1 Program Baiti Jannati

Program ini menyediakan bantuan bagi membolehkan kumpulan sasaran asnaf / fakir / miskin di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk memiliki rumah sendiri dan mendiami rumah yang lebih selesa dengan kerjasama pihak swasta.



Majlis Penyerahan Rumah Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan 2019 telah diadakan pada 10 Julai 2019 di Kompleks Sukan Pantai Ecopark, Lembah Pantai

5.2.2 Program Khas Menangani Gelandangan

Program ini berusaha membantu golongan gelandangan mendapatkan agihan makanan dan lain-lain bantuan kemanusiaan secara teratur bagi menjaga imej, keselamatan dan kebersihan bandaraya Kuala Lumpur.



Program Menyantuni Asnaf telah diadakan pada 29 November 2019 di Pusat Transit Gelandangan, Jalan Pahang. Program telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

5.2.3. Sumbangan Kepada Persatuan Penduduk

Persatuan Penduduk diiktiraf oleh jabatan untuk mewakili penduduk kawasan kediaman PA / PPR dalam semua aspek kehidupan. Pengiktirafan ini merupakan dasar jabatan kepada setiap persatuan di kawasan terlibat di mana Datuk Bandar Kuala Lumpur menyumbangkan RM 10,000 setahun kepada persatuan yang layak.



Majlis Perjumpaan Dan Penyampaian Persatuan Penduduk Dan Komuniti telah diadakan pada 16 April 2019 di Auditorium Menara DBKL 1

5.2.4 Program Menjana Ekonomi

Program ini bertujuan untuk memberi kemahiran kepada golongan miskin bandar yang layak di samping meningkatkan pendapatan peserta secara berterusan. Konsultan serta tenaga pengajar yang dilantik adalah berdasarkan pengalaman dan kemahiran yang ditawarkan mengikut skop keperluan jabatan.



Program Usahawan Ketua Isi Rumah (U-KIR) telah diadakan pada 12 hingga 14 Julai 2019 di D'Wharf Hotel & Residence, Port Dickson dengan kehadiran seramai 40 orang

5.2.5 Program Pembangunan Kanak-Kanak Pra Sekolah

Program ini menyediakan peluang pendidikan pra sekolah menerusi Tadika Sang Kancil kepada kanak-kanak berumur 4-5 tahun daripada keluarga berpendapatan rendah. Bagi tujuan ini, jabatan telah mewujudkan 24 unit Tadika Sang Kancil di sekitar PA / PPR dan perumahan swasta. Selain pembelajaran di dalam kelas, kanak-kanak ini juga didedahkan dengan pelbagai aktiviti luar.

Bil	Nama Kawasan Perumahan	Bilangan Pelajar
1	PA Seri Sabah 3A	22
2	PA Seri Labuan	19
3	PPR Desa Tun Razak	19
4	PPR Taman Mulia	15
5	PPR Taman Mulia 2	14
6	PPR Seri Alam	20
7	PPR Kg Muhibbah 1	14
8	PPR Kg Muhibbah 2	16
9	PA Seri Kelantan	22
10	PPR Pekan Batu	22
11	PPR Taman Wahyu	21
12	PPR Intan Baiduri	23
13	PPR Kg Batu Muda	14
14	Setiawangsa 1	22
15	Setiawangsa 2	17
16	PPR Kg Baru Air Panas	20
17	PPR Hiliran Ampang	22
18	Bandar Tasik Selatan	21
19	Apartmen Abdullah Hukum	23
20	Seri Semarak	21

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Nama Kawasan Perumahan	Bilangan Pelajar
21	PA Sri Sentosa	24
22	Taman Danau Kota	22
23	Taman Batu Permai	19
24	Taman Fadason	18
JUMLAH		470

Jumlah Pelajar Tadika Sang Kancil Bagi Tahun 2019



Program Sukan Tahunan Tadika Sang Kancil telah diadakan pada 14 Mac 2019 di Taman Pudu Ulu, Cheras



Pentas Big Cilik 2019 Tadika Sang Kancil / Tadika Perpaduan telah diadakan pada 31 Oktober 2019 bertempat di Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Program Pengukuhan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Bagi Guru-Guru Tadika Sang Kancil DBKL telah diadakan pada 25 hingga 27 Mac 2019 di Lost World Of Tambun, Ipoh Perak

5.2.6 Program Pembangunan untuk Pelajar Peringkat Rendah dan Menengah

Program ini berbentuk perkhidmatan pendidikan kepada para pelajar sekolah rendah dan menengah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur daripada golongan keluarga berpendapatan rendah yang akan menduduki peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM.

Kategori	Pelajar UPSR	Pelajar PT3	Pelajar SPM
Bilangan	2,782	605	707

Jumlah Pelajar yang terlibat bagi tahun 2019

Antara program yang dijalankan adalah Program Taklimat Penyelia Pemantau Tuisyen, Program Smart Ibadah, Motivasi Pengawas UPSR, Program Best Belajar UPSR, Program Best Belajar PT3 dan SPM serta Program Teknik Menjawab Soalan UPSR, PT3 dan SPM.



Program Kepimpinan Pengawas PA / PPR telah diadakan pada 25 hingga 27 Oktober 2019 di Semenyih Eco-Venture Resort dengan kehadiran seramai 500 orang



Program Sahsiah Jati Diri telah diadakan pada 27 hingga 29 September 2019 di Kem AI – Sakinah, Janda Baik, Pahang

5.2.7 Majlis Perwakilan Penduduk (MPP)

MPP bertujuan untuk membantu DBKL di dalam aspek menyelaras pelaksanaan dasar serta strategi berkaitan pembangunan komuniti dan melaksanakan program kesejahteraan bandar secara sistematik dan bersepadu.



Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan telah diadakan pada 24 Januari 2019 di Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak Kuala Lumpur dengan kehadiran seramai 1,500 orang


5.2.8 Sumbangan Bermusim Sempena Perayaan

Pada setiap tahun menjelang perayaan utama bagi etnik Melayu, Cina dan India seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina serta Deepavali, DBKL akan menyampaikan sumbangan kepada penghuni PA/ PPR dari golongan miskin bandar. Mereka yang layak adalah golongan yang berdaftar dan disahkan di bawah Sistem e-Kasih.



Majlis Sumbangan Tahun Baru Cina 2019 telah diadakan pada 30 Januari 2019 di Dewan Perdana Mestika, IDB

Majlis Penyampaian Sumbangan Aidil Fitri Komuniti telah diadakan pada 24 Mei 2019 di Dewan Perdana Mestika, IDB



Majlis Penyampaian Sumbangan Amal Deepavali 2019 telah diadakan pada 19 Oktober 2019 di Dewan Menara Kembar Petronas

5.3 Perkhidmatan Perpustakaan Awam

Perpustakaan Kuala Lumpur memberikan perkhidmatan perpustakaan kepada seluruh warga kota dalam menyediakan pelbagai bahan bacaan sama ada secara fizikal mahupun elektronik. Rangkaian perpustakaan telah menjalankan pelbagai jenis aktiviti dengan melibatkan ramai penyertaan orang awam.



Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2019 telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula 29 Mac 2019 hingga 07 April 2019



Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit 2019 Peringkat Kuala Lumpur telah diadakan di Panggung Anniversari Taman Botani Perdana pada 23 April 2019



Program Ketuk-Ketuk Buku telah diadakan pada 23 dan 24 Februari 2019 di PPR Jelatek dan PPR Gombak Setia



Program Satu Jam Bersama Al-Quran World #QuranHour telah diadakan pada 30 Mei 2019 di Dewan Perdana Mestika, IDB



Hari Terbuka Pustaka KL @ TTDI telah diadakan pada 21 September 2019 di Pustaka KL@ TTDI

5.4 Penyelenggaraan Infrastruktur

Perpustakaan Kuala Lumpur memberikan perkhidmatan perpustakaan kepada seluruh warga kota dalam menyediakan pelbagai bahan bacaan sama ada secara fizikal mahupun elektronik. Rangkaian perpustakaan telah menjalankan pelbagai jenis aktiviti dengan melibatkan ramai penyertaan orang awam.



Kursus Penyelenggaraan CCTV & E-Logger telah diadakan pada 25 Februari 2019 Hingga 27 Februari 2019 di Awana Genting Highland Golf & Resort, Pahang



Kursus Penyelenggaraan Lif Jenama Schindler telah diadakan pada 4 April 2019 hingga 6 April 2019 di Hotel Meru Valley Resort, Ipoh, Perak

5.5 Pengurusan 11 Kawasan Parlimen

Pengurusan 11 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur turut meriah dengan pelbagai aktiviti dan program komuniti yang dianjurkan masyarakat setempat. Pejabat Cawangan bertindak untuk melaksanakan penyampaian perkhidmatan secara langsung kepada penduduk setempat dengan efisien serta berkesan melalui bantuan logistik dan sajian makanan.



Program Run Walk & Plog 2019 telah diadakan pada 28 Jun 2019 di Stadium Jalan Raja Muda, Kampung Bharu oleh Rotary District 3300, Malaysia dengan kerjasama Pejabat Cawangan Titiwangsa



Kejohanan Memanah International Under 12 Archery Championship YB Seputeh Cup 2019 telah diadakan pada 28 hingga 29 Jun 2019 bertempat di SK Bandar Baru Seri Petaling 2 oleh Pejabat Ahli Parlimen Seputeh dengan kerjasama Pejabat Cawangan Seputeh



Kursus Pengurusan Jenazah telah diadakan pada 21 April 2019 di Masjid Al-Imam At-Tirmizi, Taman Seri Sentosa oleh Pertubuhan Kebajikan Karisma Pertiwi Kuala Lumpur dengan kerjasama Pejabat Cawangan Lembah Pantai

Program Gotong Royong Cegah Aedes Basmi Denggi telah diadakan pada 28 Julai 2019 di Lorong Mewah 8, Parlimen Bandar Tun Razak oleh Persatuan Sahabat Jiwa Murni KL dengan kerjasama Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak



Program Kaunter Bergerak telah diadakan pada 23 Mac 2019 di Kawasan Letak Kereta Blok E PPR Pingiran Bukit Jalil oleh Pejabat Cawangan Seputeh dengan kerjasama Pejabat Ahli Parlimen Seputeh

Program Mendaya Komuniti Berasaskan Amalan 3R telah diadakan pada 7 April 2019 di Laman Penduduk Taman Salak Jaya oleh Perbadanan Pengurusan Pepejal & Pembersihan Awam (SWCORP) dengan kerjasama Pejabat Cawangan Bukit Bintang



Program Kesedaran GO-GREEN (Pembuangan Sampah Secara Betul Dan Kitar Semula) telah diadakan pada 24 Februari 2019 di Restoran Molek Cafe Jalan Bachang, Kampung Kasipillay oleh Komuniti Perwani Kampung Kasipillay dengan kerjasama Pejabat Cawangan Segambut

5.6 Ringkasan Program dan Aktiviti Jabatan

Bil	Nama Program	Tarikh	Lokasi
1.	Operasi Meroboh Struktur Haram	16 Januari 2019	PA Seri Terengganu
2.	Majlis Pengundian Unit PPR Seri Aman	18 Januari 2019	Bilik Gerakan, Tingkat 3, Menara DBKL 1
3.	Hari Bertemu Pelanggan Bersama Penduduk PA / PPR DBKL	19 Januari 2019	PPR Kerinchi, Lembah Pantai
4.	Majlis Perjumpaan Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Pengerusi Persatuan Penduduk PA / PPR DBKL	24 Januari 2019	Dewan Megapuri, Menara DBKL 1
5.	Majlis Penyampaian Watikah Perlantikan Majlis Perwakilan Wilayah Persekutuan	24 Januari 2019	Dewan Perdana Felda, Jalan Semarak
6.	Majlis Penyerahan Surau Al Mustaqim PPR Pinggiran Bukit Jalil 2 Fasa 11	25 Januari 2019	Surau Al-Mustaqim, Pinggiran Bukit Jalil
7.	Perasmian Kejohanan Futsal Jemputan PA/PPR DBKL	25 Januari 2019	KSL Sports Jalan Genting Klang Setapak
8.	Hari Bertemu Pelanggan Bersama Penduduk PA / PPR DBKL	26 Januari 2019	PPR Kg Baru Air Panas
9.	Mesyuarat Agung Tahunan Penubuhan Pengurusan Bersama PPR MUHIBBAH Blok E & F	27 Januari 2019	Ruang Legar Blok F, PPR Muhibbah
10.	Majlis Sumbangan Tahun Baru Cina 2019	30 Januari 2019	Dewan Mestika IDB, Cheras
11	Hari Bertemu Pelanggan Bersama Penduduk PA / PPR DBKL (Bil Air)	02 Februari 2019	Setapak Jaya 1A
12	Forum - Bicara Addin	09 Februari 2019	Padang Bolasepak, PA Seri Johor, Cheras
13	Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	10 Februari 2019	Padang Bolasepak, PA Seri Johor, Cheras
14	Majlis Pembukaan Rasmi Tempat Letak Kereta Bertingkat	17 Februari 2019	Tempat Letak Kereta Bertingkat PPR Raya Permai
15	Ketuk- Ketuk Buku	23 Februari 2019 – 24 Februari 2019	PPR Jelatek dan PPR Gombak Setia
16	Kursus Penyelenggaraan CCTV & E-Logger	25 Februari 2019 -27 Februari 2019	Awana Genting Highland Golf & Resort, Pahang
17	Pelancaran Route Baru Bas Go KL (Part Beacon Dan E Book)	28 Februari 2019	Terminal Bas Pekeliling, Kuala Lumpur

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Nama Program	Tarikh	Lokasi
18	Program Pendaftaran Bantuan Sara Hidup Parlimen Lembah Pantai	02 Mac 2019	Pantai Eco Park Pantai Dalam
19	Program Belia PA/PPR Peringkat WPKL 2019	02 Mac 2019	Pantai Eco Park, Pantai Dalam
20	Eksplorasi Malaysiaku Siri 1	02 Mac 2019 - 04 Mac 2019	Jerangkang, Maran, Pahang
21	Santai Ilmu Tanpa Sempadan (Sempena Car Free Morning)	03 Mac 2019	Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut
22	Bacaan Kegemaran Saya	08 Mac 2019	Auditorium Menara DBKL 1
23	Program Gotong Royong Taman Seri Pinang, Taman Seri Sentosa	09 Mac 2019	Taman Seri Pinang, Taman Seri Sentosa
24	Hari Bertemu Pelanggan Bersama Penduduk PA / PPR DBKL (Kutipan Air)	09 Mac 2019	PPR Perkasa
25	Program Gotong Royong Kebun-Kebun Kerinchi	10 Mac 2019	Tapak Kebun-Kebun Kerinchi
26	Kempen Kesedaran Dan Pemeriksaan Kesihatan	13 Mac 2010	Perpustakaan Lembah Pantai
27	Sukaneka Kanak-Kanak Tadika Sang Kancil	14 Mac 2019	Taman Pudu Ulu, Kuala Lumpur
28	Kursus Penutup Pantang	16 Mac 2019 – 17 Mac 2019	Jalapa SPA, Puchong
29	Program Kerohanian	23 Mac 2019 - 25 Mac 2019	Eagle Ranch Resort, Port Dickson
30	Program Perumahan Ku Bersih	27 Mac 2019	PPR Beringin
31	Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur PBAKL 2019 Di PWTC	29 Mac 2019 – 7 April 2019	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
32	Kempen Keahlian Dan Promosi WBC Sempena Larian Ulat Buku U Pustaka 2019	31 Mac 2019	Dataran Merdeka
33	Pelancaran Logo Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia Tahun 2020 (KLWBC 2020)	4 April 2019	Pentas Utama PWTC
34	Kursus Penyelenggaraan Lif Jenama Schindler	4 April 2019 – 6 April 2019	Hotel Meru Valley Resort, Ipoh, Perak
35	Santai Ilmu Tanpa Sempadan @ Car Free Morning	7 April 2019	Menara DBKL 1
36	Program Lawatan Belajar Ke Pusat Sains Negara Dan Petrosains KLCC	13 April 2019	Pusat Sains Negara Dan Petrosains KLCC
37	Majlis Perjumpaan Dan Penyampaian Persatuan Penduduk Dan Komuniti Kuala Lumpur Bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur	16 April 2019	Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
38	Lawatan Sambil Belajar Tadika Sang Kancil Ke ZOO Negara	15 April 2019 - 18 April 2019	Zoo Negara Kuala Lumpur
39	Kursus Penyelenggaraan Lif Jenama Sigma	24 April 2019 - 26 April 2019	Hotel A Famosa Resort, Alor Gajah Melaka
40	Program Pemantapan Kelab Warga Emas DBKL	26 April 2019 - 29 April 2019	Hotel Gurney, Georgetown, Pulau Pinang
41	Big Reader, Big Future Program Kepada Pelajar Sekolah Tentang Pentingnya Membaca Bagi Mendapat Ilmu Pengetahuan Dalam Melakukan Tugas	30 April 2019	SMK Maxwell, Kuala Lumpur
42	Operasi Meroboh Rumah Panjang Jinjang Utara	3 Mei 2019	Rumah Panjang Jinjang Utara
43	Majlis Kesyukuran Pusat Pembelajaran Komuniti Jalan Chow Kit	02 Mei 2019	Pusat Pembelajaran Komuniti, Jalan Chow Kit

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Nama Program	Tarikh	Lokasi
44	Majlis Pelancaran KL Pink Project 2019 (Program Mewarna Kanak-Kanak) KL Pink Project Merupakan Program Kempen Kesedaran Kanser Payudara Di Kalangan Penduduk	04 Mei 2019	PPR Beringin Kepong
45	Program Penyerahan Borang Permohonan Pembelian PPR Pekan Kepong	04 Mei 2019	PPR Pekan Kepong
46	Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri Komuniti Kuala Lumpur	24 Mei 2019	Dewan Perdana Mestika, Institut Latihan DBKL
47	Pelancaran Jimat Belanja Pra Aidilfitri Dan Pasar Tani	02 Jun 2019	Pasar Tani Bukit Angkasa, Jln Pantai Permai 1
48	Program Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Bersama Ahli Parlimen Lembah Pantai Tahun 2019	22 Jun 2019	Dewan Kompleks Sukan Eco Park, Pantai Dalam, Kuala Lumpur
49	Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2019 Anjuran Majlis Perwakilan Penduduk Zon Segambut (Subzon 1 & 6)	30 Jun 2019	Plaza Arkadia, Desa Parkcity
50	Program Majlis Rumah Terbuka MAB 2019	16 Jun 2019	Kompleks MAB, Jalan Tebing, Brickfields
51	Kejohanan Memanah International Under 12 Archery Championship YB Seputeh Cup 2019	28 Jun 2019 - 29 Jun 2019	SK Bandar Baru Seri Petaling 2
52	Program Run Walk & Plog 2019	28 Jun 2019	Stadium Jalan Raja Muda, Kampung Baru
53	Program Usahawan Ketua Isi Rumah (U-KIR) Fasa 1	12 Julai 2019-14 Julai 2019	D'Wharf Hotel & Residence, Port Dickson
54	Operasi Serbuan Ke Atas Unit Yang Terlibat Dengan Dadah	25 Julai 2019	PPR Beringin
55	Program Usahawan Ketua Isi Rumah (U-KIR 2) Fasa 2	26 Julai 2019-28 Julai 2019	Hotel Lexis, Port Dickson
56	Program Jamuan Rakyat Dan Kuliah Dhuha Perdana	06 Julai 2019	Dewan Orangramai Blok 94, Apartmen Putra Ria, Bangsar
57	Majlis Penyerahan Rumah Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan 2019	10 Julai 2019	Kompleks Sukan Pantai Ecopark, Lembah Pantai
58	Suara Kuala Lumpur	27 Julai 2019	Dataran DBKL, Menara DBKL 1
59	Lawatan Sambil Belajar Kanak-Kanak Tadika Sang Kancil	22 Julai 2019 – 25 Julai 2019	Balai Bomba, Jalan Hang Tuah
60	Mesyuarat Agung Tahunan Pertama Penubuhan Pengurusan Bersama PPR Seri Aman, Kepong	20 Julai 2019	Dewan PPR Seri Aman, Kepong
61	Transformasi Jiwa Remaja	27 Julai 2019	Auditorium DBKL
62	Majlis Pengundian Unit PPR Seri Aman, Kepong, Kuala Lumpur	15 Ogos 2019	Bilik Taklimat, Tingkat 3, Menara DBKL 3
63	Majlis Penyerahan Pengurusan Dewan Dan Peralatan Bantuan Kesihatan	17 Ogos 2019	Dewan Taman Bukit Cheras, Cheras
64	Inisiatif Wilayah Peduli Program Perumahan Bersih & Karnival Kerjaya	24 Ogos 2019	PPR Pekan Kepong
65	Program Sahsiah Jati Diri	27 - 29 September 2019	Kem Al-Sakinah, Janda Baik, Pahang
66	Majlis Perujian Tilawah Al-Quran Peringkat PA / PPR Tahun 1441H / 2019M	22 September 2019	Auditorium DBKL
67	Program Inisiatif Wilayahku Peduli: Perumahan Bersih & Karnival Kerjaya	28 September 2019	Dataran PA Seri Negeri Sembilan
68	Program Inisiatif Wilayahku Peduli: Komuniti Sejahtera	29 September 2019	Dewan Serbaguna PA Desa Rejang

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Nama Program	Tarikh	Lokasi
69	Program Hari Terbuka Pusat Pembelanjaran Komuniti	03 Oktober 2019	Pusat Pembelajaran Komuniti, Jln Chow Kit
70	Jom Sihat Sempena Bulan Sukan Negara	12 Oktober 2019	PPR Muhibbah
71	Penyampaian Sumbangan Amal Deepavali 2019	19 Oktober 2019	Dewan Menara Kembar Bank Rakyat
72	Kepimpinan Pengawas PPR / PA	25 Oktober 2019 -27 Oktober 2019	Semenyih Eco-Venture Resort
73	Explorasi Malaysiaku (Built Your Nation)	25 Oktober 2019-28 Oktober 2019	Ulu Geruntum, Gopeng, Perak
74	Pentas Big Cilik 2019 Tadika Sang Kancil / Tadika Perpaduan DBKL	31 Oktober 2019	Auditorium DBKL
75	Majlis Konvokesyen Tadika Sang Kancil DBKL	02 November 2019	Auditorium DBKL
76	<i>Retreat</i> Jadual Kadar Harga Awam	13 -15 November 2019	Seri Suasana, Port Dickson
77	Pemantapan Proffesion Pengerusi, Imam Dan Bilal Surau PA/PPR DBKL	15 - 17 November 2019	Hotel Avillion Legacy, Melaka
78	Story Fest – Dongeng Lama Dicerita Kembali	23 - 24 November 2019	Mayor's Courtyard, Biro Pelancongan, Jalan Tangsi, K.L.
79	Inisiatif Wilayah Peduli Bersama Perumahan Awam	24 November 2019	Dataran PA Seri Sarawak
80	Menyantuni Gelandangan Di Pusat Transit Geladangan Kuala Lumpur	29 November 2019	Pusat Transit Gelandangan
81	Ayuh Dik...Kita Ke Sekolah	10 Disember 2019	Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur
82	Himpunan Si Cilik 2019	14 Disember 2019	Perpustakaan Kuala Lumpur
83	Kursus Penyelenggaraan Lif Jenama Toshiba	18 - 20 Disember 2019	Double Tree Resort, Batu Feringghi, Pulau Pinang
84	Transformasi Kendiri	20 - 22 Disember 2019	Hotel Traders, Muar, Johor Bharu
85	Explorasi Malaysiaku	25 Disember 2019	Skytrex, Sg. Congkak, Ulu Langat, Selangor
86	Operasi Bancian Bersepadu Antara Agensi Luar	Sepanjang Tahun	Seluruh Kawasan PA / PPR
87	Operasi Sitaan Haiwan Di PA / PPR	Sepanjang Tahun	Seluruh Kawasan PA / PPR
88	Operasi Mengangkut Kenderaan Buruk Di PA / PPR	Sepanjang Tahun	Seluruh Kawasan PA / PPR

Jabatan Penguatkuasaan

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Jabatan Penguatkuasaan ditubuhkan pada asalnya sebagai Skwad Pemusnah (*Demolition Squad*) dan kini bertanggungjawab sepenuhnya dalam mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan yang diwakilkan kuasa ke atasnya.
- 1.2 Jabatan Penguatkuasaan mempunyai perjawatan sebanyak **1,971** yang terdiri daripada Skim Perkhidmatan Keselamatan dan Penguatkuasaan (KP), Pentadbiran (N), Kewangan (W), Teknologi Maklumat (F), Undang-Undang (U) dan Pembantu Awam (H). Jabatan Penguatkuasaan ditadbir oleh Pengarah Gred Utama C VU7 bersama **25** orang Pegawai Pengurusan dan Profesional dan selebihnya adalah Kumpulan Pelaksana.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan-kesalahan lalu lintas, tempat letak kereta elektronik, penjaga kereta tanpa kebenaran, ingkar menggunakan jejantas dan halangan/pelanggaran isyarat lalu lintas.
- 2.2 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan kekotoran di tempat awam, jalan awam, tapak pembinaan dan kawasan perumahan Awam DBKL.
- 2.3 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan halangan di tempat awam dan jalan awam.
- 2.4 Mengawal dan melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan aktiviti penjajaan iaitu penjaja berlesen, penjaja tanpa lesen, penjaja warga asing dan pembinaan struktur perniagaan tanpa kebenaran.
- 2.5 Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal ke atas kesalahan iklan tanpa kebenaran, premis tidak berlesen, aktiviti tidak berlesen dan melanggar isyarat.

- 2.6 Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan vandalisme dan iklan tanpa kebenaran di tempat awam.
- 2.7 Mengawal dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan vandalisme di taman-taman awam, Dataran Merdeka dan perumahan awam DBKL.
- 2.8 Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal terhadap kesalahan perancangan dan pelanggaran syarat kelulusan perintah pembangunan.
- 2.9 Mengambil tindakan penguatkuasaan fizikal terhadap kesalahan kacau ganggu pembinaan terhadap orang awam dan kerja-kerja lebih masa.
- 2.10 Menyediakan bantuan menyelamatkan semasa bencana dan bertindak sebagai sekretariat kepada Bilik Gerakan Bantuan Bencana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- 2.11 Menyediakan kawalan keselamatan fizikal terhadap harta benda Datuk Bandar Kuala Lumpur.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan dasar-dasar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dicapai sepenuhnya melalui tindakan penguatkuasaan.
- 3.2 Memacu masyarakat Kuala Lumpur supaya bersikap lebih bertanggungjawab dan mempunyai kesedaran sivik terhadap kualiti alam sekitar, keselamatan, keselesaan dan keharmonian.
- 3.3 Memastikan sistem penyampaian perkhidmatan lebih berintegriti melalui tindakan penguatkuasaan sejajar dengan MISI Jabatan.

4.0 BAJET

Secara keseluruhannya, Jabatan tidak berjaya mencapai KPI yang ditetapkan melalui NKRA : Pemupukan Budaya Kerja Cemerlang iaitu memastikan perbelanjaan bajet mengurus mencapai sasaran melebihi 90% yang mana pencapaian sebenar sehingga Disember 2019 adalah sebanyak **88.8%**.

4.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM 40,022,400.00	88.8
Perbelanjaan	RM 32,524,734.20	

4.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM 2,020,000.00	80.54
Perbelanjaan	RM 1,626,980.00	

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

**Latihan Menembak Majlis Pengurusan Tertinggi (MPT)**

- 5 Januari 2019
- Lapangan Sasar Aras 6A & 7, Pusat Komuniti Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur

**Ujian Lasak Pegawai Penguatkuasa KP41, Penolong Pegawai Penguatkuasa KP29 dan Pembantu Penguatkuasa KP19**

- 22 & 23 Januari 2019
- Stadium Badminton Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan

**Lawatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBJ)**

- 28 Januari 2019
- Bilik Gerakan, Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Penguatkuasaan



Lawatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

- 28 Januari 2019
- Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan



Mesyuarat Operasi Banteras Aktiviti Haram (BAH) bersama NGO

- 30 Januari 2019
- Bilik Gerakan Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan



Amanat Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk Tahun 2019

- 15 Februari 2019
- Padang Kawad, Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur



Ceramah Kerohanian “Saya yang Menjalankan Amanah”

- 19 Februari 2019
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan



Ekspedisi Pendakian Gunung Tahan Sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Penguatkuasaan

- 1 April 2019
- Padang Kawad, Jabatan Penguatkuasaan



Majlis Perasmian Kursus Asas Penguatkuasa Siri 1/2019

- 4 April 2019
- Kem Bumi Jati, Shah Alam, Selangor
- Dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan



Ceramah Sempena Israk Mikraj 1440H

- 10 April 2019
- Jabatan Penguatkuasaan



Lawatan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)

- 23 April 2019
- Bilik Gerakan, Tingkat 3, Menara DBKL 1
- Dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Pengurusan Logistik, Jabatan Penguatkuasaan



Lawatan Majlis Perbandaran Sepang

- 25 April 2019
- Bilik Gerakan, Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Pengurusan Sekretariat, Jabatan Penguatkuasaan





Majlis Bubur Lambuk Jabatan Penguatkuasaan

- 23 Mei 2019
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan



Seminar Panel Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Swasta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

- 27 & 28 Jun 2019
- Dewan Mestika, Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosio-Ekonomi) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Majlis Hari Raya & Penyampaian Sumbangan Anak Yatim Jabatan Penguatkuasaan

- 1 Julai 2019
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur



Pemeriksaan Kesihatan kepada Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penguatkuasaan yang berumur 40 tahun ke atas

- 15 & 16 Julai 2019
- Jabatan Penguatkuasaan



Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pembantu Penguatkuasa KP19 Skuad 23/2019

- 31 Julai 2019
- Padang Kawad Palapes, Universiti Malaya
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur



Program Gotong Royong Sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Penguatkuasaan

- 3 Ogos 2019
- Tanah Perkuburan Islam, Kampung Puah, Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur



Lawatan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSP)

- 22 Ogos 2019
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Penguatkuasaan Trafik, Jabatan Penguatkuasaan



Pertandingan Menembak Antara Agensi Sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Penguatkuasaan

- 15 & 16 Julai 2019
- Lapang Sasar PULAPOL, Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan



Lawatan Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH)

- 27 Ogos 2019
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Penguatkuasaan Trafik, Jabatan Penguatkuasaan





Pemeriksaan Kesihatan untuk Pembantu Penguatkuasa Gred KP19/KP22 (KUP) berpangkat Koperal dan Sarjan

- 27 Ogos 2019
- Jabatan Penguatkuasaan



Festival Sukan Rakyat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

- 15 September 2019
- Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan



Lawatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)

- 18 September 2019
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Penguatkuasaan Trafik, Jabatan Penguatkuasaan



Pertandingan Sukan Berkuda Antara Badan Beruniform Sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Penguatkuasaan

- 21 September 2019
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur



Majlis Penyerahan Kuda Baharu Kepada Unit Berkuda, Jabatan Penguatkuasaan

- 21 September 2019
- Unit Berkuda, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur



Kayuhan Basikal Sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Penguatkuasaan

- 6 Oktober 2019
- Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur



Ujian Lasak Terbuka Pembantu Penguatkuasa KP19

- 16 Oktober 2019
- Stadium Badminton, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur



Perbarisan Dan Perarakan Kontinjen Sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Penguatkuasaan

- 20 Oktober 2019
- Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Menteri Wilayah Persekutuan



Khutbah Jumaat Sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Penguatkuasaan

- 18 Oktober 2019
- Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan



Ujian Lasak Terbuka Pembantu Penguatkuasa Gred KP19 Bagi Kaum India Dan Cina

- 5 November 2019
- Stadium Badminton, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur



Ceramah Maulidur Rasul

- 21 November 2019
- Jabatan Penguatkuasaan



Majlis Apresiasi Sempena Sambutan Jubli Emas Jabatan Penguatkuasaan

- 22 November 2019
- Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur
- Dirasmikan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan



Majlis Penyampaian Sijil Dan Cenderahati Kepada Peserta Kursus Urban Search Dan Rescue (Usar) Di Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas Malaysia (Smart) Jabatan Penguatkuasaan

- 10 Disember 2019
- Jabatan Penguatkuasaan
- Dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan



Majlis Perasmian Kursus Asas Pembantu Penguatkuasa KP19 Skuad 24/2019

- 23 Disember 2019
- Kem PLKN Azimat Bertaut (Princess Haliza), Sepang, Selangor
- Dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan

Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pada 1 Julai 2011 melalui penstrukturan DBKL, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pengurusan Penjaja dan Peniaga Kecil telah digabungkan menjadi satu jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Pemudahcara Perniagaan dan Pengurusan Penjaja. Pada tahun 2012, nama jabatan ditukarkan kepada Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja. Bagaimanapun, pada tahun 2015 nama Jabatan sekali lagi ditukarkan ke Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja. Penjenamaan semula nama jabatan adalah selaras dengan perubahan fungsi dan skop kerja jabatan.

1.2 Fungsi Utama Jabatan

- 1.2.1 Memproses dan mengeluarkan lesen perniagaan yang merangkumi lesen penjaja dan peniaga kecil, lesen premis, lesen iklan, lesen hiburan, lesen minuman keras, lesen tempat letak kereta, lesen pelelong dan lesen penulis petisyen.
- 1.2.2 Melaksanakan penguatkuasaan pematuhan syarat lesen terhadap lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan.
- 1.2.3 Menyediakan pembangunan modal insan yang relevan kepada komuniti penjaja dan peniaga kecil.
- 1.2.4 Merancang keperluan dan pembangunan pasar dan pusat penjaja yang seragam, teratur dan serba lengkap bagi mewujudkan sistem perniagaan kecil yang lebih sistematik dan bertaraf tinggi.
- 1.2.5 Melaksanakan kutipan hasil melalui Fi Lesen, Sewaan Gerai Pasar dan Pusat Penjaja DBKL.
- 1.2.6 Mencadangkan penggubalan dasar dan melaksanakan dasar pelesenan yang telah ditetapkan oleh Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

1.3 Objektif

Memastikan proses permohonan dan keputusan bagi semua jenis perniagaan dilaksanakan mengikut prosedur, melaksanakan penguatkuasaan pematuhan syarat lesen secara sistematik dan menyediakan pembangunan modal insan yang relevan kepada komuniti perniagaan.

2.0 BAJET JABATAN

Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Perbelanjaan (%)
47,988,400	46,007,329	96%

3.0 STATISTIK KUTIPAN HASIL LESEN DAN SEWA PASAR / PUSAT PENJAJA

Bil	Jenis Hasil	Jumlah Kutipan Hasil (RM)
1	Fi Lesen	52,243,148
2	Sewa Pasar/ Pusat Penjaja	
	• Kutipan Sewa Semasa	13,202,235
	• Kutipan Tunggakan	3,986,167
JUMLAH		69,431,550

3.1 Statistik Kutipan Hasil Lesen

Bil	Jenis Hasil	Jumlah Hasil (RM)
1	Lesen Hiburan	4,128,656
2	Lesen Iklan	17,701,267
3	Lesen Premis & Komposit	25,174,360
4	Lesen Tempat Letak Kereta	1,268,355
5	Lesen Penjaja	3,970,510
JUMLAH		52,243,148

3.2 Statistik Kutipan Sewa Semasa Pasar / Pusat Penjaja

Bulan	Caj Semasa (RM)	Pencapaian Kutipan		Pencapaian (%)
		Bil Pelesen	Jumlah (RM)	
Januari	1,482,324	813	445,221	30%
Februari	1,395,066	1,434	894,615	36%
Mac	1,422,556	1,548	875,808	38%
April	1,352,274	1,742	1,061,769	79%
Mei	1,432,510	1,745	953,514	67%
Jun	1,396,524	1,658	910,980	65%
Julai	1,417,990	1,899	1,076,591	76%
Ogos	1,413,490	2,694	1,653,863	117%
September	1,428,678	2,530	1,055,081	74%
Oktober	1,338,897	3,351	1,469,377	110%
November	1,228,156	1,372	1,432,909	117%
Disember	1,120,622	1,502	1,372,507	123%
JUMLAH	16,420,087	4,853	13,202,235	80.40%

3.3 Statistik Kutipan Tunggakan Sewa Pasar / Pusat Penjaja

Jenis Akaun	Tunggakan (Dis 2018)		Kutipan Tunggakan (RM)	% Kutipan
	Bilangan Akaun	Jumlah (RM)		
Aktif	3,854	7,045,320	2,398,594	34%
Batal	7,593	15,233,534	1,587,573	10.4%
JUMLAH	11,447	22,278,854	3,986,167	17.9%

4.0 PENGURUSAN ADUAN AWAM

Sejumlah **415** Aduan Awam telah diterima oleh pihak Jabatan ini melalui Sistem iSPAAA sepanjang tahun 2019.

4.1 Statistik Aduan Awam Mengikut Kategori

Bil	Kategori	Butiran	Jumlah Aduan Diterima
1	Kebersihan	Kotoran	23
2	Perancangan & Pembangunan	Penyelenggaraan Pasar / Pusat Penjaja	4
3	Pelesenan	Iklan Papan Tanda (Signboard)	73
4		Hal Ehwal Penjaja	315
JUMLAH			415

4.2 Statistik Aduan Awam Mengikut Tempoh Selesai

Bulan	Terima Aduan	Selesai <14 Hari	Selesai >14 Hari
Januari	45	38	7
Februari	33	31	2
Mac	40	33	7
April	32	27	5
Mei	33	12	21
Jun	23	15	8
Julai	35	25	10
Ogos	47	16	31
September	33	17	16
Oktober	36	23	13
November	33	10	23
Disember	25	12	13
JUMLAH	415	259	156

5.0 PROGRAM PEMBANGUNAN PENJAJA

5.1 Program Pembangunan Modal Insan

Bil	Nama Kursus	Modul	Lokasi	Kategori	Jumlah Peserta
1	Program Kursus Transformasi Penjaja Siri 1 20 Mac 2019	i. UUK Pelesenan ii. Biodegradasi iii. LHDN	Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1	Pusat Penjaja Jalan Jejaka Dan Pusat Penjaja Jalan Wirawati	87
2	Program Kursus Transformasi Penjaja Siri 2 22 Julai 2019	i. UUK Pelesenan ii. Biodegradasi iii. LHDN	Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1	Pasar Dan Pusat Penjaja Taman Tun Dr Ismail	193
3	Program Kursus Transformasi Penjaja Siri 3 22 Ogos 2019	i. Perniagaan Digital (MARA) ii. LHDN	Dewan Perdana Keramat Mall	Kompleks Perniagaan Keramat Mall, Medan Selera Setiawangsa Dan Gerai Tepi Jalan 1/56 Setiawangsa	204
4	Program Kursus Transformasi Penjaja Siri 4 3 Oktober 2019	i. Perniagaan Digital Dan Pengurusan Kewangan (MARA)	Pusat Komuniti Sentul Perdana	Pusat Penjaja Bandar Baru Sentul Dan Pasar Sentul	323
5	Program Kursus Transformasi Penjaja Siri 5 26 November 2019	i. Perniagaan Digital (MARA) ii. LHDN	Dewan Megapuri, Tingkat 30, Menara DBKL 1	Arked Ibukota, Arked Jln Tar, Lorong Bonus 6, Pt80, 101/107 Jln Tar, Choo Cheng Khay, Jln Bellamy, Jln Rotan, Jln Duta, Jln Cenderasari	141
6	Program Kursus Usahawan Mikro 19 Disember 2019	i. "Success Story" Oleh Anne Idris	Dewan Perdana Keramat Mall	Penjaja-Penjaja Pasar/ Pusat Penjaja Sekitar Kuala Lumpur	228
JUMLAH					1,176



Kursus Transformasi Penjaja pada 22 Julai 2019
Dewan Megapuri, Menara DBKL 1



Kursus Transformasi Penjaja pada 22 Ogos 2019
Dewan Perdana Keramat Mall



**Kursus Transformasi Penjaja pada 3 Oktober 2019
Pusat Komuniti Sentul Perdana**



**Kursus Transformasi Penjaja pada 26 November
2019 Dewan Megapuri, Menara DBKL 1**



Kursus Usahawan Mikro pada 19 Disember 2019 di Dewan Perdana Keramat Mall

5.2 Program Transformasi Perniagaan Food Truck

5.2.1 Bantuan Penyediaan Tapak Penganjuran Food Truck - Hotspot, Program Pemerksaan Ekonomi Bumiputera

Bil	Lokasi	Penganjur	Jumlah Petak Food Truck
1	Tapak Urban Street Dining, Jalan Ampang	Tapak Suvarnabumi Sdn Bhd	30
2	Food Truck Dataran Wangsa, Wangsa Melawati	Dataran Food Truck Management	30
3	Food Truck Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur	Pertubuhan Usahawan Food Truck Park Kuala Lumpur Dan Selangor	15



Sebelum



Selepas

**Food Truck Dataran Wangsa
15 Jun 2019**

**Food Truck Dataran Wangsa
22 November 2019**



Sebelum

**Food Truck Dataran Wangsa
15 Jun 2019**



Selepas

**Food Truck Dataran Wangsa
22 November 2019**



Sebelum

**Food Truck Dataran Wangsa
15 Jun 2019**



Selepas

**Food Truck Dataran Wangsa
22 November 2019**

LAPORAN TAHUNAN 2019

5.2.2 Program Melibatkan Perniagaan Food Truck

Bil	Bulan	Program / Acara	Lokasi	Bil Food Truck
1	Februari	Kuala Lumpur Criterium Night Challenge 2019	Dataran DBKL, Menara DBKL	10
2		Karnival Hari Wilayah Persekutuan Dan Spring Festival Malaysia China 2019	Jalan Raja, Dataran Merdeka	10
3		Program Penanaman Pokok Di Taman Kejiranan Ayer Panas, Setapak	Taman Kejiranan Ayer Panas, Setapak	20
4	Mac	Malaysia Chefs & Cook Congress KL	Panggung Anniversary	4
5		Doktor Run 2019	Dataran Merdeka, Jalan Raja	3
6		Konsert Evolusi 73	Panggung Anniversary	7
7	April	Larian Ulat Buku U-Pusaka	Dataran Merdeka, Jalan Raja	4
8		Konsert KL Street Jam	Dataran Merdeka, Jalan Raja	5
9		KL Cultural Nitez	Dataran Merdeka, Jalan Raja	12
10	Julai	KL Rythm Nitez: Konsert Nur Ramadhan	Dataran Merdeka, Jalan Raja	6
11		Konsert Rokerstra Lagenda	Panggung Anniversary	3

(bersambung...)

(bersambung...)

Bil	Bulan	Program / Acara	Lokasi	Bil Food Truck
12	Ogos	KL Cultural Nitez	Dataran Merdeka, Jalan Raja	10
13		World Stats Run 2019	Dataran Merdeka, Jalan Raja	4
14		Konsert KL Chillax	Panggung Anniversary	4
15		Acara International Tug-Of-War Championship 2019	Padang Merbok, Jalan Parlimen	15
16		Program Ambang Merdeka @ KL	Dataran Merdeka, Jalan Raja	20
17		KL Street Jam	Dataran Merdeka, Jalan Raja	10
18	September	KL Cultural Nitez/Panggung Rakyat	Dataran Merdeka, Jalan Raja	10
19		KL Cultural Nitez	Dataran Merdeka, Jalan Raja	26
20		KL Cultural Nitez	Dataran Merdeka, Jalan Raja	29
21		Program Housing + Urbanity Symposium 2019	Auditorium DBKL	6
22		KL STREET JAM	Dataran Merdeka, Jalan Raja	13
23		KL Street Jam, Hiburan Rakyat, KL Cultural Nitez	Dataran Merdeka, Jalan Raja	7
24	Oktober	Program KL Toys Festival 2.0	IDB, DBKL	4
25		Majlis Perasmian Taman Tasik Danau Kota Dan Program Penanaman Pokok	Taman Tasik Danau Kota, Kuala Lumpur	5
26		Festival Tari Antarangsa Ke 10 2019, Dipanggung Anniversari, Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur	Panggung Anniversari, Taman Botani, Kuala Lumpur	3
27		Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Kebangsaan 2019, Ditaman Pudu Ulu, Kuala Lumpur	Taman Pudu Ulu, Kuala Lumpur	5
28		Program Hiburan Rakyat	Jalan Raja, Dataran Merdeka	10
29		Program Pementasan Teater Di Sawah Padi Muzik Uda & Dara	Padang Merbok, Jalan Parlimen	4
30		Program Hiburan Rakyat	Jalan Raja, Dataran Merdeka	10
31		KL Street Jam	Jalan Raja, Dataran Merdeka	10
32	November	KL Cultural Nitez/Panggung Rakyat	Jalan Raja, Dataran Merdeka	10
33		KL Cultural Nitez	Dataran Merdeka, Jalan Raja	6
34	Disember	Penganjuran Sempena Program Perhimpunan Agung UMNO	Ruang Legar PWTC	20
35		Konsert Tahunan Persatuan Dyslexia Malaysia 2019	Auditorium DBKL	3
36		Konsert Tribute Sang Gendang Dalam Kenangan-Tanda Kasih Dan Hormat	Panggung Anniversari, Taman Botani	4
37		Program Permohonan Lesen Penjaja Sementara Bazar Aidilitri@Jalan Raja 2020/1441H KL	Tempat Letak Kereta Stadium Titiwangsa, Tasik Titiwangsa, KL	4
38		KL Cultural Nitez / Panggung Rakyat	Jalan Raja, Dataran Merdeka	11
39		Program Ambang 2020 @ Kuala Lumpur	Jalan Raja, Dataran Merdeka	31

5.3 Penyusunan / Pindahan Penempatan Penjaja Bazaria Wangsa Maju

Bazaria Larut Malam Danau Kota telah mula beroperasi pada Mac 2006 di Jalan 1A/6, 2A/6, 3A/6, 4A/6, 5A/6 dan 1/23E Danau Kota, Setapak Kuala Lumpur. Pindahan tapak penjaja ini bagi tujuan menyelesaikan isu aduan penduduk terhadap kewujudan Bazaria Larut Malam Danau Kota yang dikatakan telah menimbulkan kacau ganggu terhadap lalu lintas dan kebersihan kepada penduduk sekitar Taman Danau Kota dan taman-taman perumahan dan apartment yang berhampiran. Di samping itu juga, terdapat isu keselamatan gerai-gerai penjaja yang menjalankan perniagaan di hadapan / sisi berdekatan Stesen Minyak Petronas dan Shell di Jalan 1A/6.

Bagi menangani aduan tersebut untuk tempoh jangka panjang, DBKL telah merancang pembangunan tapak kekal di Jalan Genting Klang bagi menempatkan semula penjaja-penjaja tersebut. Tapak kekal tersebut dijangka siap dalam tempoh 3 hingga 4 tahun lagi. Melalui proses perbincangan Bersama pihak berkepentingan, pihak DBKL telah bersetuju penjaja dipindahkan di tapak sementara yang telah dikenalpasti iaitu tanah seluas 3.85 ekar di Lot 24307, Jalan 1/23E, Taman Setapak Indah sebagai penyelesaian jangka pendek. Tapak baru ini dikenali sebagai Bazaria Wangsa Maju dan boleh menempatkan sejumlah 500 penjaja dengan saiz petak 10'x10'. DBKL telah menjalankan kerja-kerja penyediaan infrastruktur seperti lampu limbah, tandas awam, tempat letak kereta & motosikal, bekalan elektrik dan air serta rumah sampah bagi memastikan tapak pindahan sementara ini berada dalam keadaan terbaik.

Dalam memastikan pindahan penjaja dapat dilaksanakan dengan jayanya dan teratur ke tapak sementara, bancian penjaja di Bazar Larut Malam Danau Kota telah dilaksanakan proses pengundian tapak secara berperingkat bermula 22 Oktober 2019. Pada waktu yang sama, semua lesen penjaja di tapak asal Bazaria Larut Malam Danau Kota dibatalkan dan tapak tersebut ditutup sepenuhnya bermula 31 Disember 2019.



**Pengundian Tapak Bazaria Wangsa Maju
22 Oktober 2019
Dewan Serbaguna Setiawangsa**



**Penyediaan Tapak Bazaria
26 November 2019
Bazaria Wangsa Maju**



**Aktiviti Perniagaan Penjaja
5 Disember 2019
Bazaria Wangsa Maju**

5.4 Jadual Program Gotong Royong

Bil.	Lokasi	Tarikh Pelaksanaan
1.	Pusat Penjaja Jalan Duta	20 April 2019
2.	Pusat Penjaja Bazaria Pantai	20 April 2019
3.	Pusat Penjaja Pekan Sungai Besi	29 April 2019
4.	Pusat Komuniti Bandar Baru Sentul	1 Mei 2019
5.	Pusat Penjaja Mega Mendung	6 Julai 2019
6.	Pusat Komersial Komuniti Bandar Tun Razak	24 Julai 2019
7.	Pasar dan Pusat Penjaja Salak Selatan	5 Ogos 2019
8.	Pasar Kompleks Keramat Mall	24 Ogos 2019
9.	Pasar Razak Mension	25 Ogos 2019
10.	Pusat Penjaja Jalan Wirawati	26 Ogos 2019
11.	Pusat Penjaja Bandar Sri Permaisuri	26 Ogos 2019
12.	Pusat Penjaja Sek 2, Wangsa Maju	23 September 2019



**Program Gotong Royong - 20 April 2019
Pusat Penjaja Bazaria Pantai**

5.5 Pembukaan Kaunter Rundingan Bayaran Sewa Pasar Pusat Penjaja

Bil	Tarikh	Lokasi	Jumlah	
			Penyewa Hadir	Kutipan (RM)
1	12-13 Februari 2019	Keramat Mall	139	58,727.20
2	26-27 Februari 2019	Pusat Komuniti Bandar Tun Razak	26	9,257.35
3	12-13 Mac 2019	Lorong Bonus PT 80	18	21,235.90
4	26-27 Mac 2019	Pasar Wirawati Kampung Pandan	32	12,387.50
5	10-11 April 2019	Pusat Komuniti Bandar Baru Sentul	24	14,641.80
6	23-24 April 2019	Pusat Penjaja Air Panas	13	5,415.00
7	27 Jun 2019	Keramat Mall	72	34,763.20
8	21 Ogos 2019	Keramat Mall (Kursus Bersama Penjaja)	24	7,504.67
9	18 September 2019	Pusat Penjaja D'rejang	13	7,637.20
10	19 September 2019	Pasar Sri Sentosa	5	1,410.00
11	25 September 2019	Pasar Wangsa Maju Seksyen 2	5	350.00
12	26 September 2019	Pusat Penjaja Danau Kota	8	2,085.00
13	03 Oktober 2019	Pusat Komuniti Bandar Baru Sentul (Kursus Bersama Penjaja)	14	9,000.00
14	03 Oktober 2019	Pasar Sentul (Kursus Bersama Penjaja)	1	0
15	9-10 Oktober 2019	Pasar Besar Cheras	43	5,185.40
16	23-24 Oktober 2019	Pasar Taman Cheras	58	0
17	13 November 2019	Pusat Penjaja Taman Setiawangsa	21	1,732.00
18	14 November 2019	Pusat Penjaja Taman Maluri	24	5,160.00
19	27-28 November 2019	GTJ Jalan Petaling Dan Jalan Hang Lekir	292	7,088.00
JUMLAH			832	203,580.22



Kaunter Bersemuka Pusat Penjaja Taman Setiawangsa



Kaunter Pejabat Kecil Keramat Mall

5.6 Rundingan Awam

Bil	Tarikh	Perkara	Lokasi	Jumlah Peserta
1	7 Januari 2019	Perjumpaan Bersama 8 Peniaga Sebelah Restoran Sri Kortumalai Mengenai Isu Tapak Peniaga	Bilik Mesyuarat Seroja, JPPP	15
2	22 Januari 2019	Rundingan Awam Bersama 4 Penjaja Di Pasar Pudu	Bilik Mesyuarat Seroja, JPPP	10
3	27 Februari 2019	Lawatan Tapak Datuk PESE Ke Jalan Alor	Jalan Alor	35
4	2 April 2019	Bersama Persatuan Penjaja Menyelesaikan Masalah Perebutan Tapak Pasar Pudu 788/63	Pasar Pudu	9
5	2 April 2019	Bersama Persatuan Penjaja Pasar Pagi Taman Midah Penyelesaian Masalah Pemasangan Meter Air Di 5 Lokasi	Pasar Pagi Taman Midah	6
6	30 April 2019	Mesyuarat Mengenai Isu-Isu Berbangkit Di Jalan Alor	Bilik Mesyuarat Teratai, JPPP	35
7	29 Mei 2019	Perjumpaan Datuk Bandar Kuala Lumpur Bersama Penjaja-Penjaja Jalan Alor.	Bilik Gerakan, Menara DBKL 1	35
8	3 Jun 2019	Lawatan Tapak Datuk Bandar Ke Jalan Alor	Jalan Alor	35
9	5 Ogos 2019	Perbincangan Bersama Pihak Persatuan Medan Selera Jalan Duta	Di Lokasi Tapak	18
10	5 Ogos 2019	Sesi Bertemu Dengan Peniaga Jalan Ara Kiri	Di Tapak Lokasi	20
11	22 Ogos 2019	Lawatan Tapak Pemasalahan Sekitar Kaw. Taman Tan Yew Lai	Di Tapak Lokasi	37
12	22 Ogos 2019	Pertemuan Dengan Persatuan Penjaja Bazaria Pantai-Medan Sri Angkasa Mengenai Kadar Sewa	Bilik Mesyuarat Dahlia, JPPP	10
13	30 Ogos 2019	Lawatan Bersama Penjaja Wirajaya Yang Terlibat Projek Naiktaraf	Medan Selera Seksyen 1 Wangsa Maju	10
14	11 September 2019	Bersama Peniaga Di Jalan 1 Chan Sow Lin Yang Terlibat Dengan Pembangunan Kodominium	Tapak Peniagaan	7
15	18 September 2019	Mesyuarat Bersama Penjaja Pasar Pagi Lrg. Padang Belia, Brickfield	Bilik Mesyuarat Teratai, JPPP	20
16	24 September 2019	Mesyuarat Bersama Penjaja Dan Mabrouk Sdn. Bhd.	Bilik Mesyuarat Seroja, JPPP	6
17	26 September 2019	Program Pengundian Selera Medan Bonus	Bilik Mesyuarat Anggerik, JPPP.	25
18	4 Oktober 2019	Perbincangan Bersama Pihak Persatuan Pasar Besar Taman Tun Ismail	Di Tapak Lokasi	20
19	8 Oktober 2019	Perbincangan Bersama Pihak Persatuan Medan Selera Jalan Duta	Di Tapak Lokasi	16
20	22 Oktober 2019	Pengundian Bazaria Larut Malam Danau Kota	Pusat Komuniti Setiawangsa	360
21	19 November 2019	Perbincangan Bersama YB Lembah Pantai Isu-Isu Penjaja	Bilik Mesyuarat Teratai, JPPP	15
22	25 November 2019	Sesi Perjumpaan Dengan Persatuan Bazaria Dan 17 Peniaga Mengenai Isu Tidak Menjalankan Perniagaan	Bilik Mesyuarat Cempaka, JPPP	30
23	3 Disember 2019	Lawatan Tapak Ke Projek Pasar Raja Bot Bersama Pemaju, Persatuan Penjaja PRB	Di Tapak Lokasi	30

5.7 Kempen Penggunaan Produk Biodegradasi



Rundingan Datuk Bandar Bersama Penjaja Jalan Alor - 3 Jun 2019, Jalan Alor, Bukit Bintang



Perbincangan bersama YB Lembah Pantai, Isu-Isu Penjaja - 19 November 2019, Bilik Mesyuarat Teratai, JPPP



Kempen Penggunaan Produk Biodegradasi - 15 Mei 2019, Bazar Ramadhan Jalan Raja



Kempen Penggunaan Produk Biodegradasi - 15 Mei 2019 Bazaria Pantai, Pantai Dalam

5.8 Bazar Ramadan @ Jalan Raja Kuala Lumpur

Pada tahun 2019, tapak Bazar Ramadan bagi jualan kering telah berpindah daripada Lorong Tuanku Abdul Rahman (LTAR) ke Jalan Raja. Pertukaran lokasi adalah kerana faktor-faktor berikut:

- i. Aduan dan bantahan keras dari premis-premis berhampiran Jalan Masjid India yang melaporkan keadaan yang sesak dengan penjaja menimbulkan kacau ganggu yang mengakibatkan perniagaan dan pendapatan mereka terjejas.
- ii. Kawasan sekitar Jalan TAR bermula dari Jalan Esfahan sehingga ke Jalan Melayu adalah terlibat dengan sebahagian dari projek *River Of Life* di dalam menjadikan jalan tersebut sebagai kawasan pejalan kaki. Di samping itu jua, DBKL dalam usaha untuk memindahkan para penjaja yang sah di kawasan terlibat ke kawasan lain sekitar Jalan TAR selepas kiosk-kiosk dibina untuk kegunaan semula.

DBKL telah menerima sebanyak 1,383 permohonan penjaja untuk berniaga jualan barangan kering. Petak perniagaan Bazar Ramadan di Jalan Raja adalah, sebanyak 344 petak dan saiz petak adalah lebih besar jika dibandingkan di LTAR pada tahun 2018 iaitu daripada 6'x6' kepada 6'x10' di Jalan Raja. Bazar Ramadan di Jalan Raja telah dilengkapi dengan logistik dan fasiliti untuk kemudahan penjaja dan pengunjung.



Bazar Ramadan @ Jalan Raja - 5 Mei 2019 – 4 Jun 2019, Jalan Raja Laut

233

6.0 PELESENAN

6.1 Permohonan Bazar Ramadan Atas Talian

Majlis Pelancaran Permohonan Lesen Bazar Ramadan Secara Atas Talian telah diadakan pada 14 Februari 2019. Tempoh permohonan dibuka mulai 15 Februari 2019 sehingga 14 Mac 2019. Jumlah permohonan lesen Bazar Ramadan secara atas talian yang diterima adalah sebanyak 5,256 bagi 6,059 petak dan pengisian pelesen adalah 3,274 petak di 89 lokasi.

Bil	Parlimen	Jumlah Tapak Ditawarkan	Bilangan Permohonan Diterima	Pengisian Pelesen
1	Bandar Tun Razak	1110	851	477
2	Batu	650	526	446
3	Bukit Bintang	825	1672	628
4	Cheras	104	32	24
5	Kepong	60	41	34
6	Lembah Pantai	443	338	237
7	Segambut	470	376	326
8	Seputeh	261	162	139
9	Setiawangsa	652	523	415
10	Wangsa Maju	400	337	221
11	Titiwangsa	1084	398	327
JUMLAH		6,059	5,256	3,274



Majlis Pelancaran Permohonan Bazar Ramadan Online - 14 Februari 2019, Bilik Lembaga Tingkat 29, Menara 1 DBKL

6.2 Pengeluaran Lesen Penjaja Waktu Terhad

Majlis Pelancaran Pengeluaran Lesen Penjaja Waktu Terhad telah diadakan di Menara 1 DBKL pada 30 April 2019. Tujuan pengeluaran Lesen Penjaja Waktu Terhad adalah bagi membuat pemantauan ke atas aktiviti penjajaan waktu terhad oleh penjaja di sekitar kawasan setempat, terdapat permintaan dan keperluan untuk aktiviti penjajaan waktu terhad ini dan membolehkan warga kota untuk menjana pendapatan sampingan berniaga untuk tempoh masa yang singkat.



Majlis Pelancaran Permohonan Bazar Ramadan Online - 14 Februari 2019, Bilik Lembaga Tingkat 29, Menara 1 DBKL

6.3 Perkhidmatan Semakan Dan Bayaran Lesen Melalui Aplikasi Pintar (Mobile App)

Perkhidmatan ini dibangunkan bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelesen untuk membuat semakan dan pembayaran melalui Sistem e-Lesen. Selain itu, ia juga membantu bagi mengurangkan segala urusan manual di Kaunter Lesen Berpusat, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja dan menambah saluran semakan dan pembayaran lesen perniagaan. Kini semua peniaga dapat membuat semakan dan bayaran bagi proses pembaharuan lesen menggunakan aplikasi MOBIS yang telah beroperasi mulai 1 Ogos 2019.

6.4 Statistik Kategori Lesen Yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2019

KATEGORI LESEN	KOD LESEN			BILANGAN PERMohonAN				BILANGAN KELULUSAN				BILANGAN BAYAR LESEN	
	BARU	PEMBAHARUAN	RAYUAN	PEMBATALAN	BARU	PEMBAHARUAN	RAYUAN	BARU	PEMBAHARUAN	RAYUAN	BIL ITEM	RM	
PREMIS	1	9,060	20,759	353	1,310	7,999	20,637	314	28,532	3,293,805.41			
KOMPOSI	10	7,234	17,950	310	1,068	6,939	17,865	286	23,945	19,402,455.10			
IKLAN SEMENIARA	353	10	-	-	-	10	-	-	3	327.34			
IKLAN SEMENIARA	556	90	74	14	7	58	71	11	123	406,390.00			
IKLAN SEMENIARA	357	68	29	19	14	50	24	12	69	1,267,680.00			
IKLAN SEMENIARA	558	36	27	3	16	34	18	3	49	44,080.00			
IKLAN SEMENIARA	359	5	3	-	-	5	3	-	4	2,800.00			
IKLAN SEMENIARA	352	-	-	-	-	-	-	-	-	-			
IKLAN SEMENIARA	808	143	83	7	14	120	67	7	196	185,612.05			
IKLAN SEMENIARA	351	7	591	-	-	7	587	-	579	274,366.00			
IKLAN SEMENIARA	350	235	2,489	12	129	186	2,489	12	2,546	833,256.50			
IKLAN SEMENIARA	348	4	108	-	8	4	108	-	105	20,473.00			
IKLAN SEMENIARA	349	11	154	-	7	11	154	-	162	48,016.50			
IKLAN SEMENIARA	347	111	87	-	-	10	87	-	84	20,612.50			
IKLAN SEMENIARA	346	286	789	38	18	276	787	38	1,082	258,262.00			
IKLAN SEMENIARA	345	1,446	11,839	149	324	1,307	11,838	137	13,053	3,619,704.50			
IKLAN SEMENIARA	351	-	-	-	-	-	-	-	579	274,366.00			
IKLAN SEMENIARA	1209	45	2	1	-	41	1	1	13	130,253.00			
IKLAN SEMENIARA	362	18	9	3	1	8	5	3	10	149,617.00			
IKLAN SEMENIARA	364	2	-	-	-	2	-	-	-	-			
IKLAN SEMENIARA	1210	-	-	-	-	-	-	-	-	-			
IKLAN SEMENIARA	363	44	6	23	-	25	5	23	5	66,566.90			
IKLAN SEMENIARA	1211	4	-	2	-	4	-	2	2	17,602.00			
IKLAN SEMENIARA	361	18	5	2	1	7	3	2	12	63,928.40			
IKLAN SEMENIARA	1212	4	1	-	-	4	1	-	4	20,459.00			
IKLAN SEMENIARA	365	5	-	-	-	4	-	-	4	42,012.00			
IKLAN SEMENIARA	367	25	9	8	2	15	8	8	18	197,878.40			
IKLAN SEMENIARA	1213	8	-	-	-	8	-	-	2	35,604.00			
IKLAN SEMENIARA	368	37	30	18	2	18	24	17	42	327,894.50			

(bersambung...)

(...sambungan)

KATEGORI LESEN	KOD LESEN	BILANGAN PERMohonAN			BILANGAN KELUASAN			BILANGAN BAYAR LESEN		
		BARU	PEMBAHARUAN	RAYUAN	PEMBATALAN	BARU	PEMBAHARUAN	RAYUAN	BIL ITEM	RM
PAPARAN IKLAN LUAR	1214	10	11	4	-	10	7	3	16	177,916.00
PAPARAN IKLAN /BILLBOARD	360	17	17	-	-	10	11	-	13	85,700.00
PAPARAN IKLAN LUAR (BILLBOARD)	805	-	-	-	-	-	-	-	-	-
PAPARAN IKLAN LUAR	1215	14	5	-	-	10	5	-	12	339,384.40
PAPARAN IKLAN LUAR	370	4	-	-	-	1	-	-	-	-
PAPARAN IKLAN LUAR	366	36	7	1	-	19	4	1	14	638,555.00
BAZARIA LARUT MALAM	428	600	84	-	321	595	84	-	562	108,108.00
FOOD TRUCK	842	29	63	-	1	13	63	-	73	18,270.00
GERAI BERKUNCI	427	8	96	-	3	8	96	-	97	18,000.00
GERAI TEPI JALAN	421	285	5,834	34	214	122	5,833	12	5,803	1,097,345.60
KIOSK	426	12	44	-	1	7	44	-	46	8,472.00
PASAR BERBANGUNAN	429	507	4,966	2	192	344	4,966	1	5,081	1,037,584.00
PASAR BORONG	1256	7	438	1	7	4	438	-	450	548,520.00
PASAR MALAM	432	1,179	9,094	-	144	1,178	9,094	-	9,690	495,134.00
PASAR TERBUKA	430	216	2,812	2	40	119	2,812	1	2,889	340,865.50
PENJAJA BERHAD	437	20	65	1	2	9	65	1	72	17,334.00
PERMIT SEMENTARA	436	218	258	3	3	69	258	-	291	31,378.00
PUSAT PENJAJA DBKLI	424	451	1,015	11	225	267	1,015	4	1,126	234,162.00
PUSAT PENJAJA SWASTA	425	39	329	-	17	39	329	-	358	72,934.00
WAKTU TERHAD	1258, 1257	461	23	1	-	201	23	-	178	21,612.00
HIBURAN SEMASA	14	3,031	-	-	7	2,950	-	-	2,625	1,107,310.00
HIBURAN MALAM	13	31	320	41	42	22	277	26	330	938,666.00
HIBURAN PERMAINAN	15	36	89	7	9	27	73	6	162	98,806.00
HIBURAN TAYANGAN GAMBAR	16	1	59	-	-	1	59	-	44	1,987,080.00
TEMPAT LETAK KERETA PESENDIRIAN	5	111	450	2	39	101	445	2	497	1,267,640.00
MINUMAN KERAS	3	424	731	-	17	414	723	-	798	1,926,780.00
PEELONG	11	27	293	-	-	15	293	-	277	2,770.00
JUMLAH		26,730	82,147	1,072	4,205	23,705	81,799	933	102,727	53,624,348.60

7.0 KAWALAN PELESENAN

7.1 Statistik Taskforce Membanteras Iklan Haram

Bil	Perkara	Bilangan
1	Penurunan Poster / Iklan Haram	1,681,754
2	Permohonan Pembatalan No.Telefon Kepada SKMM	1,124
3	SMS Blast	1,309
4	Pembatalan Nombor Telefon Oleh SKMM	960
5	Sesi / Notis Penjelasan / Aku Janji	4
6	Kompaun	5
7	Tindakan ke Mahkamah	0

7.2 Statistik Penguatkuasaan Pematuhan Penggunaan Produk Biodegradasi

Bil	Perkara	Jumlah
1	Kekerapan Operasi	615
2	Bilangan Lokasi	930
3	Bilangan Premis	1,309
4	Bilangan Kompaun	1,313



Berjaya Times Square, KL
13 Jun 2019

Medan Niaga Tasik Damai,
Sungai Besi, KL - 22 April 2019



Jalan Selesa, Taman Gembira, KL
10 Julai 2019

7.3 Statistik Pengeluaran Kompaun

Bulan	Kategori Kesalahan						Jumlah
	Kerajaan Tempatan	Tanpa Lesen	Pembantu Tanpa Kebenaran	Halangan	Kebersihan	Pelbagai Kesalahan	
Januari	2	206	14	12	7	60	301
Februari	3	168	4	6	5	17	203
Mac	1	136	7	0	7	51	202
April	7	106	22	10	3	37	185
Mei	8	124	10	0	0	221	363
Jun	0	31	3	4	3	9	50
Julai	7	117	7	6	1	45	183
Ogos	9	145	2	3	24	44	227
September	1	133	13	14	8	26	195
Oktober	14	107	4	5	4	71	205
November	24	122	4	7	6	61	224
Disember	12	183	0	2	1	45	243
JUMLAH	88	1,578	90	69	69	687	2,581

7.4 STATISTIK PEMBATALAN LESEN

Bil	Jenis Kesalahan	Jumlah
1	Arahan Kes PDRM	5
2	Kacau Ganggu	11
3	Warga Asing	10
4	Tiada Kelulusan Pembangunan	13
5	Maklumat Palsu	9
6	Menjalankan Aktiviti Selain Dilesenkan	15
7	Kawasan Hijau	1
8	Halangan	2
9	Iklan	4
10	Tanah Kerajaan	1
11	Aktiviti Meraih Pelanggan	1
12	Tiada <i>Certificate Completion And Compliance</i> (CCC)	1
JUMLAH		73

8.0 PROGRAM PENANDAARASAN

8.1 Lawatan Agensi Luar Ke Jabatan

Bil	Tarikh	Agensi
1	1 Mac 2019	Jabatan Perangkaan Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
2	4 Mac 2019	Persatuan Penjaja, Peniaga & Pengusaha Industri Kecil Melayu, Johor Bahru
3	15 Mac 2019	Bahagian Pelesenan Eksais Daerah Bentong
4	15 Mac 2019	Perbadanan Produktiviti Malaysia Selaku Sekretariat Kepada Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH)
5	25 April 2019	Dewan Bandaraya Kuching Utara, Sarawak
6	14 Mei 2019	Lembaga Getah Malaysia
7	9 Julai 2019	<i>Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA)</i>
8	25 Julai 2019	<i>Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)</i>



Lawatan Ke Pasar Borong Kuala Lumpur Bersama Kakitangan FAMA - 9 Julai 2019, Pasar Borong Kuala Lumpur



Lawatan Ke Pasar Borong Kuala Lumpur Bersama Kakitangan MARDI - 25 Julai 2019, Pasar Borong Kuala Lumpur

8.2 Lawatan Jabatan Ke Agensi Luar

Bil	Tarikh	Agensi	Tujuan Lawatan
1	22-25 April 2019	Tbilisi, Georgia	Misi Untuk Meningkatkan Kecekapan Kerajaan Dalam Urusan Memulakan Perniagaan
2	13-15 Mei 2019	Johor Bahru	Penanda Aras Pengurusan Bazar
3	25 - 27 Mei 2019	Singapura / Melaka	Penanda Aras Pengurusan Bazar Ramadan
4	18-25 Ogos 2019	Seoul, Korea Selatan	Smart City Training Program for CityNet Member City Officials



Lawatan Kerja Ke Tbilisi Georgia - 22-25 April 2019



Lawatan Kerja Ke Singapura - 25 - 27 Mei 2019



Lawatan Kerja Ke Seoul, Korea Selatan - 18-25 Ogos 2019

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar

1.0 FUNGSI

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar bertanggungjawab untuk memantau tahap kesihatan warga kota selain berusaha mempertingkatkan mutu kesihatan warganya. Di samping itu, Jabatan ini juga turut bertanggungjawab dalam menyelesaikan aduan berkaitan kesihatan awam dan memantau kerja-kerja pembersihan awam. Ianya selaras dengan salah satu fungsi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan kesihatan awam kepada penduduk di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Visi Jabatan ini adalah ke arah Menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur Sihat Dan Sejahtera. Manakala Misi Jabatan adalah Bersatu Tenaga Bagi Menyediakan Perkhidmatan Kesihatan Yang Cemerlang. Objektif Jabatan adalah Mencapai taraf kesihatan fizikal, mental, sosial yang optima bagi setiap anggota keluarga di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jabatan ini mempunyai kakitangan seramai 1,278 yang terdiri daripada pelbagai perjawatan.

JKAS terbahagi kepada 4 bahagian utama iaitu **Bahagian Kesihatan Awam, Bahagian Kesihatan Persekitaran, Bahagian Alam Sekitar dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan**. Bahagian-bahagian utama ini disokong oleh pelbagai unit bagi memastikan fungsi Jabatan berjalan lancar.

Pada tahun 2019, DBKL telah membelanjakan sejumlah **RM213,514,649.00** daripada jumlah yang diperuntukan sebanyak **RM269,373,100.00** untuk menjalankan pelbagai aktiviti dan program bagi meningkatkan tahap kesihatan warga kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.0 BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

Terdapat beberapa unit bernaung di bawah Bahagian ini yang berfungsi untuk mengawal serta menjaga kesihatan awam di sekitar kawasan Kuala Lumpur iaitu Unit Perkhidmatan Perubatan, Unit Kawalan Vektor, Unit Kawalan Pest dan Unit Pengesahan Kematian.

2.1 Unit Perkhidmatan Perubatan

Unit Perkhidmatan Perubatan merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan rawatan kepada semua kakitangan DBKL, termasuk ibu bapa dan anak-anak serta pesara-pesara DBKL.

2.1.1 Perkhidmatan Yang Disediakan

Berikut adalah perkhidmatan yang diberikan oleh unit ini

i. Klinik Pesakit Luar

Pegawai Perubatan akan merawat pesakit yang datang ke Klinik Pesakit Luar untuk mendapatkan rawatan dan akan merujuk pesakit kepada Doktor Pakar di Hospital Kerajaan / panel Swasta berkaitan sekiranya perlu.

ii. Penubuhan Lembaga Perubatan

Mesyuarat Lembaga Perubatan akan diadakan untuk menilai kakitangan yang perlu disahkan oleh Pakar Perubatan Hospital Kerajaan berkaitan tahap kemampuan mereka untuk melaksanakan tugas hakiki mereka di Jabatan.

iii. Bantuan Perlindungan Perubatan

Bertindak sebagai pasukan perubatan di lapangan bagi acara-acara yang ditaja dan dilaksanakan oleh DBKL.

Bil.	Aktiviti	Jumlah
1	Kehadiran Pesakit di Klinik Kakitangan DBKL	101,030
2	Prosedur ujian makmal	27,317
3	Prosedur rawatan	6,857
4	Pengeluaran surat jaminan	5,679
5	Jumlah pesakit yang telah menjalani ujian saringan buah pinggang	2,768
6	Jumlah Cuti Sakit DBKL yang dikeluarkan	12,603
7	Jumlah pesakit yang dirujuk ke Hospital Kerajaan/Swasta	1,752
8	Jumlah kakitangan/orang awam yang telah menghadiri saringan urin dadah bagi Program Transformasi Minda (PTM)	300
9	Jumlah kakitangan menjalani ujian saringan dadah	138
10	Perlindungan perubatan	95
11	Pengesyoran Lembaga Perubatan	5 kes
12	Jumlah Keseluruhan Prosedur Ujian Yang Dijalankan <ul style="list-style-type: none"> - Ujian Darah Dalaman - Ujian Darah Makmal Panel - Ujian Air Kencing - Ujian Air Kencing Makmal Panel - Pemeriksaan Mata - Pemeriksaan Kesihatan 	27,317


Jadual 1 : Aktiviti Unit Perkhidmatan Perubatan Sepanjang Tahun 2019

2.2 Unit Kawalan Vektor

Unit Kawalan Vektor memberi tumpuan kepada aktiviti pengawalan dan pemantauan penyakit bawaan vektor. Di samping itu, bahagian ini bertanggungjawab mengawal dan memantau kebersihan tanah/rumah kosong dan longkang tanah yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tahun	Bilangan Kes	Kematian
2018	7,138	11
2019	14,356	8

Jadual 2 : Perbandingan Kes Demam Denggi / Demam Denggi Berdarah



Carta 2 : Perbandingan Kes Demam Denggi Dan Demam Denggi Berdarah

Berdasarkan Jadual di atas, didapati morbiditi denggi menunjukkan peningkatan sebanyak 101% bagi kes yang dilaporkan. Manakala kes kematian pula menunjukkan penurunan sebanyak 37.5%.

Bil.	Aktiviti	Jumlah
1.	Pemeriksaan Pembiakan Aedes	
	i. Tapak Binaan	259
	ii. Premis Kediaman	240,391
	iii. Kawasan Pelancongan	11
	iv. Kawasan Istana	6
	v. Sekolah-sekolah	377
	Jumlah Keseluruhan	241,044
2.	Program COMBI	
	i. Pemusnahan Bekas Takungan Air	12,520 Muatan Lori
	ii. Penggunaan Abate	905,048 Gram Abate
	iii. Edaran Risalah	301,038 Helai
	iv. Gotong Royong	2,269
	v. Ceramah	198
	vi. Pameran	44

Jadual 3 : Statistik Aktiviti Yang Dilaksanakan Oleh Unit Kawalan Vektor Bagi Tahun 2019

Bil.	Aktiviti	Jumlah
1.	Pemeriksaan Tapak Bina (Seksyen 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976)	
i.	Notis Penguatkuasaan	319
ii.	Bilangan Kompaun	1,770
iii.	Bilangan Kompaun Yang Diterima Bayaran	810
iv.	Nilai Tuntutan Kos Pembersihan Tanah / Rumah Kosong Persendirian	RM 130,000
v.	Nilai Kompaun Yang Dikenakan	RM 885,000
vi.	Nilai Kompaun Yang Dikutip	RM 208,630.

Jadual 4 : Statistik Tindakan Penguatkuasaan Hasil Pemeriksaan Tapak Bina Bagi Tahun 2019

2.2.1 Program-program yang dilaksanakan

- i. Program Kesedaran Kawalan Pembiakan Nyamuk kepada Kontraktor Pembersihan di kawasan perumahan di bawah seliaan JPCKB dan taman-taman awam di bawah seliaan JPLR. Program ini telah diadakan pada 26.6.2019 di Dewan Perdana Mestika, IDB.
- ii. Program Kesedaran Kawalan Pembiakan Nyamuk dan Demam Denggi kepada Pemaju / Kontraktor Tapak Binaan di WPKL. Program ini telah diadakan pada 3.7.2019 di Bilik Akademik, IDB dan disertai seramai 60 orang peserta.
- iii. Program Banteras Nyamuk di Sekolah-Sekolah di WPKL. Program ini telah diadakan pada 18.12.2019 di Dewan Perdana Mestika, IDB dan disertai seramai 359 peserta yang terdiri daripada Guru dan Kontraktor Pembersihan Sekolah.

2.3 Unit Kawalan Pest

Unit Kawalan Pest memberi fokus kepada aktiviti pengawalan pest dan pengurangan makhluk perosak di kawasan awam. Terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan termasuk tangkapan anjing liar, kucing serta tikus di kawasan-kawasan di sekitar Kuala Lumpur.

Bil	Aktiviti	Jumlah
1	Pengurusan Kes Anjing	
	1.1 Aduan Anjing	913
	1.2 Tangkapan Anjing	3,605 Ekor
	1.3 Penjualan Lesen Anjing	3,864
	1.4 Kes Serangan Anjing	12
2	Pengurusan Kes Kucing	
	2.1 Aduan Kucing	226
	2.2 Tangkapan Kucing	1,023 Ekor
3	Pengurusan Kes Tikus	
	3.1 Aduan Tikus	214
	3.2 Tangkapan Tikus	52,739
4	Pengurusan Kes Lalat	
	4.1 Aduan Lalat	3
	4.2 Semburan Fokal Racun Kimia	2
	4.3 Kaedah Perangkap Lalat	0
5	Pengurusan Kes Gagak	
	5.1 Aduan Gagak	43
	5.2 Tangkapan Gagak	1,829 Ekor
6	Pengurusan Kes Merpati	
	6.1 Aduan Merpati	13
	6.2 Tangkapan Merpati	1,234 Ekor

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Aktiviti	Jumlah
7	Pengurusan Kes Lembu	
	7.1 Aduan Lembu Berkeliaran	1
	7.2 Tangkapan Lembu	0
8	Pengurusan Kes Kambing	
	8.1 Aduan Kambing Berkeliaran	0
	8.2 Tangkapan Kambing	0
9	Pengurusan Kes Lain-Lain Serangga	
	9.1 Aduan Lain-Lain Serangga	30
	9.2 Semburan Fokal Racun Kimia	29
10	Operasi-Operasi Yang Melibatkan Ukp	
	10.1 Operasi Bersama Pejabat Perumahan	13
	10.2 Operasi Rampasan Bersama Pej. Kesihatan Parlimen	14
	10.3 Bantuan Bailif Mahkamah	6
	10.4 Operasi Lembu Sempena Ibadah Korban	5

Jadual 5: Senarai Aktiviti Serta Statistik Tindakan Oleh Unit Kawalan Pest Tahun 2019**Kerja-Kerja Pembersihan Kandang Haiwan Di Pusat Kurungan Haiwan, Unit Kawalan Pest Di Jalan Loke Yew****Operasi Bersama Pejabat Perumahan PPR Sri Selangor Pada 18.4.2019**

2.4 Unit Pengesahan Kematian

Unit Pengesahan Kematian merupakan unit yang bertanggungjawab dalam mengesahkan kematian dan pengeluaran permit perkuburan untuk kematian biasa di rumah, mengeluarkan permit eksport mayat dan menyelaraskan kerja penggalian/pembongkaran semula kubur.

Bil	Aktiviti	Jumlah
1	Bilangan Permit Pengkuburan	2,049
2	Bilangan Permit Menggali Semula Kubur	637
3	Jumlah Kutipan Bayaran Menggali Semula Kubur (RM 50.00)	RM 31,850
4	Bilangan Eksport Mayat Keluar Negara	1,765
5	Jumlah Kutipan Bayaran Pengeluaran Permit Ekspot	RM 176,500
6	Bilangan Eksport Abu/Tulang Mayat Keluar Negara	182
7	Bilangan Pengeluaran Permit Ekspot Mayat Mengikut Negara	1,765
8	Bilangan Eksport Abu/Tulang Mengikut Negara	182

Jadual 6: Senarai Aktiviti Unit Pengesahan Kematian 2019

3.0 BAHAGIAN KESIHATAN PERSEKITARAN

Bahagian ini mempunyai beberapa Unit di bawahnya seperti Unit Sanitasi Premis, Unit Kualiti Makanan, Unit Kualiti Air, Unit Suntikan Taifoid dan Makmal Kualiti Makanan.

3.1 Unit Sanitasi Premis

Unit Sanitasi Premis berperanan sebagai urusetia untuk aduan-aduan yang berkaitan dengan masalah kebersihan dan sanitasi sebelum diserahkan kepada Pejabat Kesihatan Parlimen untuk diambil tindakan. Unit ini juga bertanggungjawab mengumpul data dan menganalisa pencapaian pemeriksaan ke atas premis-premis makanan seperti kedai makan/restoran, kafe, kantin sekolah, pusat penjaja, kilang makanan dan sebagainya. Bahagian ini turut melakukan pemeriksaan berkaitan aspek kebersihan dan sanitasi ke atas premis-premis bukan makanan seperti tandas awam, bengkel, hotel dan kompleks membeli-belah yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Selain itu juga, bahagian ini turut berperanan sebagai urusetia untuk penguatkuasaan dan pemantauan penyelenggaraan perangkap sisa minyak di semua pusat penjaja milik DBKL dan juga restoran.

Bil.	Aktiviti	Jumlah
1.	Pemeriksaan Permohonan Lesen - Makanan - Bukan Makanan	1,428 2,094
2.	Penilaian Dan Pemeriksaan Premis Makanan - Premis Kategori A - Premis Kategori B	6,310 1,230
3.	Penilaian Dan Pemeriksaan Premis Makanan Yang Diperintah Tutup - Penutupan Premis Kategori A - Penutupan Premis Kategori B	73 292
4.	Jumlah Aduan Yang Diterima	2,213
5.	Jumlah Kompaun Yang Dikeluarkan	4,948
6.	Bilangan Pengendali Makanan Yang Hadir Kursus Asas Pengendali Makanan	2,401
7.	Pemeriksaan Institusi Pendidikan Dan Pusat Jagaan	329
8.	Operasi Bersepadu	62

Jadual 7 : Senarai Aktiviti Serta Statistik Tindakan Oleh Unit Sanitasi Premis Bagi Tahun 2019

3.2 Unit Kualiti Air

Unit Kualiti Air bertanggungjawab untuk mengawal mutu air seterusnya memastikan mutu bekalan air di sekitar Kuala Lumpur berada ditahap yang baik. Unit Kualiti Air diamanahkan untuk memastikan air yang dibekalkan kepada warga kota adalah selamat dan bersih. Pemantauan sanitasi dan persampelan air mukasauk, loji rawatan air, stesen persampelan, tangki *elevated*, kolam renang dan perigi diprogramkan setiap tahun dalam aktiviti kerja rutin tahunan. Selain itu, bahagian ini juga bertanggungjawab untuk memastikan pihak berkuasa Kementerian Kesihatan dan kakitangan bekalan air turut mengawal mutu air yang dibekalkan menepati Tahap Mandatori Piawaian Mutu Air Minuman yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bil	Aktiviti	Analisa	Jumlah (Sampel)
1.	Kawalan Mutu Air Minuman - Loji Rawatan Air (3) - Stesen Persampelan(48)	Bakteria dan Fizikal Kimia (Inorganik) Kimia (Logam Berat, Organik) Pesticid (Racun Makhluk Perosak)	1,242 284 100 54
2.	Pelanggaran	Bakteria dan Fizikal Kimia (Inorganik)	19 (1.53%) 1(0.35%)

Jadual 8 : Statistik Persampelan Dan Kategori Analisa Yang Dilaksanakan Tahun 2019

Bil.	Aktiviti	Jumlah Sampel	Pelanggaran
1.	Pemeriksaan Hotel	48	1
2.	Pemeriksaan Kondominium	28	2
3.	Pemeriksaan Kelab, Kompleks Swasta Dan DBKL	32	-
4.	Pemeriksaan Tangki <i>Elevated</i> Rumah Pangsa DBKL	47	2
5.	Pemeriksaan Tangki <i>Elevated</i> Kondominium	38	2

Jadual 9 : Statistik Persampelan Dan Kategori Premis Yang Dilaksanakan



Pengambilan Sampel Air Minum Bagi Pemeriksaan Fizikal Di SRO - Taman Bkt. Pantai Pada 25.7.2019.



Pengambilan Sampel Air Minum Di Taman Connaught Pada 26.3.2019.

3.3 Unit Kualiti Makanan

Unit ini diwujudkan untuk melindungi orang awam daripada bahaya pencemaran dan penipuan dalam penyediaan, penjualan dan penyimpanan makanan. Di bawah adalah pencapaian untuk setiap aktiviti di Unit Kualiti Makanan pada tahun 2019.

Bil	Aktiviti	Jumlah
1.	Operasi Pemeriksaan Fizikal	74 sampel
2	Nilai Rampasan	RM 22,973.13
3	Pengambilan Sampel Bazar Ramadhan dan Pelanggaran	1,144 359 (31.3%)
4	Pengambilan Sampel Makanan (Di Kilang Dan Tempat Memproses Makanan)	375
	- Sampel Penguatkuasaan	188
	- Sampel Pemantauan	187
5	Pemeriksaan Kilang Berdasarkan Kategori :	238
	- A	85
	- B	138
	- C	15

Jadual 10 : Statistik Program Kawalan Serta Tindakan Oleh Unit Kualiti Makanan Tahun 2019

3.4 Unit Suntikan Taifoid

Unit Suntikan Taifoid memberi perkhidmatan suntikan Taifoid kepada warga kota yang terlibat dalam pengendalian makanan. Selain vaksinasi Taifoid, vaksinasi Meningitis juga disediakan untuk warga Kuala Lumpur yang bakal mengerjakan haji atau umrah di tanah suci Mekah. Kedua-dua vaksinasi ini dikenakan bayaran dengan harga yang berpatutan. Untuk vaksinasi Taifoid akan menyediakan Kad Suntikan yang tertera tempoh sah vaksinasi yang diberi sementara dan untuk vaksinasi Meningitis pula akan diberi Buku *International Certificate of Vaccination* dan tercatat tempoh sah vaksinasi tersebut.

Unit ini juga mengeluarkan Kad Kesihatan kepada pengendali dan pekerja yang menjalankan perniagaan Spa, urutan reflexologi, pusat kesihatan dan kecantikan, bekam dan lain-lain perniagaan kesihatan. Kad ini akan menunjukkan bahawa pekerja tersebut bebas dari penyakit berjangkit seperti HIV, Hepatitis B dan STD.

Bil	Aktiviti	Jumlah
1.	Jumlah Suntikan Taifoid Nilai Pendapatan	23,897 RM1,433,820
2.	Jumlah Suntikan Meningitis Nilai Pendapatan	1,002 RM 150.300
3.	Jumlah Kad Kecantikan Nilai Pendapatan	1,637 RM 32,720

Jadual 11 : Statistik Aktiviti Unit Suntikan Bagi Tahun 2019

3.5 Makmal Kualiti Makanan

Makmal Kualiti Makanan berfungsi dalam memastikan keselamatan dan kualiti bekalan bahan mentah dan makanan yang dijual dengan menyediakan perkhidmatan Analisis Makmal yang berkualiti tinggi kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, agensi kerajaan dan pihak swasta.

3.5.1 Program Kerja Makmal Tahun 2019

i. Persampelan

Pada tahun 2019 Makmal telah menganalisis sebanyak 1497 sampel mikrobiologi (4661 analisis) untuk tujuan penguatkuasaan, Keselamatan Makanan, Bazar Ramadhan dan aduan.

Analisis	2018		2019	
	Sampel	Analisis	Sampel	Analisis
Mikrobiologi	3557	14109	1497	4661

Jadual 12 : Ujian Analisis Mikrobiologi Bagi Tahun 2018-2019

Jenis Analisis	Peratus Pelanggaran Akta Makanan	
	2018	2019
Mikrobiologi	16.1	27.9

Jadual 13 : Peratus Pelanggaran Akta Makanan bagi tahun 2018 - 2019

Program	Jumlah Sampel	Jumlah Analisis
Mikrobiologi		
» Sampel Luar Jangka (Adhoc Samples)	167	492
» Keselamatan Makanan (KPI Jabatan)	165	660
» Bazar Ramadhan	1144	3432
» Aduan	21	77

Jadual 14 : Pecahan Program Mikrobiologi

ii. Projek Ubahsuai dan Tambahan Bangunan Makmal Jabatan Kesihatan di Pasar Borong Kuala Lumpur

Kerja-kerja ubahsuai dan penambahan bangunan Makmal masih lagi belum siap sepenuhnya. Perlantikan Kontraktor adalah pada 7.12.2016. Makmal telah ditutup berperingkat-peringkat mengikut zon dan Makmal telah ditutup sepenuhnya untuk kerja-kerja ubahsuai bermula dari 31.5.2019. Semua analisis telah ditangguhkan sehingga Makmal siap sepenuhnya.

4.0 BAHAGIAN ALAM SEKITAR

Bahagian Alam Sekitar berfungsi untuk memantau kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah, mengendalikan Program 3R, menyediakan bantuan segera bagi kes-kes kecemasan seperti penangkapan ular, pemusnahan sarang tebuan/lebah, pengalihan pokok tumbang, pembersihan tumpahan minyak di atas jalan raya serta menguruskan tanah perkuburan dan penyewaan Krematorium (pembakaran mayat) milik DBKL. Selain itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam hal ehwal berkaitan kawalan alam sekitar di Kuala Lumpur. Antara Unit yang bernaung di bawah bahagian ini ialah Unit Kawalan Pencemaran, Unit Kawalan Pembersihan Bandar serta Unit Pembangunan Alam Sekitar dan Unit Kecemasan, Kemudahan Awam Dan Perkuburan (UKKAP).

4.1 Unit Kawalan Pencemaran

Sepanjang tahun 2019, sejumlah 478 aduan telah diterima, disiasat dan diselesaikan dimana kebanyakan aduan adalah berkaitan bunyi bising, kacau ganggu asap, habuk, air, bau dan pembakaran terbuka. Dari aspek penguatkuasaan, sebanyak 30 notis penguatkuasaan dan 1 notis kesalahan kompaun telah dikeluarkan ke atas pemilik premis/penduduk yang didapati melanggar undang-undang berkaitan kacau-ganggu pencemaran.



Sarang Tebuan Telah Dimusnahkan Oleh Pekerja Unit Kecemasan Di Jalan Cheras Pada 13.9.2019



Kerja Kerja Mengalihkan Pokok Tumbang Di Jalan Kuchai Lama Pada 20.8.2019

4.2 Unit Kawalan Pembersihan Bandar

Objektif utama unit ini melibatkan skop tugas seperti berikut:-

- i. Penyelarasan perjalanan dan pencapaian Program Blueprint Kebersihan Kuala Lumpur supaya ianya berjalan mengikut jadual dan menetapkan sasaran. Perkhidmatan bantuan awal oleh Skwad Kecemasan yang beroperasi 24 jam.
- ii. Memastikan aduan awam (berkaitan dengan kutipan sampah dan pembersihan awam) disiasat dan diambil tindakan segera.
- iii. Penganjuran Program Penguatkuasaan Kebersihan *Anti-Litter* Kuala Lumpur di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sekurang-kurangnya tiga (3) kali sebulan.
- iv. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan pembersihan awam dan kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- v. Mengawalselia dan memantau jadual kutipan sampah dan perkhidmatan pembersihan awam seperti yang telah dipersetujui dengan SWCorp.

Bil.	Aktiviti	Jumlah
1.	Program Penguatkuasaan Kebersihan <i>Anti-Litter</i> Kuala Lumpur	45
2.	Pengeluaran Notis Kompaun (Akta Kerajaan Tempatan 1976 & Akta Jalan,Parit dan Bgn 1974)	1,927
3.	Kutipan Tunai	RM 48,600
4.	Penyelesaian Notis Kompaun	1,450
5.	Aduan Berkenaan Sampah, Pembersihan Longkang Dan Jalan-Jalan Awam	603

Jadual 15 : Senarai Aktiviti Oleh Unit Kawalan Pembersihan Bandar Bagi Tahun 2019



Program Penguatkuasaan Kebersihan Anti-Litter Kuala Lumpur Di Kawasan Rol Dataran Merdeka Pada 9 Mac 2019.

Pada tahun 2019, unit ini telah berjaya membuat pembayaran sebanyak RM157,889,622.27 kepada SWCorp Berhad untuk kerja-kerja pembersihan awam dan pengurusan sisa-pepejal oleh Tetuan Alam Flora Sdn Bhd. Jumlah pemotongan bayaran yang direkodkan adalah sebanyak RM2,373,644.63 atas sebab kerja-kerja tersebut telah dilaksanakan sendiri oleh DBKL atau Kontraktor lain.

Tahun	Tuntutan PPSPPA	Jumlah Pemotongan	Jumlah Bayaran Diluluskan
	RM	RM	RM
Januari	14,549,886.87	332,540.66	14,295,902.23
Februari	12,985,408.07	332,540.66	12,731,423.43
Mac	12,982,867.07	332,540.66	12,728,882.43
April	13,637,461.41	296,884.09	13,419,133.34
Mei	13,304,458.49	303,274.92	13,079,739.59
Jun	13,069,917.70	304,527.52	12,843,946.20
Julai	13,168,640.04	78,556.02	13,168,640.04
Ogos	13,215,539.05	78,556.02	13,215,539.05
September	13,101,603.99	78,556.02	13,101,603.99
Oktober	13,101,603.99	78,556.02	13,101,603.99
November	13,101,603.99	78,556.02	13,101,603.99
Disember	13,101,603.99	78,556.02	13,101,603.99
JUMLAH	159,320,594.66	(2,373,644.63)	157,889,622.27

Jadual 16 : Jumlah Pembayaran Dan Pemotongan Ke Atas Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (PPSPPA) Bagi Kerja-Kerja Pembersihan Awam Dan Pengurusan Sisa Pepejal Oleh Tetuan Alam Flora Sdn. Bhd. Bagi Tahun 2019

Nota:- Pemotongan dibuat berdasarkan perkhidmatan pembersihan awam yang kurang memuaskan oleh pihak AFSB.

4.2.1 Program Blueprint Kebersihan Kuala Lumpur

Objektif utama Blueprint Kebersihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah untuk menaiktaraf status kebersihan dan keindahan Bandar Raya Kuala Lumpur. Ianya juga sebagai satu penanda aras (*benchmark*) status kebersihan dan keindahan Kuala Lumpur.

Penarafan Kawasan Program Blueprint Kebersihan Kuala Lumpur untuk Tahun 2019 (Peringkat 4) Melibatkan 22 Buah Kawasan.

Bil	Parlimen	Fasa 8 & Kawasan Terlibat (Julai 2019)	Fasa 9 & Kawasan Terlibat (Disember 2019)
1	Kepong	Sekitar Taman Jinjang Baru Dan Tsi Industrial Park	Sekitar Taman Jinjang Selatan Tambahan
2	Batu	Sekitar Taman Dato' Senu, Taman Pelangi Dan Taman Sentul Jaya	Sekitar Bandar Baru Sentul, Taman Kaya Dan Taman Rainbow
3	Wangsa Maju	Sekitar Wangsa Melawati Dan Kampung Klang Gates Baharu	Sekitar Desa Setapak, Wangsa Metroview Desa Andam
4	Segambut	Sekitar Kampung Kasipillay	Sekitar Taman Sri Sinar, Taman Sri Kuching, Taman City, Kampung Pasir, Taman Segambut Dan Bukit Segambut
5	Setiawangsa	Sekitar Taman Ayer Panas, Jalan Genting Klang dan Jalan Semarak	Sekitar Taman Tasik Titiwangsa
6	Titiwangsa	Sekitar Kampung Datuk Keramat	Sekitar Kampung Pandan, Taman Maluri Dan Desa Pandan

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Parlimen	Fasa 8 & Kawasan Terlibat (Julai 2019)	Fasa 9 & Kawasan Terlibat (Disember 2019)
7	Bukit Bintang	Sekitar Jalan Pudu, Jalan Maharajalela, Jalan Raja Chulan, Jalan Tun Perak, Jalan Imbi, Jalan Ampang, Jalan Tun Tan Cheng Lock, Jalan Sultan Mirzan (Jalan Istana), Jalan Syed Putra, Jalan Hang Tuah Dan Jalan Lapangan Terbang Lama	Sekitar Taman Bukit Seputeh, Salak Selatan, Taman Sungai Besi Dan Desa Petaling
8	Lembah Pantai	Sekitar Bukit Kerinchi, Kampung Pantai Dalam, Kampung Pasir Dan Bukit Gasing	Sekitar Taman Sri Sentosa Dan Taman Nam Fong
9	Seputeh	Sekitar Taman Salak Selatan, Taman Naga Emas, Taman Sri Petaling Dan Taman Castlefield	Sekitar Taman Yarl, Taman Oversea Union, Bukit Oug, Alam Sutera Dan Taman Bukit Jalil
10	Cheras	Sekitar Taman Shamelin Perkasa, Taman Pertama, Taman Bukit Mewah, Taman Sri Bahtera Dan Pandan Perdana	Sekitar Taman Miharja, Jalan Chan Sow Lin Dan Warisan Cityview
11	Bandar Tun Razak	Sekitar Bandar Tasik Selatan	Sekitar Pekan Sungai Besi

Jadual 17 : Lokasi Penarafan Kawasan Program Blueprint Kebersihan Kuala Lumpur (Peringkat 4) Bagi Tahun 2019 Yang Melibatkan 22 Buah Kawasan

4.3 Unit Pembangunan Alam Sekitar

Unit Pembangunan Alam Sekitar berperanan untuk:-

- i. Memastikan proses penyerahan kawasan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada SWCorp dan Alam Flora dijalankan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
- ii. Memastikan serahan data/inventori pengurusan sisa pepejal dan pembersihan dikemaskini dan direkodkan bagi tujuan pemantauan.
- iii. Melaksanakan program / latihan berkaitan kebersihan awam dan pencemaran alam sekitar.
- iv. Membantu Sekretariat Local Agenda (LA21) di peringkat DBKL.
- v. Melaksanakan gerak kerja penilaian proses Penarafan Kawasan Program Blueprint Kebersihan Kuala Lumpur.

4.3.1 Program-program yang dilaksanakan

Diantara program yang telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2019:

i. Pengolahan Sisa Organik Dari Pusat Penyisihan Sayur Pasar Borong KL

Dalam Program Pengolahan Sisa Organik ini, sayur-sayuran diasingkan dan dijadikan kompos dan makanan haiwan dengan menggunakan *Black Soldier Fly Larvae* (BSF). Komuniti setempat turut dilibatkan melalui penganjuran program bersama komuniti yang merangkumi aktiviti gotong-royong dan pengindahan kawasan Pusat Penyisihan Sayur dengan lukisan mural di Pasar Borong oleh para sukarelawan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

ii. Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2019 peringkat Kebangsaan (Taman Pudu Ulu)

Program ini telah diadakan pada 19 Oktober 2019 oleh Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) melalui Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

Ia bertujuan untuk mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas di kalangan orang awam dari pelbagai lapisan masyarakat serta memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

iii. **Green Waste Programme (St4eet Raya)**

Anjuran bersama DBKL dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dimana objektif utama adalah menerapkan elemen pengasingan sisa di punca serta penggunaan produk biodegradasi dan mesra alam. Program ini telah diadakan pada 6 Julai 2019 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

4.4 Unit Kecemasan, Kemudahan Awam Dan Perkuburan

Fungsi utama unit ini adalah melibatkan skop tugas seperti berikut:-

- i. Perkhidmatan bantuan awal (kecemasan) oleh Skuad Kecemasan
Operasi aduan awam ini adalah 24 jam dan melibatkan kes pokok tumbang yang menyebabkan halangan di jalan raya / penangkapan ular dan haiwan liar / minyak tumpah di jalan raya / memusnahkan sarang lebah dan tebuan dan lain-lain lagi.
- ii. **Perkhidmatan pembersihan dan penyediaan tenaga kerja oleh Flying Squad**
Ini bagi penganjuran acara-acara rasmi yang melibatkan DBKL / Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan.
- iii. Perkhidmatan penyewaan Tandas Bergerak
Ini bagi program yang dianjurkan DBKL / Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan.
- iv. **Perkhidmatan pembakaran mayat** di Krematorium Cheras **dan pengkebumian mayat** di Tanah Perkuburan Kristian Jalan Kuari Cheras.
- v. **Perkhidmatan pengebumian jenazah (dan penyelenggaraan kawasan)** di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang dan Jalan Kuari Cheras.
- vi. **Penyediaan penggunaan logistik**
Penggunaan lori dan jentera berat oleh jabatan dan skuad yang memerlukan.



Kakitangan Skuad Terbang Menjalankan Tugas Pembersihan Kawasan Di Jalan Silang Pada 19.8.2019.

5.0 UNIT PROMOSI KESIHATAN

Unit Promosi Kesihatan merupakan unit sokongan kepada semua bahagian-bahagian yang terdapat di Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar. Unit ini berperanan dalam menyebarkan maklumat serta memberi kesedaran berkaitan kesihatan kepada orang ramai melalui program-program yang dilaksanakan seperti ceramah, pameran, edar risalah, kaunseling serta khidmat nasihat.

Unit ini turut bertanggungjawab dalam mengumpul dan menyimpan maklumat kesihatan terkini. Selain itu, unit ini terlibat dalam penyediaan bahan penerbitan serta membuat edaran bahan pendidikan (sama ada bercetak mahupun audio visual) untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang awam berkaitan amalan cara hidup yang sihat.

Pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dan dilaksanakan melibatkan kerjasama antara Bahagian, Jabatan dalaman DBKL, Agensi Kerajaan serta Agensi bukan Kerajaan. Kursus dan Klinik Berhenti Merokok (*Quit Clinic*) merupakan program yang telah dilaksanakan bertujuan untuk membantu kakitangan DBKL berhenti daripada tabiat merokok.

Kursus Kesihatan dan Kecergasan telah dilaksanakan untuk mendidik kakitangan cara pemakanan dan senaman yang betul agar mengamalkan cara hidup yang sihat dan untuk menghindari dari penyakit NCD.

Berikut adalah program-program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 :

- i. Program Kesihatan Dan Kecergasan,
- ii. Kem Kesihatan,
- iii. Klinik Berhenti Merokok,
- iv. Program Kebersihan Dan Keselamatan Pengendali Bazaar Ramadhan,
- v. Program Combi (*Communication For Behavioural Impact*),
- vi. Pengedaran Risalah Kesihatan Di Kawasan Wabak Demam Denggi,
- vii. Program Bersama Datuk Bandar,
- viii. Pemasangan Banner Pemberitahuan Kawasan Wabak Demam Denggi

Bil	Nama Program	Jumlah
1	Ceramah Kesihatan	44 Sesi
2	Pameran Kesihatan	81 Sesi
3	Kem Kesihatan	19 Sesi
4	Lain-Lain Program	60
5	In Body Test	40
6	Klinik Berhenti Merokok (Q Klinik)	90 Peserta
7	Program Berhenti Merokok	2 Siri
8	Kursus Kesihatan & Kecergasan	2 Siri (80 Peserta)
9	Pelancaran COMBI Sekolah	10 Sekolah (236 Peserta)
10	Kempen Derma Darah	1
11	Program Keselamatan Makanan Untuk Pengendali Bazaar Ramadhan	1 Siri

Jadual 18 : Statistik Jumlah Aktiviti/Program Oleh Unit Promosi Kesihatan Bagi Tahun 2019

6.0 LAIN-LAIN AKTIVITI

Selain menjalankan tugas dan tanggungjawab berkaitan fungsi Jabatan, beberapa program / aktiviti turut dilaksanakan di peringkat Jabatan sebagai salah satu medium untuk mengeratkan hubungan antara kakitangan di Jabatan. Ianya sekaligus dapat memberikan peluang kepada semua kategori kakitangan di Jabatan untuk menunjukkan bakat serta kebolehan diri masing-masing.

6.1 Program Gaya Hidup Sihat Dan Pertandingan Tenpin Bowling Piala Pengarah JKAS 2019

Program ini diadakan bagi mempromosikan gaya hidup sihat dikalangan warga JKAS disamping mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai dan kakitangan. Program ini telah diadakan pada 17 Ogos 2019 di Wangsa Walk Bowl dengan penyertaan sebanyak 30 kumpulan dari pelbagai Bahagian / Unit / Parlimen di Jabatan.



Sekitar Program Gaya Hidup Sihat Dan Pertandingan Tenpin Bowling Piala Pengarah JKAS 2019 Pada 17.8.2019 Di Wangsa Walk Bowl

6.2 Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Jabatan

Program Sambutan Hari Raya ini merupakan acara tahunan yang diadakan di Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar. Majlis tersebut telah diadakan pada 19 Jun 2019 bertempat di perkarangan tempat letak kereta Ibu Pejabat JKAS.

Kemeriahan Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Jabatan Di Perkarangan Tempat Letak Kereta, Ibu Pejabat JKAS Pada 19.6.2019



6.3 Konvensyen KIK 2019

JKAS telah diwakili oleh Kumpulan SIHAT 18 dalam Konvensyen KIK 2019 bertempat di Dewan Perdana Mestika. Kumpulan SIHAT 18 membawa pulang anugerah Johan Keseluruhan, Anugerah Persembahan Terbaik dan Anugerah Kreativiti Tinggi.



Kumpulan SIHAT 18 Sewaktu Konvensyen KIK 2019 Di Dewan Perdana Mestika IDB

6.4 Majlis Makan Malam, Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar

Objektif utama program ini adalah untuk meraikan pegawai dan kakitangan Jabatan yang telah bertugas dengan penuh dedikasi sepanjang tahun 2018 dan juga untuk mengeratkan silaturahim di antara kakitangan di luar waktu pejabat. Majlis diadakan pada 25 Januari 2019 bertempat di Hotel De Palma Ampang. Ia disertai seramai 400 pegawai dan kakitangan JKAS dari pelbagai peringkat.



Majlis Makan Malam, Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar Di Hotel De Palma Pada 25.1.2019

Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan

256

1.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Jabatan ini pada asalnya dikenali sebagai Bahagian Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan yang terletak di bawah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Kemudahan Sosial.
- 1.2 Pada 1 April 2003 ia telah dinaiktaraf sebagai sebuah jabatan yang tersendiri dan dikenali sebagai Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Dan Sukan.
- 1.3 Pada 1 Julai 2011, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Kebudayaan, Kesenian Dan Sukan.
- 1.4 Selaras dengan penjenamaan jabatan, mulai tahun 2018, Jabatan ini distrukturkan kepada 3 bahagian yang utama iaitu :-
 - i. Bahagian Persembahan & Pengurusan Acara
 - ii. Bahagian Pengurusan Kemudahan & Pentadbiran
 - iii. Biro Pelancongan
- 1.5 Bahagian Persembahan & Pengurusan Acara dibahagikan kepada 3 unit iaitu:-
 - i. Unit Kebudayaan
 - ii. Unit Muzik
 - iii. Unit Pengurusan Acara & Promosi
- 1.6 Bahagian Pengurusan Kemudahan & Pentadbiran dibahagikan kepada 2 unit iaitu:-
 - i. Unit Pentadbiran dan Kewangan
 - ii. Unit Kemudahan Sukan

2.0 FUNGSI

- 2.1 Menyedia dan mengurus fasiliti yang berkualiti dan mesra rakyat.
- 2.2 Mempelbagai produk kebudayaan, kesenian, pelancongan dan sukan yang berkualiti bagi menyemarakkan suasana kehidupan yang sihat dan kondusif di Kuala Lumpur.
- 2.3 Memberi kerjasama dengan semua pihak (NGO, badan kerajaan, swasta) bagi menjayakan program dan aktiviti berkaitan kebudayaan, kesenian, pelancongan, sukan dan rekreasi.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memupuk dan memperkembangkan warisan seni negara melalui nyanyian, muzik tradisional, muzik orkestra, tarian, teater dan sebagainya.
- 3.2 Menyediakan dan menguruskan kemudahan sukan dan rekreasi ke satu tahap yang sempurna dan selesa kepada warga kota Kuala Lumpur.
- 3.3 Mempertingkatkan kesedaran dan penglibatan warga kota Kuala Lumpur dalam kegiatan sukan dan rekreasi ke arah mengamalkan gaya hidup sihat.
- 3.4 Memberi kerjasama kepada institusi belia dan sukan, persatuan, NGO di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
- 3.5 Bekerjasama dengan semua pihak bagi menjayakan program dan aktiviti berkaitan kebudayaan, kesenian, pelancongan, sukan dan rekreasi.

4.0 BAJET

Secara keseluruhannya, Jabatan telah membelanjakan sebanyak 92% iaitu **RM39,542,318.20** daripada jumlah peruntukan tahunan yang telah diluluskan iaitu sebanyak **RM43,032,500.00**.

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM43,032,500.00	92
Perbelanjaan	RM39,542,318.20	

Jadual 1 : Perbelanjaan Tahun 2019

5.0 PERJAWATAN

Jabatan mempunyai keseluruhan seramai **379** orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada lima skim perjawatan dan daripada jumlah keseluruhan tersebut terdapat seramai 201 orang adalah kakitangan tetap dan manakala selebihnya seramai 178 orang lagi adalah kakitangan kontrak.

Skim Perjawatan	Tetap	Kontrak	C.F.S	Jumlah
Pengurusan Dan Profesional	5	7	1	13
Sokongan I	56	143	-	199
Sokongan II	42	26	0	68
IMG	98	1	-	99
JUMLAH	201	178		379

Jadual 2 : Bilangan Kakitangan Mengikut Kategori Bagi Tahun 2019

6.0 FASILITI-FASILITI JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN, PELANCONGAN DAN SUKAN

6.1 Fasiliti Biro Pelancongan

Bil	Fasiliti Pelancongan
1.	Mayor Courtyard Jalan Tangsi
2.	The Hall, Lot.11, Jalan Tangsi
3.	Helipad Taman Tasik Titiwangsa

Jadual 3 : Fasiliti Pelancongan Di Bawah Seliaan JKKPS

6.2 Fasiliti Unit Acara

Bil	Fasiliti Acara
1.	Panggung Anniversari
2.	Pentas Bergerak
3.	Dataran Medan Pasar
4.	Panggung Bandaraya
5.	Pusat Kesenian DBKL Jalan Kampung Atap

Jadual 4 : Fasiliti Acara Di Bawah Seliaan JKKPS

6.3 Fasiliti Unit Kemudahan Sukan

Bil	Fasiliti Sukan	Bilangan
1.	Stadium / Kompleks Bertaraf Antarabangsa	6
2.	Pusat Komuniti / Dewan Komuniti	13
3.	Kompleks Sukan	10
4.	Dewan Serbaguna, Dewan PT.80	23
JUMLAH		52

Jadual 5 : Jumlah Keseluruhan Venue Kemudahan Sukan Di Bawah Seliaan JKKPS

Bil	Parlimen	Bilangan Fasiliti Sukan
1.	Bukit Bintang	1
2.	Lembah Pantai	7
3.	Segambut	4
4.	Batu	6
5.	Titi Wangsa	7
6.	Kepong	2
7.	Seputeh	3
8.	Cheras	3
9.	Bandar Tun razak	8
10.	Setia Wangsa	4
11.	Wangsa Maju	7
JUMLAH		52

Jadual 6 : Jumlah Fasiliti Sukan Mengikut Parlimen

Bil	Jenis Sukan	Bilangan Gelanggang
1.	Badminton	108
2.	Tenis	24
3.	Kolam Renang	5
4.	Gimnasium	5
5.	Skuasy	8
6.	Ping Pong	15
7.	Sepak Takraw	6
8.	Gelanggang Futsal	25
9.	Padang Bola Sepak	29
10.	Bola Keranjang	2
11.	Bola Tampar	1
JUMLAH		228

Jadual 7 : Jumlah Gelanggang Mengikut Jenis Sukan

7.0 HASIL KUTIPAN FASILITI SUKAN BAGI TAHUN 2019

Jabatan mempunyai kutipan hasil daripada sewaan terhadap 6 jenis fasiliti sukan seperti berikut :

- i. Stadium
- ii. Kompleks Sukan
- iii. Pusat Komuniti
- iv. Dewan Serbaguna
- v. Dewan Komuniti
- vi. Gelanggang

Sebanyak **RM4,654,581.97** telah dapat dikutip daripada **48** buah fasiliti sukan di sepanjang tahun 2019 seperti yang terdapat pada jadual 8 di bawah:-

Bil	Fasiliti Sukan	Jumlah Kutipan
1.	Stadium Hoki Kuala Lumpur	RM87,018.80
2.	Pusat Komuniti Taman TTDI	RM168,201.00
3.	Kompleks Sukan Taman Sri Delima	RM169,649.22
4.	Pusat Komuniti Taman Koperasi Polis Fasa 2	RM150,431.79
5.	Pusat Komuniti Bandar Manjalara	RM194,968.44
6.	Dewan Serbaguna Kampung Baru	RM32,394.72
7.	Dewan Serbaguna Jinjang Utara	RM14,988.00
8.	Kompleks Sukan Tasik Perdana	RM11,200.00
9.	Dewan Komuniti Batu Muda	RM206,205.24
10.	Dewan Serbaguna Desa Bakti	RM46,040.00
11.	KUALA LUMPUR ICC	RM15,809.40
12.	Pusat Komuniti Lembah Pantai	RM221,469.04
13.	Pusat Komuniti Sri Petaling	RM205,854.00
14.	Pusat Komuniti Bukit Damansara	RM118,012.00
15.	Kompleks Sukan Bangsar	RM310,446.68
16.	Kompleks Sukan Vista Angkasa	RM7,169.00
17.	Dewan Serbaguna Taman Salak Jaya	RM16,230.28
18.	Dewan Serbaguna Sri Endah	RM8,232.00

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Fasiliti Sukan	Jumlah Kutipan
19.	Pusat Komuniti Bukit Bandaraya	RM233,544.40
20.	Dewan Serbaguna Kampung Malaysia Tambahan	RM27,800.00
21.	Kompleks Sukan Eco-Park	RM87,696.00
22.	Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur	RM163,343.60
23.	Pusat Komuniti Gombak	RM118,835.44
24.	Pusat Komuniti Sentul Perdana	RM179,976.04
25.	Gelanggang Futsal Sentul	RM36,075.00
26.	Pusat Komuniti Taman Ibu Kota	RM188,958.16
27.	Dewan Serbaguna Wangsa Maju	RM46,078.02
28.	Kompleks Sukan Titiwangsa	RM60,494.50
29.	Pusat Komuniti Datuk Keramat	RM147,497.16
30.	Dewan Serbaguna Taman.Bunga Raya	RM18,487.68
31.	Dewan Serbaguna Taman Melati Impian	RM116,050.96
32.	Pusat Komuniti Setiawangsa	RM157,410.00
33.	Dewan Serbaguna Setiawangsa	RM0.00
34.	Gelanggang Futsal Danau Kota	RM0.00
35.	Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur	RM86,500.00
36.	Kompleks Renang Kuala Lumpur	RM135,815.60
37.	Pusat Komuniti Bukit Cheras	RM109,829.68
38.	Kompleks Sukan Desa Tasik	RM152,310.36
39.	Pusat Komuniti Bandar Tun Razak	RM140,627.14
40.	Dewan Serbaguna Cheras Baru	RM33,185.00
41.	Dewan Serbaguna Taman Maluri	RM95,819.08
42.	Dewan Serbaguna Alam Damai	RM96,412.56
43.	Dewan Serbaguna Taman Segar	RM8,476.64
44.	Dewan Serbaguna Ampang Hilir	RM129,176.16
45.	Dewan P.T. 80	RM53,067.10
46.	Gelanggang Rakyat Taman Maluri	RM46,796.08
47.	Gelanggang Petanque Pudu Ulu	RM0.00
48.	Dewan Serbaguna Fasa 1E Bandar Tun Razak	RM0.00
JUMLAH		RM4,654,581.97

Jadual 8 : Penyata Kutipan Bagi Stadium, Kompleks Sukan, Pusat Komuniti, Dewan Serbaguna Dan Gelanggang Pada Tahun 2019

8.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

Sepanjang tahun 2019, pihak jabatan telah melaksanakan sebanyak **147** buah program yang merangkumi program-program berkaitan Kebudayaan, Kesenian, Pembangunan Sukan dan Pelancongan seperti berikut:-

Bil	Tarikh Program	Hari	Acara	Tempat
1.	1 JAN	SELASA	KUALA LUMPUR NEW YEAR RUN	JALAN RAJA
2.	6 JAN	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
3.	6 JAN	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
4.	13 JAN	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
5.	20 JAN	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Tarikh Program	Hari	Acara	Tempat
6.	20 JAN	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
7.	27 JAN	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
8.	1 JAN	SELASA	KUALA LUMPUR NEW YEAR RUN	JALAN RAJA
9.	3 FEB	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
10.	10 FEB	AHAD	JELAJAH PANCING SIRI 1: SEMPENA HARI WILAYAH	TASIK AMPANG HILIR
11.	10 FEB	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
12.	16 FEB	SABTU	KARNIVAL HARI WILAYAH & FESTIVAL SPRING MALAYSIA	JALAN RAJA
13.	17 FEB	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
14.	17 FEB	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
15.	24 FEB	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
16.	24 FEB	AHAD	BERBASIKAL SEMPERNA HARI WILAYAH	JALAN RAJA
17.	3 MAC	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
18.	3 MAC	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
19.	3 MAC	AHAD	JELAJAH PANCING SIRI 2	DANAU KOTA
20.	10 MAC	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
21.	17 MAC	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
22.	17 MAC	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
23.	24 MAC	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
24.	24 MAC	AHAD	JELAJAH PANCING SIRI 3	TAMAN TASIK METROPOLITAN KEPONG
25.	31 MAC	AHAD	KONSERT EVOLUSI 37	PANGGUNG ANNIVERSERI
26.	31 MAC	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
27.	6 APR	SABTU	KUALA LUMPUR STREET JAM	JALAN RAJA
28.	7 APR	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
29.	7 APR	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
30.	13 APR	SABTU	HIBURAN RAKYAT	MEDAN PASAR
31.	14 APR	SABTU	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
32.	14 APR	SABTU	JELAJAH PANCING SIRI 4	
33.	20 APR	SABTU	KUALA LUMPUR CULTURAL NITEZ	JALAN RAJA
34.	21 APR	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
35.	21 APR	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
36.	21 APR	AHAD	KUALA LUMPUR INTERNATIONAL TOWERTHON	KUALA LUMPUR TOWER
37.	27 APR	SABTU	KUALA LUMPUR RHYTHM NITEZ SIRI 1: KONSERT NUR RAMADAN	PANGGUNG ANNIVERSARI
38.	28 APR	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
39.	13 & 14 APR	SABTU & AHAD	KINIK SUKAN - PETANQUE	ARENA PETANQUE
40.	1 MEI	RABU	HKUALA LUMPUR RUN	JALAN RAJA
41.	3 & 4 MEI	JUMAAT & SABTU	WORLD YOUTH JAZZ FESTIVAL	MEDAN PASAR
42.	5 MEI	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
43.	19 MEI	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
44.	25 MEI - 4 JUN		IFTAR / MALAM 7 LIKUR	JALAN RAJA
45.	2 JUN	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Tarikh Program	Hari	Acara	Tempat
46.	2 JUN	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
47.	15 JUN	SABTU	KUALA LUMPUR CULTURAL NITEZ	JALAN RAJA
48.	16 JUN	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
49.	16 JUN	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
50.	22 JUN	SABTU	KUALA LUMPUR CHILLAX	PANGGUNG ANNIVERSARI
51.	23 JUN	SABTU	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
52.	29 JUN	SABTU	HIBURAN RAKYAT	MEDAN PASAR
53.	30 JUN	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
54.	30 JUN	AHAD	LATIN AMERICAN FESTIVAL	PLAZA LOW YAT
55.	1 JULAI	ISNIN	KUALA LUMPUR AIDILFITRI CELEBRATION	FLAG POLE, DATARAN MERDEKA / MaTiC
56.	6 JULAI	SABTU	KUALA LUMPUR STREET JAM	JALAN RAJA
57.	7 JULAI	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
58.	7 JULAI	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
59.	8 & 9 JULAI	ISNIN - SELASA	BENGKEL PEMANTAPAN KUALA LUMPUR STREET ARTIST SIRI 1	PT 80
60.	13 JULAI	SABTU	KUALA LUMPUR RHYTHM NITEZ SIRI 2: ROCKESTRA	PANGGUNG ANNIVERSARI
61.	13 JULAI	SABTU	HIBURAN RAKYAT	MEDAN PASAR
62.	13 -15 JULAI	SABTU - ISNIN	KUALA LUMPUR PERAGA DEWANGGA (BUSANA)	SUNWAY VELOCITY
63.	14 JULAI	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
64.	14 JULAI	AHAD	JELAJAH PANCING SIRI 5	
65.	20 JULAI	SABTU	KUALA LUMPUR CULTURAL NITEZ	JALAN RAJA
66.	21 JULAI	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
67.	21 JULAI	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
68.	27 JULAI	SABTU	KUALA LUMPUR CHILLAX	PANGGUNG ANNIVERSARI
69.	28 JULAI	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
70.	4 OGOS	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
71.	4 OGOS	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
72.	3 & 4 OGOS	SABTU & AHAD	KUALA LUMPUR INTERNATIONAL YOUTH MARCHING BAND COMPETITION (KUALA LUMPURIYMB) 2019	STADIUM HOKI
73.	11 OGOS	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
74.	17 OGOS	SABTU	FESTIVAL SAMARAH KUALA LUMPUR 2019	BUKIT BINTANG, KUALA LUMPUR
75.	17 OGOS	SABTU	KUALA LUMPUR CULTURAL NITEZ	JALAN RAJA
76.	17 OGOS	SABTU	KUALA LUMPUR STAR - FINAL	AUDITORIUM DI KUALA LUMPUR
77.	18 OGOS	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
78.	18 OGOS	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
79.	24 OGOS	SABTU	KUALA LUMPUR CHILLAX	PANGGUNG ANNIVERSARI
80.	25 OGOS	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
81.	25 OGOS	AHAD	JELAJAH PANCING SIRI 6	TAMAN TASIK TITIWANGSA
82.	30 OGOS	JUMAAT	KONSERT AMBANG MERDEKA @ KUALA LUMPUR	DATARAN MERDEKA / JALAN RAJA
83.	SEPT - NOV	SABTU, AHAD	JOM BELAJAR RENANG	STADIUM RENANG DI KUALA LUMPUR CHERAS
84.	1 SEPT	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Tarikh Program	Hari	Acara	Tempat
85.	1 SEPT	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
86.	1 – 30 SEPT		KUALA LUMPUR DIVERSCITY	SEKITAR KUALA LUMPUR
87.	7 SEPT	SABTU	KUALA LUMPUR STREET JAM	JALAN RAJA
88.	8 SEPT	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
89.	9 SEPT	ISNIN	JELAJAH PANCING SIRI 7	TASIK AMPANG HILIR
90.	14 SEPT	SABTU	HIBURAN RAKYAT	MEDAN PASAR
91.	15 SEPT	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
92.	15 SEPT	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
93.	21 SEPT	SABTU	KUALA LUMPUR CULTURAL NITEZ	JALAN RAJA
94.	22 SEPT	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
95.	21 & 22 SEPT	SABTU – AHAD	JANGKAUN SENI BUDAYA: FESTIVAL PERMAINAN TRADISIONAL MALAYSIA	DATARAN MERDEKA
96.	28 SEPT	SABTU	KUALA LUMPUR CHILLAX	PANGGUNG ANNIVERSARI
97.	28 - 29 SEPT	SABTU - AHAD	KUALA LUMPUR MARATHON	DATARAN MERDEKA
98.	29 SEPT	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
99.	1 – 31 OKT		KUL DESIGN MONTH	SEKITAR KUALA LUMPUR
100.	5 OKT	SABTU	KUALA LUMPUR STREET JAM	JALAN RAJA
101.	6 OKT	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
102.	6 OKT	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
103.	12 OKT	SABTU	HIBURAN RAKYAT	MEDAN PASAR
104.	12 OKT	SABTU	HARI SUKAN NEGARA	JALAN RAJA
105.	13 OKT	AHAD	FESTIVAL GEMA QASIDAH TERBUKA KUALA LUMPUR 2019	AUDITORIUM DI KUALA LUMPUR
106.	13 OKT	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
107.	6-19 OKT	SABTU	FESTIVAL TARI ANTARABANGSA ASWARA/DI KUALA LUMPUR	PANGGUNG ANNIVERSARI
108.	19 OKT	SABTU	KUALA LUMPUR CULTURAL NITEZ	JALAN RAJA
109.	20 OKT	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
110.	20 OKT	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
111.	26 OKT	SABTU	KONSERT SANTA I	PANGGUNG ANNIVERSARI
112.	26 OKT	SABTU	KUALA LUMPUR RHYTHM NITEZ SIRI 4: KONSERT DANGDUT ASIA	DATARAN MERDEKA
113.	27 OKT	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
114.	27 OKT	AHAD	JELAJAH PANCING SIRI 8	DANAU KOTA
115.	TBA		KUALA LUMPUR ORCHID AND BONSAI SHOW	TAMAN PUDU ULU
116.	31 OKT	KHAMIS	KUALA LUMPUR DEEPAVALI CELEBRATION	DATARAN MERDEKA
117.	1 – 23 NOV		URBANSAPES	SEKITAR KUALA LUMPUR
118.	2 NOV	SABTU	KUALA LUMPUR STREET JAM	JALAN RAJA
119.	2 NOV	SABTU	FESTIVAL CILIK	JALAN RAJA
120.	2 NOV	SABTU	KUALA LUMPUR FABULOUS FOOD HUNT	DATARAN DI KUALA LUMPUR
121.	3 NOV	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
122.	3 NOV	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Tarikh Program	Hari	Acara	Tempat
123.	9 NOV	SABTU	HIBURAN RAKYAT	MEDAN PASAR
124.	10 NOV	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
125.	16 NOV	SABTU	KUALA LUMPUR CULTURAL NITEZ	JALAN RAJA
126.	17 NOV	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
127.	17 NOV	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
128.	17 NOV	AHAD	JELAJAH PANCING SIRI 9	TAMAN METROPOLITAN KEPONG
129.	23 NOV	SABTU	KUALA LUMPUR RHYTHM NITEZ SIRI 5: RETRO	PANGGUNG ANNIVERSARI
130.	24 NOV	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
131.	24 NOV	AHAD	OCBC CYCLE	DATARAN MERDEKA
132.	25 – 29 NOV	ISNIN - JUMAAT	KLINIK FUTSAL & BADMINTON REMAJA DI KUALA LUMPUR	UTC SENTUL / STADIUM TITIWANGSA
133.	1 DIS	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
134.	1 DIS	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
135.	6 & 7 DISEMBER 2019	JUMAAT - SABTU	KONSERT TRIBUTE SANG GENDANG DALAM KENANGAN - TANDA KASIH DAN HORMAT	PANGGUNG ANNIVERSARI
136.	7 DIS	SABTU	KUALA LUMPUR STREET JAM	JALAN RAJA
137.	8 DIS	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
138.	14 DIS	SABTU	PROGRAM KUALA LUMPUR INTERNATIONAL URBAN YOUTH FESTIVAL: YOUTH'S EXPRESSION PLATFORM	MEDAN PASAR
139.	15 DIS	AHAD	KUALA LUMPUR CAR FREE MORNING	DATARAN DI KUALA LUMPUR
140.	15 DIS	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
141.	15 DIS	AHAD	JELAJAH PANCING SIRI 10	TASIK AMPANG HILIR
142.	16 – 20 DIS	ISNIN – JUMAAT	BENGKEL ASAS TARI & MUZIK	STUDIO TARI
143.	21 DIS	SABTU	KUALA LUMPUR CULTURAL NITEZ	JALAN RAJA
144.	22 DIS	AHAD	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
145.	28 DIS	AHAD	KUALA LUMPUR CHILLAX	PANGGUNG ANNIVERSARI
146.	29 DIS	ISNIN	SENAMSIHAT	TAMAN-TAMAN DI KUALA LUMPUR
147.	31 DIS	SELASA	KONSERT AMBANG TAHUN BARU – DI KUALA LUMPUR DAN AMBANK	JALAN RAJA, DATARAN MERDEKA

Jumlah Keseluruhan Program : 147

Jadual 9 : Jadual Program / Aktiviti / Acara Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan Dan Sukan Yang Telah Dilaksanakan Bermula Januari Hingga Disember 2019

9.0 GAMBAR PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

Berikut adalah sebahagian gambar-gambar program yang telah dilaksanakan pada tahun 2019.



Gambar 1 : Program Car Free Morning
Dataran Kuala Lumpur
Diadakan Pada Setiap Hari Ahad Minggu Pertama Dan Ketiga



Gambar 2 : Senamsihat
Taman-Taman Sekitar Kuala Lumpur
Diadakan Pada Setiap Hari Ahad



Gambar 3 : Kuala Lumpur New Year Run
Jalan Raja
1 Januari 2019

Gambar 4 : Kuala Lumpur Street Jam
Jalan Raja
6 April 2019



Gambar 5 : Kuala Lumpur Cultural Nite
Jalan Raja
20 April 2019



Gambar 6 : Kuala Lumpur International Towerthon
Kuala Lumpur Tower
21 April 2019



Gambar 7 : Klinik Sukan Kuala Lumpur - Petanque
Arena Pentanque
13 & 14 April 2019



Gambar 8 : Bengkel Pemantapan Kuala Lumpur Street Artist
PT 80
17 & 18 Jun 2019





Gambar 9 : Hiburan Rakyat
Medan Pasar
29 Jun 2019



Gambar 10 : Konsert Ambang Merdeka
Dataran Merdeka
30 Ogos 2019



Gambar 11 : Jelajah Pancing
Tasik Ampang Hilir
9 September 2019



Gambar 12 : Festival Permainan Tradisional Malaysia
Dataran Merdeka
21 & 22 September 2019



Gambar 13 : Gema Qasidah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Auditorium Kuala Lumpur
13 Oktober 2019



Gambar 14 : Festival Tari Antarabangsa Aswara /
Kuala Lumpur, Panggung Anniversari
19 Oktober 2019

Gambar 15 : Konsert Chillax
Panggung Anniversari
26 Oktober 2019



Gambar 16 : Kuala Lumpur Deepavali Celebration, Dataran Kuala Lumpur
31 Oktober 2019



Gambar 17 : Kuala Lumpur Fabulous Food Hunt
Dataran Kuala Lumpur
2 November 2019



Gambar 18 : Jom Belajar Renang
Kompleks Renang Cheras
September - November 2019



Gambar 19 : Kuala Lumpur International Urban Youth Festival
Medan Pasar
14 Disember 2019



SEKTOR
PENGURUSAN
PROJEK

>>> www.dbkl.gov.my <<<



Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan

272

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) telah ditubuhkan pada 1976 dengan nama pertamanya, Jabatan Pelaksanaan Projek Khas. Jabatan ini memainkan peranan penting dalam projek-projek pembangunan kemudahan awam di sekitar Kuala Lumpur. Di antara projek-projek terawal jabatan ini adalah membangunkan Perumahan Awam (PA) di kawasan Cheras, Lembah Pantai, Gombak, Sentul, Setapak Jaya dan Pusat Bandar.
- 1.2 Penyusunan semula organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari tahun 1989 sehingga 2005 telah menjadikan nama jabatan ini ditukar kepada Jabatan Arkitek dan Projek Khas (JAPK) selaras dengan skop jabatan yang mengintegrasikan disiplin senibina, ukur tanah, kejuruteraan awam, kejuruteraan struktur dan kejuruteraan elektrik dalam melaksanakan projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan bangunan. Pada tahun 2005, nama jabatan ditukar kepada Jabatan Arkitek (JA).
- 1.3 Pada tahun 2011, penyusunan semula organisasi DBKL telah dilakukan dengan penggabungan Bahagian Penyelenggaraan Perumahan Awam dan nama jabatan telah dinamakan Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Perumahan Awam (JPPPA). Selanjutnya pada tahun 2012, bahagian tersebut telah dipindahkan untuk bergabung kembali ke Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti (JPPPK). Ini menjadikan jabatan ini telah ditukar namanya menjadi Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) dan nama ini kekal sehingga kini.
- 1.4 Selain keterlibatan dalam melaksanakan projek-projek DBKL, jabatan ini juga turut terlibat dengan projek-projek di bawah Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Antaranya adalah Projek Perumahan Rakyat (PPR), Kompleks Sukan dan Stadium, Pusat Komuniti dan Dewan Serbaguna, Kompleks Penjaja, Pasar, Surau, Masjid (dibawah JAWI), Tanah Perkuburan, Kemudahan Sukan dan Rekreasi, Padang, Gelanggang, Perpustakaan, Taman Permainan Kanak-Kanak dan pelbagai lagi projek. Jabatan ini juga bertanggungjawab menyelenggara bangunan-bangunan serta kemudahan awam milik DBKL.

2.0 FUNGSI

Fungsi utama JPPPB adalah mereka bentuk serta melaksana projek pembangunan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bertanggungjawab menyelenggara bangunan-bangunan serta kemudahan awam milik DBKL. Bagi memastikan setiap fungsi ini dilaksanakan dengan lebih efisien, sistematik dan profesional, pelaksanaan fungsi ini telah dipecahkan kepada tiga (3) bahagian utama iaitu;

2.1 Bahagian Reka bentuk, Dokumentasi Tender dan Pentadbiran

Bahagian ini bertanggungjawab dalam perancangan, reka bentuk projek, penyediaan dokumentasi tender dan pengurusan perunding.

2.2 Bahagian Pengurusan Projek Bangunan

Bahagian ini bertanggungjawab dalam pentadbiran kontrak, penyeliaan pembinaan, pembayaran tuntutan projek dan pengurusan pasca pembinaan.

2.3 Bahagian Penyelenggaraan Bangunan

Bahagian ini bertanggungjawab dalam segala perihal berkaitan penyelenggaraan bangunan, kawasan ruang awam serta pelaksanaan projek dibawah Tabung Penyelenggaraan 1Wilayah (TP-1W).

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Memastikan perancangan dan reka bentuk projek-projek bangunan dan kemudahan awam dilaksanakan mengikut amalan profesional dan kehendak klien serta mematuhi undang-undang pihak berkuasa yang meluluskan.
- 3.2 Memastikan pelaksanaan projek-projek bangunan dan kemudahan awam dijalankan dengan efisien, sistematik dan profesional.
- 3.3 Memastikan hasrat kerajaan dan DBKL dengan menanam budaya sayang kepada harta dan kemudahan awam bagi mengekalkan bandar raya yang cantik, bersih dan selesa kepada kakitangan dan warga kota melalui penyelenggaraan yang sistematik dan berterusan melalui program dan naiktaraf kawasan awam.

4.0 JUMLAH PEGAWAI DAN KAKITANGAN

- 4.1 Dengan kekuatan seramai 255 kakitangan, jabatan ini dianggotai oleh pelbagai golongan profesional dan sokongan dari pelbagai disiplin dalam memastikan visi dan misi jabatan ini tercapai.
- 4.2 Pembahagian pegawai dan kakitangan adalah seperti berikut;
 - I. Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred Utama : 1 orang
 - II. Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41-54): 52 orang
 - III. Kakitangan Sokongan 1 (Gred 17-40) : 186 orang
 - IV. Kakitangan Sokongan 2 (Gred 1-16) : 16 orang

5.0 BAJET

5.1 Perbelanjaan Pembangunan

- 5.1.1 Daripada jumlah RM 671,377,300 yang diperuntukkan, jabatan telah membelanjakan sebanyak RM658,250,287 dengan peratusan pencapaian sebanyak 98 % di bawah peruntukan pembangunan 2019.
- 5.1.2 Daripada perbelanjaan tersebut, sebanyak RM 658,250,287 (98 %), telah dibelanjakan untuk projek

Perkara	Tahun 2019 (RM)	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	671,377,300	98.0
Perbelanjaan	658,250,287	

Jadual 1 : Perbelanjaan Pembangunan

5.2 Perbelanjaan Mengurus

- 5.2.1 Dalam Bajet Mengurus 2019, jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM 34,357,100. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 25,206,399 adalah untuk belanja operasi penyelenggaraan dan RM 9,150,701 untuk belanja mengurus pentadbiran. Sebanyak RM 34,346,932 telah dibelanjakan dengan pencapaian 99.3 % perbelanjaan.
- 5.2.2 Perbelanjaan operasi penyelenggaraan bangunan-bangunan milik DBKL adalah untuk kerja awam, elektrik dan mekanikal.

Perkara	Tahun 2019 (RM)	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	34,357,100	99.3
Perbelanjaan	34,346,932	

Jadual 2 : Perbelanjaan Mengurus


6.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

6.1 Pengurusan Projek

6.1.1 Projek Siap

Dalam Bajet Pembangunan DBKL 2019, JPPPB telah diperuntukkan sebanyak RM 658,147,209 bagi membiayai projek-projek yang telah disiapkan. Pecahan peruntukan bagi Projek Siap mengikut sumber pembiayaan adalah seperti di Carta 1 di sebelah.

PECAHAN PERUNTUKAN BAGI PROJEK SIAP MENGIKUT SUMBER PEMBIAYAAN 2019



Carta 1 : Pecahan Peruntukan Bagi Projek Siap Mengikut Sumber Pembiayaan Bagi Tahun 2019

i. Pengindahan Taman Tasik Titiwangsa



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Projek River of Life (Fasa 2): Cadangan Kerja-Kerja Penambahbaikan Dan Pengindahan Kawasan Di Taman Titiwangsa (Pakej 2) Di Mukim Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Untuk Tetuan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Kontraktor	Ekoriver Construction Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	05 Julai 2018
Tarikh Siap	11 Mac 2019
Kos Projek	RM 99,888,888.00

Jadual 3 : Maklumat Projek

ii. Projek Naiktaraf Perpustakaan Kuala Lumpur & Perpustakaan Kanak-Kanak



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Naiktaraf Perpustakaan Kuala Lumpur & Perpustakaan Kanak-Kanak
Kontraktor	Sinar Teknik Urus Harta Sdn Bhd (500575-A)
Tarikh Mula	05 Februari 2018
Tarikh Siap	30 April 2019
Kos Projek	RM 33,000,000.00

Jadual 4 : Maklumat Projek

iii. Projek Perumahan Bandar



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Cadangan Ubahsuai 2 Bangunan Komersial 9 Tingkat Dengan 1 Tingkat Bawah Tanah Di Atas Lot 36, 37, 38 & 39, Seksyen 34, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur
Kontraktor	Pembinaan Bumiasia Sdn. Bhd.
Tarikh Mula	14 Februari 2019
Tarikh Siap	31 Julai 2020
Kos Projek	RM 15,000,000.00

Jadual 5: Maklumat Projek

iv. Pusat Pembelajaran Komuniti di Lot 318 dan 319 (Fasa 1)



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Cadangan Meminda Ruang Dalam Tingkat Bawah Pusat Gelandangan Di Chow Kit, Kuala Lumpur Kepada Ruang Pusat Pembelajaran Komuniti
Kontraktor	Tetuan Pembinaan Bumiasia Sdn Bhd Tetuan Juara Cahaya Sdn Bhd Tetuan Persada MBE Sdn Bhd
Tarikh Mula	24 Januari 2019
Tarikh Siap	15 Mac 2019
Kos Projek	RM 349,827.99

Jadual 6 : Maklumat Projek

v. Pusat Pembelajaran Komuniti di Lot 318 dan 319 (Fasa 2)



MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Cadangan Ubahsuai Aras Satu Pusat Pembelajaran Komuniti Di Lot 318 dan 319, Seksyen 46, Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur (Fasa 1)
Kontraktor	Tetuan Chengal Jaya Sdn Bhd
Tarikh Mula	31 Julai 2019
Tarikh Siap	30 Ogos 2019
Kos Projek	RM 161,660.58

Jadual 7 : Maklumat Projek

vi. Projek Naiktaraf Rumah GAPENA




MAKLUMAT PROJEK

Tajuk	Naiktaraf Rumah GAPENA di Jalan Belfield
Kontraktor	KH Persada Sdn Bhd
Tarikh Mula	28 Disember 2017
Tarikh Siap	05 Julai 2019
Kos Projek	RM 2,500,000.00

Jadual 8 : Maklumat Projek

6.1.2 Projek Dalam Pelaksanaan

Dalam Bajet Pembangunan 2019, JPPPB diperuntukkan sebanyak RM 618,579,000 bagi membiayai projek-projek yang sedang dalam pembinaan. Pecahan peruntukkan bagi projek dalam pembinaan adalah seperti di Carta 2 manakala Jadual 1 menunjukkan sebahagian projek yang di dalam pembinaan adalah seperti berikut;



Carta 2 : Pecahan Peruntukkan Bagi Projek Dalam Pelaksanaan Mengikut Jenis Pembangunan

Bil	Nama Projek	Kos Projek (RM)
1.	Naiktaraf, Ubahsuai Dan Baik Pulih Laluan Masuk Menara DBKL 3	5,000,000
2.	Modenisation Sembilan Unit Lif Di Menara DBKL 3	4,900,000
3.	Naiktaraf Bangunan Baru Pasukan Pancaragam	350,000
4.	Membina Tempat Letak Kereta Bertingkat Keramat Mall	13,700,000
5.	Membina Tempat Letak Kereta Dan Pusat Penjaja Pekan Sg. Besi	18,522,507
6.	Pemindahan Dan Pembinaan Pejabat Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar, DBKL	45,000,000
7.	Membina Tempat Letak Kereta PA Desa Rejang	35,200,000
8.	Membina Tempat Letak Kereta PA Sri Kota	42,000,000
9.	Membina Tempat Letak Kereta PA Sri Sabah	20,000,000
10.	Membina Tempat Letak Kereta PPR Air Panas Setapak	26,200,000

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Nama Projek	Kos Projek (RM)
11.	Membina Tempat Letak Kereta PPR Desa Petaling	13,500,000
12.	Membina Tempat Letak Kereta PPR Desa Tun Razak	55,650,000
13.	Membina Tempat Letak Kereta PPR Hiliran Ampang	32,110,000
14.	Membina Tempat Letak Kereta PPR Kepong	24,790,000
15.	Membina Tempat Letak Kereta PPR Raya Permai	51,900,000
16.	Membina Tempat Letak Kereta PPR Sri Pantai	18,000,000
17.	Membina Tempat Letak Kereta PPR Taman Mulia	26,900,000
18.	Membina Tempat Letak Kereta PPR Beringin	22,000,000
19.	Membina Tempat Letak Kereta PPR Jelatek	32,000,000
20.	Pembangunan Perumahan Awam 'Council Home' Kg Sungai Udang, Segambut	345,000,000
21.	Kerja-Kerja Quickwin, Naiktaraf Dan Pengindahan Di Bawah Presint-Presint UDG	137,400,000
22.	Naiktaraf Perpustakaan DBKL di Sekitar Kuala Lumpur	40,000,000
23.	Pemindahan Depoh Kenderaan JKME Dan Unit Sitaan JPK Ke MRR2 Kepong	45,000,000
24.	Naiktaraf Bangunan Dan Pejabat Jabatan Penguatkuasaan	2,550,000
25.	Naiktaraf Bangunan Dan Unit-Unit Jabatan Penguatkuasaan	9,390,000
26.	Naiktaraf Unit Berkuda Di Taman Tasik Titiwangsa	950,000
27.	Ubahsuai Stor Jabatan Kawalan Bangunan	100,000
28.	Membina Flying Squad Pejabat Cawangan Lembah Pantai	2,000,000
29.	Ubahsuai Bangunan Komersil 9, Jalan TAR	15,000,000
30.	Pembangunan Galeri Masjid Jamek	250,000

Jadual 9 : Sebahagian Projek Dalam Pelaksanaan Di Bawah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan Pada Tahun 2019

6.2 Projek Peringkat Perancangan, Reka bentuk Dan Penyelenggaraan

6.2.1 Perancangan dan Reka bentuk

Dalam Bajet Pembangunan DBKL 2019, JPPPB telah diperuntukkan sebanyak RM 11,330,200 bagi membiayai bayaran perunding dan kajian di peringkat tender, dokumentasi, reka bentuk dan perancangan. Pecahan peruntukan bagi projek peringkat tender, dokumentasi, reka bentuk dan perancangan adalah seperti di Jadual 10 berikut;

Bil	Nama Projek	Kos Projek (RM)
1.	Membina Pos Kawalan Penguatkuasaan di Jalan Tun Tan Siew Sin / Lebu Pudu	100,000
2.	Membina Pos Kawalan Penguatkuasaan di Jalan Bukit Bintang	100,000
3.	Membina Pos Kawalan Penguatkuasaan di Jalan Tun Sambanthan / Brickfields (Pindah Pasar Harian Selayang)	100,000
4.	Naiktaraf Jalan Raja Muda Musa/ Jalan Raja Alang	7,000,000
5.	Galeri Awam Kuala Lumpur, Medan Pasar	11,400,000
6.	Cadangan Menaiktaraf, Memulihara & Menyelenggara Bangunan Warisan di Jalan Raja, KL	120,000,000
7.	Cadangan Naiktaraf Premis Luar Datuk Bandar	10,000,000

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil	Nama Projek	Kos Projek (RM)
8.	Penyelenggaraan CDC (Countdown Clock) Seksyen Elektronik/ Elektrik/ Mekanikal/ Awam	700,000
9.	Cadangan Membaikpulihan & Menaiktaraf Dewan Masyarakat di Zon-Zon Parlimen WPKL	10,000,000
10.	Cadangan Menaiktaraf di Unit Pokok Rendang, Taman Botani KL	400,000
11.	Naiktaraf Stor Penyelenggaraan Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar di Sekitar KL	1,500,000
12.	Cadangan Kerja-Kerja Operasi & Penyelenggaraan Skrin Layar Merdeka di Dataran Merdeka Kuala Lumpur	11,257,500
13.	Cadangan Menambahbaik Reka bentuk Gerbang Sediada di Jalan Raja Laut	500,000
14.	Naiktaraf Sistem Penggera Kebakaran di Menara DBKL 2	900,000
15.	Cadangan Pembangunan Lot 117,118 Dan 119 di Lorong Bandar 22	6,000,000
16.	Cadangan Pembangunan di Pasir Panjang, Port Dickson	40,000,000
17.	Penggantian dan Naiktaraf Peralatan Penambahan Peralatan Audio Visual, Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan ICT untuk Bilik Mesyuarat Bangunan DBKL 1	2,000,000
18.	Penggantian dan Naiktaraf Peralatan dan Perkakasan Bangunan untuk Kerja -Kerja Awam Menara DBKL 1 & 3	3,000,000
19.	Penggantian dan Naiktaraf Peralatan Ducting Penghawa Dingin Menara DBKL 1	3,000,000
20.	Penggantian dan Naiktaraf Peralatan Elektrik Suis Gear HT Room dan Naiktaraf Pendawaian Elektrik Menara DBKL 1	8,000,000
21.	Ubahsuai Sub-Stor Batu Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar	300,000
22.	Naiktaraf Sistem Lif No. 1 & 2 Menara DBKL 1	5,000,000
23.	Membina Pusat Penjaja Jalan Lengkuas	8,300,000
24.	Ubahsuai Bangunan untuk Pusat Gelandangan di Chow Kit	205,000,000
25.	Pemindahan dan Pembinaan Pejabat Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal	600,000
26.	Membina Stor dan Kemudahan Pekerja Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak	5,000,000
27.	Pembangunan Semula Dewan Serbaguna Kepada Pusat Komuniti	1,500,000
28.	Pembinaan Perpustakaan Cawangan di PPR Pudu Ulu	500,000
29.	Naiktaraf LED Display Board System di Stadium Titiwangsa	3,000,000
30.	Ubahsuai Corporate Office Taman Botani Perdana	2,000,000
31.	Membina Dewan Tarian Panggung Anniversary	2,000,000
32.	Cadangan Pembangunan Pasar & Pusat Penjaja Taman Melati, Wangsa Maju	5,000,000
33.	Naiktaraf Dewan Masyarakat Sri Sentosa, Taman Sri Sentosa, Jalan Kelang Lama	500,000
34.	Pembangunan Semula Pasar Borong Kuala Lumpur	30,000,000
35.	Naiktaraf Sebahagian Bangunan Penjaja Kg Attap untuk Pejabat Unit Muzik	6,500,000
36.	Pejabat Cawangan Kepong	500,000
37.	Naiktaraf Rumah Rehat DBKL (Fasa 2) di Tanah Rata, Cameron Highland, Pahang	450,000

Jadual 10 : Senarai Projek Dalam Peringkat Perancangan, Reka Bentuk Dan Tender Di Bawah Jabatan Pelaksanaan Projek Dan Penyelenggaraan Bangunan Pada Tahun 2019

6.2.2 Tabung Penyelenggaran 1 Wilayah (TP1W)

Sebanyak 34 blok perumahan kos rendah dan sederhana sekitar Kuala Lumpur telah diselenggara yang merangkumi kerja-kerja mengecat semula, penggantian bumbung dan pelbagai kerja-kerja penyelenggaraan di bawah Tabung Penyelenggaraan 1 Wilayah. Jabatan telah berjaya membelanjakan RM 41,748,542 dari peruntukan asal sebanyak RM 36,000,000.

6.3 Aktiviti Jabatan

6.3.1 Bulan Reka bentuk Kuala Lumpur (KULDesign)

JPPPB telah melaksanakan program yang melibatkan agensi dan organisasi di dalam industri reka bentuk khususnya berkaitan senibina, perancangan, kejuruteraan, landskap, reka bentuk dalam, senireka dan pelbagai bidang lain berkaitan.

Pelbagai aktiviti diadakan selama sepanjang bulan Oktober 2019 dengan kerjasama agensi dan organisasi seperti;

- | | |
|--|---|
| 1. Majlis Reka bentuk Malaysia (MRM) | 2. Malaysian Timber Industry Board (MTIB) |
| 3. Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) | 4. ArcRadius Consulting Sdn. Bhd. |
| 5. Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) | 6. My Performing Arts Agency (MyPAA) |
| 7. Pertubuhan Pereka bentuk Dalaman Malaysia (MIID) | 8. Nusantara Academy of Development, Geocultures & Ethnolinguistics |
| 9. Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) | 10. Akademi Seni Tradisional Warisan Melayu |
| 11. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) | 12. Dwen Raha Kuala Lumpur |
| 13. Universiti Malaya (UM) | 14. Persatuan Rekreasi Nasional Malaysia (PRIMA) |
| 15. Universiti Teknologi Mara (UiTM) | 16. Studio Azreen |
| 17. German-Malaysian Institute (GMI) | 18. KNz Gambografi |
| 19. Malaysian Italy Design Institute (MIDI) | 20. Nikon (Malaysia) |
| 21. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHOM) | 22. Persatuan Penggiat Komik Malaysia (PeKOMIK) |
| 23. Universiti Putra Malaysia (UPM) | 24. Persatuan Animasi Malaysia (Animas) |
| 25. Think City Sdn. Bhd. | 26. Badan Kebajikan Kakitangan Melayu DBKL |
| 27. Wood Industry Skills Development Centre (WISDEC) | 28. Jotun Paint Malaysia |



Imej 1 : Bulan Reka bentuk Kuala Lumpur (KULDesign)

Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan Kerja Awam telah digabungkan dengan Jabatan Saliran dan Pengurusan Sungai semasa penstrukturan semula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Julai 2011 dan dikenali dengan nama Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS). Penstrukturan baharu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1 Ogos 2015 telah menggabungkan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran dengan Jabatan Pengangkutan Bandar. Jabatan baharu ini dinamakan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB).

Berkuatkuasa pada 3 September 2019 Pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan penyelarasan semula fungsi JKPB dengan penjenamaan semula JKPB kepada dua Jabatan iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran (JKAWS) dan Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB).

Jabatan ini bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi pengurusan, penyelenggaraan dan pembinaan projek infrastruktur jalan dan saliran meliputi jalan raya, jambatan, sungai, cerun, parit induk, tebatan banjir dan lain-lain fungsi yang berkaitan.

Ringkasan perjawatan bagi Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran adalah seperti di bawah.

Kategori	Jumlah
Jusa C	1
Kumpulan A	33
Kumpulan B	70
Kumpulan C	64
Kumpulan D dan IMG	310
JUMLAH	479

2.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

- 2.1 Menyelenggara rangkaian jalan awam, longkang tepi jalan, lorong belakang / sisi dan tembok penahan dalam rezab jalan.
- 2.2 Memproses permohonan permit korekan jalan oleh syarikat / agensi utiliti seperti TNB, Telekom, IWK dan Air Selangor.
- 2.3 Mengurus pembinaan projek jalan, jambatan, jejambat, terowong dan persimpangan bertingkat.
- 2.4 Melaksanakan kerja-kerja baik pulih cerun runtuh di rezab jalan dan kawasan cerun di bawah DBKL serta menyelenggara dan membaik pulih jambatan, jejambat dan terowong kenderaan.
- 2.5 Merancang, menguruskan dan melaksana projek-projek tebatan banjir, kerja-kerja menaiktaraf sistem perparitan, pembinaan kolam takungan banjir dan rumah pam kawalan banjir.
- 2.6 Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan estetik, kapasiti hidraulik parit utama untuk mengurangkan risiko banjir seperti pembersihan kelodak, semak samun, sampah, pembaikan parit induk, pembinaan kecil sistem saluran bandar.
- 2.7 Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi memelihara kebersihan, memelihara estetik, kapasiti hidraulik sungai untuk mengurangkan risiko banjir seperti pembaikan tebing, kutipan sampah dan pembersihan kelodak serta membersihkan kolam takungan banjir.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Bertanggungjawab bagi merancang, melaksana dan menyelenggara infrastruktur jalan raya di Bandaraya Kuala Lumpur pada tahap yang boleh diterima setimpal dengan sumber kewangan yang dibenarkan.
- 3.2 Menyediakan infrastruktur jalan raya yang baik dengan memasang lampu jalan di kawasan projek-projek baru bagi mencapai hasrat menjadikan Kuala Lumpur sebagai Taman Bandaraya Bercahaya dan juga meningkatkan imej Bandaraya di mata dunia.
- 3.3 Mengadakan satu sistem rangkaian perparitan induk yang sempurna bagi meminimakan risiko-risiko banjir.
- 3.4 Menyediakan satu sistem amaran banjir yang efektif, praktikal serta berkesan bagi meramalkan jangka masa kejadian banjir.

4.0 BAJET

Pencapaian perbelanjaan dalam bajet tahun 2019 bagi Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran adalah seperti dalam jadual di bawah.

4.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM 121,381,300.00	84.14%
Perbelanjaan	RM 102,134,087.28	

4.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Tahun 2019	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	RM 419,278,000.00	96.50%
Perbelanjaan	RM 404,620,328.49	

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN

5.1 Unit Penyelarasan dan Aduan Awam

	Keterangan	Kos (RM)
i.	Membaik pulih dan menurap semula jalan utama / protokol di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	16,097,534.48
ii.	Projek-projek menaiktaraf jalan-jalan dan pembinaan jalan di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	19,950,818.70
iii.	Mempertingkatkan jalan-jalan dalam kawasan taman-taman perumahan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur	25,898,052.62
iv.	Mempertingkatkan lorong-lorong sisi dan belakang di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2,039,373.79
v.	Penyelenggaraan jalan raya termasuk longkang	14,886,429.63
JUMLAH		80,583,320.79

5.1.1 Aktiviti Kerja Penyelenggaraan Jalan

- i. Membaik pulih dan menurap semula jalan utama / protokol di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



- ii. Mempertingkatkan jalan-jalan dalam kawasan taman-taman perumahan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Unit ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan kerja-kerja pembinaan infrastruktur dan menaikkan taraf jalan-jalan di kampung-kampung baru dan kampung-kampung tradisi.

Perbelanjaan keseluruhan adalah sebanyak **RM 414,463.72** seperti berikut:

	Keterangan	Kos (RM)
	Kampung Tradisi dan Kampung-Kampung Baru (New Village) Kuala Lumpur	414,463.72
JUMLAH		414,463.72

5.1.2 Aktiviti Pembinaan Infrastruktur Di Kawasan Kampung

i. Pembinaan infrastruktur di Kampung Tradisi



ii. Kampung Baru (New Village) : Kampung Baru Kuala Lumpur



5.1.3 Aktiviti Penyelenggaraan Longkang

i. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Siarkaki dan Longkang



5.2 Unit Reka bentuk Dan Pembinaan Jalan

5.2.1 Projek Pembinaan Jalan dan Jambatan

Sepanjang tahun 2019, projek pembinaan jalan dan jambatan telah melaksanakan pelbagai kategori projek seperti di jadual 1.

Sumber Pembiayaan	Bilangan Projek	Kos Projek (RM)
DBKL	9	268,800,000.00
DBKL dan Kerajaan Pusat	0	0.00
DBKL, TRXC & MOF	1	492,500,000.00
DBKL, UKAS dan Impian Ekspresi	1	211,517,465.57
JUMLAH KESELURUHAN	11	972,817,465.57

Jadual 1 : Bilangan Projek Berdasarkan Sumber Pembiayaan

5.2.2 Jumlah Projek Siap dan Projek Di Dalam Pelaksanaan

Kategori	Bilangan Projek Siap / Akhir	Kos Projek (RM)
Projek Siap	5	155,593,061.78
Projek Di Dalam Pelaksanaan	6	856,612,431.50
JUMLAH KESELURUHAN	11	1,012,205,493.28

Jadual 2 : Kategori Projek Siap Dan Nilai Keseluruhan Kontrak

- i. Cadangan menaiktaraf persimpangan Persiaran Mewah dari Jalan Lingkaran Tengah 2 dan persimpangan berdekatan di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur



- ii. Cadangan mempertingkatkan Jalan Segambut Dari Persimpangan Lebuhraya Sprint/Penchala Link hingga ke Lot 1887 dan Lot 53367 Kuala Lumpur



Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas

- iii. Membina Jalan Sambungan dari Jalan 3/144A ke Jalan 2/412A Taman Connought Cheras



Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas

5.3 Unit Permit Utiliti

i. Statistik Permohonan Permit Korekan Di Rizab Jalan

Merangkumi 5 kategori permohonan yang melibatkan kerja-kerja korekan di rizab jalan bagi pemasangan bekalan air, pemasangan dan rentangan bekalan elektrik, kerja-kerja sistem pembentungan, kerja-kerja telekomunikasi dan permohonan daripada pemaju, pihak swasta dan agensi kerajaan.

Jenis Kerja	Bulan												Jumlah
	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS	
KERJA PAIP AIR	5	3	3	8	7	5	4	10	5	4	2	8	64
KERJA LETRIK	6	7	8	8	9	1	7	20	9	11	13	21	120
PEMBETUNGAN	5	0	3	10	4	2	2	3	6	3	9	4	51
TELEKOMUNIKASI	3	17	12	34	27	13	25	7	12	10	17	17	194
KERJA SWASTA	11	7	8	13	10	8	7	15	5	12	14	7	117
JUMLAH	30	34	34	73	57	29	45	55	37	40	55	57	546

ii. Statistik jumlah panjang korekan serta jumlah wang dicagangkan untuk caj ganti rugi dan baik pulih oleh Syarikat Utiliti / Pemaju bagi keseluruhan seluruh jalan di Kuala Lumpur

Kategori	Jenis Korekan & Panjang Korekan (Meter)		Jumlah Wang Dicagangkan Untuk Caj Ganti rugi Dan Baikpulih Oleh Syarikat Utiliti / Pemaju Untuk Kerja Korekan Di Rizab Jalan (RM)
	Hdd / Pipe Jacking	Korekan Terbuka	
AIR	196	4,379	1,657,799.76
ELEKTRIK	11,464	28,591	11,249,890.00
PEMBETUNGAN	13,425	1,266	2,620,016.00
TELEKOMUNIKASI	18,884	1,874	2,145,755.00
SWASTA	7,197	2,053	2,135,676.40
JUMLAH	51,166 Meter	38,163 Meter	RM 19,809,137.16

5.3.1 Program Menaiktaraf *Man-Hole Cover Pre-Cast Slab* Di Atas Rezab Jalan Awam

Statistik jumlah bilangan menaiktaraf *manhole cover pre-cast slab* bagi keseluruhan jalan di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Syarikat Utiliti	Bilangan <i>Man-Hole Cover Pre-Cast Slab</i>
Tenaga Nasional Berhad	-
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	54
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	159
Telekom Malaysia Berhad	-
TT Dotcom Sdn. Bhd.	-
Celcom Networks Sdn. Bhd.	-
Maxis Berhad	-
Digi Telecommunications Sdn. Bhd.	-
Gas Malaysia Sdn. Bhd.	-
JUMLAH	213 UNIT



Jalan Ampang



Jalan Raja Chulan

5.4 Unit Cerun Dan Penyelenggaraan Jambatan

- i. Cadangan Menjalankan Kerja-kerja Pembaikan Tembok Penahan dan Sistem Perparitan Di Jalan Datuk Haji, Taman Tan Yew Lai, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Fasa 2)




5.4.1 Kerja-Kerja Expansion Joint Bagi Tahun 2019

- i. Kerja-Kerja *Expansion Joint* di Jalan Tun Razak (IJN)



- ii. Kerja-Kerja *Expansion Joint* di Jalan Kinabalu



- iii. Kerja-Kerja *Expansion Joint* di Lebuhraya Sultan Iskandar (Outbound)



5.5 Unit Tebatan Banjir Dan Projek

- i. Pembinaan *On Site Detention Pond (OSD)* untuk menampung kejadian banjir tempoh *Average Recurrence Interval (ARI)* 10 tahun. Pembinaan OSD ini dapat mengawal aliran air hujan di Sungai Anak Air Batu dan Sungai Pantai untuk mengurangkan kejadian banjir di sekitar pintu hadapan Universiti Malaya.





Semasa



Siap

ii. Pembinaan *On Site Detention Pond* dapat mengatasi masalah banjir yang kerap berlaku di Taman Sri Sentosa, Jalan Kelang Lama



Sebelum



Semasa



Siap



Siap

5.6 Unit Pengurusan Sungai

i. Pembersihan Di *Floating Boom* Di Kg. Pasir Segambut (Sg. Keroh)



Semasa



Siap

ii. Pembersihan Di Statik Skrin Berhampiran Jalan Udang Gantung 4 (Sg. Jerneh)



iii. Kerja-Kerja Pembersihan Kelodak Di Perangkap Kelodak Kolam Takungan Bukit Tunku



iv. Kerja-Kerja Memasang *Floating Boom* Baru Berhampiran Bulatan Kepong (Sg. Jinjang)



5.7 Unit Parit Induk

i. Kerja-Kerja Pengorekan Mendapan Kelodak Di Dalam Rezab Saliran Induk



ii. Kerja-Kerja Kecemasan / Segera



iii. Kerja-Kerja Pengorekan Kelodak *Underground Box Culvert*



5.7.1 Laporan Kejayaan

- i. Masalah banjir kilat di Jalan Syed Putra
 - a) Masalah banjir kilat sering berlaku semenjak 10 tahun yang lepas walaupun tindakan susulan telah diambil dari semasa ke semasa.
 - b) Unit Parit Induk telah mengambil tindakan jangka masa panjang dengan membaik pulih sistem saliran sedia ada di Jalan Syed Putra dan setakat ini tiada lagi banjir yang berlaku di kawasan tersebut.



- ii. Masalah banjir kilat di Tuanku Abdul Halim / Semantan
 - a) Banjir kilat yang besar telah berlaku pada 22 Oktober 2019 menyebabkan satu lorong tidak boleh dilalui kenderaan (kedua-dua arah).
 - b) Unit Parit Induk telah menjalankan pemeriksaan parit bawah tanah dan mendapati banyak sampah sarap, kelodak dan batang-batang pokok tersekat di sepanjang jajaran parit bawah tanah sehingga ke persimpangan Jalan Parlimen.
 - c) Kerja-kerja pembersihan segala kelodak telah dijalankan selama 3 minggu dan tiada lagi banjir yang berlaku sehingga kini.



Sebelum



Semasa



Selepas

6.0 MAKLUMAT KEJAYAAN PERINGKAT JABATAN

- 6.1 Kumpulan KIK Roadstar IV Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran telah memenangi tempat kedua (Kategori Teknikal) di dalam Konvensyen Inovatif dan Kreatif DBKL tahun 2019.



Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal

1.0 LATAR BELAKANG

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal adalah sebuah jabatan yang berorientasikan perkhidmatan dan pembangunan dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Fungsi utama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal ialah merancang, mengurus dan menyenggara semua sistem peralatan mekanikal dan elektrikal DBKL yang melibatkan 24 buah jabatan.

Dalam melaksana dan mencapai objektif jabatan, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal mempunyai seramai 495 orang pegawai dan kakitangan yang diketuai oleh Pengarah Jusa C, dibantu oleh Timbalan Pengarah Kanan Gred J54, dua (2) orang Timbalan Pengarah Gred J52 dan enam (6) orang Timbalan Pengarah Gred J48. Jabatan ini dibahagikan kepada 6 bahagian iaitu Bahagian Elektrikal (terdiri dari Unit Lampu Jalan, Unit Projek Elektrikal 1 dan Unit Projek Elektrikal 2), Bahagian Projek Mekanikal (PM), Bahagian Senggaraan Kemudahan Mekanikal (SKM), Bahagian Pengangkutan, Bahagian Bengkel, Bahagian Stor dan Bahagian Pentadbiran. Bahagian Pentadbiran (Pentadbiran dan Kewangan) diletakkan terus dibawah Timbalan Pengarah Kanan.

2.0 FUNGSI

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan berbentuk merancang, mereka bentuk, memperolehi, mengurus dan menyenggara pelbagai kemudahan peralatan mekanikal dan elektrikal, logistik dan juga pembekalan.

3.0 OBJEKTIF

Menyedia dan menyenggara sistem serta peralatan mekanikal dan elektrikal yang diperlukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam urusan Kuala Lumpur menuju ke sebuah Bandaraya yang bertaraf dunia dengan memupuk budaya kerja yang efisien dan efektif dengan merancang, mereka bentuk, melaksana, mengoperasi dan menyenggara perkhidmatan kejuruteraan mekanikal dan elektrikal.

4.0 BAJET JABATAN

4.1 Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2019 jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM156,864,600.00. Daripada peruntukan tersebut sebanyak RM146,126,931.64 iaitu 93.15% telah dibelanjakan.

4.2 Perbelanjaan Pembangunan

Pada tahun 2019 jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM7,719,100.00 bagi projek pembangunan. Daripada peruntukan tersebut sebanyak RM7,576,082.23 iaitu 98.15% telah dibelanjakan.

Sebanyak RM7,760,200.00 telah diperuntukkan bagi perbelanjaan Aset Harta Modal pada tahun 2019. Daripada peruntukan tersebut sebanyak RM7,687,153.62 iaitu 99.06% telah dibelanjakan.

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

5.1 Senggaraan Kemudahan Mekanikal

Jabatan bertanggungjawab menyelenggara sejumlah 128 kawasan meliputi sistem mekanikal dan elektrik dan akan bertambah dari semasa ke semasa seperti loji rawatan sisa air pasar, terowong, air pancut daripada Projek River Of Life (ROL), eskalator dan lain-lain yang pada masa kini masih dalam projek pembangunan serta proses penyerahan. Sistem yang ada melibatkan hampir 1,000 peralatan secara individu perlu disenggara dengan sasaran kerosakan bulanan kurang dari 7%. Bagi stesen-stesen kritikal (Rumah Pam Kawalan Banjir dan Krematorium), sasaran pencapaian adalah 100%.

Pada tahun 2019, bahagian ini telah mencapai sasaran dengan peratusan kerosakan setengah tahun pertama dan setengah tahun kedua dengan masing-masing 5.96% dan 5.67%. Manakala bagi stesen-stesen kritikal 100% pada setengah tahun pertama dan 99% pada setengah tahun kedua.

Penyelenggaraan yang dilaksanakan Bahagian SKM kini adalah sebanyak 128 kawasan meliputi sistem mekanikal dan elektrik mengikut jabatan seperti berikut:-

i. Jabatan Pembangunan Landskap & Rekreasi	-	64
ii. Jabatan Kejuruteraan Awam & Pengangkutan Bandar	-	37
iii. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal	-	1
iv. Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Penjaja	-	24
v. Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar	-	2

JUMLAH : 128


Bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dengan berkesan, Jabatan telah melantik 10 kontrak penyelenggaraan serta 1 kontrak projek sambungan secara serahan dan menyelia 16 Kontraktor secara keseluruhan.

Senarai kerja-kerja adalah seperti berikut: -

- i. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Pam Kawalan Banjir Di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- ii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Sistem Pam Air Pancutan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- iii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Secara Komprehensif Satu (1) Unit Eskalator Jenis Toshiba Di Jejantas Pejalan Kaki Menyeberangi Jalan Wangsa Perdana 1, Berhampiran LRT Sri Rampai, Kuala Lumpur Untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- iv. Kerja-kerja Penyelenggara Sistem Eskalator Berjenama Schindler Secara Penyelenggaraan Menyeluruh Di Jejantas-Jejantas Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.

- v. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Naiktaraf Jentera-Jentera Pembakar Mayat Dan Peralatan Berkaitan Di Krematorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- vi. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Komprehensif Sistem Spiral Waste Bin Dan Pengurusan Pembersihan Rumah Sampah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Zon A & Zon B).
- vii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Komprehensif Sistem Spiral Waste Bin Dan Pengurusan Pembersihan Rumah Sampah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Zon C).
- viii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Instrumentasi 'Waste Water Treatment' Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- ix. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Menaiktaraf Peralatan, Perkakasan Serta Kelengkapan Berkaitan Stesen Pam Minyak Depoh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal.
- x. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Sistem Mekanikal, Elektrikal, Instrumentasi Dan Sistem Automasi Berkomputer Terowong Bawah Tanah Laluan Kenderaan Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- xi. Cadangan Projek Kolam Biru Di Kawasan River Of Life (ROL) Presint 7 – Zon Masjid Jamek, Kuala Lumpur Secara Reka Dan Bina.

a. Rumah Pam Kawalan Banjir



b. Sistem Air Pancut dan Siraman



c) Mesin Spiral Waste Bin



d. Jejantas



e. Depoh JKME



f. Krematorium



g. Eskalator




h. Waste Water Treatment Plant



i. Terowong



j. Kolam Biru



5.2 Pelaksanaan Projek Mekanikal & Elektrikal

Pelaksanaan projek bagi sistem dan kemudahan mekanikal & elektrikal yang terdiri daripada projek-projek *Inhouse* yang melibatkan perancangan, reka bentuk, tender dan pengurusan kontrak pembinaan secara dalaman dan menjadi sebahagian pasukan bangunan projek-projek yang melibatkan Juru Perunding Mekanikal / Elektrik dari Jabatan Pelaksana (SO) seperti Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan (JPPPB) dan Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi (JLR) bagi memudahkan kerja-kerja pemantauan ditapak. Pada tahun 2019 bilangan projek yang terdapat dalam Jabatan SO ialah sekitar 70 projek dan akan bertambah setiap tahun bergantung pada bajet yang diluluskan. Jabatan bertanggungjawab bagi projek-projek seperti berikut:-

- i. Projek Khas : - River Of Life (ROL) P7, Pakej 2 1C1D, 3A3B, 4A4B & Fasa 2 Titiwangsa - Heritage Trail 5, 6, 7 & 8 (Secara Dalaman)
- ii. Projek Penswastaaan (Land Swap) di bawah JPEPP - Kompleks Pejabat Jabatan Penguatkuasaan, Bandar Tun Razak
- iii. Projek Agensi Luar di bawah Perbadanan Kg. Baru (PKB)
 - a) Jejantas Pintasan Saloma Dari Kg. Baru ke KLCC (Saloma Link)
- iv. Projek dibawah JPPPB (Design & Build / Konsultan / *In House*)
 - a) Pembinaan / Ubahsuai Pejabat / Auditorium
 - b) Pembinaan / Naiktaraf Surau / Masjid
 - c) Pembinaan / Naiktaraf Perpustakaan
 - d) Pembinaan / Naiktaraf Stor, Tandas & Tadika
 - e) Pembinaan pasar-pasar & pusat penjaja sambungan (Pasar Borong Selayang, Pasar Raja Bot)
 - f) Pembinaan / Naiktaraf Lampu Di Pelebaran Laluan Siarkaki
- v. Lain-lain Projek
 - a) Tiang Lampu Berintegrasi Sistem Pemancar Telekomunikasi
 - b) Operasi Perobohan Tiang / Struktur Telekomunikasi Haram / Tanpa Permit

Selain itu, jabatan juga bertanggungjawab bagi projek-projek pasukan bangunan seperti berikut:-

- i. Projek Penswastaaan (Land Swap) di bawah JPEPP
 - a) Kompleks Sukan Ayer Panas, Setapak Kuala Lumpur
 - b) Tempat Letak Kereta Bertingkat di MRR2, Kuala Lumpur
 - c) Rumah Mampu Milik di Jln Bukit Keramat, Setapak KL
 - d) Pembangunan Semula Tanah Milik Datuk Bandar (Baru)
- ii. Projek dibawah JPPPB (Design & Build / Konsultan / *In House*)
 - a) Pembinaan bangunan, dewan-dewan dan pusat komuniti
 - b) Pembinaan pasar-pasar & pusat penjaja baru
 - c) Pembinaan tempat letak kereta bertingkat di sekitar PA & PPR
 - d) Pembinaan Bazar, Gerai & Kiosk baru
 - e) Pembinaan Council Homes (Rumah Mampu Milik)
- iii. Projek dibawah JLR (Design & Build / Konsultan / *In House*)
 - a) Projek sistem elektrik bangunan dan pencahayaan untuk lampu taman di taman-taman yang baru.
 - b) Naik taraf / *upgrading* sistem pencahayaan di taman-taman utama yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur.

5.3 Lelongan Awam

Jabatan menguruskan lelongan awam. Bagi tahun 2019, sebanyak satu (1) acara lelongan awam telah diadakan iaitu pada 13 November 2019. Manakala lelongan secara Sebut Harga dalaman untuk kakitangan telah diadakan pada bulan Disember 2019.



5.4 Pemasangan Lampu

- i. Kerja-Kerja Retrofit Lampu Jalan HPSV Kepada Lampu Jalan LED

Sebanyak 44,679 unit lampu jalan HPSV, iaitu sebahagian besar lampu jalan di Kuala Lumpur telah diretrofit kepada lampu jalan LED yang mana kerja-kerja ini telah bermula sejak 1 Ogos 2016 sehingga kini. Kerja-kerja retrofit ini akan diteruskan dengan retrofit lampu jalan di Lebuhraya KL – Seremban yang baru diserahkan oleh Syarikat Konsesi Lebuhraya (ANIH Berhad) dan lampu lorong belakang.

Ringkasan pemasangan lampu jalan LED retrofit adalah seperti berikut:

Kuantiti Kontrak = 45,000 unit
Kuantiti Siap = 44,679 unit (99.3%)



Lampu Jalan HPSV (Retrofit)



Lampu Jalan LED

- ii. Pemasangan Lampu Hiasan

Pemasangan lampu-lampu hiasan mengikut festival atau perayaan utama yang disambut seluruh Malaysia seperti Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Deepavali dan Krismas yang mana lampu-lampu hiasan ini dipasang di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pelancong dan juga tumpuan orang ramai.

Pemasangan Lampu Hiasan Tanglung Sempena Tahun Baru Cina 2019. Sebanyak 14,740 biji lampu hiasan tanglung telah dipasang di kawasan tumpuan pelancong dan tumpuan orang ramai seluruh Kuala Lumpur.



Pemasangan Lampu Hiasan Ketupat Sempena Hari Raya Aidilfitri 2019. Sebanyak 9,478 biji lampu hiasan ketupat telah dipasang di hadapan masjid, surau, madrasah dan kawasan tumpuan orang ramai seluruh Kuala Lumpur.



Pemasangan Lampu Hiasan LED, Motif Merak dan Pelita sempena Deepavali 2019. Sebanyak 5 span Scallope Decorative, 3 biji Pelita Motif dan 3 biji Peacock Motif di kawasan Lebu Ampang.



Pemasangan Lampu Hiasan Bermotif Sempena Hari Krismas 2019 Sebanyak 249 unit lampu hiasan bermotif yang terdiri daripada motif 'snowflake', 'star', 'deer' dan 'present box' telah dipasang di jalan-jalan utama sekitar Pusat Bandar seperti berikut:

- Jalan Bukit Bintang (simpang Jalan Tun Razak ke simpang Jalan Pudu) - 59 nos
- Jalan Imbi (simpang Jalan Bukit Bintang ke simpang Jalan Hang Tuah-Time Square) - 44 nos
- Jalan Raja Chulan (simpang Jalan P.Ramlee ke simpang Jalan Imbi) - 29 nos
- Jalan P. Ramlee (simpang Jalan Raja Chulan ke simpang Jalan Pinang) - 18 nos
- Jalan Pinang - 8 nos
- Jalan Ampang (simpang Jalan Yap Kwan Seng ke simpang Jalan Sultan Ismail) - 17 nos
- Jalan Sultan Ismail (simpang Jalan Ampang ke simpang Jalan Raja Chulan) - 31 nos
- Jalan Tunku Abdul Rahman (simpang Jalan Sultan Ismail ke simpang Jalan Tun Perak) - 30 nos
- Jalan Raja Laut (simpang Jalan Sultan Ismail ke simpang Jalan Putra) - 13 nos



5.5 Penyelenggaraan Kenderaan dan Jentera DBKL

Sepanjang tahun 2019 jabatan melaksanakan penyelenggaraan kenderaan seperti berikut:-

Bil.	Perkara	Bil. Kenderaan
1.	Penyelenggaraan Kenderaan Jabatan	643
2.	Penyelenggaraan Kenderaan Pelbagai Guna	397
3.	Penyelenggaraan Jentera Berat	271
4.	Penyelenggaraan Motosikal	442

5.6 Penglibatan Acara-Acara Khas Dan Temasya Sukan Sepanjang Tahun 2019

Jabatan menguruskan dalam memberi bekalan logistik untuk acara-acara khas dan temasya sukan bertaraf antarabangsa mahupun kebangsaan sepanjang tahun 2019 melibatkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penglibatan jabatan seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Penglibatan JKME Dalam Acara Khas Tahun 2019

Bil.	Acara	Tarikh	Penglibatan	
			Kakitangan (Orang)	Kenderaan / Jentera (Unit)
1	Program Tamrin Explorasi Kesedaran Awesome Anjuran Kesedaran	18-19 Januari 2019	1	1
2	Kejohanan Tarik Tali Terbuka Seri Menanti 2019	18-20 Januari 2019	1	1
3	Sambutan Perayaan Thaipusam	19-21 Januari 2019	4	4
4	Kejohanan Tenpin Bowling Piala Pusingan Presiden Anulae Semenanjung	25-27 Januari 2019	1	1
5	Kejohanan Karom Terbuka Kedah Keriang Hill	25-28 Januari 2019	1	1
6	Kids Arts & Cultural Festival 2019	26 Januari 2019	1	1
7	Forum Addin Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2019	9 Februari 2019	6	6
8	Kenduri Rakyat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2019	10 Februari 2019	11	11
9	Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat WP	18-19 Februari 2019	3	3
10	Program Malaysian Urban Forum	17-20 Februari 2019	2	2
11	Program Sukarela Anak Dan Keluarga Angkat Jepun Study Tour (TUFS)	24 Februari - 2 Mac 2019	2	2
12	Program Bicara Minda & Lawatan Sehari Ke Kumpulan Media Karangraf Sdn Bhd	26 Februari 2019	1	1
13	Sambutan Hari Polis Ke 212 2019	9-10 Mac 2019	1	1
14	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018	20-21 Mac 2019	4	4
15	Le Tour De Langkawi (LTDL) 2019	3-16 April 2019	8	8
16	Kejohanan Bola Sepak Orang Pekak Malaysia Kali Ke-9	13-19 April 2019	1	1
17	Kejohanan Boling Piala Datuk Bandar MBMB Edisi XV Di Melaka	19-21 April 2019	1	1
18	Program KLRTCXXXIII Di Institut Latihan DBKL (IDB)	20-24 April 2019	3	3
19	Majlis Perbarisan Tahunan 2019 Bulan Sabit Merah Malaysia Kuala Lumpur	2 Mei 2019	3	3

(bersambung...)

(...sambungan)

Bil.	Acara	Tarikh	Penglibatan	
			Kakitangan (Orang)	Kenderaan / Jentera (Unit)
20	Program Berbasikal Menyusuri Sg.Bunus LA21KL	5 Mei 2019	7	7
21	Program Baiti Jannati@Wilayah Persekutuan Tahun 2019	10 Julai 2019	11	11
22	Kanival Sukan Bakat Pelapis	11 Julai 2019	1	1
23	Kejohanan Sukan Badan Berkanun (SUKANUN)	18-27 Julai 2019	31	31
24	Klrctc 34 Localising The Sustainable Development Goals	21-25 Julai 2019	4	4
25	Explorace 2019	3 Ogos 2019	1	1
26	Uclg Aspac : Napalese Mayors Study Visit To Kuala Lumpur Itinerary	4 Ogos 2019	2	2
27	Program KI Cultural Nitez	16-25 Ogos 2019	2	2
28	Program Kolaborasi Bandar Tokyo Metropolitan Government	23-24 Ogos 2019	1	1
29	Program Kemerdekaan Malaysia Ke 62	28 Ogos - 1 September 2019	2	2
30	KL Street Jam	7-8 September 2019	1	1
31	Lawatan Delegasi Hong Kong Ke Kuala Lumpur	10 September 2019	1	1
32	World Class Sustainable Cities (WCSC 2019)	16-21 September 2019	7	7
33	Program Jubli Emas Hari JPK	20-29 September 2019	4	4
34	Program KL Marathon 2019	27-29 September 2019	78	78
35	IGEM 2019	9-11 Oktober 2019	6	6
36	Kejohanan Tour of Peninsular (TOP) 2019	12-19 Oktober 2019	8	8
37	Persidangan Seventh Asia-Pacific Urban Forum	14-17 Oktober 2019	2	2
38	Majlis Penyerahan Van Yayasan Wilayah	1-2 Disember 2019	11	11
39	Majlis Perasmian Tilawah Quran Braille	6 Disember 2019	1	1
40	Konvensyen Kongres Tritahunan Cuepacs Ke - 28 (Sesi 2019-2022)	17-19 Disember 2019	3	3
JUMLAH			239	239

Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi

308

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi bertanggungjawab merancang, mereka bentuk, membangun, mengurus dan menyelenggara landskap bandar yang berkualiti, efektif dan selamat ke arah merealisasikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Taman Tropika Lestari Bertaraf Dunia menjelang 2020.
- 1.2 Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi mempunyai kakitangan seramai 974 orang yang terdiri daripada skim perkhidmatan Pentadbiran (N), Arkitek Landskap (J), Pegawai Pertanian (G), Kejuruteraan (J), Kewangan (W) dan Pembantu Awam (H). Jabatan Pembangunan Landskap dan Rekreasi ditadbir oleh Pengarah Gred Jusa C bersama 25 orang Pegawai Pengurusan dan Profesional dan selebihnya adalah Kumpulan Pelaksana.

2.0 FUNGSI

- 2.1 Menjadikan Kuala Lumpur Bandaraya Dalam Taman.
- 2.2 Merancang, mereka bentuk dan membangunkan projek-projek landskap, taman-taman dan kawasan rekreasi untuk warga kota berpandukan pelan induk landskap Kuala Lumpur.
- 2.3 Mengintergrasikan jalinan hijau bagi perkembangan flora dan fauna dalam bandar dengan memperbanyakkan dan mempelbagaikan tanaman pokok-pokok di kawasan bahu jalan, sungai, pejalan kaki serta kawasan-kawasan lapang.
- 2.4 Penyelenggaraan landskap yang berkualiti, efisien dan selamat.
- 2.5 Penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2012.

- 2.6 Menjalankan kerja-kerja penyenggaraan pokok rendah bagi tujuan keselamatan dan menjalankan kerja-kerja pembersihan pokok-pokok tumbang, tunggul dan sekah.
- 2.7 Meluluskan permohonan penggunaan kemudahan awam dan rekreasi di taman-taman awam, padang rekreasi, taman permainan dan sebagainya.
- 2.8 Menguruskan tapak semaian tanaman untuk keperluan jabatan.
- 2.9 Menyediakan perkhidmatan hiasan dan sewaan bunga pasu dan bunga keratan mengikut tempahan.
- 2.10 Memberi khidmat nasihat mengenai landskap dan hortikultur kepada agensi kerajaan, sekolah, badan-badan beruniform dan NGO.
- 2.11 Menganjurkan aktiviti-aktiviti landskap dan rekreasi yang melibatkan penyertaan orang awam seperti Klinik Perkebunan, Bicara Taman, Kempen Menanam Pokok, Ceramah Bunga Raya dan Orkid.
- 2.12 Memperbanyakkan penanaman pokok berbunga dan daun berwarna.
- 2.13 Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan penyertaan warga kota terhadap alam sekitar dan pembangunan landskap.
- 2.14 Membantu sektor pelancongan mempromosikan taman-taman bertema dan taman awam sebagai produk dan destinasi pelancongan.
- 2.15 Mengawalselia pembersihan tandas-tandas awam oleh Kontraktor Penyelenggaraan Jabatan ke tahap yang memuaskan.
- 2.16 Mengawal selia perkhidmatan Pengawal Keselamatan di sekitar taman-taman.
- 2.17 Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan.
- 2.18 Menguruskan dan melaksanakan program landskap di tapak rezab kawasan lapang.

3.0 PIAGAM PELANGGAN

- 3.1 Memastikan 16 taman-taman awam sentiasa berada dalam keadaan bersih, cantik dan selamat berdasarkan penilaian prestasi kerja pada tahap tidak kurang daripada 90% setiap bulan (potongan bayaran kepada Kontraktor).
- 3.2 Memantau dan mencantas pokok dalam tempoh 6 bulan sekali berdasarkan kesesuaian pokok dan lokasi.
- 3.3 Memastikan pokok tumbang dan sekah yang menghalang lalu lintas dialihkan dalam tempoh 12 jam selepas mendapat maklumat / aduan.
- 3.4 Memastikan kerja-kerja membaik pulih kerosakan kecil di taman permainan kanak-kanak diambil tindakan dalam tempoh 3 hari bekerja (kerja secara dalaman) (TINDAKAN AWAL).
- 3.5 Memastikan semua permohonan pembekalan sewaan pokok hiasan yang diluluskan dibekalkan dalam tempoh 5 jam sebelum acara bermula.
- 3.6 Memastikan semua aduan diambil tindakan dalam tempoh 14 hari bekerja yang boleh diselesaikan secara dalaman.
- 3.7 Memastikan setiap permohonan penyewaan tapak diluluskan dalam tempoh 5 hari bekerja tertakluk kepada jenis permohonan (aktiviti) dan kekosongan di tapak.
- 3.8 Mengadakan program dan aktiviti mengenai “Pembudayaan Landskap dan Kecintaan Alam Sekitar” kepada orang ramai atau agensi luar sekurang-kurangnya 4 kali dalam setahun.
- 3.9 Membangun dan menaiktaraf Taman Permainan Kanak-Kanak (TPKK) mengikut piawaian “Playground Standard International” (CPSI) sebanyak 5 kawasan setahun.

4.0 BAJET

Secara keseluruhannya, pencapaian jabatan adalah seperti berikut:

4.1 Perbelanjaan Mengurus

Perkara	Tahun 2019 (RM)	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	66,430,900.00	87%
Perbelanjaan	58,056,794.67	

4.2 Perbelanjaan Pembangunan

Perkara	Tahun 2019 (RM)	Peratus (%)
Peruntukan Yang Diluluskan	22,831,100.00	94%
Perbelanjaan	21,353,341.30	

5.0 SUMBER HASIL

Sumber hasil jabatan adalah seperti berikut:

5.1 Sewaan dan Kutipan

Perkara	Tahun 2019 (RM)
Sewaan Pasu Bunga	87,961.00
Sewaan Taman-Taman Awam	102,725.00
Penggambaran	21,500.00
Tandas-Tandas Awam	188,690.00
JUMLAH HASIL	400,876.00

6.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019



Program CSR Lions Club Malaysia Di Taman Pudu Ulu - **23 Februari 2019**



Program Penanaman Pokok Secara Serentak Di Taman Rimba Bukit Kerinchi Dan Dataran Wangsa 1 - **22 Jun 2019**



Program Penanaman Pokok Melaka DBKL-MBMB di Jalan Melaka, Kuala Lumpur - **21 Julai 2019**

Majlis Perasmian Kompleks Pelawat Dan Taman Etnobotani Di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur Disempurnakan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Pada 30 Ogos 2019



Program Penanaman Pokok Bataneco Garden & Guardian Di Taman Antarabangsa Bukit Jalil Pada 5 September 2019

Perasmian Taman Tasik Danau Kota, Setapak Kuala Lumpur Pada 13 Oktober 2019



Program Penanaman CSR OCBC Di Taman Permainan Kanak-Kanak Taman Pertama, Jalan Serkut 1 Pada 16 November 2019



Pengambilan Gambar Spesimen Tumbuhan Di Taman Rimba Alam Jaya, Putrajaya Pada 4 Disember 2019



Pembukaan Semula Taman Tasik Titiwangsa Oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan, YB Hj. Khalid Bin Samad Pada 15 Disember 2019

7.0 PENCAPAIAN JABATAN

FESTIVAL BUNGA DAN TAMAN (FLORIA) DI RAJA 2019 PADA 30 OGOS HINGGA 8 SEPTEMBER 2019



Anugerah:

- **Garden Prime Award 2019**
- **Garden Creative Award 2019**



Lawatan DYMM Yang Di-Pertuan Agong
Sempena Festival Bunga Dan Taman (Floria) Di Raja 2019

Jabatan Ukur Bahan

314

1.0 LATAR BELAKANG

Perkhidmatan Ukur Bahan di DBKL bermula pada 1 Oktober 1976 di bawah Jabatan Arkitek. Pada tahun 1977 ia telah dikembangkan menjadi satu bahagian dibawah Unit Penyelaras Pembangunan sebelum dengan rasminya menjadi sebuah jabatan pada 1 Oktober 1981.

Dalam proses penyusunan semula organisasi DBKL, pada tahun 1995 Bahagian Pengurusan Perolehan telah diletakkan di bawah Jabatan Ukur Bahan dan dikenali sebagai Jabatan Pengurusan Perolehan dan Ukur Bahan. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2003 Bahagian Pengurusan Perolehan telah dikeluarkan semula dari Jabatan Ukur Bahan untuk diletakkan di bawah Jabatan Pentadbiran.

2.0 FUNGSI UTAMA JABATAN

Di dalam memastikan pelaksanaan projek-projek pembangunan DBKL yang berobjektifkan 'value for money', Jabatan Ukur Bahan perlu memainkan peranan utama di dalam memastikan kos dan kewangan projek diuruskan dengan baik dan efisien. Di samping itu jabatan juga perlu memastikan tatacara perolehan dan pelaksanaan pentadbiran kontrak adalah teratur dan mematuhi prosedur yang ditetapkan.

Di antara skop-skop perkhidmatan utama jabatan adalah :

- 2.1 Menyediakan Anggaran Kos dan Perancangan Kos.
- 2.2 Menyediakan Dokumen Tender, Sebut Harga Dan Kerja Undi.
- 2.3 Menyemak Dokumen Tender, Sebut Harga Dan Kerja Undi.
- 2.4 Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek.
- 2.5 Menyediakan Perakuan Muktamad Projek.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Mengkaji dan menyelaraskan peraturan dan aturcara pengurusan kontrak.
- 3.2 Memastikan pengurusan kewangan projek DBKL adalah selaras dengan peraturan DBKL dan kerajaan.
- 3.3 Memastikan amalan ukur bahan dipraktikkan secara profesional.
- 3.4 Menyediakan perkhidmatan ukur bahan yang dinamik selaras dengan perkembangan teknologi.

4.0 BAJET

4.1 Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019

Dalam Bajet Mengurus 2019, jabatan telah diperuntukkan sebanyak RM234,000.00. Sebanyak RM168,144.96 telah dibelanjakan dengan pencapaian 71.85% perbelanjaan. Jabatan Ukur Bahan telah mendapat peruntukan kewangan bagi perbelanjaan operasi dan perbelanjaan dalam tahun 2019 seperti berikut :-

Bil.	Jenis Perbelanjaan	Peruntukan Belanjawan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Pencapaian Belanja 2019
1.1	Elaun Lebih Masa (Staff/IMG)	50,000.00	24,774.50	71.85%
1.2	Perkhidmatan Dan Bekalan	167,800.00	127,350.46	
1.3	Aset (Inventori)	16,200.00	16,020.00	
JUMLAH		234,000.00	168,144.96	

Jadual 4.0 : Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019

5.0 PROGRAM DAN AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

5.1 Menyediakan Anggaran Kos dan Perancangan Kos

Bagi sepanjang tahun 2019 jabatan telah terlibat di dalam menyediakan anggaran-anggaran kos bagi **15 projek** yang dilaksanakan melalui kaedah perolehan secara Tender dan Sebut Harga. Anggaran kos tersebut adalah bagi perolehan secara tender dan Sebut Harga dengan nilai anggaran kos keseluruhan berjumlah **RM64.1 juta**.

5.2 Menyediakan Dokumen Tender dan Sebut Harga

Sebanyak **15 Dokumen Tawaran** telah disediakan bagi perolehan secara Tender dan Sebut Harga di sepanjang tahun 2019. Perincian bilangan dan peratusan berdasarkan kategori dokumen perolehan adalah seperti berikut:

Kategori Penyediaan Dokumen	Jumlah	Peratusan
Dokumen Tender	13	87 %
Dokumen Sebut Harga	2	13%
JUMLAH	15	100%

Jadual 5.2 : Statistik Penyediaan Dokumen Tender Dan Sebut Harga Tahun 2019

5.3 Menyemak Dokumen Tender / Sebut Harga Dan Kerja Undi


Deraf-deraf dokumen bagi perolehan tender dan Sebut Harga yang disediakan oleh Jabatan Pelaksana, ianya perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan bagi memastikan ianya sempurna dan teratur bagi tujuan tender.

Selain daripada Dokumen Tender dan Sebut Harga, dokumen-dokumen perolehan secara kerja undi juga perlu melalui proses semakan oleh Jabatan Ukur Bahan sebelum proses undi dilaksanakan.

Pecahan dan peratusan semakan dokumen 2019 mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori Semakan Dokumen	Jumlah	Peratusan
Semakan Dokumen Tender / Sebut Harga	451	76%
Dokumen Kerja Undi	142	24%
JUMLAH	593	100%

Jadual 5.3 : Statistik Penyemakan Dokumen Tender / Sebut Harga Dan Kerja Undi Tahun 2019



Carta Pie 5.1 : Pecahan Penyemakan Dokumen Tender / Sebut Harga Dan Kerja Undi Tahun 2019

5.4 Menyediakan Sijil Bayaran Interim Projek

Penilaian ke atas kemajuan kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor perlu dibuat secara progresif bagi memastikan pembayaran yang dibuat adalah bersesuaian dan tepat.

Jabatan Ukur Bahan bertanggungjawab di dalam menilai kemajuan kerja di tapak bina dan seterusnya membuat pengesyoran pembayaran melalui Sijil Bayaran Interim Projek. Bagi tahun **2019** sebanyak **633 sijil** telah disyorkan oleh Jabatan Ukur Bahan di mana melibatkan keseluruhan pengesyoran bayaran lebih kurang **RM600 juta**.

5.5 Menyediakan Perakuan Muktamad Projek

Di dalam memuktamadkan akaun sesuatu projek, satu komitmen yang tinggi diperlukan oleh Juruukur Bahan Projek. Ini adalah bagi memastikan ianya dapat disempurnakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan di samping perlu memastikan segala tuntutan-tuntutan yang dikemukakan Kontraktor seperti kerja-kerja pengukuran semula, arahan perubahan, tuntutan bagi kerugian & perbelanjaan (*loss & expenses*) dan lain-lain lagi adalah sah serta teratur.

Bagi tahun **2019** sebanyak **44 Perakuan Muktamad** projek telah berjaya dimuktamadkan dan **5 projek** telah dinilai bagi tuntutan kerugian dan perbelanjaan (*loss & expenses*) oleh Jabatan Ukur Bahan.

6.0 PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019

6.1 Penggunaan Perisian Buildspace Di Jabatan

Buildspace merupakan program perisian untuk kegunaan komersil dalam industri pembinaan. Ia menghasilkan senarai kuantiti atau anggaran kos dan juga perancangan kos untuk satu-satu cadangan projek. Pengguna utamanya adalah Juruukur Bahan dan Kontraktor Binaan Komersial.

Buildspace memudahkan penyediaan Senarai Kuantiti bagi sesuatu projek iaitu dari peringkat Pra- Kontrak hingga ke peringkat Post- Kontrak dengan lebih efektif dan sistematik, di samping dapat digunakan sebagai rujukan untuk memperolehi maklumat berkaitan dengan huraian item di dalam Senarai Kuantiti serta kadar harga.

Penggunaan *Buildspace* oleh Juruukur Bahan dan Penolong Juruukur Bahan adalah untuk mempercepatkan penyediaan anggaran kos dan proses penyediaan Senarai Kuantiti bagi projek-projek berskala kecil serta sederhana di samping dapat mempercepatkan proses-proses pengeluaran Tender / Sebut Harga oleh Jabatan Pelaksana.



Gambar 1 : Bengkel bagi penggunaan *Buildspace* telah diadakan pada **1 hingga 2 April 2019** bertempat Bilik Latihan, Tingkat 3, Menara DBKL 3 untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada kakitangan Jabatan Ukur Bahan

6.2 Pemakaian Garis Panduan Arahan Perubahan dan Lanjutan Masa Kontrak (EOT) di Dalam Perintah Tetap Pengurusan Perolehan dan Pentadbiran Kontrak Datuk Bandar Kuala Lumpur 2020

Jabatan Ukur Bahan telah terlibat di dalam Retreat Semakan Semula Perintah Tetap Pengurusan Perolehan dan Pentadbiran Kontrak Datuk Bandar Kuala Lumpur 2020. Jabatan telah memfokuskan terhadap penambahbaikan kepada proses permohonan Arahan Perubahan dan juga Lanjutan Masa Kontrak.

Semakan Semula Perintah Tetap ini telah dimuktamadkan melalui retreat pada **26 hingga 29 November 2019**. Garis panduan ini telah mengkategorikan tuntutan berdasarkan Arahan Perubahan Kerja, Kuantiti Sementara dan Wang Peruntukan Sementara (*Provisional Sum*) untuk setiap peringkat Pihak Berkuasa Melulus (PBM).

Garis panduan ini telah digunapakai melalui **Perintah Tetap Pengurusan Perolehan dan Pentadbiran Kontrak Datuk Bandar Kuala Lumpur 2020** yang telah dibentangkan kepada pihak Pengurusan Tertinggi DBKL dan telah dikuatkuasakan pada **3 Februari 2020**.

Jabatan Pengangkutan Bandar

318

1.0 PENDAHULUAN

Pada 1 Ogos 2015 Jabatan Pengangkutan Bandar telah digabungkan dengan Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran dan dikenali sebagai Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB).

Pihak pengurusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan penyelarasan semula fungsi Jabatan Kejuruteraan Awam dan Pengangkutan Bandar (JKPB) dan melibatkan penjenamaan semula serta pewujudan jabatan kepada **Jabatan Pengangkutan Bandar (JPB)** berkuatkuasa pada **3 September 2019**.

2.0 FUNGSI

Jabatan ini bertanggungjawab dalam melaksanakan fungsi pengurusan, penyelenggaraan dan pembinaan projek kemudahan pengangkutan awam dan bandar, Integrated Transport Information System (ITIS), pengurusan lampu isyarat dan kawalan lalu lintas serta fungsi-fungsi lain yang berkaitan dengan pengurusan trafik dan kemudahan pengangkutan awam.

3.0 MISI

Menjadikan Sistem Pengurusan Lalu lintas di Kuala Lumpur lebih efisien untuk keselesaan warga kota

4.0 VISI

Mewujudkan Sistem Pengurusan Lalu lintas di Kuala Lumpur setaraf dengan Bandaraya Utama dunia

5.0 OBJEKTIF

- 5.1 Mengurus Sistem Lalu lintas dan menyediakan informasi trafik yang tepat dan terkini kepada pengguna jalan raya.
- 5.2 Menyediakan kemudahan tempat letak kereta yang lengkap dan sempurna.

6.0 PIAGAM PELANGAN

- 6.1 Menghebahkan maklumat perubahan lalu lintas, penutupan jalan, penutupan jalan lencongan jalan melalui Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS)-VMS dan laman media sosial (Facebook dan Twitter) sekurang-kurangnya 3 hari sebelum sesuatu acara dan aktiviti dijalankan.
- 6.2 Mengoperasikan semula lampu isyarat yang terpadam dalam tempoh 4 jam selepas aduan diterima kecuali lampu isyarat terputus bekalan elektrik akibat kabel/gangguan bekalan.
- 6.3 Memproses permohonan pelan pengurusan lalu lintas bagi pelaksanaan kerja-kerja pembinaan di dalam rizab jalan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas permohonan yang lengkap diterima.
- 6.4 Mengambil tindakan awal terhadap kerosakan kemudahan awam (perhentian bas, teksi, jejantas, pejalan kaki berbumbung) dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan diterima.

7.0 BAJET

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAHAGIAN PENGANGKUTAN BANDAR DAN ITIS 2019

7.1 Bajet Operasi / Mengurus Bahagian Kejuruteraan Bandar

Kod	Butiran	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan 2019 (RM)	%	Baki 2019 (RM)	%
S3300	Emolumen (Over Time Sahaja)	1,310,000.00	759,785.92	58	550,214.08	42.00
	Perkhidmatan dan Bekalan	41,403,200.00	19,895,221.31	48.05	21,507,978.69	51.95
	Aset (Inventori)	45,900.00	32,734.30	71.32	13,165.70	28.68
JUMLAH KESELURUHAN		42,759,100.00	20,687,741.53	48.38	22,071,358.47	51.62

7.2 Bajet Operasi / Mengurus (ITIS)

Kod	Butiran	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan 2019 (RM)	%	Baki 2019 (RM)	%
S3310	Perkhidmatan dan Bekalan	54,124,200.00	30,185,708.64	55.77	23,938,491.36	44.23
	Aset (Inventori)	22,400.00	10,571.70	47.20	11,828.30	52.80
JUMLAH KESELURUHAN		54,146,600.00	30,196,280.34	55.77	23,950,319.66	44.23

7.3 Bajet Pembangunan Bahagian Pengangkutan Bandar dan ITIS

Kod	Butiran	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan 2019 (RM)	%	Baki 2019 (RM)	%
60940		7,930,000.00	793,416.54	10.01	7,136,583.46	89.99
65976		300,000.00	66,112.45	22.04	233,887.55	77.96
JUMLAH KESELURUHAN		8,230,000.00	859,528.99	10.44	7,370,471.01	89.56
JUMLAH KESELURUHAN BAJET MENGENAL		96,905,700.00	50,884,021.87	52.51	46,021,678.13	47.49
JUMLAH KESELURUHAN BAJET PEMBANGUNAN		8,230,000.00	859,528.99	10.44	7,370,471.01	89.56

8.0 BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian ini mempunyai seramai 34 orang kakitangan yang menyelia hal ehwal pentadbiran dan kewangan dan melapor secara terus kepada Pengarah jabatan. Berikut adalah fungsi-fungsi Bahagian Pentadbiran & Kewangan jabatan.

- i. Mengurus hal ehwal pentadbiran dan Sumber Manusia.
- ii. Mengurus kemajuan kerjaya perkhidmatan Pegawai dan Kakitangan.
- iii. Mengurus penilaian prestasi dan tatatertib.
- iv. Mengurus latihan kursus, seminar, aktiviti sosial dan kebajikan kakitangan.
- v. Mengurus penempatan latihan praktikal dari IPTA/IPTS
- vi. Menguruskan penerimaan dan pengeluaran surat-surat Jabatan.
- vii. Menguruskan pelbagai Cuti Pegawai dan Kakitangan.
- viii. Menguruskan rekod-rekod Jabatan
- ix. Mengurus ICT Jabatan.
- x. Menyelenggara infrastruktur, perkakasan, perisian sistem komputer.
- xi. Mengurus dan menyelaraskan hal ehwal inovasi Jabatan.
- xii. Menyelaras dan memantau MS ISO 9001:2015 Jabatan.
- xiii. Menyelaraskan EKSA Jabatan.
- xiv. Menyediakan Laporan Keutuhan dan Karenah Birokrasi.
- xv. Menyelaraskan Pencapaian KPI Jabatan.
- xvi. Menyelaraskan Pencapaian Piagam Pelanggan Jabatan.
- xvii. Melaksanakan dan menyediakan Laporan e-PBT jabatan.
- xviii. Mengurus hal ehwal aset inventori Jabatan.
- xix. Menyediakan bajet tahunan.
- xx. Merancang, mengurus dan mengawal perbelanjaan bagi Bajet Mengurus dan Pembangunan.
- xxi. Mengurus penyediaan Dokumen Tender, kontrak, Sebut Harga, pembelian dan pemulangan bon/cagaran.
- xxii. Menguruskan Sijil-Sijil Bayaran.
- xxiii. Menguruskan bil-bil utiliti untuk pembayaran.
- xxiv. Penyediaan Laporan Tahunan Jabatan.
- xxv. Menyelaras kenderaan Jabatan.
- xxvi. Hal ehwal keselamatan Jabatan.

8.1 Bahagian Pengangkutan Awam

8.1.1 Unit Pengangkutan Awam

i. Fungsi Unit

- a. Mengurus pembinaan projek-projek.
- b. Mengurus pembinaan, menyelenggara dan membaik pulih ruang menunggu teksi, bas awam, bas-bas sekolah, kemudahan pejalan kaki ke stesen transit, ruang berteduh motorsikal, tempat letak motorsikal dan kereta, *Park and Ride* di stesen transit, kemudahan integrasi Sistem LRT (Pedestrian Plaza, Pedestrian Linkage), hentian akhir bandar untuk bas-bas awam, sistem tempat letak kereta di kawasan komersial dan laluan sikal.
- c. Menyelaras penyediaan Dokumen Kontrak, Perakuan Lanjutan Masa, Perakuan Kerja Tidak Siap, Lanjutan Masa, Perubahan Arahan Kerja dan Pelarasan Harga Kontrak.
- d. Mengurus dan menyelia tapak pembinaan.
- e. Menyediakan dokumen-dokumen pembayaran kepada Kontraktor.
- f. Penyelarasan bersama-sama Juruperunding dan agensi utiliti berkaitan.
- g. Mengatur mesyuarat koordinasi bersama-sama pihak Kontraktor, Juruperunding dan agensi berkaitan.
- h. Menyediakan Laporan Kemajuan Kerja Bulanan.

- i. Menjalankan kajian impak dan *outcome* projek.
- j. Menyediakan program pemeriksaan berkala ke atas kemudahan pengangkutan awam.
- k. Mengambilalih prasarana kemudahan pengangkutan awam setelah siap dibina dan memeriksa inventori.
- l. Melaksanakan Projek Kecil Bandar Selamat.

8.1.2 Unit Sistem Pengangkutan Awam

i. Fungsi Unit

- a. Merancang dan melaksanakan inisiatif pengurusan lalu lintas bagi memastikan aliran lalu lintas lancar, selamat serta kos/masa perjalanan yang wajar.
- b. Mengkaji dan melaksanakan skim aliran lalu lintas sesebuah kawasan untuk meningkatkan kelancaran.
- c. Mengkaji dan melaksanakan penyediaan tempat-tempat punggah-memunggah barangan di kawasan komersial.
- d. Pemudah cara projek Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).
- e. Mengurus dan mengoperasi Terminal Bas/Teksi.
- f. Menyemak dan memproses permohonan surat sokongan untuk mengeluarkan permit LPKP bagi kenderaan perdagangan.
- g. Mengkaji dan menyediakan laluan khas bas dan teksi.
- h. Memproses permohonan perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan pembangunan baru.
- i. Menyelaras/mengawalselia hal-hal perkhidmatan pengangkutan awam dengan agensi berkaitan.
- j. Mengurus dan menyelaras projek-projek Sistem Transit Rel dan Terminal Bersepadu bersama-sama agensi kerajaan.
- k. Mengkaji sistem pengangkutan awam baharu seperti TRAM, BRT, basikal, kereta elektrik dan sebagainya.
- l. Program kempen menggalakkan penggunaan kemudahan pengangkutan awam.

ii. Pemasangan / Penyelenggaraan Peralatan Keselamatan Jalan Raya

Jenis-jenis peralatan keselamatan jalan raya yang dipasang dan di selenggara meliputi peralatan-peralatan seperti berikut:

No.	Jenis Peralatan	Bil.	Jumlah (RM)
1.	Cermin Keselamatan Cermin keselamatan membantu Pemandu Kenderaan melihat kenderaan lain yang datang dari arah bertentangan di lokasi-lokasi di mana jarak penglihatan (<i>sight distance</i>) adalah terbatas. Cermin ini biasanya dipasang di kawasan selekoh tajam, simpang tiga dan kawasan titik hitam (<i>blind spot</i>).	26	40,040.00
2.	Rubber Bollard <i>Rubber Bollard</i> atau tonggak jalan biasanya dipasang di laluan pejalan kaki untuk menyekat Pemandu meletakkan kenderaannya di atas siar kaki yang boleh menghalang dan menjejaskan pergerakan pejalan kaki.	515	288,400.00
3.	Flexible Post <i>Flexible Post</i> bertujuan untuk <i>channelize</i> trafik supaya kenderaan tidak memotong barisan (<i>jump queue</i>). <i>Flexible Post</i> juga boleh dipasang di persimpangan jalan untuk memisahkan lorong pergerakan terus dan lorong belok kanan.	736	241,408.00
4.	Anti Skid Aggregates Methyl Methacrylic (MMA) <i>Anti Skid Aggregates Methyl Methacrylic</i> bertujuan untuk mengurangkan kelajuan kenderaan. Pemasangannya adalah di kawasan menurun, selekoh dan kawasan sekolah.	265.64 Sq.m	159,384.00

No.	Jenis Peralatan	Bil.	Jumlah (RM)
5.	Solar Flashing Amber <i>Solar Flashing Amber</i> biasanya dipasang di atas papan tanda-papan tanda, selekoh dan juga kawasan sekolah.	23	64,400.00
6.	Linear Delineation Stripe <i>Linear Delineation Stripe</i> membantu Pemandu Kenderaan melihat jarak kedudukan kenderaan dengan tembok pembahagi jalan atau tepi jalan. Biasanya dipasang pada pembahagi jalan dan tepi jalan.	200	40,000.00
7.	Traffic Chevron size 600mm x 750mm type A <i>Traffic Chevron</i> biasanya dipasang di persimpangan jalan dan di selekoh sebagai tunjuk arah jalan.	65	27,787.00
8.	Traffic Chevron size 1300mm x 750mm type C <i>Traffic Chevron</i> biasanya dipasang di persimpangan jalan dan di selekoh sebagai tunjuk arah jalan.	10	9,262.50
9.	Flexible Guardrail Reflector Type A <i>Anti Skid Flexible Guardrail Reflector</i> membantu Pemandu Kenderaan melihat jarak kedudukan kenderaan dengan tembok pembahagi jalan atau tepi jalan. Biasanya dipasang pada pembahagi jalan dan tepi jalan.	700	35,000.00
10.	Cleaning Detergent <i>Cleaning Detergent</i> digunakan untuk mencuci <i>Flexible Guardrail Reflector</i> yang pudar supaya dapat memantul cahaya kepada Pemandu.	1.50	11,700.00
JUMLAH			917,381.50

MENGECAT TANDA GARISAN JALAN



8.1.2 Unit Pengurusan GO KL

Unit ini ditubuhkan untuk memberikan perkhidmatan bas batuan awal (*first mile*) dan batuan akhir (*last mile*) yang boleh diharap, mudah diakses, kesalinghubungan yang baik, selamat dan selesa untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur.



i. Fungsi Unit

- a. Menyediakan bas percuma kepada orang awam bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.
- b. Memberikan perkhidmatan bas 'first mile and last mile' yang boleh diharap, mudah diakses, selamat dan selesa kepada terutamanya pengguna kenderaan persendirian, pengguna pengangkutan awam dan pelancong di kawasan pusat perniagaan Kuala Lumpur.
- c. Sebagai perkhidmatan bas perantara dengan mod lain (LRT, Monorail, KTM). Dengan adanya perkhidmatan pengangkutan alternatif ini, ia dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas dan justeru mengurangkan 'carbon footprint' di kawasan pusat bandar.
- d. Menambah laluan baru iaitu 'first mile' daripada kawasan perumahan/pinggiran bandar ke stesen yang berhampiran untuk menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam.
- e. Merancang, mengkaji dan melaksanakan laluan tambahan berdasarkan permintaan dan pematuhan kriteria pemilihan laluan baru.
- f. Menyelaras hal-hal mengawal selia perkhidmatan bas dengan agensi berkaitan dan jabatan dalaman untuk menambahbaik perkhidmatan bas.
- g. Mengurus dan memantau operasi perkhidmatan bas untuk menjamin perkhidmatan berfungsi dengan baik dan berkesan.
- h. Mengumpul data dan menyediakan Laporan Prestasi Bulanan Perkhidmatan Bas.



Jumlah Penumpang Perkhidmatan Bas GoKL Pada 2019

- Jumlah penumpang GoKL yang direkodkan pada 2019 adalah seramai **19,712,679** penumpang
- Purata **54,757 penumpang sehari** untuk 7 laluan bagi tahun 2019
- Purata **1.64 juta penumpang sebulan** untuk 7 laluan bagi tahun 2019.

Laluan	Jan-19	Feb-19	Mac-19	Apr-19	Mei-19	Jun-19	Jul-19	Ogo-19	Sep-19	Okt-19	Nov-19	Dis-19	Jumlah
Ungu	382,068	330,931	361,182	358,337	337,570	341,353	361,298	352,313	333,855	347,282	331,637	336,607	4,174,433
Hijau	513,049	457,980	513,452	504,510	468,384	420,424	451,588	413,000	389,215	397,912	382,282	368,161	5,279,957
Merah	414,730	366,743	396,745	386,064	396,260	354,542	374,230	360,174	344,654	363,926	342,645	343,658	4,444,371
Biru	449,896	374,351	406,457	384,464	386,764	356,638	388,716	358,085	353,275	370,517	354,292	346,747	4,530,202
Jingga		843	46,893	51,342	54,843	50,519	64,894	69,471	62,768	75,233	73,731	75,885	626,422
Merah Jambu				47,406	54,917	56,110	69,286	67,729	70,762	77,826	74,500	68,013	586,549
Biru Firus										6,563	27,845	36,337	70,745
Jumlah	1,759,743	1,530,848	1,724,728	1,732,123	1,698,738	1,579,586	1,710,012	1,620,772	1,554,529	1,639,258	1,586,332	1,575,408	19,712,679

8.2 Bahagian Pengurusan Dan Kawalan Lalu Lintas

8.2.1 Unit Tempat Letak Kereta

i. Fungsi Unit

- a. Menerima dan menyelaraskan permohonan lantikan operator tempat letak kereta terkawal dan bahu jalan.
- b. Memantau pengurusan tempat letak kereta terkawal dan bahu jalan.
- c. Memantau prestasi bayaran sewa bulanan pihak operator tempat letak kereta.
- d. Menerima dan menyelaraskan aduan awam berkenaan perkhidmatan tempat letak kereta.
- e. Memantau penyelenggaraan tempat letak kereta terkawal.
- f. Memantau kelulusan petak khas
- g. Menyelaraskan dan memantau kerja penandaan petak letak kereta di seluruh Kuala Lumpur.

8.2.2 Unit Pengurusan Lalulintas

i. Fungsi Unit

- a. Melaksana Skim Redaan Trafik (Traffic Calming Scheme) bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya.
- b. Menyelaraskan aktiviti mengaudit keselamatan jalan raya bersama-sama agensi seperti MIROS, JKR,
- c. Memasang dan menyelenggara peralatan-peralatan keselamatan jalan raya seperti flexi pole, tiger eyes, bollard, delineator dsb.
- d. Melaksanakan kajian keselamatan ke atas lokasi-lokasi yang kerap berlaku kemalangan.
- e. Melaksanakan garis panduan Skim Kawalan Kejiranan (Guarded Neighbourhood) yang dikeluarkan oleh KPKT.
- f. Memproses permohonan permit berkaitan promosi dan penggambaran.
- g. Memproses dan mengeluarkan kelulusan permohonan pelan pengurusan lalu lintas.

8.2.3 Unit Kawalan Lalulintas

i. Fungsi Unit

- a. Melaksanakan undang-undang kecil larangan kenderaan berat memasuki pusat bandar pada waktu puncak.
- b. Membangun dan menguruskan Sistem Maklumat Keselamatan Jalan Raya.
- c. Mengurus dan memproses permohonan bagi aktiviti Majlis Keselamatan Jalan Raya.
- d. Mengurus dan melantik perkhidmatan pengawal lalu lintas [warden trafik] di sekolah-sekolah, JKJR dan agensi-agensi lain.
- e. Menyemak, mengaudit dan mengeluarkan kelulusan pelan-pelan keselamatan jalan raya.
- f. Merancang, mengkaji dan melaksanakan pemasangan papan tanda tunjuk arah, lalu lintas dan makluman.
- g. Memproses dan mengeluarkan kelulusan permohonan pemasangan papan tanda.
- h. Membantu pihak berkaitan dalam mengurus dan mengoperasi acara-acara rasmi, perhimpunan dan acara yang melibatkan penutupan jalan.
- i. Mengurus dan memproses permohonan skim lalu lintas bagi pembangunan baru.


8.3 Bahagian Pengurusan Pengangkutan Bersepadu (ITIS)

8.3.1 Fungsi Bahagian

- i. Pengumpulan data maklumat lalu lintas.
- ii. Menganalisa data maklumat lalu lintas.
- iii. Melaksanakan kajian lalu lintas.
- iv. Memantau, memproses serta menyebarkan maklumat keadaan semasa lalu lintas kepada pengguna jalan raya.
- v. Mengenalpasti lokasi-lokasi *hot spot*, banjir kilat, kemalangan dan kesesakan.
- vi. Mengoperasikan kerja-kerja bantuan awal untuk insiden yang menyebabkan kesesakan.
- vii. Mengurus dan mengoperasi pusat panggilan dan aduan awam.
- viii. Mengurus rekod-rekod rakaman CCTV untuk tujuan berkaitan dengan keselamatan dan jenayah.
- ix. Melaksanakan inisiatif *Blue Ocean Strategies* bersama-sama agensi berkaitan seperti PDRM, LLM, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat, stesen radio dan lain-lain.
- x. Membuat kajian serta pemasangan Sistem Lampu Isyarat di persimpangan yang wajar.
- xi. Penyemakan dan kelulusan pelan cadangan Sistem Lampu Isyarat di persimpangan bagi pembangunan baru, pembinaan jalan raya baru dan menaiktaraf jalan sedia ada.
- xii. Menyediakan perancangan dan mewujudkan trafik model Kuala Lumpur.
- xiii. Mengurus dan menyelenggara peralatan-peralatan luar iaitu kamera litar tertutup (CCTV), *Variable Message Sign* (VMS), *Automatic Incident Detection* (AID) dan *Communication Cabinet* (CC).
- xiv. Mengurus dan mengendalikan/memantau kerja-kerja pihak ketiga yang berkaitan dengan peralatan luar.
- xv. Mengurus, mengoperasi dan menyelenggara perkakasan dan perisian sistem yang digunakan di Pusat Pengurusan Pengangkutan Bersepadu seperti *Advanced Traffic Management System* (ATMS), *Advanced Traffic Information System* (ATIS), meliputi sistem laman web, video *streaming*, SMS *Getway* dan 3G Webcam.
- xvi. Menguruskan pelawat dan pengunjung ke Pusat Pengurusan Pengangkutan Bersepadu.
- xvii. Merancang dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian maklumat trafik menggunakan teknologi terkini.
- xviii. Pemasangan Sistem Lampu Isyarat Pejalan Kaki.
- xix. Melaksanakan kerja-kerja menghubungkan lampu isyarat pelbagai sistem dengan bilik kawalan.
- xx. Pemasangan sistem CCTV untuk pemantauan trafik dan pencegahan jenayah.
- xxi. Pengurusan dan bayaran bil-bil komunikasi serta sewaan alat-alat pemantauan lalu lintas.
- xxii. Merancang dan melaksanakan kerja-kerja pemasangan sistem penguatkuasaan berasaskan elektronik melalui sistem terkini.
- xxiii. Merancang dan melaksanakan Sistem *Parking Guidance Information System* (PGIS).
- xxiv. Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Bertindak (*Task Force*).

LAPORAN JUMLAH PENGIKUT LAMAN SOSIAL ITIS DBKL TAHUN 2019

FACEBOOK, TWITTER DAN FACEBOOK PAGE



327

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

9.0 AKTIVITI UNIT JABATAN SEPANJANG TAHUN 2019



PROGRAM LAWATAN TEKNIKAL OLEH YANG DIHORMATI DATUK SERI KETUA POLIS KUALA LUMPUR KE PUSAT PENGURUSAN PENGANGKUTAN BERSEPADU (ITIS) PADA 22 FEBRUARI 2019



Lawatan Sambil Belajar Ke ITIS Oleh Asia Pacifik Smart School Pada 28 Februari 2019



Lawatan Dari U.S Embassy Kuala Lumpur Ke Pusat Pengurusan Pengangkutan Bersepadu ITIS Pada 14 Mac 2019



Educational Visit To Pusat Pengurusan Pengangkutan Bukit Jalil Oleh International Islamic University Malaya (IIUM) Pada 18 April 2019



Lawatan Akademik : Sustainable Transportation – Intergrated Transport Information System (ITIS) Oleh Politeknik Ungku Omar Pada 29 April 2019



Lawatan Datuk Bandar Kuala Lumpur Ke ITIS Pada 9 Julai 2019



Request For Visit To Your Organization Oleh Embassy Of Korea Pada 31 Julai 2019



Lawatan Sambil Belajar Penuntut Kursus Jurutera Perisian Sistem Command And Control (C2) ATM Siri 7/2019 Ke ITIS Oleh Markas TUDM Sg. Buluh Pada 29 Ogos 2019



Pengurusan Wasiat Anjuran Amanah Raya Pada 26 September 2019



Lawatan Daripada Jawatankuasa Penasihat Pengangkutan Awam & Prasarana Pada 30 September 2019



Lawatan Penanda Aras Majlis Bandaraya Ipoh Ke Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Pada 12 September 2019



Lawatan Universiti Malaya Ke Pusat Pengurusan Pengangkutan (ITIS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Pada 15 Oktober 2019



Transportation Research (CTR), Universiti Malaya Pada 6 November 2019



Lawatan Sambil Belajar Peserta Kursus Training Programme For National Agency Of Project Management (NAMP) Under The President's Office Of The Republic Of Uzbekistan (RGSBM) Ke Pusat Pengurusan Pengangkutan (ITIS), DBKL Pada 15 Disember 2019

**STATISTIK PELAWAT KE PUSAT PENGURUSAN PENGANGKUTAN (ITIS),
BUKIT JALIL BAGI TAHUN 2019**

Bil	Tarikh & Masa	Agensi	Bilangan	Penyampai Taklimat
1.	20 Februari 2019	Kementerian Kerja Raya	20 Orang	JTRA Musalman
2.	22 Februari 2019	Ketua Polis KI Bersama Delegasi & PEPP	100 Orang	JTRA Musalman
3.	26 Februari 2019	Ahli Lembaga Penasihat DBKL	15 Orang	JTRA Musalman
3.	28 Februari 2019	Asia Pacific Smart School	44 Orang	JTRA Musalman
4.	14 Mac 2019	Us Embassy	6 Orang	TPKA Sabudin
5.	18 Mac 2019	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	30 Orang	JTRA Shahrizal
6.	18 April 2019	IIUM	40 Orang	JTRA Nazri
7.	29 April 2019	Politeknik Ungku Omar	35 Orang	JTRA Nazri
8.	28 Mei 2019	KSU, KWP	20 Orang	JTRA Nazri
9.	9 Julai 2019	Datuk Bandar KL	25 Orang	JTRA Nazri
10.	31 Julai 2019	Embassy Of Korea	10 Orang	JTRA S.Azlan
11.	29 Ogos 2019	Markas TUDM Sg. Buluh	30 Orang	PTM Hariz
12.	12 September 2019	Majlis Bandaraya Ipoh	20 Orang	Tp Yu Chuan Hock
13.	26 September 2019	Amanah Raya	80 Orang	TP Yu Chuan Hock
14.	30 September 2019	Penasihat Pengangkutan Awam	20 Orang	TP Yu Chuan Hock
15.	15 Oktober 2019	Lawatan Universiti Malaya	20 Orang	TP Yu Chuan Hock
16.	23 Oktober 2019	Lawatan Menteri Wilayah Persekutuan Ke ITIS	80 Orang	Pengarah
17.	6 November 2019	Lawatan Universiti Malaya	20 Orang	TP Yu Chuan Hock
18.	5 Disember 2019	Lawatan Uzbekistan	20 Orang	TP Yu Chuan Hock

PERKHIDMATAN BAS GO KL



- Laluan Jingga merupakan laluan GoKL yang ke – 5
- Dirasmikan pada 28 Februari 2019 dan merupakan laluan *first mile* pertama yang diperkenalkan
- Kawasan operasi bermula dari Hub Titiwangsa ke MINDEF dengan laluan sepanjang 10.4km

Teras 6
Bas Go KL



Laluan Jingga (Hub Titiwangsa – MINDEF)

INISIATIF WILAYAH PEDULI





- Laluan Merah Jambu merupakan laluan GoKL yang ke – 6
- Dirasmikan pada 1 April 2019 dan merupakan laluan *first mile* yang kedua diperkenalkan
- Kawasan operasi bermula dari LRT Universiti ke PPR Sri Pantai dengan laluan sepanjang 7.3km

Teras 6

Bas Go KL



Laluan Merah Jambu (LRT Universiti – PPR Sri Pantai)

INISIATIF WILAYAH PEDULI



- Laluan Biru Firus merupakan laluan GoKL yang ke – 7
- Pelancaran laluan & Aplikasi Bas GoKL diadakan pada 22 Oktober 2019 dan merupakan laluan *first mile* ketiga yang diperkenalkan
- Pelancaran Aplikasi Bas GoKL bertujuan untuk membolehkan pengguna merancang masa perjalanan di samping menggalakkan warga kota menaiki kenderaan awam
- Kawasan operasi bermula dari LRT Dato' Keramat ke Flat Kelompok Bambu (Setiawangsa) dengan laluan sepanjang 10.4km

Teras 6

Bas Go KL



Laluan Biru Firus (LRT Dato' Keramat – Flat Kelompok Bambu Setiawangsa)


INISIATIF WILAYAH PEDULI





LAPORAN
**PENYATA
KEWANGAN**

*** www.fiskal.go.id ***





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 38, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Lembaga Penasihat juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lembaga Penasihat bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Penasihat.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Penasihat dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memberi gambaran yang saksama.

Hai-hai Lain

a. Pendapatan Tertunda

Pendapatan Tertunda seperti dinyatakan dalam Nota 11 kepada penyata kewangan adalah berkaitan penerimaan jualan aset yang belum selesai. Pendapatan tertunda ini akan direalisasikan kepada Hasil Urus Niaga Pertukaran apabila proses penjualan aset telah disempurnakan dan pelupusan aset tersebut dilaksanakan pada masa yang sama. Bagaimanapun, terdapat beberapa aset DBKL yang telah didaftarkan di bawah nama pihak ketiga namun proses penjualan aset tersebut belum selesai sepenuhnya. DBKL hendaklah memastikan proses penjualan aset yang telah didaftarkan atas nama pihak ketiga ini disempurnakan untuk membolehkan Hasil Urus Niaga Pertukaran dapat diiktiraf pada penyata kewangan masa hadapan.


- b. Sijil ini dibuat untuk Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur berdasarkan Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960 dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK NIK AZMAN BIN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA


PUTRAJAYA

3 FEBRUARI 2021



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**PERAKUAN PENGURUSAN KEWANGAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**

Saya, **DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN**, Datuk Bandar **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** yang menjalankan tugas-tugas Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan ini, mengatakan bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR** pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.



DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN, DPMS, SMS
DATUK BANDAR
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bertarikh :

24 JUN 2020

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

AKUAN BERKANUN

Saya, **MOHAMAD BIN HAMIM**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**, dengan ikhlas mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa perkara ini adalah benar dan atas kehendak peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

340

Ditandatangani dan diperakui oleh }
 yang tersebut di atas, }
MOHAMAD BIN HAMIM C.A (M) }
 di **Kuala Lumpur** }
 pada **Wilayah Persekutuan** }



24 JUN 2020

Dihadapan saya, _____


MALAYSIA PESURUHJAYA SUMPAH



NO.33-4 JALAN MEDAN TUANKU 50300
 KUALA LUMPUR

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
ASET			
Aset semasa			
Baki bank dan wang tunai		93,592,059	143,777,071
Deposit tetap di institusi kewangan		6,720,200,202	6,287,604,550
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	4	293,710,929	245,082,125
Urusniaga pertukaran belum terima	5	530,987,289	777,726,833
Inventori	6	3,444,777	4,033,462
		7,641,935,256	7,458,224,041
Aset bukan semasa			
Hartanah, loji dan peralatan	7	11,065,226,123	10,151,334,033
Aset kewangan lain	8	107,714,868	124,467,012
Aset hartanah untuk dijual	9	3,020,283	760,072,323
Urusniaga pertukaran belum terima	5	236,794,297	228,624,247
		11,412,755,571	11,264,497,615
JUMLAH ASET		19,054,690,827	18,722,721,656
LIABILITI			
Liabiliti semasa			
Urusniaga pertukaran belum bayar	10	1,032,120,658	1,361,139,124
Pendapatan tertunda	11	1,002,543,893	715,923,713
Pinjaman	12	3,174,443	3,026,367
Penerimaan terdahulu	13	1,250,676	1,235,607
Peruntukan manfaat kakitangan	14	4,539,291	4,393,838
		2,043,628,961	2,085,718,649
Liabiliti bukan semasa			
Kumpulan wang	15	406,061,290	213,529,249
Pinjaman	12	106,331,627	109,506,069
Penerimaan terdahulu	13	125,210,638	211,853,356
Peruntukan manfaat kakitangan	14	39,919,047	39,478,785
		677,522,602	574,367,459
JUMLAH LIABILITI		2,721,151,563	2,660,086,108
ASET BERSIH		16,333,539,264	16,062,635,548
EKUITI/ASET BERSIH			
Lebihan terkumpul		2,648,796,355	2,245,666,415
Rizab		13,684,742,909	13,816,969,133
JUMLAH EKUITI/ASET BERSIH		16,333,539,264	16,062,635,548

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
HASIL			
Urusniaga bukan pertukaran			
Cukai taksiran		1,290,023,018	1,217,122,106
Bantuan daripada kerajaan		34,839,584	9,727,547
Peruntukan projek pembangunan direalisasi	15	391,430,168	414,491,768
Pindahan aset hartanah daripada kerajaan		-	56,000,000
Terimaan luar direalisasi		4,726,761	-
Denda		27,074,023	30,695,491
Lesen		51,909,499	55,521,848
		1,800,003,053	1,783,558,760
Urusniaga pertukaran			
Kawalan binaan dan perancangan		533,009,305	667,939,586
Faedah daripada pelaburan		260,417,839	239,233,580
Sewaan perumahan		59,198,078	59,292,292
Sewaan lain		75,521,804	86,442,241
Hasil dari projek penswastaaan		18,429,684	164,911,134
Keuntungan dari pelupusan aset		145,051,524	461,224,222
Pendapatan operasi perbadanan pengurusan		52,968,322	34,383,255
Lain-lain hasil		225,975,864	126,201,724
		1,370,572,420	1,839,628,034
JUMLAH HASIL		3,170,575,473	3,623,186,794
BELANJA			
Belanja mengurus			
Kos kakitangan	16	530,791,418	532,915,310
Perkhidmatan dan bekalan	17	941,404,033	1,017,865,176
Pemberian dan kenaaan tetap		38,244,016	39,888,398
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		217,116,525	214,549,237
Kerugian daripada pelupusan aset		16,048,465	40,529,636
Kos kewangan		4,007,986	4,153,682
Perbelanjaan operasi perbadanan pengurusan		62,756,419	21,731,065
Perbelanjaan mengurus lain	18	330,996,513	249,845,922
Belanja pembangunan dan penyelenggaraan	19	758,306,382	815,492,593
JUMLAH PERBELANJAAN		2,899,671,757	2,936,971,019
LEBIHAN TAHUN SEMASA		270,903,716	686,215,775

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

	Rizab pembangunan RM	Rizab modal RM	Rizab penjualan rumah RM	Tabung pinjaman RM	Tabung amanah RM	Kumpulan wang perumahan RM	Lebihan terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2018, <i>seperti dinyatakan sebelum</i> Kesan penggunaan MPSAS	857,298,169	11,291,251,508 364,586,925	396,201,028	17,926,729	3,564,991	84,600,000	2,344,741,603 16,248,820	14,995,584,028 380,835,745
Pada 1 Januari 2018, <i>seperti dinyatakan semula</i>	857,298,169	11,655,838,433	396,201,028	17,926,729	3,564,991	84,600,000	2,360,990,423	15,376,419,773
Lebihan tahun semasa	-	-	-	-	-	-	686,215,775	686,215,775
Belanja pembangunan	(813,637,376)	632,322,936	-	-	-	(102,626,569)	283,941,009	-
Pelupusan aset	-	(147,961,634)	-	-	-	-	147,961,634	-
Hapuskira pinjaman	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan lain	847,876,467	203,613,954	(725,000)	44,493,200	43,580	122,261,569	(1,217,563,770)	-
Pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan*	-	-	15,878,656	-	-	-	(15,878,656)	-
Pada 31 Disember 2018, <i>seperti dinyatakan semula</i>	891,537,260	12,343,813,689	411,354,684	62,419,929	3,608,571	104,235,000	2,245,666,415	16,062,635,548

*Merujuk kepada pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan bagi penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat, DBKL.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)

	Rizab pembangunan RM	Rizab modal RM	Rizab penjualan rumah RM	Tabung pinjaman RM	Tabung amanah RM	Kumpulan wang perumahan RM	Lebihan terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2019,	891,537,260	12,343,813,689	411,354,684	62,419,929	3,608,571	104,235,000	2,245,666,415	16,062,635,548
Lebihan tahun semasa	-	-	-	-	-	-	270,903,716	270,903,716
Belanja pembangunan	(719,730,069)	372,456,162	-	-	-	(147,911,383)	495,185,290	-
Pelupusan aset	-	(27,043,668)	-	-	-	-	27,043,668	-
Hapuskira pinjaman	-	-	-	-	-	-	-	-
Pindahan lain	375,959,569	(111,224,624)	(370,488)	(44,493,200)	(1,133,054)	152,301,383	(371,039,586)	-
Pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan*	-	-	18,963,148	-	-	-	(18,963,148)	-
Pada 31 Disember 2019	547,766,760	12,578,001,559	429,947,344	17,926,729	2,475,517	108,625,000	2,648,796,355	16,333,539,264

*Merujuk kepada pindahan mengikut keputusan Menteri Wilayah Persekutuan bagi penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat, DBKL.

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan tahun semasa	270,903,716	686,215,775
Pelarasan untuk:		
Peruntukan/(Penulisan) hutang ragu	35,018,734	(3,231,561)
Keuntungan ke atas jualan aset tetap	(129,003,059)	(420,694,586)
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	217,116,525	214,549,237
(Keuntungan)/Kerugian perubahan nilai saksama aset kewangan lain	(1,919,352)	37,203,710
Pemindahan aset hartanah daripada kerajaan	-	(56,000,000)
Rosotnilai aset hartanah untuk dijual	-	133,202,534
Peruntukan manfaat kakitangan	4,290,777	4,232,970
Geran pembangunan direalisasi	(391,430,168)	(414,491,768)
Faedah dari pelaburan	(257,520,414)	(236,388,431)
Faedah penjualan rumah	(2,897,424)	(2,474,350)
Faedah penghutang pajakan	(7,875,485)	(6,702,184)
Kos kewangan	4,007,986	4,153,682
Pendapatan dividen	(1,912,446)	(1,751,499)
Kerugian dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja	(261,220,610)	(62,176,471)
Perubahan dalam:		
Penghutang	135,902,540	282,308,834
Inventori	588,685	313,447
Pemiutang	(74,176,669)	268,587,054
Tunai dijana dari aktiviti operasi	(198,906,054)	489,032,864
Bayaran manfaat kakitangan	(3,705,062)	(5,401,452)
Faedah diterima	232,256,472	239,701,915
Tunai bersih dijana dari aktiviti operasi	29,645,356	723,333,327
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Penerimaan dari:		
Pelupusan aset tetap	239,978,368	544,142,973
Pelupusan aset untuk dijual	43,769,916	42,911,906
Pelupusan aset kewangan	20,000,000	-
Pembelian aset tetap	(528,117,856)	(697,296,178)
Pembalikan semula penjualan tanah	-	(59,172,376)
Terimaan sewa pajakan	-	10,236,822
Dividen diterima	207,000	370,800
Tunai bersih (digunakan untuk) dari aktiviti pelaburan	(224,162,572)	(158,806,053)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)**

	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Bayaran balik pinjaman jangka panjang	(3,026,367)	(3,007,206)
Terimaan pembiayaan projek kerajaan dan swasta (Nota 15)	586,094,255	347,276,212
Bayaran pembiayaan projek kerajaan dan swasta (Nota 15)	(2,132,046)	(737,182)
Kos Kewangan	(4,007,986)	(4,153,682)
Tunai bersih dijana dari aktiviti pembiayaan	576,927,856	339,378,142
PERTAMBAHAN BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
	382,410,640	903,905,416
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		
	6,431,381,621	5,527,476,205
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		
	6,813,792,261	6,431,381,621
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
Wang tunai dan dana jangka pendek	93,592,059	143,777,071
Deposit tetap	6,720,200,202	6,287,604,550
	6,813,792,261	6,431,381,621

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	<u>Bajet asal</u> RM	<u>Bajet akhir</u> RM	<u>Amaun sebenar</u> <u>pada asas</u> <u>setanding</u> RM	<u>Perbezaan</u> <u>bajet akhir dan</u> <u>amaun sebenar</u> RM
TERIMAAN				
Cukai taksiran	1,209,000,000	1,209,000,000	1,198,416,606	(10,583,394)
Bantuan daripada kerajaan	19,000,000	19,000,000	51,042,774	32,042,774
Denda	28,000,000	28,000,000	27,074,023	(925,977)
Lesen	60,700,000	60,700,000	51,909,499	(8,790,501)
Kawalan binaan dan perancangan	410,000,000	410,000,000	533,009,305	123,009,305
Faedah daripada pelaburan	235,000,000	235,000,000	242,030,771	7,030,771
Sewaan perumahan	59,500,000	59,500,000	55,379,251	(4,120,749)
Sewaan lain	62,200,000	62,200,000	43,422,335	(18,777,665)
Hasil dari projek penswastaaan	51,500,000	51,500,000	35,361,820	(16,138,180)
Lain-lain hasil	330,750,000	330,750,000	701,464,677	370,714,677
JUMLAH TERIMAAN	2,465,650,000	2,465,650,000	2,939,111,061	473,461,061
BELANJA MENGURUS				
Emolumen	505,268,700	505,268,700	464,888,483	(40,380,217)
Elaun lebih masa	66,349,000	66,349,000	65,902,059	(446,941)
Perkhidmatan dan Bekalan				
Pengurusan dan Pentadbiran	214,580,300	233,947,100	203,070,092	(30,877,008)
Pembersihan Bandar	231,600,000	228,272,600	224,720,556	(3,552,044)
Penhijauan, Penyelenggaraan				
Taman, Tanah Lapang dan				
Kemudahan Rekreasi	70,510,000	68,104,900	57,352,053	(10,752,847)
Jalan Raya dan Saliran	124,150,000	106,599,000	98,643,316	(7,955,684)
Lampu Jalan dan Kemudahan Sistem				
Lalulintas	95,175,000	91,794,500	89,424,298	(2,370,202)
Tempat Letak Kereta, Hentian Bas				
dan Siarkaki	6,300,000	16,085,000	13,937,653	(2,147,347)
Penyelenggaraan, Naik Taraf dan				
Ubahsuai Bangunan	35,478,800	37,682,000	34,540,376	(3,141,624)
Penjaja dan Peniaga Kecil	21,065,000	26,909,200	26,095,823	(813,377)
Penguatkuasaan	30,452,000	27,147,500	19,800,176	(7,347,324)
Perumahan Awam dan Rakyat	141,930,000	144,895,000	119,794,331	(25,100,669)
Kesihatan	6,855,000	6,855,000	5,283,023	(1,571,977)
Pembangunan Komuniti	66,885,000	55,250,900	44,549,926	(10,700,974)
Kebudayaan, Kesenian dan Sukan	6,810,000	6,610,000	5,653,369	(956,631)
Pelancongan	2,580,000	1,750,000	1,580,094	(169,906)
Aset kecil (Inventori)	5,296,600	6,897,700	4,946,435	(1,951,265)
Pemberian dan kenaaan tetap	46,122,500	53,141,400	50,146,916	(2,994,484)
Perbelanjaan lain	16,705,600	10,554,000	9,650,625	(903,375)
	1,694,113,500	1,694,113,500	1,539,979,604	(154,133,896)

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 (SAMBUNGAN)**

	<u>Bajet asal</u> RM	<u>Bajet akhir</u> RM	<u>Amaun sebenar</u> <u>pada asas</u> <u>setanding</u> RM	<u>Perbezaan</u> <u>bajet akhir dan</u> <u>amaun sebenar</u> RM
BELANJA PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN				
Pembangunan am	377,408,500	374,249,300	347,017,096	(27,232,204)
Perkhidmatan kemajuan	579,860,000	697,507,000	687,467,819	(10,039,181)
Perumahan awam	78,100,000	144,274,000	143,428,310	(845,690)
Perumahan rakyat	26,135,000	5,348,500	3,987,840	(1,360,660)
Tempat letak kereta	59,700,000	56,941,000	56,250,461	(690,539)
Aset modal	80,983,000	36,516,400	34,002,041	(2,514,359)
	1,202,186,500	1,314,836,200	1,272,153,567	(42,682,633)
JUMLAH PERBELANJAAN	2,896,300,000	3,008,949,700	2,812,133,171	(196,816,529)
TERIMAAN BERSIH	(430,650,000)	(543,299,700)	126,977,890	670,277,590

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AM

1.1 Maklumat Am

Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang mentadbir Bandaraya Kuala Lumpur. Datuk Bandar adalah perbadanan tunggal di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960. Semua kuasa pentadbiran Datuk Bandar Kuala Lumpur digariskan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976. Kedua-dua akta di atas dibaca bersama.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur selaku pihak yang berkuasa untuk meluluskan Penyata Kewangan berdasarkan Seksyen 54(3) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 di Mesyuarat Khas Pembentangan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 24 Jun 2020.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 dan Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960 dan Piawaian Perakaunan untuk Sektor Awam Malaysia (MPSAS – *Malaysian Public Sector Accounting Standards*).

2.2 Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.3 Matawang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia (“RM”), iaitu matawang fungsian untuk DBKL.

2.4 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terlibat.

Tiada bahagian signifikan dalam ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Instrumen Kewangan

3.1.1 Aset Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila DBKL menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen berkenaan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Aset-aset kewangan dikelaskan seperti berikut:

- Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit.
- Pinjaman dan Penghutang;
- Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang; dan
- Aset Kewangan Sedia Dijual.

Pengkelasan aset kewangan adalah bergantung kepada tujuan aset kewangan berkenaan diperolehi. Pembelian atau jualan aset kewangan yang memerlukan serahan aset dalam rangka masa yang ditetapkan oleh pasaran adalah diiktiraf di waktu komitmen pembelian dibuat.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan, aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrumen hutang yang serupa.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk aset-aset kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

i. Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit

Aset Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebihan atau Defisit termasuk aset kewangan dipegang untuk diniagakan dan aset kewangan yang ditetapkan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperolehi bagi tujuan jualan atau belian semula di masa terdekat. Aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit dinyatakan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama yang mana perubahan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

ii. Pinjaman dan Penghutang

Instrumen Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan adalah aset kewangan yang mempunyai jadual bayaran yang telah ditetapkan atau ditentukan di mana aset kewangan ini tidak disenaraikan dalam pasaran aktif. Penilaian berikutnya bagi aset kewangan ini adalah pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, selepas penjejasan nilai.

Instrumen pinjaman yang dikelaskan sebagai aset atau liabiliti semasa dinyatakan pada jumlah tunai tanpa didiskaunkan atau jumlah balasan yang akan diterima atau dibayar kecuali jika urusan berkenaan sebenarnya adalah transaksi pembiayaan.

iii. Aset Pelaburan Dipegang Sehingga Matang

Aset kewangan yang mempunyai ketetapan matang dan bayaran tetap (atau boleh ditentukan ketetapannya) dikelaskan sebagai dipegang sehingga matang apabila DBKL berhasrat positif dan berkemampuan untuk memegang aset berkenaan sehingga matang. Selepas taksiran awal, aset berklasifikasi begini akan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif selepas penjejasan nilai. Kos terlunas ditentukan dengan mengambil kira sebarang premium atau diskaun pada tarikh perolehan termasuk fi dan kos yang bersepadu sebagai faedah efektif. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

iv. Aset Kewangan Sedia Dijual

Aset Kewangan Sedia Dijual merupakan aset bukan derivatif yang ditentukan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasi sebagai pinjaman dan penghutang, aset pelaburan dipegang sehingga matang atau aset kewangan pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit.

Selepas taksiran awal, aset kewangan sedia dijual akan ditaksir pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke aset bersih melalui Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti sehinggalah aset berkenaan dinyahiktiraf. Penyahiktirafan ini dibuat melalui lebihan atau defisit.

(c) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain tanpa mengekalkan kawalan atau risiko dan ganjaran atas aset tersebut pada kuantum yang signifikan. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperoleh tolak sebarang liabiliti baru diambil alih) diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak tamat atau dibatalkan atau luput. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau diambil alih liabilitinya, diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(d) Penjejasan Nilai untuk Aset Kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan dianggap mengalami penjejasan nilai apabila terdapat bukti objektif tentang penjejasan nilai disebabkan kejadian selepas tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian penjejasan nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

i. Aset Kewangan dinyatakan Pada Kos Terlunas

Untuk aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas, semakan awal dibuat untuk menentukan samada terdapat, secara individual, bukti objektif tentang penjejasan nilai untuk aset kewangan yang signifikan secara individual, atau secara kolektif untuk aset yang tidak signifikan bila berdiri secara individual.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai ditaksir sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian penjejasan nilai tersebut diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira menerusi akaun peruntukan tersebut. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf ke lebihan atau defisit.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian penjejasan nilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas penjejasan nilai tersebut diiktiraf, kerugian penjejasan nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf ke lebihan atau defisit.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

ii. Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan sedia untuk dijual dijejasnilai.

‘Signifikan’ bermaksud bandingan kepada kos asal manakala ‘berpanjangan’ bermaksud bandingan kepada tempoh nilai saksama jatuh dari paras kos asal.

Jika aset kewangan sedia untuk dijual dijejasnilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf sebelum ini di dalam lebih atau defisit, dipindah daripada rizab di dalam ekuiti ke lebih atau defisit.

Untuk instrumen hutang yang diklasifikasi sebagai sedia untuk dijual, semakan penjejasan nilai menggunakan asas yang sama dengan aset kewangan dinyatakan pada kos terlunas. Walau bagaimanapun, amaun yang dinyatakan untuk penjejasan nilai ialah kerugian kumulatif ditaksir sebagai perbezaan di antara kos terlunas dan nilai saksama selepas sebarang kerugian ke atas pelaburan yang dahulunya pernah diiktiraf ke lebih atau defisit.

3.1.2 Liabiliti Kewangan

(a) Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Liabiliti kewangan yang terkandung di dalam skop MPSAS 29 diklasifikasikan mengikut kesesuaian sebagai: -

- liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui lebih atau defisit, atau
- pinjaman dan pembiayaan.

Klasifikasi ini ditentukan semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan termasuk pemiutang dagangan dan pemiutang lain, overdraf bank, pinjaman dan pembiayaan, dan kontrak jaminan kewangan.

Semua liabiliti kewangan asalnya diiktiraf pada nilai saksama dan, untuk pinjaman dan pembiayaan, dicampur kos transaksi langsung berkaitan.

(b) Penilaian Berikutan

Penilaian berikutan untuk liabiliti kewangan bergantung kepada klasifikasi masing-masing.

i. Liabiliti Kewangan Pada Nilai Saksama melalui Lebih atau Defisit

Liabiliti ini termasuk liabiliti kewangan dipegang untuk diniagakan dan liabiliti kewangan ditentukan di waktu pengiktirafan asalnya pada nilai saksama melalui lebih atau defisit.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk diniagakan sekiranya diperoleh dengan tujuan untuk dijual dalam tempoh terdekat.

Keuntungan atau kerugian dari liabiliti dipegang untuk diniagakan diiktiraf ke lebih atau defisit.

ii. Pinjaman dan Pembiayaan

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman mengandungi faedah dan pembiayaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke lebih atau defisit apabila liabiliti dinyahiktiraf dan juga melalui proses pelunasan berkaedah faedah efektif.

Kos pelunasan dibuat dengan mengambil kira sebarang diskaun atau premium semasa pengambilan dan fi atau kos yang berhubung dengan kadar faedah efektif.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(c) Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi telah dipisah keluar, dibatal atau tamat.

Apabila liabiliti kewangan sedia ada ditukar dengan yang lain oleh pemiutang yang sama pada terma yang ketara perbezaannya, atau terma liabiliti sedia ada dimodifikasi secara ketara, pertukaran atau modifikasi berkenaan dikaedahkan sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan di antara nilai bawa diiktiraf ke lebihan atau defisit.

(d) Hapus silang (Offsetting) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan dihapus silang dan nilai bersih dilaporkan di dalam penyata kedudukan kewangan sekiranya terdapat hak perundangan yang boleh dikuatkuasakan untuk menghapus silang amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan secara asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

3.2 Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan tunai setara adalah tunai di tangan, baki dalam bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.3 Inventori

Inventori dinyatakan pada kos lebih rendah dan nilai terealisasi bersih selepas ditolak kos penyiapan dan pengedaran. Walaubagaimanapun, untuk kelas inventori yang diedarkan atau digunakan tanpa sebarang bayaran atau dengan bayaran yang nominal, kelas inventori tersebut dinyatakan pada yang lebih rendah antara kos dan kos penggantian semula.

Kos barangan ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Kos termasuk harga pembelian sebenar dan kos sampingan yang ditanggung dalam membawa inventori ke lokasi kini.

3.4 Hartanah, loji dan peralatan

(a) Pengiktirafan dan ukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada harga kos setelah ditolak susut nilai dan penjejasan nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepadu dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Sekiranya aset diperolehi melalui transaksi bukan pertukaran, tanpa sebarang kos atau balasan nominal, dan di mana nilai saksama boleh ditentukan, aset tersebut pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan sebagai pendapatan di dalam penyata prestasi kewangan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan boleh diperolehi dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai dibawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke lebihan atau defisit, di mana berkenaan.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh diukur dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke lebihan atau defisit.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.4 Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

(a) Pengiktirafan dan ukuran (sambungan)

Kerja dalam proses merujuk kepada kos perbelanjaan yang belum lagi disempurnakan pada akhir tempoh kewangan yang berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan termasuk pengambilan tanah. Setelah projek siap dan mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja, pengkelasan ke kategori aset yang berkenaan akan dilakukan.

(b) Susut Nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusutnilaikan secara berasingan.

Tanah milik bebas dan kerja dalam proses tidak disusutnilaikan.

Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:-

Tanah pajakan	Sepanjang jangka pajak
Bangunan	50 tahun
Kenderaan dan Jentera	5 tahun
Peralatan	5 tahun
Gerai perniagaan	10 tahun
Taman dan Rekreasi	50 tahun
Rumah panjang	10 tahun
Infrastruktur	50 tahun

Nilai bawa aset akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Hartanah, loji dan peralatan akan dinyatakan ke nilai pulih semula kurang dari nilai bawa. Nilai pulih semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai bersih boleh direalisasikan dan nilai penggunaannya.

3.5 Aset Hartanah untuk Dijual

Aset hartanah untuk dijual terdiri daripada unit-unit bangunan siap yang dikenalpasti dalam program jualan DBKL dan dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah.

3.6 Manfaat Pekerja

Manfaat pekerja berkenaan upah, gaji, bonus dan gantian cuti rehat dikira atas dasar tanpa diskaun dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja.

Bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan Tahun Semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan diiktiraf secara akruan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai peruntukan manfaat kakitangan.

Jenis peruntukan manfaat kakitangan yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat. Pengiraan peruntukan gantian cuti rehat adalah berdasarkan kaedah penilaian aktuari yang dijalankan pada setiap (5) tahun.

Keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari diiktiraf dalam Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku sepenuhnya.

3.7 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila DBKL mempunyai obligasi semasa (secara konstruktif dan perundangan), kesan daripada peristiwa lalu dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan amaun obligasi itu boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan disemak pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk membayangkan anggaran semasa terbaik. Jika tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi berkenaan, peruntukan tersebut akan dibalikkan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Liabiliti Rehabilitasi

Kos rehabilitasi diperuntukkan pada nilai semasa kos jangkaan untuk menyelesaikan obligasi, menggunakan anggaran aliran tunai sebagai sebahagian kos aset berkenaan. Aliran tunai didiskaunkan pada kadar sebelum cukai semasa yang menggambarkan risiko spesifik untuk liabiliti rehabilitasi berkenaan. Perungkaian diskaun dicaj sebagai kos kewangan di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Anggaran kos di masa hadapan untuk pemberhentian dikaji secara tahunan dan diselaraskan sebagaimana yang sesuai. Perubahan kepada anggaran kos di masa hadapan atau kadar diskaun yang digunakan akan dicampur atau ditolak dari kos asal aset berkenaan.

(b) Liabiliti Kontingen

DBKL tidak mengiktiraf liabiliti kontingen, tetapi memberi penerangan tentang kontingensi di dalam nota kepada penyata kewangan, kecuali kemungkinan aliran sumber ekonomi adalah terpencil.

3.8 Sifat dan tujuan rizab

Rizab Pembangunan dan Rizab Modal

Untuk pembiayaan projek penyelenggaraan, infrastruktur dan aset hartanah, loji dan peralatan menggunakan dana dalaman, DBKL mewujudkan Rizab Pembangunan sebagai sebahagian dari ekuiti. Kewujudan dan penggunaan dana khas untuk setiap projek berkenaan adalah seperti berikut:-

i. Perbelanjaan modal

- Jumlah bersamaan dengan bajet dipindahkan dari Lebihan Terkumpul ke Rizab Pembangunan
- Pindahan dari Rizab Pembangunan ke Rizab Modal dibuat mengikut jumlah perbelanjaan.

ii. Perbelanjaan lain

- Jumlah bersamaan dengan bajet dipindahkan dari Lebihan Terkumpul ke Rizab Pembangunan
- Pindahan dari Rizab Pembangunan ke Lebihan Terkumpul dibuat mengikut jumlah perbelanjaan.

iii. Penjualan aset dan hapuskira

Rizab Modal akan direalisasi secara pindahan ke Lebihan Terkumpul apabila aset berkenaan dijual atau dihapuskira.

Rizab Nilai Saksama

Merujuk kepada untung atau rugi nilai saksama yang tidak direalisasi bagi aset kewangan sedia dijual.

Tabung Pinjaman

(a) *Tabung Pinjaman Pelajaran*

Tabung ini bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pegawai dan kakitangan DBKL serta anak pegawai dan kakitangan DBKL untuk melanjutkan pelajaran.

(b) *Tabung Pinjaman Peribadi*

Tabung ini bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pegawai dan kakitangan DBKL yang berhadapan dengan keberhutangan wang yang berat.

(c) *Tabung Pinjaman Kenderaan*

Tabung ini bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pegawai dan kakitangan DBKL untuk membeli kenderaan.

(d) *Tabung Pinjaman Komputer*

Tabung ini bertujuan untuk memberi pinjaman kepada pegawai dan kakitangan DBKL untuk membeli komputer dan telefon bimbit.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(e) Tabung Pinjaman Skim Pembiayaan Khas Pembelian Rumah Kos Sederhana Rendah dan Kos Rendah

Tabung ini bertujuan untuk membantu wargakota yang tidak layak mendapat pinjaman atau pembiayaan daripada institusi kewangan bagi membeli rumah kos sederhana rendah dan kos rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang dibina oleh Pemaju Swasta. DBKL telah melantik Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) untuk menguruskan pinjaman tersebut.

Rizab Penjualan Rumah

Memorandum Jemaah Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar mengenai “mekanisme dan prosedur pelaksanaan Skim Pembiayaan Khas bagi penjualan rumah Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Perumahan Awam DBKL” bertarikh Januari 2012 telah menetapkan penyediaan peruntukan khas daripada terimaan hasil penjualan Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat sebagai Rizab Penjualan Rumah seperti berikut:

- 3.8.1 Peruntukan 20% bagi tujuan pembelian semula
- 3.8.2 Peruntukan 20% bagi tujuan pembangunan projek perumahan awam dan pembelian perumahan swasta
- 3.8.3 Peruntukan 10% bagi tujuan bantuan sewa rumah
- 3.8.4 Peruntukan 50% bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan

Tabung Amanah

(a) Tabung Amanah Bencana Alam

Tabung ini bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kerana kemusnahan rumah kediaman di Kuala Lumpur akibat banjir, kebakaran dan tanah runtuh.

3.9 Kumpulan Wang (KW)

Untuk pembiayaan projek infrastruktur dan aset hartanah, loji dan peralatan menggunakan dana sumbangan pihak luar, DBKL mewujudkan KW sebagai liabiliti bukan semasa. Kewujudan dan penggunaan dana khas untuk setiap projek berkenaan adalah seperti berikut:-

i. Penerimaan dana

Dana yang diterima akan dikredit kepada KW.

ii. Perbelanjaan modal

- Jumlah bersamaan perbelanjaan yang diasetkan dibuat pindahan dari Lebihan Terkumpul ke Rizab Modal
- Jumlah perbelanjaan yang diasetkan direalisasi sebagai pendapatan.

iii. Perbelanjaan lain

Jumlah bersamaan perbelanjaan direalisasi sebagai pendapatan.

3.10 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan transaksi bukan tukaran

- i. Geran Kerajaan tanpa syarat pelaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila geran berkenaan dapat dipastikan penerimaannya.
- ii. Geran Kerajaan dengan syarat pelaksanaan spesifik diakaunkan sebagai pendapatan apabila terlaksana syarat-syarat berkenaan.
- iii. Kawalan binaan dan perancangan, pengeluaran lesen dan denda diiktiraf mengikut asas tunai.

Pendapatan transaksi tukaran

- i. Pendapatan faedah dari simpanan dan deposit tetap mengikut asas akruan.
- ii. Pendapatan dari kutipan sewaan adalah diiktiraf mengikut asas akruan.
- iii. Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.
- iv. Hasil jualan aset diiktiraf apabila risiko dan ganjaran signifikan telah beralih kepada pembeli.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.11 Penjejasan nilai untuk Aset Bukan Kewangan

Semakan dibuat sama ada terdapat petanda bahawa nilai dibawa aset bukan kewangan mengalami penjejasan nilai. Sekiranya ada, anggaran nilai boleh diperolehi aset berkenaan akan dilakukan.

Bagi tujuan menyemak penjejasan nilai, aset bukan kewangan dikumpulkan pada unit penjanaaan tunai (“UPT”), iaitu tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

Nilai aset boleh diperolehi semula adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama selepas kos untuk jualan dan nilai guna. Untuk mentafsir nilai guna, unjuran aliran tunai didiskaunkan pada kadar diskaun sebelum cukai yang berpandukan kepada taksiran pasaran semasa untuk aset atau UPT berkenaan.

Penjejasan nilai akan diiktiraf apabila nilai bawa untuk aset atau UPT yang berkenaan melebihi jumlah boleh diperolehi.

Pertambahan seterusnya ke atas jumlah yang boleh diperolehi oleh sesuatu aset dikira sebagai pembalikkan kerugian atas sebab pengurangan kekal terdahulu dan diambilkira setakat nilai aset yang dibawa tersebut yang sepatutnya dikira (jumlah bersih perlunasan dan susutnilai) jika kerugian atas sebab pengurangan kekal tidak diambilkira. Nilai yang diterbalikkan ini diambilkira ke lebihan atau defisit bagi tahun semasa.

3.12 Kos Pinjaman

Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan ke dalam lebihan atau defisit dalam tempoh perbelanjaan berkenaan digunakan.

3.13 Pajak

i. Sebagai pemajak

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada DBKL secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj ke lebihan atau defisit. Sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana ianya ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah tentang perolehan pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut. Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut.

Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

ii. Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana DBKL secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 3.10.

3.14 Transaksi Matawang Asing

Transaksi matawang asing dinyatakan asalnya menggunakan kadar tukaran terpakai pada tarikh transaksi berkenaan. Pemiutang atau penghutang dagangan berdominasi matawang asing pada tarikh berakhir tahun kewangan dilaporkan dengan menggunakan kadar tukaran pada hari tersebut. Perbezaan tukaran hasil dari penyelesaian dengan pemiutang, atau dari pelaporan semula pemiutang pada kadar yang berbeza dari apa yang dilaporkan sebelumnya, diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dalam tempoh perbezaan berkenaan timbul.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.15 Maklumat Bajet

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan DBKL yang didedahkan di dalam satu penyata.

3.16 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian mendasari disemak secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

(a) Pertimbangan

Dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan:-

i. Penjejasan Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual

Semakan dibuat ke atas Aset Kewangan Sedia Dijual pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada wujudnya bukti yang objektif bahawa penjejasan nilai telah dialami. Sekiranya terdapat petunjuk-petunjuk atau bukti yang objektif, pelaburan berkenaan tertakluk kepada semakan penjejasan nilai. Dalam menjalankan semakan penjejasan nilai, pertimbangan adalah diperlukan. Penentuan sama ada pelaburan mengalami penjejasan nilai adalah berdasarkan petunjuk tertentu seperti, antara lain, penurunan berpanjangan dalam nilai saksama, masalah kewangan yang ketara oleh penerbit atau penanggung terbitan, kehilangan pasaran dagangan yang aktif dan kemerosotan kualiti kredit penerbit atau penanggung terbitan.

ii. Penjejasan Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Semakan dibuat ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan secara individu pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada penjejasan nilai perlu direkodkan ke lebihan atau defisit. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah kualiti kredit, tahap tunggakan, penggunaan kredit, nisbah pinjaman kepada cagaran, nilai cagaran dan sebagainya.

(b) Anggaran dan Andaian

Andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama terhadap ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan material kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang, diterangkan di bawah. Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan andaian dan menganggarkan pada parameter yang tersedia. Anggaran dan andaian yang digunakan dibuat semakan sepanjang masa. Keadaan dan andaian yang ada tentang perkembangan masa hadapan, bagaimanapun, mungkin berubah. Perubahan kepada anggaran tersebut diiktiraf dalam tempoh kewangan kajian semula dibuat dan juga mana-mana tempoh kewangan hadapan yang terlibat.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

i. Penjelasan Nilai Atas Aset Kewangan Sedia Dijual

Nilai Atas Ekuiti

Bagi pelaburan ekuiti, penjelasan nilai terbit kerana wujud penurunan ketara dalam nilai saksama sekuriti di bawah kos asal atau penurunan nilai saksama yang berlanjutan bagi sekuriti yang berada di bawah kos asal.

ii. Penjelasan Nilai Atas Aset Kewangan Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan

Dalam menentukan penjelasan nilai ke atas Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan, anggaran dibuat ke atas jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan. Dalam menganggarkan aliran tunai ini, pertimbangan dibuat mengenai peminjam atau keadaan kewangan pelanggan dan nilai boleh direalisasi bersih cagaran.

3.17 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di kalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- (i) Dalam keadaan pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- (ii) Dalam ketiadaan keadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati, digunakan untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- Tahap 1 - Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa
- Tahap 2 - Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung yang boleh diperhatikan
- Tahap 3 - Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan)

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf secara berulang di dalam penyata kewangan, DBKL menentukan sama ada pemindahan telah berlaku di antara tahap hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

4. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2019 RM	2018 RM
Penghutang cukai taksiran	327,452,855	329,347,901
Penghutang lain	2,752,913	1,620,910
	330,205,768	330,968,811
Tolak: Peruntukan penjejasan nilai	(36,494,839)	(85,886,686)
	293,710,929	245,082,125

4(a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:-

	2019 RM	2018 RM
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai	100,050,934	25,737,596
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	75,831,531	91,913,048
3 hingga 6 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	117,828,465	127,431,481
Lebih dari 6 tahun dan tidak dijejasnilai	36,494,838	85,886,686
	330,205,768	330,968,811
Dijejasnilai (Nota 4(a)(iii))	(36,494,839)	(85,886,686)
	293,710,929	245,082,125

- (i) *Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai*
Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan DBKL.
- (ii) *Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai*
Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, DBKL yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk penjejasan nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.
- (iii) *Penghutang yang dijejasnilai*
Penghutang yang dijejasnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian penjejasan nilai penghutang adalah seperti berikut:-

	2019 RM	2018 RM
Pada 1 Januari	85,886,686	85,079,656
Caj pada tahun kewangan semasa	-	1,506,338
Hapuskira kerugian penjejasan nilai	(49,391,847)	(699,308)
Pada 31 Disember	36,494,839	85,886,686

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dijejasnilai, kerana berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, DBKL menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2019 RM	2018 RM
Penghutang hartanah	17,497,373	41,829,975
Penghutang sewaan (Nota 5(b))	359,202,086	369,007,766
Penghutang jualan	42,398,011	98,502,883
Penghutang perkhidmatan dan utiliti	117,054,704	79,205,864
Penghutang projek penswastaan	175,298,804	178,224,087
Penghutang pelbagai	55,149,788	122,498,321
Hasil faedah terakru	113,855,876	86,773,647
Pinjaman kakitangan	7,840,559	7,812,967
Cagaran	4,606,606	4,606,606
Bayaran terdahulu	67,679,048	109,522,415
	960,582,855	1,097,984,531
Tolak: Peruntukan penjejasan nilai	(192,801,269)	(91,633,451)
	767,781,586	1,006,351,080
Diterakan sebagai:-		
Aset semasa	530,987,289	777,726,833
Aset bukan semasa	236,794,297	228,624,247
	767,781,586	1,006,351,080

5 (a) Analisis pengumuran

Analisis pengumuran adalah seperti berikut:-

	2019 RM	2018 RM
Belum tertunggak dan tidak dijejasnilai	434,916,695	470,720,560
1 hingga 3 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	269,662,412	260,843,651
3 hingga 6 tahun tertunggak dan tidak dijejasnilai	124,552,170	178,272,570
Lebih dari 6 tahun dan tidak dijejasnilai	131,451,578	188,147,750
	960,582,855	1,097,984,531
Dijejasnilai (Nota 5(a)(iii))	(192,801,269)	(91,633,451)
	767,781,586	1,006,351,080

- (i) *Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai*
Penghutang yang belum tertunggak dan tidak dijejasnilai merupakan penghutang yang mempunyai kepercayaan kredit dan mempunyai rekod pembayaran yang baik dengan DBKL.
- (ii) *Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai*
Penghutang yang telah tertunggak tetapi tidak dijejasnilai merujuk kepada penghutang dengan corak pembayaran balik yang lebih perlahan. Berdasarkan pengalaman lalu, DBKL yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk penjejasan nilai diperlukan bagi baki tersebut memandangkan baki dinilai sebagai boleh diperolehi sepenuhnya.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

5. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA (SAMBUNGAN)

5 (a) Analisis pengumuran (sambungan)

(iii) *Penghutang yang dijejasnilai*

Penghutang yang dijejasnilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan dalam akaun peruntukan kerugian penjejasan nilai penghutang adalah seperti berikut:-

	2019 RM	2018 RM
Pada 1 Januari	91,633,451	96,679,321
Caj pada tahun kewangan semasa	105,751,723	8,870,240
Hapuskira kerugian penjejasan nilai	(3,557,837)	(13,916,110)
Reklasifikasi faedah tertanggung	(1,026,068)	-
Pada 31 Disember	192,801,269	91,633,451

Penghutang ini telah dikenalpasti secara individu untuk dijejasnilai kerana, berdasarkan kepada penilaian pada tarikh pelaporan, DBKL menganggarkan hutang ini tidak dapat dipungut semula.

5 (b) Penghutang sewaan

Termasuk di dalam penghutang sewaan adalah transaksi pajakan kewangan di mana pihak DBKL bertindak sebagai pemberi pajak. Bayaran pajakan kewangan belum terima adalah seperti berikut:-

Penghutang sewaan

	2019 RM	2018 RM
Dalam masa setahun	147,198,908	157,004,588
Antara 2 hingga 5 tahun	27,000,000	27,000,000
Selepas 5 tahun	185,003,178	185,003,178
	359,202,086	369,007,766

6. INVENTORI

	2019 RM	2018 RM
Peralatan Bengkel	3,186,860	3,756,579
Alat Tulis	96,086	124,029
Buku Resit	161,831	126,511
Lain-lain	-	26,343
	3,444,777	4,033,462

Inventori dinyatakan pada kos dan diiktiraf di dalam lebihan dan defisit pada tahun semasa.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

7. HARTANAH, LOJIDAN PERALATAN

	Tanah dan bangunan* RM	Infrastruktur [^] RM	Kenderaan dan jentera RM	Peralatan dan komputer RM	Gerai perniagaan RM	Taman dan rekreasi RM	Kerja dalam proses RM	2019 RM	2018 RM
Kos									
Pada awal tahun	3,158,623,596	5,692,806,250	248,065,832	365,936,418	104,851,269	138,126,745	2,004,217,640	11,712,627,750	11,126,942,675
Pembelian	-	-	7,375,264	6,058,019	-	-	128,309,076	141,742,359	694,403,997
Permodalan	62,218,103	-	-	59,657,558	3,830,236	1,870,821	258,798,779	386,375,497	2,892,181
Pelupusan	(162,956,492)	-	(6,166,899)	-	-	-	(1,184,142)	(170,307,533)	(170,783,479)
Pembalikan tanah yang dijual**	-	-	-	-	-	-	-	-	59,172,376
Reklasifikasi	757,052,038	-	(11,189,347)	11,189,347	-	-	-	757,052,038	-
Pada akhir tahun	3,814,937,245	5,692,806,250	238,084,850	442,841,342	108,681,505	139,997,566	2,390,141,353	12,827,490,111	11,712,627,750
Susutnilai terkumpul									
Pada awal tahun	655,412,061	297,437,460	216,159,410	319,268,116	53,336,311	19,680,359	-	1,561,293,717	1,393,867,672
Susutnilai tahun semasa	64,260,617	109,108,177	13,121,127	19,178,788	8,685,179	2,762,637	-	217,116,525	214,549,237
Pelupusan	(11,116,830)	-	(5,029,424)	-	-	-	-	(16,146,254)	(49,771,524)
Pembalikan tanah yang dijual**	-	-	-	-	-	-	-	-	2,648,332
Pada akhir tahun	708,555,848	406,545,637	224,251,113	338,446,904	62,021,490	22,442,996	-	1,762,263,988	1,561,293,717
Nilai bawa bersih									
Pada 31.12.2019	3,106,381,397	5,286,260,613	13,833,737	104,394,438	46,660,015	117,554,570	2,390,141,353	11,065,226,123	-
Pada 31.12.2018	2,503,211,535	5,395,368,790	31,906,422	46,668,302	51,514,958	118,446,386	2,004,217,640	-	10,151,334,033
Susutnilai dikenakan bagi tahun berakhir 31.12.2018	51,396,208	118,209,247	14,102,893	19,421,881	2,744,286	8,674,722	-	-	214,549,237

** Pada 2018, terdapat pembatalan penjualan tanah berikut arahan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

* Tanah dan bangunan terdiri daripada berikut:-

	<u>Tanah milik bebas</u> RM	<u>Tanah pajakan</u> RM	<u>Bangunan</u> RM	<u>Rumah pangsas dan rumah panjang</u> RM	<u>Jumlah 2019</u> RM
<u>Kos</u>					
Pada awal tahun	231,027,814	397,135,626	1,919,478,792	610,981,364	3,158,623,596
Permodalan	19,032,938	40,221,999	2,963,166	-	62,218,103
Pelupusan	(78,003,559)	(32,455,838)	(8,408,469)	(44,088,626)	(162,956,492)
Reklasifikasi dari aset untuk dijual #	-	-	34,076	757,017,962	757,052,038
Pada akhir tahun	172,057,193	404,901,787	1,914,067,565	1,323,910,700	3,814,937,245
<u>Susutnilai terkumpul</u>					
Pada awal tahun	-	33,372,528	396,955,556	225,083,977	655,412,061
Susutnilai bagi tahun kewangan	-	3,916,050	35,513,504	24,831,063	64,260,617
Pelupusan	-	(519,045)	(1,034,498)	(9,563,287)	(11,116,830)
Pada akhir tahun	-	36,769,533	431,434,562	240,351,753	708,555,848
<u>Nilai bawa bersih</u>					
Pada 31.12.2019	172,057,193	368,132,254	1,482,633,003	1,083,558,947	3,106,381,397

Aset hartanah untuk dijual berjumlah RM757,052,038 direklasifikasi sebagai aset hartanah, loji dan peralatan pada tahun semasa.

^ Infrastruktur terdiri daripada berikut:-

	<u>Jalanraya</u> RM	<u>Parit</u> RM	<u>Jambatan</u> RM	<u>Jejantas</u> RM	<u>Jumlah 2019</u> RM
<u>Kos</u>					
Pada awal tahun	1,954,643,460	946,815,504	2,631,646,246	159,701,040	5,692,806,250
Tambahan	3,695,322	-	(3,695,322)	-	-
Pada akhir tahun	1,958,338,782	946,815,504	2,627,950,924	159,701,040	5,692,806,250
<u>Susutnilai terkumpul</u>					
Pada awal tahun	95,206,286	52,751,149	141,567,574	7,912,451	297,437,460
Susutnilai bagi tahun kewangan	34,418,827	18,936,310	52,559,019	3,194,021	109,108,177
Pada akhir tahun	129,625,113	71,687,459	194,126,593	11,106,472	406,545,637
<u>Nilai bawa bersih</u>					
Pada 31.12.2019	1,828,713,669	875,128,045	2,433,824,331	148,594,568	5,286,260,613

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

8. ASET KEWANGAN LAIN

	2019 RM	2018 RM
Pegangan saham		
- Tersiar harga, pada nilai saksama	14,328,000	11,862,000
- Tidak tersiar harga, pada kos	100,000	100,000
Pelaburan unit amanah, pada nilai saksama	93,386,868	112,605,012
	107,814,868	124,567,012
Peruntukan penjejasan nilai:-		
Pegangan saham tidak tersiar harga	(100,000)	(100,000)
	107,714,868	124,467,012
<u>Nilai pasaran pada 31 Disember</u>		
Pegangan saham tersiar harga	14,328,000	11,862,000
Pelaburan unit amanah	93,386,868	112,605,012
	107,714,868	124,467,012

Aset kewangan lain merujuk kepada aset kewangan pada nilai saksama melalui lebih atau defisit.

9. ASET HARTANAH UNTUK DIJUAL

	2019 RM	2018 RM
Dinyatakan pada kos	3,020,283	83,799,724
Dinyatakan pada nilai realisasi bersih	-	676,272,599
	3,020,283	760,072,323

Aset hartanah untuk dijual berjumlah RM757,052,038 direklasifikasi sebagai aset hartanah, loji dan peralatan pada tahun semasa.

10. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	2019 RM	2018 RM
Pemiutang pelbagai	790,982,107	1,123,263,399
Bayaran terakru	8,265,672	13,074,647
Cagaran	232,872,879	224,801,078
	1,032,120,658	1,361,139,124

11. PENDAPATAN TERTUNDA

	2019 RM	2018 RM
Pada awal tahun	715,923,713	400,179,243
Penambahan	456,941,356	492,787,224
Pembatalan penjualan	(100,000)	(13,634,248)
Direalisasi ke hasil	(170,221,176)	(163,408,506)
Pada akhir tahun	1,002,543,893	715,923,713

Pendapatan tertunda merujuk kepada penerimaan jualan aset yang mana proses penjualan belum selesai dan faedah atas jualan rumah.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

12. PINJAMAN

	2019 RM	2018 RM
<u>Pinjaman tidak bercagar dari Kerajaan Malaysia</u>		
Pinjaman I	106,383,248	109,154,181
Pinjaman II	1,119,435	1,842,130
Pinjaman III	2,003,387	1,536,125
	109,506,070	112,532,436
<u>Dibayar dalam setahun</u>		
Dibayar dalam setahun	3,174,443	3,026,367
Dibayar antara 2 hingga 5 tahun	12,466,047	12,456,924
Dibayar selepas 5 tahun	93,865,580	97,049,145
	109,506,070	112,532,436
<u>Diterakan sebagai:-</u>		
Liabiliti semasa	3,174,443	3,026,367
Liabiliti bukan semasa	106,331,627	109,506,069
	109,506,070	112,532,436

Pinjaman I

Pinjaman ini dikenakan kadar faedah 5% (2018: 5%) setahun.

Pada 19 Januari 1995, satu perjanjian telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan dan DBKL untuk menyusun semula tempoh bayaran balik. Mulai 1 Januari 1994, tiada faedah akan dikenakan ke atas baki pinjaman yang dijadual semula ini.

Pada 28 Mac 1997, satu perjanjian tambahan telah ditandatangani untuk menyusun semula tempoh bayaran balik baki pinjaman akibat daripada penyelesaian pinjaman sebanyak RM6,929,462 pada 30 Oktober 1996.

Berdasarkan penjadualan semula, pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM2,575,526 setiap 4 bulan untuk tempoh selama 47 tahun.

Pinjaman II

Kadar faedah dikenakan adalah 4% (2018: 4%) setahun. Pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM612,385 setiap tahun untuk tempoh selama 30 tahun.

Pinjaman III

Kadar faedah dikenakan adalah 6% (2018: 6%) setahun. Pinjaman ini perlu dibayar balik secara ansuran sebanyak RM312,390 setiap tahun untuk tempoh selama 30 tahun.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

13. PENERIMAAN TERDAHULU

	2019 RM	2018 RM
Sewa pajakan terima terdahulu	99,870,443	102,356,726
Bayaran kemajuan daripada pemaju	26,590,871	110,732,237
	126,461,314	213,088,963
Diterakan sebagai:-		
Liabiliti semasa	1,250,676	1,235,607
Liabiliti bukan semasa	125,210,638	211,853,356
	126,461,314	213,088,963

- i. Sewa pajakan terima terdahulu merupakan premium tanah yang dibayar oleh pemaju-pemaju yang memajak tanah daripada DBKL untuk projek pembangunan. Premium tanah akan diiktiraf sebagai hasil sewa pajakan mengikut tempoh pajakan tanah yang termaktub dalam perjanjian dengan pemaju.
- ii. Bayaran kemajuan daripada pemaju merupakan bayaran untuk kegunaan tanah DBKL mengikut ansuran yang termaktub dalam perjanjian yang ditandatangani. Bayaran kemajuan ini akan direalisasikan sebagai hasil pulangan projek mengikut tahap kemajuan projek berkenaan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

14. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2019 RM	2018 RM
Pada awal tahun	43,872,623	45,041,106
Peruntukan tahun semasa	4,290,777	4,232,970
Pembayaran tahun semasa	(3,705,062)	(5,401,453)
Pada akhir tahun	44,458,338	43,872,623
Diterakan di Penyata Kedudukan Kewangan sebagai:-		
Liabiliti semasa	4,539,291	4,393,838
Liabiliti bukan semasa	39,919,047	39,478,785
Nilai semasa obligasi tidak berdana	44,458,338	43,872,623

Peruntukan yang diambil kira dalam penyata prestasi kewangan pada tahun semasa adalah seperti berikut:-

Peruntukan tahun semasa GCR

	2019 RM	2018 RM
Kos perkhidmatan semasa	2,279,737	2,232,138
Kos faedah	2,011,040	2,000,832
	4,290,777	4,232,970

Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari pada tahun semasa adalah seperti berikut:-

Andaian utama GCR

	2019 %	2018 %
Kadar diskaun	4.8	4.8
Kadar kenaikan gaji	5.0	5.0

Peruntukan manfaat kakitangan merujuk kepada pelan manfaat persaraan yang membenarkan kakitangan mengumpul cuti tahunan yang boleh ditukarkan kepada wang tunai di mana bayaran sekaligus dibuat pada tarikh persaraan wajib atau lebih awal melalui persaraan pilihan, persaraan disebabkan kesihatan atau meninggal dunia dalam perkhidmatan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

15. KUMPULAN WANG

Kumpulan wang terdiri daripada berikut:-

- (i) Kumpulan wang pembangunan dan penyelenggaraan (“P&P”)
- (ii) Tabung penyelenggaraan Malaysia (“TP1M”)
- (iii) Kumpulan wang pembangunan rumah awam (“PRA”)
- (iv) Akaun pengurusan Desa Tasik (“PDT”)
- (v) Bantuan penyelenggaraan KPKT (“KPKT”)
- (vi) Peruntukan Pilihanraya Umum (“PRU”)
- (vii) Terimaan lain dari pihak swasta (“TLS”)

	<u>P&P</u> RM	<u>TP1M</u> RM	<u>PRA</u> RM	<u>PDT</u> RM	<u>KPKT</u> RM	<u>PRU</u> RM	<u>TLS</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
Pada 1 Januari 2018	253,791,554	21,084,199	6,372,587	228,096	5,551	-	-	281,481,987
Terimaan dari Kerajaan	334,934,427	-	-	-	-	804,880	11,234,528	346,973,835
Terimaan dari pihak swasta	302,377	-	-	-	-	-	-	302,377
Bayaran tahun semasa	-	-	-	-	-	(737,182)	-	(737,182)
Direalisasi sebagai hasil	(407,466,750)	(6,948,786)	(76,232)	-	-	-	-	(414,491,768)
Pada 31 Disember 2018	181,561,608	14,135,413	6,296,355	228,096	5,551	67,698	11,234,528	213,529,249
Pada 1 Januari 2019	181,561,608	14,135,413	6,296,355	228,096	5,551	67,698	11,234,528	213,529,249
Terimaan dari Kerajaan	557,824,570	382,000	-	-	-	-	3,863,916	562,070,486
Terimaan dari pihak swasta	17,350,612	-	-	-	-	-	6,673,157	24,023,769
Bayaran tahun semasa	-	-	-	-	-	(67,698)	(2,064,348)	(2,132,046)
Direalisasi sebagai hasil	(380,279,593)	(11,150,575)	-	-	-	-	-	(391,430,168)
Pada 31 Disember 2019	376,457,197	3,366,838	6,296,355	228,096	5,551	-	19,707,253	406,061,290

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

16. KOS KAKITANGAN

	2019 RM	2018 RM
Emolumen	464,889,359	470,385,830
Elaun lebih masa	65,902,059	62,529,480
	530,791,418	532,915,310

17. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2019 RM	2018 RM
Pengurusan dan pentadbiran	206,821,455	207,922,604
Pembersihan bandar	224,718,900	229,745,317
Penghijauan, penyelenggaraan taman, tanah lapang dan taman rekreasi	57,392,241	62,837,523
Penyelenggaraan jalan raya dan saliran	98,403,892	130,043,795
Penyelenggaraan lampu jalan dan kemudahan sistem lalulintas	89,858,902	73,314,045
Penyelenggaraan tempat letak kereta, hentian bas dan siarkaki	13,937,372	5,670,236
Penyelenggaraan, naik taraf dan ubahsuai bangunan	34,540,376	35,644,628
Perkhidmatan penjaja dan peniaga kecil	26,099,323	22,943,493
Penguatkuasaan	18,416,225	24,979,663
Penyelenggaraan perumahan awam dan rakyat	118,895,030	154,311,493
Kesihatan awam dan alam sekitar	4,869,873	5,811,360
Pembangunan komuniti	40,238,580	50,517,215
Kebudayaan, kesenian dan sukan	5,633,118	12,224,992
Penggalakan pelancongan	1,578,746	1,898,812
	941,404,033	1,017,865,176

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

18. PERBELANJAAN MENGRUS LAIN

	2019 RM	2018 RM
Aset kecil	4,854,200	3,214,596
Peruntukan hutang ragu	87,837,515	2,652,867
Hapuskira barang lama	10,983,890	195,113
Kurangan atas nilai pasaran saham	546,648	37,203,710
Cukai tanah dan insurans	8,859,425	10,748,779
Yuran badan professional	50,232	151,787
Sewa pajakan	430,515	797,557
Bayaran kerja ukur	39,555	7,510
Rebat elaun kosong cukai pintu	21,916,257	16,443,423
Perbelanjaan cukai barang dan perkhidmatan	-	43,278,476
Peruntukan penjejasan nilai aset untuk dijual	-	133,202,534
Hapuskira projek penswastaaan ^^	134,771,442	-
Lain-lain perbelanjaan mengurus	60,706,834	1,949,570
	330,996,513	249,845,922

^^ Hapuskira projek penswastaaan adalah disebabkan oleh pertukaran status penjualan tanah.

19. BELANJA PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN

Belanja pembangunan merupakan kerja-kerja yang tidak dipermodalkan dan bersifat penyelenggaraan.

	2019 RM	2018 RM
Pembangunan am	158,649,096	235,961,289
Perkhidmatan kemajuan	577,829,434	354,768,264
Perumahan	19,602,308	102,626,569
Tempat letak kereta	296,878	707,958
Aset modal	1,928,666	4,292,465
Belanja cukai barang dan perkhidmatan projek pembangunan	-	117,136,048
	758,306,382	815,492,593

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

20. INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu pihak perniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

20.1 Kategori instrumen kewangan

	Pinjaman dan belum terima	Nilai saksama melalui lebih atau defisit	Liabiliti kewangan pada kos terlunas	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
2019				
Aset kewangan				
Baki bank dan wang tunai	93,592,059	-	-	93,592,059
Deposit tetap di institusi kewangan	6,720,200,202	-	-	6,720,200,202
Urusniaga pertukaran belum terima	653,925,710	-	-	653,925,710
Aset kewangan lain	-	107,714,868	-	107,714,868
	7,467,717,971	107,714,868	-	7,575,432,839
Liabiliti kewangan				
Urusniaga pertukaran belum bayar	-	-	1,032,120,658	1,032,120,658
Pinjaman	-	-	109,506,070	109,506,070
	-	-	1,141,626,728	1,141,626,728
2018				
Aset kewangan				
Baki bank dan wang tunai	143,777,071	-	-	143,777,071
Deposit tetap di institusi kewangan	6,287,604,550	-	-	6,287,604,550
Urusniaga pertukaran belum terima	919,577,433	-	-	919,577,433
Aset kewangan lain	-	124,467,012	-	124,467,012
	7,350,959,054	124,467,012	-	7,475,426,066
Liabiliti kewangan				
Urusniaga pertukaran belum bayar	-	-	1,361,139,124	1,361,139,124
Pinjaman	-	-	112,532,436	112,532,436
	-	-	1,473,671,560	1,473,671,560

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

20. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

20.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

DBKL terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Polisi pengurusan risiko kewangan DBKL adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti operasi di samping menguruskan risiko kewangan, termasuk risiko kredit, kecairan dan pasaran.

a) Risiko kredit

Risiko kredit merupakan risiko kerugian yang mungkin timbul daripada instrumen kewangan tertunggak sekiranya pihak balas memungkirkan obligasi mereka. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan setiap kelas aset kewangan.

Penghutang daripada transaksi pertukaran

Penghutang daripada transaksi pertukaran majoritinya terdiri daripada penghutang hartanah. Baki penghutang dipantau secara berterusan supaya DBKL tidak terdedah kepada risiko hutang lapuk yang signifikan.

Pendedahan kepada risiko kredit

DBKL tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang daripada transaksi pertukaran.

Penghutang daripada transaksi bukan pertukaran

Penghutang daripada transaksi bukan pertukaran majoritinya timbul daripada fungsi berkanun DBKL.

Pendedahan kepada risiko kredit

DBKL tidak terdedah kepada tumpuan risiko kredit yang ketara bagi penghutang cukai taksiran kerana terdapat bilangan pembayar cukai yang besar. Pendedahan kepada risiko kredit adalah tidak ketara kerana DBKL mempunyai hak berkanun untuk memungut cukai taksiran belum bayar di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Pinjaman kepada Kakitangan

DBKL memberi pinjaman kenderaan, komputer, pelajaran dan rawatan hospital yang tidak bercagar kepada kakitangan.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun bawaan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Risiko kredit terhadap pinjaman kakitangan adalah tidak signifikan kerana baki pinjaman belum terima diperolehi setiap bulan melalui pemotongan gaji.

b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko ketidakupayaan DBKL memenuhi obligasi yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Pendedahan DBKL kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidaksepadanan kematangan aset dan liabiliti kewangan.

Objektif DBKL adalah untuk mengekalkan tahap aliran tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk menampung keperluan modal kerjanya.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

20. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan DBKL pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada tanggungan bayaran balik yang tidak didiskaunkan mengikut kontrak adalah atas seperti berikut:-

	<u>Amaun</u> <u>bawaan</u> RM	<u>Aliran tunai</u> <u>berkontrak</u> RM	<u>Dalam</u> <u>1 tahun</u> RM	<u>1 hingga</u> <u>5 tahun</u> RM	<u>Lebih</u> <u>5 tahun</u> RM
<u>2019</u>					
Urusniaga pertukaran					
belum bayar	1,032,120,658	1,032,120,658	1,032,120,658	-	-
Pinjaman	109,506,070	195,898,773	7,960,015	31,988,781	155,949,978
	<u>1,141,626,728</u>	<u>1,228,019,431</u>	<u>1,040,080,673</u>	<u>31,988,781</u>	<u>155,949,978</u>
<u>2018</u>					
Urusniaga pertukaran					
belum bayar	1,361,139,124	1,361,139,124	1,361,139,124	-	-
Pinjaman	112,532,436	173,622,240	8,338,964	32,131,086	133,152,190
	<u>1,473,671,560</u>	<u>1,534,761,364</u>	<u>1,369,478,088</u>	<u>32,131,086</u>	<u>133,152,190</u>

c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah merupakan risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi DBKL akan menurun-naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

DBKL terdedah kepada risiko kadar faedah dari simpanan tetap dengan institusi kewangan dan bank berlesen. Simpanan tetap diletakkan pada kadar kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling menguntungkan.

DBKL juga terdedah kepada risiko kadar faedah bagi pinjaman kadar tetap yang mendedahkan DBKL kepada risiko perubahan nilai saksama.

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen berkadar tetap

DBKL tidak mengakaunkan aset dan liabiliti kewangan berkadar tetap pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit. Oleh itu, perubahan kadar faedah pada akhir tahun pelaporan tidak akan menjejaskan lebihan atau defisit.

20.3 Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai dibawa aset dan liabiliti DBKL yang diklasifikasikan sebagai semasa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama kerana sifat jangka pendek dan kesan pendiskaunan yang tidak ketara terhadap instrumen kewangan ini.

Nilai saksama aset kewangan sedia dijual yang diniagakan dalam pasaran aktif ditentukan berdasarkan rujukan kepada harga pasaran disiarharga pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Ianya tidak praktikal untuk menganggarkan nilai saksama pelaburan dalam saham tak tersiar harga kerana kekurangan harga disiarharga yang boleh dibandingkan dalam pasaran aktif dan nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti.

Aset kewangan diukur pada nilai saksama

Pegangan saham tersiarharga dan pelaburan unit amanah diukur pada nilai saksama ditentukan menggunakan input Tahap 1.

Nilai saksama pinjaman kerajaan tidak bercagar ditentukan menggunakan input Tahap 2.

Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dan Tahap 2 dalam tahun kewangan semasa. (2018: Tiada pindahan).

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

21. PENGURUSAN MODAL

Bagi tujuan pengurusan modal DBKL, modal merujuk kepada ekuiti, termasuk lebih terkumpul dan segala rizab ekuiti. Ekuiti diwakili oleh aset bersih.

DBKL menguruskan modal dengan mengikuti peruntukan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, 1976.

DBKL sentiasa menyemak semula dan menguruskan modalnya untuk memastikan kecukupan bagi keperluan kendalian dan modal. Tiada perubahan dalam pendekatan DBKL untuk pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

22. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Identiti pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, sesuatu pihak adalah dianggap berkaitan kepada DBKL sekiranya DBKL mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak tersebut atau mempunyai pengaruh signifikan terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau dimana DBKL dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti DBKL sama ada secara langsung atau tidak langsung dan entiti yang menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada DBKL. Kakitangan pengurusan utama termasuk semua Pengarah DBKL, dan Ahli Pengurusan Tertinggi DBKL.

22.1 Transaksi pihak berkaitan

Semua urusan niaga pihak berkaitan yang dijalankan oleh DBKL pada tahun semasa berlaku dalam hubungan normal pelanggan atau pembekal dan di bawah terma yang sama yang digunakan dalam urusan niaga tulus untuk keadaan yang sama.

22.2 Gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi

	2019		2018	
	Bilangan	RM	Bilangan	RM
Ahli Lembaga Penasihat	15	305,650	12	199,500
Pengurusan Tertinggi	51	8,940,677	52	8,382,156
	66	9,246,327	64	8,581,656

Pada tahun 2018, bilangan ahli lembaga penasihat tidak dipenuhi sepanjang bulan Ogos sehingga Oktober manakala pada tahun semasa bilangan ahli lembaga penasihat adalah penuh sepanjang tahun.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

23. KOMITMEN MODAL

	2019 RM	2018 RM
Perbelanjaan modal		
Diluluskan dan telah/belum dikontrakkan	1,870,762,171	2,274,229,968

Komitmen modal merupakan anggaran baki kos projek pembangunan dibawah pembiayaan DBKL yang telah diluluskan dan telah/belum dikontrakkan setelah mengambil kira belanja terkumpul dan bajet pembangunan tahun berikutnya.

DBKL mempunyai komitmen lain berkaitan pembelian semula Aset Hartanah untuk Dijual (Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat) jika sekiranya terdapat pembeli yang tidak dapat melunaskan bayaran pinjaman selama 6 bulan sepanjang tempoh pembiayaan kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP).

Jumlah komitmen tidak dapat dianggarkan kerana ianya bergantung kepada kemungkiran pembeli.

24. LIABILITI LUAR JANGKA

DBKL menghadapi beberapa tindakan undang-undang daripada pihak luar. Di antaranya adalah seperti berikut:-

- (i) Satu kes tuntutan ganti rugi sebanyak RM14,211,355.00 kerana halangan ke atas pemilik bagi meneruskan projek pembangunan atas tanah persendirian dan bagi mendapatkan perintah supaya DBKL mengalihkan semula longkang konkrit di bawah tanah yang dimiliki oleh pemilik-pemilik suatu tanah lot di Jalan Sentul, Kuala Lumpur dan mengembalikan semula keadaan hartanah tersebut dalam bentuk asal.
- (ii) Satu kes tuntutan ganti rugi sebanyak RM15,000,000.00 berkaitan dengan cadangan pembinaan sebuah restoran 2 tingkat sementara di Jalan Medan Imbi, Kuala Lumpur. Status penyewaan tanah dipertikaikan kerana status tanah masih Lesen Menduduki Sementara (LMS) dan belum diberimilik kepada DBKL.
- (iii) Pemilik sebidang tanah lot di Taman Tun Dr. Ismail menuntut ganti rugi sebanyak RM143,000,000.00 kerana selepas Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL2020) diwartakan, lot tanahnya telah dizonkan sebagai kemudahan masyarakat (zoning kawasan lapang). Tindakan undang-undang diambil kerana syarat nyata bagi tanah adalah bangunan perdagangan untuk tadika sahaja dan zoning dalam PBRKL2020 adalah tidak selaras dengan syarat nyata tanah dan pembangunan sedia ada di tapak.
- (iv) Tindakan undang-undang oleh syarikat kontraktor bagi menuntut ganti rugi sebanyak RM91,637,303.24 disebabkan penamatan kerja-kerja mengkompaun kesalahan dan kapit tayar kenderaan pada 2018 berkaitan perjanjian perkhidmatan sistem tempat letak kereta awam.
- (v) Selepas pembatalan pembangunan suatu Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kg. Pandan (Indian Settlement), perunding akitek yang dilantik telah menuntut ganti rugi sebanyak RM1,044,470.18 bagi baki fi bayaran perkhidmatan reka bentuk yang didakwa telah dipotong secara salah dan tidak berasas oleh DBKL.
- (vi) Tuntutan ganti rugi sebanyak RM23,740,419.58 terhadap DBKL selepas penamatan suatu kontrak projek tempat letak kereta bertingkat di kawasan-kawasan perumahan awam sekitar Kuala Lumpur pada 2018.
- (vii) Tindakan undang-undang bagi menuntut ganti rugi sebanyak RM2,130,334.13 berkenaan pembatalan perjanjian suatu projek menaiktaraf dan mengindahkan kawasan Lebu Ampang, Kuala Lumpur di bawah Projek Heritage Trail 5 pada 2016.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

24. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

- (viii) Syarikat kontraktor utama bagi suatu projek di bawah Heritage Trail 5 di kawasan sekitar Bulatan Dato' Onn, Bank Negara telah ditamatkan pada 2017. Syarikat sub-kontraktor yang dilantik telah memulakan tindakan undang-undang menuntut ganti rugi sebanyak RM960,461.50 bagi baki bayaran kerja-kerja jajaran semula (relocation) utiliti terhadap DBKL.
- (ix) Tindakan undang-undang bagi tuntutan ganti rugi sebanyak RM77,465,018.41 melibatkan pembatalan tawaran penjualan tanah di Taman Desa Aman, Kuala Lumpur.
- (x) DBKL telah mengeluarkan surat tawaran penyewaan tapak suatu kawasan rentis TNB di Setapak, Kuala Lumpur kepada sebuah pertubuhan bukan kerajaan. Apabila permohonan Lesen Menduduki Sementara tapak tersebut ditolak oleh pihak berkuasa berkenaan, notis penamatan penyewaan dan pengosongan tapak telah dikeluarkan oleh DBKL kepada pertubuhan pada 2019. Tindakan undang-undang telah diambil oleh pertubuhan tersebut bagi menuntut ganti rugi sebanyak RM2,529,314.00 atas penamatan tawaran penyewaan dan pengosongan tapak tersebut.
- (xi) Suatu saman mahkamah bagi tuntutan ganti rugi sebanyak RM3,647,228.00 akibat operasi roboh dan pengalihan barang-barang kitar semula serta barang lusuh yang dijalankan oleh DBKL, atas dakwaan pencerobohan premis pemilik secara salah, kecuai, pelanggaran kewajipan statutori dan salah laku pegawai-pegawai awam.

Oleh kerana keputusan ke atas kes-kes tersebut masih belum diketahui, kesan kewangan ke atas akaun, sekiranya ada, belum dapat ditentukan dengan pasti.

25. NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

- (i) Bajet diluluskan berdasarkan asas tunai mengikut klasifikasi fungsi yang terdiri daripada objek dan program. Bajet yang diluluskan adalah meliputi tempoh fiskal daripada 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019, dan termasuk semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam DBKL.
- (ii) Bajet asal telah diluluskan oleh Menteri Wilayah selaku Pihak Berkuasa Negeri mengikut seksyen 55(5) dan seksyen 16(1) Akta Kerajaan Tempatan, 1976 pada 4 Disember 2018. Manakala bajet tambahan telah diluluskan pada 19 November 2019 oleh Menteri Wilayah selaku Pihak Berkuasa Negeri mengikut seksyen 56 Akta Kerajaan Tempatan, 1976.
- (iii) DBKL menggunakan asas perakaunan yang berbeza dalam penyediaan bajet dan penyata kewangan. Bajet disediakan mengikut asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akrual. Namun begitu, persembahan butiran atau item bajet di dalam Penyata Prestasi Kewangan adalah sama seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi memudahkan perbandingan amaun bajet dan perbelanjaan sebenar dibuat.
- (iv) Jumlah terimaan hasil sebenar meningkat sebanyak 19% berbanding amaun bajet akhir. Peningkatan hasil daripada kawalan binaan dan perancangan menyumbang sebanyak 30% peningkatan yang disebabkan oleh tiada lagi pemberian insentif 50% ke atas permohonan merancang berkuatkuasa mulai tahun 2018. Selain itu, bantuan daripada kerajaan pula meningkat kerana DBKL telah menerima peruntukan khas MARRIS pada tahun 2019. Bagi peningkatan lain-lain hasil, ianya disumbang oleh terimaan hasil jualan hartanah yang diterima pada tahun 2019.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2019

25. NOTA KEPADA PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR (SAMBUNGAN)

- (v) Kurangan perbelanjaan sebenar bagi belanja mengurus sebanyak 9% (RM1,539,979,604) daripada bajet akhir yang diperuntukkan (RM1,694,113,500) adalah disebabkan langkah-langkah penjimatan dan pebelanjaan berhemah (value for money) yang dilaksanakan oleh DBKL selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PB 3.1), Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang dikuatkuasakan pada 11 Mac 2016 oleh Kerajaan Persekutuan.
- (vi) Tambahan sebanyak 9% bajet akhir belanja pembangunan kepada RM1,314,836,200 berbanding bajet asal iaitu RM1,202,186,500 adalah disebabkan oleh kenaikan peruntukan bagi projek penyuraian trafik dan kerja-kerja naiktaraf Jalan Tun Razak dari Jalan Langgak Golf ke Bulatan Kampung Pandan dan projek Perumahan Awam Council Home Kg. Sungai Udang, Segambut. DBKL telah menggunakan sumber dalaman bagi menampung perbelanjaan tambahan tersebut. Kesan daripada penggunaan sumber dalaman DBKL ini telah menyebabkan defisit dalam bajet akhir.
- (vii) Perbandingan bajet akhir dan perbelanjaan sebenar belanja pembangunan seperti dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar adalah tidak menggambarkan prestasi perbelanjaan sebenar kerana perbezaan dalam asas perakaunan. Belanja pembangunan yang ditunjukkan adalah merupakan kerja-kerja yang tidak dipermodalkan dan bersifat penyelenggaraan sahaja. Manakala belanja pembangunan sebenar yang dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar adalah tunai yang dibelanjakan termasuk yang dipermodalkan.
- (viii) Penyesuaian amaun sebenar pada asas boleh banding seperti yang dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar dan amaun sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dibentangkan di bawah. Penyata kewangan dan dokumen bajet telah disediakan untuk tempoh yang sama dan entiti yang sama. Terdapat perbezaan asas seperti yang dibincangkan di nota (iii) di atas.

378

Penyesuaian Bajet

	<u>Operasi</u> RM	<u>Pelaburan</u> RM	<u>Pembiayaan</u> RM	<u>Jumlah</u> RM
Amaun sebenar pada asas boleh banding	589,782,301	(513,847,185)	51,042,774	126,977,890
Perbezaan asas	(560,136,945)	289,684,613	525,885,082	255,432,750
Seperti Penyata Aliran Tunai	29,645,356	(224,162,572)	576,927,856	382,410,640

26. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Beberapa angka perbandingan telah diklasifikasikan selaras dengan tahun semasa.

27. PERISTIWA PENTING SELEPAS TARIKH PELAPORAN - KESAN PANDEMIK COVID-19

Pada 16 Mac 2020, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke seluruh negara bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Aktiviti utama DBKL dijangka akan terjejas akibat daripada penularan wabak COVID-19 pada tahun 2020. Pada 25 Mac 2020 Menteri Wilayah Persekutuan telah melancarkan Inisiatif Wilayah Cakna bagi membantu warga Wilayah dalam menguruskan impak penularan wabak COVID-19.

Walaupun bagaimanapun, PKP yang dilaksanakan tidak memberi bukti keadaan yang wujud pada akhir tempoh pelaporan dan ia dinilai sebagai peristiwa yang tidak perlu diselaraskan.



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

JALAN RAJA LAUT, 50350 KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN.

NO. TELEFON : +603-2617 9000

NO. FAKSIMILE : +603-2698 0460

E-MEL : DBKL@DBKL.GOV.MY